

## PENDAHULUAN

Kedudukan sunnah sebagai sumber kedua selepas al-Quran dalam syariat Islam menjadikannya begitu istimewa di kalangan para ulama sejak dari zaman sahabat sehingga ke hari ini.<sup>1</sup> Usaha para sahabat memelihara hadith melalui hafazan dan catatan jelas membuktikan kesungguhan mereka dalam mempertahankan sunnah. Usaha mereka ini diteruskan dari generasi ke generasi melalui susur jalur sejarah yang panjang bermula dengan kaedah hafazan, seterusnya melalui catatan di lembaran-lembaran kertas sehingga ia dikumpul, disusun, dan dibukukan.<sup>2</sup> Hasilnya telah membawa kepada kemunculan beribu-ribu karya dalam pelbagai bidang hadith yang telah menyuburkan perkembangan dan pemakaian sunnah di dalam dunia Islam. Ia disemarakkan lagi dengan kemajuan teknologi-teknologi baru yang pesat membangun dari semasa ke semasa. Paparan teks hadith di atas kertas melalui teknologi percetakan telah menghasilkan teknik pembukuan moden yang lebih sistematik. Sejajar dengan kemajuan zaman, paparan teks hadith mula diketengahkan dalam bentuk visual elektronik melalui teknologi perkomputeran dan teknologi maklumat (ICT).

## LATAR BELAKANG MASALAH

Setelah melalui dan meninggalkan Abad Perindustrian, dunia mula melangkah masuk ke fasa kelima tamadun manusia dalam Abad Informasi dan Teknologi. Era teknologi

<sup>1</sup> Dalam menyimpulkan kedudukan dan kepentingan hadith, Imam Ahmad pernah berkata, “Mencari hukum di dalam al-Quran hendaklah melalui hadith. Mencari agama juga demikian. Satu-satunya jalan yang dibentangkan untuk mempelajari fiqh Islam dan syariatnya ialah hadith. Mereka yang mencakupi al-Quran tanpa merujuk kepada hadith dalam memahami ayat dan syariatnya, maka sesat perjalanan dan tidak akan sampai kepada maksud yang dikehendakinya. Lihat Qurrotul Aien Bt Fatah Yasin (2006), *Ilmu Mustolah Hadith*, Kuala Lumpur: ISP Shabab Trading, h. 9.

<sup>2</sup> Faisal Ahmad Shah (2010), *Takhrij Hadith, Teknik Pencarian Hadith Yang Tepat Dan Berkesan*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM, h. 115.

maklumat dan komunikasi (ICT) semakin pantas menguasai agenda pembangunan dan ekonomi.<sup>3</sup> Selari dengan kemajuan ini, dunia Islam juga menyaksikan pengajian Islam dapat disampaikan dengan mudah dan berkesan dengan beberapa aplikasi ICT yang tersedia seperti laman web atau *homepage*, perpustakaan digital, perisian atau *software* dan sebagainya.

Kepesatan pembangunan perkakasan yang disediakan ini telah memberi satu laluan mudah kepada para penuntut ilmu dalam pengajian hadith. Kewujudan beberapa perisian hadith dalam bidang perkomputeran dan telefon bimbit telah membawa ke arah kemajuan yang perlu diterokai oleh pengguna dalam usaha mempraktikkan hadith dari segala ruang dan peluang teknologi yang ada. Malah kewujudan laman web yang menyediakan perkhidmatan bagi capaian hadith menyebabkan bidang hadith yang dahulunya di anggap sebagai suatu bidang yang sukar dan memenatkan dirasai lebih ringan dan mudah. Laman web *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb adalah di antara dua laman web yang menyediakan perkhidmatan tersebut.

*Al-Durar al-Saniyyah* merupakan laman web di bawah seliaan Syaykh ‘Alawi b. ‘Abd al-Qādir al-Saqqāf. Ia menyediakan beberapa kemudahan akses dalam beberapa bidang pengajian Islam antaranya *al-Mawsū‘ah al-‘Aqadiyyah*, *al-Mawsū‘ah al-Milal wa al-Firāq*, *al-Mawsū‘ah al-Hadīthiyyah*, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah* dan *al-Mawsū‘ah al-Tārīkhīyyah*. Adapun Islamweb pada asalnya merupakan sebuah perisian pencarian hadith yang dibangunkan oleh al-Sayyid ‘Alī ‘Ubayd ‘Alī Mihrān dan al-Sayyid Aḥmad Ḥasan al-Mālikī. Perisian tersebut dikenali sebagai *Jawāmi‘ al-Kalim* yang mula

---

<sup>3</sup> Makhdzir Mardan (2000), *Mendaki Zaman Perubahan Yang Berterusan* dalam Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh (ed.), *Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat Dan Komunikasi*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 9.

dibangunkan pada tahun 1988.<sup>4</sup> Dengan bantuan daripada al-Syaykh Qāsim Darwisy Fakhrū, database *Jawāmi‘ al-Kalim* berjaya dipindahkan ke dalam Islamweb.<sup>5</sup>

Oleh kerana kedua-dua laman web ini berpotensi untuk dijadikan medium utama dalam pencarian hadith di internet,<sup>6</sup> maka sudah pasti keautoriannya harus dipelihara. Malah sewajarnya perlu dilakukan pemantauan yang kerap oleh kerana sistem yang sering terdedah dengan beberapa permasalahan seperti virus, spam, spyware, malware, penggodam dan sebagainya. Ini dikhuatiri dapat merubah beberapa maklumat sedia ada sehingga mengelirukan pengguna. Tidak dinafikan juga, kedua-dua laman web ini mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing.

Usaha yang dilakukan ke atas pembinaan laman web *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb merupakan satu usaha yang harus dipuji. Apatah lagi ia dibangunkan sebagai satu bentuk pemeliharaan sunnah dan warisan Nabi s.a.w.<sup>7</sup> di era perkembangan ICT. Namun adakah ia dapat dicapai kerana kedua-duanya menggunakan sistem yang mempunyai kelemahan dari sudut keselamatan akses. Apatah lagi pemindahan maklumat di atas kertas ke dalam bentuk digital perlu kepada kesungguhan dan komitmen yang tinggi serta pemerhatian dan penelitian yang sangat mendalam. Masakan tidak, usaha dan kegigihan para ulama untuk memelihara hadith dalam bentuk penulisan juga menemui permasalahan, apabila wujudnya kesalahan dari sudut pembacaan, perletakan baris, titik, tulisan dan sebagainya. Kesalahan ini lebih dikenali di dalam ilmu *muṣṭalah al-Hadīth* sebagai *al-Muṣahḥaf*.

---

<sup>4</sup> Al-Sharq al-Riyādī, Februari 1, 2010:7 “Menteri Wakaf Ambil Alih Mausū‘ah fi al-Hadīth al-Nabawi”.

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> Islamweb menerima kunjungan hampir 150 ribu pengunjung sehari. Ini bermakna ia menjadi tumpuan pengguna dan telah dikenali di serata dunia. *Ibid.*

<sup>7</sup> *Al-Durar al-Saniyyah*, <http://www.dorar.net/est-site>, 18 Mac 2010.

Justeru kajian ini akan mengkaji berkenaan sistem dan perkhidmatan yang disediakan pada era ICT. Kajian dijalankan untuk memperlihat perkembangan hadith yang mampu dimanfaatkan dengan kemudahan teknologi terkini seperti perisian komputer dan telefon bimbit. Seterusnya kajian akan melakukan penilaian sama ada wujudnya suatu sistem dan perkhidmatan baru yang telah di naik taraf keupayaan teknologinya sehingga mampu untuk mencapai satu piawaian keselamatan akses yang boleh menangkis segala serangan jenayah siber. Berlandaskan kepada perbahasan ulama berkenaan *hadīth al-Muṣahḥaf*, kajian ini juga akan melakukan penilaian semula terhadap aspek pemakaian hadith berdasarkan ketepatan teks dan baris matan, ketepatan teks dan baris sanad, kedudukan hadith di dalam kitab dan bab, *rāwi al-A'lā* dan *al-Muhaddith*. Sesuai dengan pendekatan *takhrij*, kajian ini juga akan melihat bagaimana kaedah pencarian hadith menggunakan kedua-dua laman web. Selain itu, analisis laman web *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb dilakukan dengan memberi tumpuan terhadap segala aspek yang menjadi penanda aras terhadap ciri-ciri sebuah laman web yang baik dan berguna. Analisis ini dilakukan bagi mengenal pasti setiap kelebihan dan kekurangan yang ada.

## PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah perkembangan hadith di era teknologi dan apakah fungsi perisian laman web dalam memastikan pemakaian hadith di ruangan siber dijamin pemeliharaannya?
2. Apakah kaedah pencarian hadith melalui *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb? Adakah ia sebuah laman web yang boleh dijadikan sumber rujukan yang mutlak?

3. Adakah hadith-hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb bertepatan dengan matan di dalam kitab asal yang boleh dijadikan sumber rujukan?

## **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Menilai laman web yang menyediakan kemudahan pencarian hadith, perisian-perisian komputer dan telefon bimbit termasuk penilaian terhadap sistem keselamatan akses perisian laman web.
2. Mengenalpasti kaedah *takhrij* melalui laman web *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb, di samping menganalisis setiap daripada keistimewaan dan kelemahan kedua-dua laman web ini sebagai salah satu medium capaian hadith yang pantas dan mudah.
3. Menganalisi ketepatan hadith-hadith yang terkandung di dalam *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb berbanding kitab asal dari aspek matan hadith, hukum hadith, peletakan kitab dan bab, baris matan dan lain-lain.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

1. Memperkenalkan laman web *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb sebagai laman web yang bermanfaat melalui kemudahan yang disediakan khususnya sebagai wasilah *takhrij* hadith yang pantas dan mudah.
2. Memberi garis panduan kepada pengguna terhadap kaedah pencarian hadith yang tepat.

3. Hasil kajian boleh disampaikan kepada pihak pengurusan laman web untuk proses penambahbaikan.

## **DEFINISI TAJUK**

### **Pemeliharaan Hadith**

Pemeliharaan merupakan kata imbuhan kepada pelihara atau memelihara. Pelihara atau memelihara bermaksud membela, menjaga, dan merawat. Pemeliharaan pula merupakan perbuatan memelihara, pembelaan, perawatan, dan penyelamat (daripada bencana dan lain-lain).<sup>8</sup>

Hadith atau *al-Hadīth* dari sudut bahasa bermaksud sesuatu yang baru. Manakala dari segi istilah bermaksud sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. melalui perkataan, perbuatan, pengakuan serta sifat Rasulullah s.a.w. meliputi sifat fizikal dan akhlak.<sup>9</sup>

Pemeliharaan hadith merujuk kepada segala usaha untuk memastikan kesahihan dan ketulenan hadith terpelihara secara baik.

---

<sup>8</sup> Kamus Dewan (2002), Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, c. 7, h. 1000-1001.

<sup>9</sup> Shams al-Dīn Muḥammad b. ‘Abd al-Rahmān al-Sakhawī (2002), *al-Ghāyah Syarḥ Maṇzūmah al-Hidāyah fī ‘Ilm al-Riwayah*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 18.

## **Internet**

Internet merupakan rangkaian komputer antarabangsa yang membolehkan pengguna komputer di seluruh dunia berhubung antara satu sama lain dan mencapai maklumat pangkalan data dari serata dunia.<sup>10</sup> Perkembangan terawal internet menyaksikan terbentuknya Rangkaian Agensi Projek Penyelidikan Lanjutan atau ARPANET<sup>11</sup> di dalam bulan Disember 1969. Semenjak itu, IT mula tersebar ke seluruh aspek kehidupan manusia. Di antara aplikasi internet yang digunakan untuk mengetengahkan imej Islam ialah laman web, kumpulan berita, perbualan geganti internet, perpustakaan digital dan sebagainya.<sup>12</sup>

### ***Al-Durar al-Saniyyah***

*Al-Durar al-Saniyyah* (الدُّرَرُ السَّانِيَّةُ) ialah sebuah laman web yang mengumpulkan beberapa ensiklopedia dalam pelbagai lapangan ilmu seperti Ensiklopedia Akidah, Ensiklopedia Fiqh, Ensiklopedia Hadith dan lain-lain. Ia boleh diakses melalui url <http://www.dorar.net/>.

*Al-Durar* merupakan jama' kepada kalimah *durrāh* (درة) yang bermaksud permata. Ia dinamakan sebagai permata kerana sifat semula jadi yang ada pada zatnya seperti kejernihan, ketulenan, dan kecantikan kilauan cahayanya sebagaimana firman Allah

S.w.t.:

---

<sup>10</sup> Kamus Dewan (2002), Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 117.

<sup>11</sup> ARPANet dianggap sebagai ibu kepada internet. Jaringan ini pada asalnya merupakan rangkaian empat kod komputer universiti tetapi kini menghubungkan beratus-ratus komputer perumah seluruh dunia. Pada tahun 1985, ARPANet ditukar nama kepada internet. Mohd Yusuf Ismail (2010), *Mawāqi‘ al-Sunnah al-Nabawiyah al-Syarīf ‘alā al-Intirnāt: Dirāsah Istiqrā‘iyah Naqdiyyah*, Disertasi Fakulti Ilmu Wahyu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, h. 28. Lihat juga Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh (2007), *Op.cit.*, h. 39.

<sup>12</sup> Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh (1994), Merombak Dan Membentuk Imej Islam Dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam Shaharir Mohamad Zain (ed.), *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Sains Dan Teknologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, c. 4, h. 45.

كَانَهَا كَوْكُبٌ دُرّيٌّ

Terjemahan: *Laksana bintang yang berkilauan.*<sup>13</sup>

*Al-Saniyyah* pula berasal daripada *al-Sanā* (السناء) atau *al-Sanā'* (السناء). *Al-Sanā* (السناء)

bererti suatu pancaran cahaya. Firman Allah s.w.t.:

يَكَادُ سَنَا بَرْقِهِ يَذْهَبُ بِالْأَبْصَارِ

Terjemahan: *Kilauan kilatnya hampir menghilangkan penglihatan.*<sup>14</sup>

Manakala *al-Sanā'* (السناء) bererti makam atau kedudukan yang tinggi. Sebuah hadith

Nabi s.a.w. menjelaskan:

بِشْرٌ هَذِهِ الْأُمَّةِ بِالسَّنَاءِ وَالرُّفَعَةِ فِي الدِّينِ

Terjemahan: *Sampaikanlah berita gembira kepada umat ini dengan kedudukan dan darjat di sisi agama.*<sup>15</sup>

Manakala *Saniya* (سنیي) ialah sesuatu yang mempunyai sifat *al-Sanā* (السناء) dan *al-Sanā'* (السناء) yakni sesuatu yang mengeluarkan pancaran cahaya dan mempunyai kedudukan yang tinggi. Maka gabungan dari kedua-dua kalimah *al-Durar* dan *al-Saniyyah* (الدرر) (السنیي) bererti permata yang bercahaya dan bernilai (bermutu tinggi).<sup>16</sup>

Kesimpulannya ialah penamaan laman web ini sebagai *al-Durar al-Saniyyah* adalah merupakan simbolik terhadap nilai dan martabatnya sebagai satu medium dalam memelihara sunnah dan warisan Nabi s.a.w. di era teknologi maklumat.

<sup>13</sup> Surah al-Nur: Ayat 35.

<sup>14</sup> Surah al-Nur: Ayat 43.

<sup>15</sup> Imām Aḥmad b. Ḥanbāl (1995) *Musnād Imām Aḥmad* taḥqīq Syū’ayb al-Arnātū, Beirut: al-Tibā’ah wa al-Nasr wa al-Tawzī‘, h.

<sup>16</sup> Al-Durar al-Saniyyah, <http://www.dorar.net/why-dorar>, 18 Mac 2010.

## **Islamweb**

Islamweb ialah sebuah laman web dakwah<sup>17</sup> yang boleh diakses melalui url <http://www.islamweb.net>. Ia dinamakan sebagai Islamweb kerana keistimewaannya sebagai sebuah laman web yang menyampaikan maklumat secara menyeluruh, sederhana dan konsisten berkaitan Islam. Isi kandungan di dalamnya tidak terbatas hanya kepada maklumat-maklumat berkaitan syarak melalui kitab-kitab, rencana, dan audio, malah turut menyediakan khidmat kaunseling dari sudut kesihatan, kekeluargaan dan kebudayaan.<sup>18</sup>

## **BATASAN KAJIAN**

Kajian yang akan dijalankan lebih tertumpu dengan beberapa garis panduan agar ia menepati kerangka asal dan objektif kajian. Oleh kerana itu, penulis telah meletakkan beberapa landasan sebagai skop utama kajian.

1. Melalui analisa yang akan dijalankan ke atas laman web *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb, penulis akan memilih 200 hadith secara rawak sebagai sampel kajian bagi menilai teks hadith yang diketengahkan melalui kedua-dua laman web ini.
2. Islamweb telah mengumpulkan hampir 1400 kitab di antara kitab-kitab yang telah diterbitkan dan yang masih dalam bentuk manuskrip. Oleh itu, berdasarkan penilaian teks hadith yang di paparkan menerusi laman web ini, penulis hanya memilih hadith-hadith yang terkandung di dalam kitab-kitab yang telah diterbitkan sahaja.

---

<sup>17</sup> Islamweb, <http://www.islamweb.net/media/index.php?page=article&id=13341>, 20 Mac 2010.

<sup>18</sup> *Ibid.*

3. Kajian yang dilakukan ini, mengambil kira pada keadaan asal laman web ketika penulis mula membuat kajian sehingga selesai. Sebarang perubahan yang berlaku di dalam kedua-dua laman web selepas tempoh tersebut adalah tidak dipertanggungjawabkan.

## **SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Penelitian terhadap sumber-sumber ilmiah sebelum ini menjadi suatu keutamaan dalam menghalusi setiap daripada maklumat yang diperoleh. Ia juga sangat penting bagi menilai semula sama ada topik kajian yang dilakukan penulis tidak bertembung atau pernah dijalankan sebelum ini. Maklumat-maklumat yang diperoleh digunakan sebagai panduan untuk membina cetusan idea-idea baru di samping menguatkan lagi hujah terhadap kajian. Sekaligus ia dapat meningkatkan kualiti dan mutu kajian bagi tatapan generasi seterusnya.

- a) Kajian Terhadap Laman Web *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb

Sepanjang pemerhatian penulis terhadap kajian-kajian lepas, tiada sebarang tesis mahupun disertasi yang memfokuskan kajian terhadap laman web *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb. Walau bagaimanapun terdapat sebuah disertasi yang dihasilkan oleh Mohd Yusuf Ismail,<sup>19</sup> telah menyentuh serba sedikit berkaitan *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb sebagai laman web hadith yang bermanfaat. Namun disertasi ini hanya memfokuskan kajian secara langsung ke atas tiga buah laman web hadith berbahasa Arab. Laman web tersebut ialah *Mawqi‘ al-Sunnah al-Nabawiyyah wa ‘Ulūmihā*,

<sup>19</sup> Mohd Yusuf Ismail (2010), *Mawqi‘ al-Sunnah al-Nabawiyyah al-Syarīf ‘ala al-Intirnīt: Dirāsah Istiqrā‘iyah Naqdīyyah*, Disertasi Fakulti Ilmu Wahyu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

*Mawqi‘ al-Jam‘iyyah al-Su‘udiyyah li al-Sunnah al-Nabawiyyah*, dan *Mawqi‘ Jāmi‘ al-Hadīth*. Tumpuan kajian adalah berdasarkan kepada analisa kandungan laman web mengikut disiplin pengajian hadith berserta komentar terhadap aspek teknikal laman web secara umum. Selain itu, beberapa kertas kerja yang memberikan penilaian terhadap laman web *al-Durar al-Saniyyah* turut dihasilkan seperti *Takhrij al-Hadīth* di Era ICT: Tinjauan Terhadap Web *al-Durar al-Saniyyah*,<sup>20</sup> Pencarian Hadith Melalui Laman Web Hadith: <http://www.dorar.net><sup>21</sup> Persepsi Pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM Terhadap Penggunaan Laman Web *al-Durar al-Saniyyah* Dalam *Mentakhrij* Hadith<sup>22</sup> dan *Dawābiṭ al-Ifādah min al-Taqniyyāt al-Ma'lūmatiyyah al-Hadīthiyyah wa Asālibuhā fī Khidmah al-Sunnah al-Nabawiyyah*<sup>23</sup>. Kertas-kertas kerja ini memperkenalkan kemudahan dan fungsi laman web *al-Durar al-Saniyyah* sebagai salah satu wasilah untuk *mentakhrij* hadith. Ia juga menjelaskan beberapa kelebihan dan kekurangan yang telah dikenal pasti, seterusnya mengemukakan cadangan dan tindakan yang sewajarnya bagi meningkatkan kredibiliti laman web tersebut.

Penghasilan buku *takhrij* hadith oleh Faisal Ahmad Shah<sup>24</sup> turut membincangkan berkaitan kaedah *takhrij* menggunakan teknologi maklumat. Beliau telah menjelaskan serba sedikit berkenaan laman web *al-Durar al-Saniyyah* dan al-Islam sebagai satu kaedah pantas dalam *mentakhrij* hadith. Beliau juga memberi penilaian ke atas kedua-dua laman web dari sudut kelebihan dan kekurangannya.

<sup>20</sup> Adnan Mohamed Yusoff & Zulhilmin Mohamed Nor (2007), *Takhrij al-Hadith di Era ICT: Tinjauan Terhadap Web al-Durar al-Saniyyah*, Prosiding Seminar Warisan Nabawi: Sunnah Aplikasi dan Cabaran Semasa, Robiatul Adawiyah, et al. (eds.), Kuala Lumpur: Julai 11-12, h. 375-385.

<sup>21</sup> Ishak bin Sulaiman & Faisal Ahmad Shah (2007), “Pencarian Hadith Melalui Laman Web Hadith: <http://www.dorar.net>” (Kertas Kerja Seminar Klinik Takhrij Hadith, Akademi Pengajian Islam di Universiti Malaya, 30 Mac).

<sup>22</sup> Syed Najihuddin Bin Syed Hassan, et al. (2009), “Persepsi Pensyarah Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah Usim Terhadap Penggunaan Laman Web Al-Durar Al-Saniyyah Dalam Mentakhrijkan Hadith” (Kertas Kerja Seminar Takhrij Hadith Nusantara: Realiti dan Keperluan Dalam Masyarakat di Universiti Malaya, 30&31 September 2009).

<sup>23</sup> ‘Alī Ismā‘il Surūr (2011), *Dawābiṭ al-Ifādah min al-Taqniyyāt al-Ma'lūmatiyyah al-Hadīthiyyah wa Asālibuhā fī Khidmah al-Sunnah al-Nabawiyyah* dalam Ahmad Qāsim Kassār et. al. (eds.), *al-Sunnah al-Nabawiyyah wa Qadāyahā al-Mu'āṣarah*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, h. 238-249.

<sup>24</sup> Faisal Ahmad Shah (2010), *Op.cit.*, h. 115.

Sekalipun tidak banyak kajian yang membincangkan secara langsung *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb, namun kajian yang menyentuh berkenaan pemakaian hadith di internet atau hadith di era teknologi maklumat telah banyak dihasilkan.

b) Kajian Mengenai Laman Web Hadith

Noraini Bt. Mohd Bandung<sup>25</sup> telah menghasilkan sebuah Latihan Ilmiah yang memfokuskan kepada analisis hadith-hadith yang dikeluarkan di dalam laman web E-Jakim pada bulan Ogos 2007. Kajian beliau ini tertumpu kepada kualiti hadith yang dikeluarkan dengan penilaian melalui aspek *takhrij*.

Selain itu, Mohd Khafidz Soroni<sup>26</sup> dan Ismail Yusuf<sup>27</sup> juga telah menghasilkan sebuah kertas kerja berkaitan laman-laman web hadith berbahasa Melayu. Mereka telah menyarankan beberapa laman web terpilih dan menghuraikan fungsi dan kandungan laman web tersebut. Kesimpulan kertas kerja mereka adalah seiring iaitu subjek kajian memerlukan kepada penambahbaikan apabila wujudnya beberapa kekurangan yang telah dikenal pasti. Seharusnya penekanan terhadap aspek *takhrij* dalam mengetengahkan hadith di internet adalah perlu diutamakan sebagai jaminan terhadap keautoritian hadith yang dipaparkan.

---

<sup>25</sup> Noraini Mohd Bandung (2008), *Takhrij dan Analisis Hadith-Hadith Dalam Laman Web E-Hadith JAKIM (Himpunan Hadith Harian): Tumpuan Terhadap Bulan Ogos 2007*, Latihan Ilmiah, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>26</sup> Mohd Khafidz Soroni (2008), “Material Hadith Berbahasa Melayu di Internet: Perkembangan dan Visi Masa Depan” (Kertas kerja Seminar Warisan al-Quran dan al-Hadith Nusantara di Kuala Lumpur, 27-28 Ogos 2008), h. 311-323.

<sup>27</sup> Ismail Yusuf (2011), *Laman Web Hadith Dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Diskriptif* dalam Fauzi Deraman et. al (eds.), *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith h. 253-264.

c) Kajian Terhadap Kualiti Maklumat Hadith Di Internet

Kertas kerja yang dilakukan oleh Nor Shahriza Abdul Karim dan Norzelatun Rodhiah Hazmi<sup>28</sup> telah menyentuh mengenai isu penilaian kualiti maklumat hadith di internet. Tujuan kajian adalah untuk mengetahui sifat penggunaan, persepsi para cendekiawan Muslim dan penuntut ilmu ke atas penggunaan internet sebagai loncatan awal untuk memperoleh maklumat berkaitan hadith. Kajian ini juga telah mengenal pasti beberapa buah laman web yang kerap dikunjungi oleh pengkaji. Hasil daripada kajian mendapatkan bahawa terdapat perbezaan terhadap penilaian maklumat hadith di internet dan keperluan untuk memastikan kesahihan dan keabsahan hadith melalui rujukan bercetak.

d) Kajian Mengenai Penghasilan Teks Hadith Dalam Bentuk Digital

Sebuah latihan ilmiah telah dihasilkan oleh Khālid Mōhamed ‘Alī<sup>29</sup> berkonsepkan penekanan terhadap kualiti teks hadith yang dipaparkan di internet. Kajian beliau ini tertumpu kepada proses penghasilan teks daripada analog elektronik yang dikenali sebagai digital signature. Pengaplikasian digital signature ke atas paparan teks hadith di internet adalah sebagai satu usaha bagi menjamin keselamatannya dan memastikan ia berintegriti untuk diletakkan di dalam internet.

---

<sup>28</sup> Nor Shahriza Abdul Karim & Norzelatun Rodhiah Hazmi. 2005. “Assessing Islamic Information Quality On The Internet: A Case Of Information About Hadis”, Malaysian Journal of Library & Information Science, bil. 10, no. 2, Disember, h. 51-56.

<sup>29</sup> Khālid Mōhamed ‘Alī (2001), *Digital Signature For Hadith*, Latihan Ilmiah, Pengurusan Sistem, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

### e) Kajian Mengenai Perisian Hadith

Seiring dengan kemajuan dan kemajuan teknologi maklumat, beberapa pakar Muslim telah menyedari untuk memanfaatkannya melalui penghasilan perisian hadith. Untung Margono Muhadi,<sup>30</sup> di dalam kertas kerjanya telah membincangkan mengenai perisian *al-Maktabah al-Syāmilah* sebagai medium mentakhrij hadith secara pantas dan tepat. Selain itu, Dr. ‘Abdullah Muhammad Hasan<sup>31</sup> di dalam kajiannya telah menganalisis keistimewaan beberapa perisian hadith seperti *Mawsū‘ah al-Hadīth al-Syarīf, al-Jāmi’ al-Kabīr, al-Mawsū‘ah al-Dhahabiyyah, al-Maktabah al-Alfiyyah li al-Sunnah al-Nabawiyah, Maktabah al-Ajzā’ al-Hadīthiyyah* dan sebagainya.

### f) Kajian Mengenai Penyelewengan Hadith Di Internet

Gerakan Anti Hadith di Malaysia: Satu Kajian Dalam Internet<sup>32</sup> merupakan sebuah disertasi yang telah dihasilkan bagi mengenal pasti penyelewengan yang dilakukan oleh Golongan Anti Hadith (GAH) terhadap matan hadith, maksud, sanad dan martabatnya. Kajian ini tertumpu kepada dua laman web GAH. Tengku Zarina bt. Tengku Puji<sup>33</sup> juga telah menghasilkan sebuah kertas kerja yang memaparkan penyelewangan-penyelewangan yang dilakukan oleh GAH dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran dan Hadith-Hadith Nabi s.a.w. di internet. Dalam kajian ini, beliau telah membawa contoh-contoh tafsiran yang merangkumi aspek aqidah, politik dan fiqh.

<sup>30</sup> Untung Margono Muhadi (2009), “Keistimewaan Maktabah Syamilah Dalam Mentakhrij Hadis” (Kertas Seminar Takhrif Hadith Nusantara: Realiti Dan Keperluan Dalam Masyarakat di UM Kuala Lumpur, 30-31 Disember 2009).

<sup>31</sup> ‘Abd Allah Muhammad Hasan (2011), *al-Taqniyyah al-Hadithiyyah wa Dawruhā fī al-Šanā‘ah al-Hadithiyyah: Mawsū‘ah al-Hadīth al-Syarīf Namūzijān* dalam Ahmad Qāsim Kassār et. al. (eds.), *al-Sunnah al-Nabawiyah wa Qaḍāyah al-Mu‘āşarah*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, h. 216-237

<sup>32</sup> Najah Nadiah Hj. Amran (2001), *Gerakan Anti Hadith di Malaysia: Suatu Kajian Dalam Internet*, Disertasi, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>33</sup> Tengku Zarina Tengku Puji (2001), “Tinjauan Beberapa Penyelewengan Dalam Tafsiran al-Quran Oleh Golongan Anti Hadith di Internet” (Kertas Kerja Seminar Warisan al-Quran Peringkat Kebangsaan di Pulau Pinang, 24-25 Oktober), h. 1-15.

Seterusnya Faisal Ahmad Shah<sup>34</sup> juga telah melakukan kajian terhadap penyelewengan GAH di internet melalui kertas kerja yang dihasilkan untuk menyangkal dan membidas setiap penyelewengan pentafsiran hadith oleh GAH dengan pemurnian pentafsiran yang sahih berlandasan dalil ‘*aqli* dan *naqli*.

g) Kajian Mengenai Pengaruh dan Manfaat ICT Kepada Dunia Islam

Terdapat banyak kajian yang dihasilkan berkenaan kesan perkembangan Islam di era ICT. Disertasi yang dihasilkan oleh Ahmad Zulfiqar Shah b. Abdul Hadi<sup>35</sup> telah menjelaskan secara tidak langsung manfaat teknologi maklumat dan komunikasi terhadap sistem pengajian al-Quran. Disertasi ini mengetengahkan kajian terhadap beberapa laman web al-Quran dan tafsir yang dapat diaplikasikan ke dalam pengajian al-Quran.

Selain itu, terlalu banyak kertas kerja yang membincangkan tentang perkara ini. Antaranya Maklumat dan Perkembangan Islam Melalui Internet I<sup>36</sup>, Maklumat dan Perkembangan Islam Melalui Internet II<sup>37</sup>, Merombak dan Membentuk Imej Islam Dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi<sup>38</sup>, IT Perkembangannya dan Kesan Terhadap Umat Islam<sup>39</sup>, Dakwah dan Internet Dalam Era Ledakan Maklumat<sup>40</sup>,

<sup>34</sup> Faisal Ahmad Shah (2008), *Pertikaian Terhadap Autoriti Hadith-hadith Nabi (S.A.W): Satu Analisis Di Internet*, Jurnal al-Bayan, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, bil. 6, h. 153.

<sup>35</sup> Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi (2006), *Sistem Pengajaran al-Quran Kontemporari: Kajian Aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi*, Disertasi, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajaran Islam, Universiti Malaya.

<sup>36</sup> Muhammad Uthman el-Muhammady (1997), “Maklumat dan Perkembangan Islam Melalui Internet I” (Kertas Kerja Seminar Cabaran Teknologi Maklumat Dan Internet: Agenda Umat Islam di Kuala Lumpur, 25-26 Mac 1997), h. 17-27.

<sup>37</sup> Mohammed Rafee b. Yusoff et al. (1997), “Maklumat dan Perkembangan Islam Melalui Internet II”, (*ibid.*), h. 29-51

<sup>38</sup> Mohd Saifudddeen Shaikh Mohd Salleh (2007), Merombak Dan Membentuk Imej Islam Dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), *ibid.*, h. 37.

<sup>39</sup> Fadhlullah Jamil (2011), *IT, Perkembangannya Dan Kesannya Terhadap Umat Islam* dalam Sharifah Azizah Sahil Jamalullail (ed.), *Teknologi Maklumat Dan Komunikasi: Harapan Cabaran Dan Barakah, Alor Setar: Insaniah*, h. 48.

<sup>40</sup> Mohd. Noor Habibi Hj. Long et al. (2001), *Dakwah Dan Internet Dalam Era Ledakan Maklumat* dalam Sharifah Azizah Sahil Jamalullail (ed.), *ibid.*, h. 111.

Memanfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Untuk Islam<sup>41</sup>, dan sebagainya.

Berdasarkan kepada *literature review* yang dikemukakan, kajian khusus berkaitan laman web *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb masih belum mendapat perhatian yang sewajarnya. Justeru kajian ini akan menganalisis kedua-dua laman web ini secara ilmiah bagi melihat proses perkembangan hadith di era ICT ini dapat dipelihara dan disampaikan dengan baik. Pendedahan kedua-dua laman web ini sangat penting kerana ia menjadi rujukan dan pemudah cara kepada para ilmuwan khusus di bidang hadith.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi penyelidikan merupakan suatu aspek yang penting dalam menghasilkan sebuah kajian akademik yang sistematik. Ia juga sewajarnya diberikan penekanan oleh pengkaji dalam membantu memberikan capaian yang lebih bermutu dan memuaskan. Secara umumnya, kajian yang dilakukan berupa kajian perpustakaan dan lapangan. Penulis memilih tiga metode utama iaitu metodologi penyelidikan, metodologi pengumpulan data dan metodologi analisis data.

### Metode Penyelidikan

Penulis memilih metode historis dan metode deskriptif adalah untuk mendasari kajian yang dilakukan. Ini kerana di awal kajian, penulis akan memfokuskan aspek pemeliharaan sunnah di awal perkembangan Islam.

<sup>41</sup> Ismail Hj. Ibrahim (2000), Memanfaatkan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Untuk Islam dalam Shaikh Mohd Saifuddeen B. Shaikh Mohd Salleh (ed.), *Op.cit.*, h. 1.

## **Metode Historis**

Metode ini bertujuan untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai sesuatu perkara atau kejadian. Ia merupakan suatu usaha untuk mengumpul data-data yang mempunyai nilai sejarah. Penulis akan menggunakan metode ini untuk mendapatkan maklumat berkaitan sejarah pemeliharaan sunnah ketika zaman Nabi Muhammad s.a.w. sehingga ke zaman penulisan dan pembukuan.

## **Metode Diskriptif**

Melalui metode ini, rumusan dibuat terhadap penelitian menerusi beberapa aspek sesebuah laman web seperti kaedah penulisan hadith, metode penyusunan, metode penyampaian yang berbentuk visual, jumlah hadith yang terdapat di dalamnya, penentuan hukum, ketepatan matan, sanad dan lain-lain.

Metode ini sangat penting untuk meneroka garis panduan dan kriteria yang perlu bagi sesebuah laman web sebagai kayu ukur terhadap keautoriannya.

## **Metode Pengumpulan Data**

Metode pengumpulan data digunakan sebagai capaian kepada maklumat yang tepat dan terperinci sekaligus mengukuhkan lagi kajian ini. Antara metode yang digunakan untuk mengumpulkan data ialah:

a) Metode Dokumentasi

Metode ini merupakan satu kaedah pengumpulan data melalui rujukan-rujukan perpustakaan seperti tesis, disertasi, jurnal, kajian ilmiah, kertas kerja, artikel, buku-buku dan sebagainya. Selain itu, penulis juga turut menggunakan kitab-kitab berbentuk pdf yang berautoriti sebagai rujukan sampingan.

Di samping itu, bertemakan kepada sebuah kajian hadith di lapangan ICT, penulis telah menjadikan laman web, perisian komputer berbentuk CD ROM dan perisian telefon bimbit sebagai rujukan utama dalam pengumpulan data bab ke dua dan ketiga.

b) Metode Analisis Data

Empat kaedah yang digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh:

a. Metode Kualitatif dan Kuantitatif

Melalui metode ini, penganalisaan dilakukan melalui bentuk kualitatif dan kuantitatif. Konsep kajian secara kuantitatif adalah merujuk kepada jumlah kitab dan hadith yang tersedia di dalam laman web. Ia juga merujuk kepada hadith-hadith yang dianalisis melibatkan jumlah ketepatan dan keabsahan maklumat hadith yang telah ditetapkan. Manakala kualitatif pula merangkumi berbagai aspek yang melibatkan keupayaan sistem keselamatan akses, keabsahan matan, rantai sanad, dan lain-lain. Penulis juga akan meneliti aspek sampingan yang memberikan kesan terhadap keselesaan pengguna dalam melayari laman web tersebut.

b. Metode Deduktif

Deduktif ialah metodologi yang digunakan untuk mendapatkan kesimpulan umum melalui bukti-bukti atau pendalilan khusus. Metode ini digunakan sebagai penentuan terhadap beberapa cabang ilmu yang dapat di manfaatkan melalui kedua-dua laman web. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengenal pasti kaedah penentuan hukum yang digunakan.

c. Metode Induktif

Induktif ialah kaedah yang digunakan untuk memperoleh kesimpulan khusus melalui bukti-bukti atau pendalilan umum. Justeru, penulis telah menggunakan metode ini dalam mengenal pasti kaedah pencarian hadith yang melibatkan beberapa fungsi tertentu. Kaedah ini juga digunakan sebagai penjelasan terhadap beberapa kemudahan dan perkhidmatan yang tersedia.

d. Metode Komparatif

Kaedah perbandingan ini sangat penting sebagai suatu kaedah analisis keabsahan teks hadith yang dimuatkan melalui laman web dan kitab rujukan bercetak. Perbandingan terhadap hadith sama ada dari aspek persamaan dan perbezaan (perubahan hadith berlandaskan teori *al-Musahhaf*) adalah bertujuan untuk mendapatkan jawapan terhadap fenomena kajian.

## BAB SATU

### PEMELIHARAAN HADITH

#### 1.0 PENDAHULUAN

Hadith merupakan keterangan dan penjelasan terhadap al-Quran di samping kedudukannya sebagai sumber kedua perundangan Islam.<sup>42</sup> Ia juga merupakan wahyu<sup>43</sup> yang termasuk di dalam jaminan Allah s.w.t. sebagaimana al-Quran menerusi Surah al-Hijr ayat 9.<sup>44</sup> Menyedari perkara ini, hadith telah mendapat perhatian sejak zaman para sahabat lagi, lantaran terdedahnya ia dari sebarang bentuk penyelewengan dan pemalsuan. Susur galur sejarah telah menyaksikan rentetan dan rantaian usaha yang berkesinambungan dari semasa ke semasa bermula dengan bentuk hafalan, penulisan, sehingga munculnya ilmu-ilmu yang membahaskan secara langsung mengenai aspek hadith-hadith yang diterima dan ditolak. Oleh demikian, di dalam bab ini penulis akan membincangkan usaha pemeliharaan hadith yang dilakukan ketika zaman Rasulullah s.a.w. sehingga zaman pembukuan hadith. Ia bertujuan untuk melihat aktiviti-aktiviti penyebaran hadith dan usaha pemeliharaannya dari sebarang bentuk penyelewengan.

<sup>42</sup> ‘Abd al-‘Azīz bin Ṣalīḥ al-Sū‘ūdiyyah (t.t), *al-Sunnah al-Maṣdar al-Thānī li al-Tasyrī*, dalam ‘Abd Allah b. Ibrāhīm al-Anṣārī (ed.), *al-Buhūth wa al-Dirāsāt al-Muqaddimah li al-Mu’tamar al-‘Alamī al-Thālith li al-Sīrah wa al-Sunnah al-Nabawiyah*, t.tp; t.pt., j. 1, h. 131.

<sup>43</sup> وَمَا يَنْطِقُ عَنْ آنْوَرٍ ﴿٤﴾ إِنَّ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ بُوْحٌ ﴿٥﴾

Terjemahannya: Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakan itu (sama ada al-Quran atau hadith) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya. Surah al-Najm: Ayat 3 dan 4.

Imam al-Suyūṭī telah membahagikan wahyu kepada dua iaitu wahyu yang diriwayatkan dengan lafaz dan wahyu yang diriwayatkan dengan makna. Al-Quran merupakan wahyu yang diriwayatkan dengan lafaz manakala hadith adalah wahyu yang diriwayatkan dengan makna. Lihat ‘Abd al-Rahmān bin Abū Bakr Muḥammad Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (1370H), *al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, Mesir: Muṣṭafā al-Ḥalabī, j. 1, h. 153.

<sup>44</sup> إِنَّا حَنَّ تَرَكَنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَخَفِظُونَ ﴿٣﴾

Terjemahannya: Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

Seterusnya penulis memilih perbahasan mengenai *tahammul al-Hadīth* dan *al-Muṣahḥaf* sebagai pengaplikasian konsep di dalam landasan analisis bab keempat. Ia diketengahkan sebagai ukuran dan sukatan terhadap keautoritian hadith-hadith laman web *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb. Konsep tersebut juga dilihat sebagai penilaian terhadap usaha para sahabat dan ulama dalam mempertahankan kesahihan hadith suatu ketika dahulu berbanding usaha yang dilakukan pada abad ini bagi menjamin pemeliharaannya berlangsung secara baik di era ICT.

## 1.1 USAHA-USAHA PEMELIHARAAN HADITH

Para ulama telah mengklasifikasikan sejarah perkembangan hadith mengikut situasi periyawatan yang berlaku pada zaman tersebut. Aneka pola periyawatan ini telah menyaksikan pelbagai usaha para sahabat dalam memastikan kesahihan dan perkembangannya menepati landasan sunnah yang sebenar. Umumnya para ulama membahagikan ia kepada (1) *Al-Wahyu wa al-Takwīn* merupakan zaman pembentukan hadith yang dimulai ketika Rasulullah s.a.w. diangkat sebagai rasul sehingga baginda wafat.<sup>45</sup> (2) *Iqbāl al-Riwayah* merupakan zaman di mana sedikitnya aktiviti periyawatan hadith bermula apabila wafatnya baginda s.aw. hingga zaman pemerintahan khalifah

<sup>45</sup> Zaman ini memperlihatkan penyebaran hadith di kalangan para sahabat melalui metode pengajaran Rasulullah s.a.w. berupa percakapan, perbuatan, *tagrīr*, dan sifat-sifat yang dipamerkan dalam usaha dan kegigihan baginda menyampaikan dakwah dan menyebarkan syariat Islam. Bermula dengan penjelasan baginda s.a.w. terhadap dasar-dasar Islam dan huraiyan terhadap wahyu al-Quran, keupayaan untuk memelihara hadith Rasulullah s.a.w. berlangsung selari dengan usaha pemeliharaan al-Quran. Penyampaian Rasulullah terhadap hadith tidak terbatas hanya kepada sesuatu tempat dan kesempatan. Adakalanya di Masjid yang merupakan tempat pemusatan majlis-majlis ilmu, penyampaian *maw'idhah* kepada para sahabat, pemutusan dan penyampaian fatwa dan lain-lain. Adakalanya Rasulullah s.a.w. memutuskan fatwa dan menjelaskan mengenai hukum-hukum di pertengahan jalan apabila diajukan pertanyaan dan soalan. Rasulullah s.a.w. juga mengambil pendekatan yang efektif dalam menyampaikan hadith bersesuaian dengan tahap pemikiran dan kemampuan akal seseorang. Jika berbicara Rasulullah akan mengulanginya sebanyak tiga kali supaya ia mudah untuk dihafaz oleh para sahabat. Baginda juga mengambil sikap memudahkan setiap persoalan dan melarang daripada sikap menyusahkan dengan memanfaatkan hukum-hukum *rūkhshah* yang disyariatkan. Para sahabat telah mempelajari hadith melalui tiga kaedah iaitu menghafaz, menulis dan melalui amalan dengan mengikuti tata cara yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. ketika memperlihatkan dan mengajar sunnah. Huraiyan mengenai metode pengajaran baginda s.a.w. ini boleh dilihat dengan lebih terperinci dalam M. 'Ajāj al-Khaṭīb (1988), *al-Sunnah Qabl al-Tadwīn*, Kaherah: Maktabah Wahbah, c. 2, h. 46-56. Lihat juga Muḥammad Abū Zahw (t.t), *al-Hadīth wa al-Muḥaddithūn*, t.tp: t.pt, h. 46-55. Lihat juga Muḥammad Muṣṭafā 'Azamī (t.t), selanjutnya sebagai Muṣṭafā 'Azamī, *Dirāsāt fī al-Hadīth al-Nabawī wa Tārikh Tadwīnuhu*, t.tp: al-Maktab al-Islāmī, j. 2, h. 329-322. Lihat Muḥammad Muṣṭafā 'Azamī (1988), Pengkajian Hadith: Kaedah dan Persuratan, Zainal Azam Abd Rahman (terj.), Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 32.

‘Umar al-Khaṭṭāb.<sup>46</sup> (3) *Intisyār al-Riwayah* merupakan zaman tersebarnya hadith dimulai sejak pemerintahan ‘Uthmān b. ‘Affān hingga ke zaman pemerintahan Khalifah Bani ‘Umayyah.<sup>47</sup> (4) *Tadwīn al-Sunnah* merupakan zaman pembukuan hadith yang dimulai ketika pemerintahan khalifah ‘Umar ‘Abd al-‘Azīz.<sup>48</sup>

Berlandaskan kepada 4 periode perkembangan hadith yang dinyatakan sebelum ini, ia telah menyaksikan beberapa usaha para sahabat dalam memelihara sunnah baginda s.a.w.

#### 1. Pemeliharaan Hadith Melalui Hafalan Dan Amalan.

Rasulullah s.a.w. telah diutuskan kepada bangsa Arab yang disifatkan sebagai *ummatan ummiyyatan* (kaum yang buta huruf) yang mana kebanyakan mereka tidak tahu membaca dan menulis.<sup>49</sup> Sesungguhnya Allah s.w.t sendiri telah menyifatkan mereka sedemikian sepertimana firmanNya:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأَمَمِينَ رَسُولًا مَّنْهُمْ يَتَلَوَّ عَلَيْهِمْ إِيمَانَهُ وَيُزَكِّيهِمْ  
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلِ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿١﴾

Maksudnya: *Dia lah Yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi*

<sup>46</sup> Pada zaman pemerintahan khalifah Abū Bakar dan Khalifah ‘Umar al-Khaṭṭāb, periyawatan hadith berjalan dengan sangat berhati-hati sehinggakan ada di kalangan sahabat yang meriwayatkan hadith diminta untuk mendatangkan saksi atau melakukan sumpah. M. Syuhudi Isma’il (1989), *Kaedah Kesahihan Sanad Hadith: Telaah Kritis dan Tinjauan Dengan Pendekatan Ilmu Sejarah*, Selangor: Thinker’s Library Sdn. Bhd., h. xi. Oleh yang demikian, kegiatan periyawatan hadith menjadi terbatas. Namun ia tidak bermakna aktiviti periyawatan hadith terhenti sama sekali malah kegiatan menulis dan menghafaz hadith masih berlaku mengikut kepada inisiatif para sahabat. Lihat *Ibid*. Lihat juga Abu Bakar Abak (2009), *Sejarah Perlembagaan dan Pembukuan Sunnah*, Jurnal al-Syir’ah, bil. 42, no. 2, h. 3. Ikram Diyyā’ al-‘Umri dalam kitabnya mendatangkan beberapa dalil daripada Abū Bakar, ‘Umar al-Khaṭṭāb dan berberapa sahabat lain yang menunjukkan periyawatan hadith tetap berlaku di zaman ini. Lihat Ikram Diyyā’ al-‘Umri (t.t.), *Buhūth fi Tārīkh al-Sunnah al-Muṣyarrāfah*, Madinah: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Hikām, c. 5, h. 293. Abū Hurayrah telah membahagikan waktu malam kepada tiga bahagian, 1/3 untuk tidur, 1/3 untuk solat dan 1/3 lagi untuk mengumpulkan hadith. Abū Mūsā al-‘Aṣy’ari telah menghafaz hadith dari malam hingga ke pagi. Begitu juga dengan Ibn ‘Abbās, Ibn Buraydah, Zayd bin Arqam melaporkan hal yang sama tentang Mu’awiyah di Hims. Lihat Muḥammad Muṣṭafā ‘Azāmī (1995), *Op.cit.*, h. 34.

<sup>47</sup> Secara umumnya, aspek pemeliharaan sunnah Nabi s.a.w. adalah sepertimana yang berlaku ketika zaman pemerintahan khalifah Abū Bakar dan ‘Umar al-Khaṭṭāb. Zaman ini juga memperlihatkan perpecahan umat Islam kepada beberapa kelompok serta bermulanya kemunculan hadith-hadith palsu dan perlakuan bid’ah secara berleluasa.

<sup>48</sup> Pembukuan tersebut adalah merupakan usaha awal dari khalifah ‘Umar yang mana telah diteruskan secara lengkap oleh Muḥammad b. Syihāb al-Zuhri. Usaha pembukuan hadith secara lengkap oleh Ibn Syihāb al-Zuhri merupakan dorongan kuat untuk meneruskan usaha murni khalifah ‘Umar dan kecintaan beliau terhadap hadith baginda s.a.w. Lihat Berita Harian , 27 Mac 2011:35 “*Salafussoleh Hafal, Sebar Luaskan Hadith*”.

<sup>49</sup> M. Hasbi al-Siddiqi (2000), *Sejarah Perkembangan Hadith dan Tokoh-tokoh Utama Dalam Bidang Hadith*, Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, h. 5.

*Muhammad s.a.w) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktikad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (*Al-Quran*) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.*

Surah al-Jumu‘ah: Ayat 2

Walau bagaimanapun mereka merupakan satu bangsa yang mempunyai kecerdasan akal yang baik dari segi kekuatan ingatan dan cepat menghafaz. Oleh demikian mereka mampu mengingati setiap rantaian nasab keturunan, syiar kabilah, tarikh, peristiwa penting dan hari-hari yang mereka lalui secara tepat dan mendalam.<sup>50</sup> Tidak hairanlah dengan kelebihan yang dikurniakan ini, para sahabat sangat aktif dalam menghafaz setiap daripada lafaz atau makna hadith, berusaha memahaminya dan seterusnya disusuli dengan amalan.<sup>51</sup>

Di kalangan para sahabat ada yang mendengar hadith melalui *aqwāl* Rasulullah s.a.w., sebahagian mereka yang lain pula menyaksikan *af‘āl* baginda dan sekiranya terdapat perselisihan dan kemosykilan, mereka akan segera menanyakan kepada Rasulullah s.a.w.<sup>52</sup> Oleh kerana itu, Rasulullah s.a.w. menggalakkan mereka supaya mengajar dan menyampaikan sunnah kepada sahabat-sahabat yang lain.<sup>53</sup> Galakan baginda s.a.w. ini

<sup>50</sup> Ikram Dīyā’ al-‘Umra (t.t), *Op.cit.*, h. 287. Lihat juga Muḥammad Abū Layth al-Khayr Abādī (2005), ‘Ulūm al-Hadīth Aṣīluhā wa Ma ‘aṣīruhā, Selangor: Dār al-Syākir, c. 4, h. 55.

<sup>51</sup> Abū ‘Abd al-Rahmān al-Sulāmī berkata, “Para sahabat yang membacakan al-Quran kepada kami seperti ‘Uthmān bin ‘Affān, ‘Abd Allāh bin Mas‘ūd dan sahabat lain bercerita kepada kami bahawa jika mereka mempelajari sepuluh ayat al-Quran dari Nabi s.a.w. maka mereka tidak mempelajari ayat-ayat al-Quran yang lain sehingga mereka mempelajari seluruh kandungan sepuluh ayat itu, iaitu ilmu dan amal. Mereka berkata kami mempelajari al-Quran, ilmu, dan amal dengan sekaligus”. Abū ‘Abd al-Rahmān al-Sulāmī ‘Abd Allāh bin Ḥabīb bin Rābi‘ah (wafat di antara 70 dan 80 H) merupakan salah seorang *tabi‘īn* yang mendengar dari ‘Uthmān r.a., Ibn Mas‘ūd dan Zayd bin Thābit. Lihat Ibn Hajar al-‘Asqalānī (t.t), *Tahdhīb al-Tahdhīb*, t.tp: Muassasah al-Risālah, j. 2, h. 319. *Hadīth Maqtū‘* ini dinukilkan oleh M. ‘Ajāj al-Khaṭīb dalam kitabnya *al-Sunnah Qabl al-Tadwīn* ketika menghuraikan berkenaan cara para sahabat menerima al-Sunnah daripada Rasulullah s.a.w. Lihat M. ‘Ajāj al-Khaṭīb (1988), *Op.cit.*, h. 86.

<sup>52</sup> Abd al-Ghinā‘ Abd al-Khālidīq (1989), *Dīfā‘ an al-Sunnah*, Kaherah: Maktabah al-Sunnah, c. 1, h. 18.

<sup>53</sup> حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ الدَّمْشِقِيُّ حَدَّثَنَا مَعْشُورُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ الْحَلَبِيُّ عَنْ عَبْدِ الْوَهَابِ بْنِ بَعْثَتِ الْمَكِّيِّ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَصَرَ اللَّهُ عَبْدًا سَعَى مَقْاتِلِي فَوَعَاهُمْ لَهُ عَلَيْ فَرَبٌ حَامِلٌ فَقِيهٌ غَيْرُ فَقِيهٍ وَرَبٌ حَامِلٌ فَقِيهٌ إِلَى مَنْ هُوَ أَفَقَهُ مِنْهُ

Maksudnya: Dari Anas bin Malik berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda, “Allah menyinari hamba yang mendengar perkataanku, kemudian ia menghafalnya dan menyampaikannya pula kepada orang lain yang tidak mendengarnya. Ramai orang yang membawa ilmu tidak memahami (ilmu yang dibawanya) dan banyak orang yang membawa ilmu kepada orang yang lebih berilmu darinya”. Abū ‘Abd Allah Muḥammad b. Yazid al-Rabi‘ī Ibn Mājah (2000) selanjutnya sebagai Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah* Dalam

diambil kira oleh sahabat sebagai amanah dalam penyampaian ilmu dan ia tidak terbatas kepada sesuatu zaman sahaja, malah ke atas zaman selepas mereka sehingga kini.

## 2. Pemeliharaan Hadith Melalui Penulisan.

Sejarah penulisan dan pengumpulan hadith adalah tidak sama seperti sejarah penulisan dan pengumpulan al-Quran. Pada zaman Rasulullah s.a.w., tidak keseluruhan hadith dapat dicatat oleh para sahabat. Ini kerana cara penyampaian Nabi terhadap hadith adalah berbeza-beza dan tidak semua hadith sempat disaksikan oleh kebanyakan sahabat.<sup>54</sup> Bagi hadith berupa sabda dan perbuatan, adakalanya Nabi s.a.w. mengemukakan hadith kerana sebab tertentu dan pada umumnya dikemukakan tanpa ada sebab tertentu. Adakalanya hadith Nabi disampaikan di hadapan ramai sahabat dan adakalanya beberapa orang atau seorang sahaja. Manakala hadith berupa *taqrīr* amat terbatas penyampaiannya kerana ia berkait rapat dengan peristiwa tertentu yang dilakukan oleh sahabat.<sup>55</sup> Pada masa yang sama, Nabi s.aw. sendiri melarang sebarang aktiviti penulisan hadith, melainkan beberapa sahabat yang telah dilantik untuk melakukan pencatatan hadith beliau.<sup>56</sup> Sabda baginda s.a.w.:

---

*Mawsū‘ah al-Hadīth al-Syarīf al-Kutub al-Sittah, Kitāb Muqaddimah, Bāb Man Balagha ‘Ilman, Riyād: Dār al-Salām li al-Nasr wa al-Tawzī‘*, c. 3, no. 230, h. 2491

<sup>54</sup> M. Syuhudi Isma‘il (1989), *Op.cit.*, h. xi.

<sup>55</sup> *Ibid.*, h. 32.

<sup>56</sup> Terdapat beberapa pandangan ulama bagi memperlihatkan titik pertemuan di antara perintah menulis hadith dan larangan menulisnya. (1) Perintah larangan hanya dikhususkan kepada sahabat yang dikhawatir pelupa seperti Abū Syah. Manakala perintah menulis hadith hanya kepada sahabat yang mempunyai kekuatan hafalan. (2) Perintah larangan adalah kerana kekhawatiran baginda s.a.w. terhadap percampuran di antara al-Quran dan al-Hadith. Manakala perintah menulis hadith hanya kepada mereka yang diyakini tidak akan mencampur adukkan di antara al-Quran dan al-Hadith kerana mereka merupakan pembaca dan penulis. Maka mereka dapat membezakan di antara kedua-duanya. Mereka juga tidak hanya menyibukkan diri terhadap hadith bahkan al-Quran seperti ‘Abd Allah bin ‘Amrū bin al-‘Āṣ dan ‘Ali bin Abī Tālib. (3) Ibn Qutaybah berpandangan bahawa perintah larangan telah dimansuhkan oleh perintah menulis. Perintah larangan telah muncul terlebih dahulu kerana kekhawatiran berlakunya percampuran al-Quran dan al-Hadith. Ketika mana ia selamat dari perkara tersebut maka ia dinasakhkan dengan munculnya pula perintah menulis. Menurut Ibn Hajar al-‘Asqalānī dalam *Fath al-Bārī*, pandangan ini benar. Lihat Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah (t.t), *al-Wasiṭ fi al-Muṣṭalāh al-Hadīth*, Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, h. 57. Menurut Muṣṭafā ‘Azāmī larangan Rasulullah s.a.w. terhadap penulisan al-Quran melalui hadith Abū Sa‘id al-Khudrī perlu difahami dengan betul. Larangan yang dimaksudkan melalui hadith ini ialah larangan menulis al-Quran dan hadith pada lembaran yang sama kerana ia boleh mengelirukan. Lihat Muḥammad Muṣṭafā ‘Azāmī (1997), *Studies In Hadith Methodology and Literature*, Meth Kieraha (terj.), Jakarta: Penerbit Lentera, h. 53. Lihat juga Nūr al-Dīn al-‘Itr (1989), *Op.cit.*, h. 41. Lihat juga Muṣṭafā al-Sibā‘ī (t.t), *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tasyrī‘ al-Islāmī*, ttp: Dār al-Wāraq, c. 1, h. 80.

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا تَكْتُبُوا  
عَنِّي وَمَنْ كَتَبَ عَنِّي غَيْرَ الْقُرْآنِ فَلِيَمْحُهُ<sup>57</sup>

Maksudnya: *Daripada Abi Sa'īd al-Khudrī bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda, “Janganlah ada di kalangan kamu yang menulis daripadaku selain al-Quran. Barang siapa yang menulis daripadaku selain al-Quran, maka hapuskanlah ia.*

Larangan baginda s.a.w. ini disebabkan oleh beberapa faktor. Paling utama ialah ketakutan dan kekhuatiran baginda s.a.w. sekiranya berlaku percampuran di antara al-Quran dan al-Hadith.<sup>58</sup> Selain itu baginda juga sebenarnya ingin menanam keazaman yang tinggi di kalangan para sahabat terhadap galakan menghafaz hadith-hadith baginda dan mengamalkan sunnah.<sup>59</sup> Maka larangan baginda s.a.w. bukanlah merupakan larangan yang bersifat *qaṭ'i* dan umum. Ia jelas berdasarkan kepada sikap Rasulullah s.a.w. yang telah memberi keizinan kepada beberapa orang sahabat untuk menulis hadith.<sup>60</sup>

### 3. Sedikitnya Periwayatan Hadith Di Kalangan Para Sahabat.

Abū bakar r.a. walaupun banyak menerima dan mendengar hadith daripada Rasulullah s.a.w, namun beliau terlalu sedikit meriwayatkannya. Begitu juga dengan ‘Imrān bin Ḥusayn, Abū ‘Ubaydah, ‘Abbās bin ‘Abd al-Muṭālib, al-Zubayr dan Zayd bin Arqam. Bahkan Sa‘īd bin Zayd berupa salah seorang daripada 10 sahabat yang dijamin masuk ke syurga juga hanya meriwayatkan dua atau tiga hadith sahaja.

<sup>57</sup> Abū al-Husayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qusyairī (2000), selanjutnya sebagai Imām Muslim, *Šaḥīḥ Muslim* dalam *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Syarīf al-Kutub al-Sittah*, Kitāb al-Zuhd wa al-Raqā‘iq, Bāb al-Tathabbut fī al-Ḥadīth wa Ḥukm Kitābah al-Ḥadīth, Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, no. 564, h. 721.

<sup>58</sup> ‘Abd al-Rahmān Abū Bakar al-Suyūṭī (1996), *al-Dībāj ‘alā Šaḥīḥ Muslim*, Arab Saudi: Dār Ibn ‘Affān li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, c. 1, j. 6, h. 303.

<sup>59</sup> Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah (t.t), *Op.cit.*, h. 52.

<sup>60</sup> Di antara sahabat yang menulis hadith ialah Samrah bin Jundab melalui *Šaḥīfah Samrah bin Jundab*, ‘Abd Allah bin ‘Amrū bin al-‘Āṣ melalui *Šaḥīfah al-Sadiqah li ‘Abd Allah bin ‘Amrū bin al-‘Āṣ*, ‘Abd Allah bin ‘Abbās melalui *Šaḥīfah ‘Abd Allah bin ‘Abbās*, Jābir bin ‘Abd Allah melalui *Šaḥīfah Jābir bin ‘Abd Allah* dan lain-lain. Lihat Muḥammad Abū Laith al-Khayr Abādī (2005), *Op.cit.*, h. 57. Lihat juga Abu Bakar Abak (2009), *Op.cit.*, h. 9. Lihat juga Muṣṭafā ‘Azamī (t.t.), *Op.cit.*, h. 322-325. Lihat juga Ikram Diyā‘ al-‘Umrā (t.t), *Op.cit.* h. 294-295. Lihat juga Nūr al-Dīn al-‘Itr (1989), *Manhaj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*, Damsyiq: Dār al-Fikr, c. 2, h. 40. Lihat juga M. ‘Ajāj al-Khaṭib (t.t), *Op.cit.*, h. 348-355. Lihat hadith yang berkaitan Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Asy‘āb bin Ishāq al-Azdī (2000) selanjutnya sebagai Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwūd* Dalam *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Syarīf al-Kutub al-Sittah*, Kitāb al-‘Ilm, Bāb fī Kitābah al-‘Ilm, No. 3646, h. 1493.

Manakala Ubay bin Umārah pula hanya meriwayatkan satu hadith iaitu hadith menyapu di atas dua kasut ketika berwuduk. Walaupun Abū Hurayrah di antara sahabat yang banyak meriwayatkan hadith, namun beliau tidak banyak meriwayatkannya ketika zaman pemerintahan ‘Umar al-Khaṭṭāb.<sup>61</sup> Ia adalah kerana kepatuhan beliau terhadap perintah yang telah digariskan oleh khalifah Abū Bakar r.a. dan ‘Umar al-Khaṭṭāb dalam menyedikitkan riwayat. Secara umumnya terdapat beberapa sebab utama hadith Nabi s.a.w. terlalu sedikit diriwayatkan ketika zaman ini. Antaranya ialah:

- i. Para sahabat sangat berpegang teguh dengan sunnah dan mengikuti setiap *athar* baginda s.a.w. sehingga apabila baginda wafat, para sahabat sangat khuatir andai tersalah dalam meriwayatkan hadith.<sup>62</sup>
- ii. Kebimbangan terhadap pemalsuan dan penyelewengan hadith oleh golongan munafik dan orang-orang yang murtad. Ketika pemerintahan khalifah Abū Bakar al-Khaṭṭāb, berlakunya penentangan oleh golongan munafik dan orang-orang yang murtad terhadap perintah mengeluarkan zakat dan bersedekah. Bermula dari penentangan tersebut, mereka senantiasa meneliti hadith baginda s.a.w. untuk ditambah dan diselewengkan.<sup>63</sup>
- iii. Para sahabat saling berusaha memastikan hadith yang mereka miliki benar-benar mempunyai autoriti dengan membandingkan dengan sahabat yang lain walaupun terpaksa menempuh jarak yang jauh. Ia dilakukan bagi menjamin akar periwayatan hadith yang benar-benar berautoriti. Ia juga dalam rangka

---

<sup>61</sup> Ibn ‘Abd al-Barr juga menyatakan pandangan beliau terhadap tindakan khalifah ‘Umar al-Khaṭṭāb memerintahkan agar dikurangkan kegiatan periwayatan hadith adalah kerana kebimbangan ‘Umar apabila terjadinya pendustaan ke atas Nabi s.a.w. Ikram Diyā’ al-‘Umrā (t.t), *Op.cit.*, h. 291. Lihat juga Muṣṭafā al-Sibā‘ī (t.t) *Op.cit.*, h. 81. Lihat juga Muḥammad Abū Zahw (t.t), *Op.cit.*, h. 75.

<sup>62</sup> Abu al-Zubayr pernah ditanya mengapa beliau tidak pernah meriwayatkan hadith, maka beliau menjawab, “Aku tidak pernah berpisah dari Nabi s.a.w., namun aku pernah mendengar baginda s.a.w. bersabda:

عَنْ عَامِرٍ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الرَّبِيعِ عَنْ أُبَيِّ قَالَ قُلْتُ لِلَّهُبَيْرِ إِنِّي لَا أَسْمَكُ ثُحْكَتْ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَمَا يُحَكِّثُ فَلَانْ وَفَلَانْ قَالَ أَمَا إِنِّي لَمْ أَفَرْقَهُ وَلَكِنْ سَعْدُهُ يَقُولُ مِنْ كَذَبِ عَلَيَّ فَلَيَبْشُرْ مَقْعَدَةً مِنْ الْأَرْضِ

Maksudnya: Barang siapa yang telah melakukan dusta ke atas diriku, maka hendaklah ia menduduki tempatnya di dalam neraka. Lihat Imām al-Bukhārī (2003), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dalam *Mawsū‘ah al-Hadīth al-Syarīf al-Kutub al-Sittah*, *Kitāb al-‘Ilm*, *Bāb Ithm Man Kazaba ‘alā al-Nabī s.a.w.*, No. Hadith: 107, h. 12.

<sup>63</sup> Muḥammad Abū Zahw (t.t), *Op.cit.*

pemeliharaan hadith yang sahih sebagai panduan terhadap hadith-hadith palsu yang wujud pada ketika itu.<sup>64</sup>

#### 4. Berhati-Hati Ketika Meriwayatkan Hadith

Setelah putusnya wahyu melalui peristiwa kewafatan baginda s.a.w., maka di dada para sahabatlah terletaknya tempat pemeliharaan hadith dan sunnah Rasulullah s.a.w. Bermula sejak itu, para munafik sudah menampakkan diri dan ramai pula di kalangan umat Islam yang murtad. Mereka menambah dan memalsukan hadith untuk tujuan yang tertentu dan mengelirukan umat Islam seperti bangkangan mereka terhadap perintah mengeluarkan zakat dan bersedekah.<sup>65</sup> Oleh demikian, Khalifah Abū Bakar r.a. telah mewujudkan undang-undang periwayatan hadith bagi mengancam orang-orang yang mendustakannya<sup>66</sup> dan melarang sahabat meriwayatkan hadith.<sup>67</sup> Khalifah ‘Umar bin al-Khaṭṭāb dilihat sangat tegas dalam soal periwayatan hadith. Ibn Qutaybah berkata, “khalifah ‘Umar sangat tidak menyukai orang yang banyak meriwayatkan hadith atau orang yang membawa khabar tentang hukum tanpa disertai oleh saksi”.<sup>68</sup>

Pada zaman pemerintahan khalifah Abū Bakar dan Khalifah ‘Umar al-Khaṭṭāb, periwayatan hadith berjalan dengan sangat berhati-hati sehingga ada di kalangan sahabat yang meriwayatkan hadith diminta untuk mendatangkan saksi atau melakukan sumpah.<sup>69</sup> Oleh yang demikian, kegiatan periwayatan hadith menjadi terbatas.<sup>70</sup> Abū Hurayrah pernah menyatakan bagaimana sunnah Rasulullah s.a.w. dipelihara ketika zaman pemerintahan khalifah ‘Umar al-Khaṭṭāb dengan menyebut, “jika aku

<sup>64</sup> Abu Bakar Abak (2009), *Op.cit.* h. 11.

<sup>65</sup> Muḥammad Abū Zahw (t.t), *Op.cit.*, h. 66. Lihat juga M. Hasbi al-Siddiqi (2000), *Op.cit.*, h. 23-24. Lihat juga M. ‘Ajāj al-Khaṭīb (1988), *Op.cit.*, h. 92.

<sup>66</sup> Muḥammad Abū Zahw (t.t), *ibid.*

<sup>67</sup> M. Hasbi al-Shiddiqiy (2000), *Op.cit.* h. 23.

<sup>68</sup> M. ‘Ajāj al-Khaṭīb (1988), *Op.cit.*, h. 92

<sup>69</sup> M. Syuhudi Isma’il (1989), *Op.cit.*, h. xi.

<sup>70</sup> Namun ia tidak bermakna aktiviti periwayatan hadith terhenti sama sekali malah kegiatan menulis dan menghafaz hadith masih berlaku mengikut kepada inisiatif para sahabat. *Ibid.*

meriwayatkan hadith pada masa pemerintahan ‘Umar sepermianaku meriwayatkan hadith kepadamu, nescaya ‘Umar akan memukulku dengan cambuknya’.<sup>71</sup>

### 5. Berhati-Hati Ketika Menerima Hadith.

Para sahabat tidak hanya berhati-hati dalam meriwayatkan hadith, malah ketika menerima hadith. Ia di dasari oleh kekhawatiran mereka daripada terjatuh ke dalam kesalahan dan tertipu oleh orang-orang yang bodoh dan mengikut hawa nafsu atau memberikan pengertian yang salah terhadap sebahagian hadith. Abū Bakar r.a. merupakan contoh terbaik bagi kaum Muslimin dalam memelihara *al-Sunnah* dan membuktikan kebenaran *khabar*.<sup>72</sup> Al-Dhahabī berkata, “Abū Bakar adalah orang yang berhati-hati dalam menerima *khabar*. Ibn Syihāb meriwayatkan dari Qubaysyah bin Zuwayb:

Seorang nenek datang kepada Abū Bakar untuk menanyakan berkenaan dengan harta warisan dirinya. Abū Bakar menjawab, “Aku tidak menemukan sesuatu untuk dirimu di dalam al-Quran dan aku tidak mengetahui Rasulullah s.a.w. menyebut sesuatu untuk dirimu”. Kemudian Abū Bakar bertanya kepada para sahabat yang lain. al-Mughirah berdiri dan berkata, “saya mendengar Rasulullah s.a.w. berkata bahawa ia memberikan satu perenam untuknya”. Kemudian Abū Bakar bertanya kepada al-Mughirah, “Adakah orang lain bersamamu ketika itu? Setelah Muḥammad bin Salamah memberi kesaksian terhadap tentang hal itu, maka Abū Bakar memberikan waris kepada nenek tersebut berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w. itu.”<sup>73</sup>

Berdasarkan tindakan Abū Bakar ini, al-Dhahabī berkata bahawa yang dikehendaki oleh Abū Bakar adalah melakukan pembuktian terhadap *khabar* yang diterimanya dan

<sup>71</sup> M. ‘Ajāj al-Khaṭīb (1988), *Op.cit.*, h. 128. Lihat juga Ikram Diyā’ al-‘Umrā (t.t), *Op.cit.*, h. 293. Matan hadith: عن أبي هريرة أنه قال: لقد حذرتكم بأخذ الحديث لو حدثت بها زمان من عمر بن الخطاب لضربي عمر بالدرة  
Lihat Abū ‘Umar Yūsuf b. ‘Abd Allah al-Numārī al-Qurṭubī (2003), *Jāmi’ Bayān al-‘Ilm wa Fadlih, Bāb Man Dhakara Dhim al-Idhkar min al-Hadīth*, t.tp: Dār Ibn Ḥazm, j. 2, h. 240.

<sup>72</sup> Nūr al-Dīn al-‘Itr (1979), *Op.cit.*, h. 52. Lihat juga Muḥammad Abū Zahw (t.t), *Op.cit.*, h. 69.

<sup>73</sup> Abū ‘Abd Allah Syams al-Dīn Muḥammād al-Dhahabī (t.t), selanjutnya sebagai Imām al-Dhahabī, *Tadhkīrah al-Huffāz*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j. 1, h. 3, Huraiannya dengan lebih lanjut boleh dilihat di dalam M. ‘Ajāj al-Khaṭīb (1999), *Op.cit.*, h. 147-155.

mengambil sikap berhati-hati, bukannya bermaksud menutup pintu periwatan hadith.<sup>74</sup>

## 6. *Rehlah al-Sahābah* Dalam Meriwayatkan Hadith.

Wafatnya Rasulullah s.a.w. setelah Islam tersebar ke seluruh Jazirah Arab dan negara-negara inilah yang menjadi tonggak kepada kegemilangan Islam ke seluruh dunia.<sup>75</sup> Malah ketika pemerintahan ‘Uthmān, penguasaan Islam telah menjangkaui wilayah Asia kecil setelah umat Islam berjaya menakluki Parsi (21H), Samarkand (56H), Andalus (93H), hingga ke pergunungan Pirenia dan perbatasan Cina sebelah timur.<sup>76</sup> Oleh yang demikian, *rihlah al-Sahābah* juga dipergiatkan sehingga meliputi ke setiap negara taklukan untuk menyampaikan ajaran Islam melalui al-Quran dan sunnah baginda s.a.w.<sup>77</sup> Pemantauan ini sangat penting kerana situasi selepas pemerintahan khalifah ‘Uthmān amat genting dengan beberapa permasalahan dan ketegangan politik bermula daripada pembunuhan beliau sebagai khalifah seterusnya kewujudan beberapa parti politik rentetan dari perlantikan ‘Alī bin Abī Ṭālib sebagai khalifah keempat.

## 7. Pengumpulan dan Pembukuan Hadith

Pada awalnya, usul khalifah ‘Umar b. ‘Abd al-‘Azīz ini tidak dipersetujui oleh beberapa golongan *al-Tābi‘īn*. Namun khalifah ‘Umar mempunyai beberapa alasan dalam merencanakan usaha tersebut. Antaranya ialah:<sup>78</sup>

- (1) Kaum Muslimin dapat membezakan di antara al-Quran dan al-Hadith kerana al-Quran telah dibukukan pada zaman khalifah ‘Uthmān yang dikenali sebagai

<sup>74</sup> Imām al-Dhahabī (t.t), *ibid.*, h. 6-7. M. ‘Ajāj al-Khaṭīb (1999), *ibid.* h. 154. Lihat juga Muḥammad Abū Zahw (t.t), *Op.cit.*, h. 69-70.

<sup>75</sup> M. ‘Ajāj al-Khaṭīb (1988), *Op.cit.*, h. 164.

<sup>76</sup> Abu Bakar Abak (2009), *Op.cit.*, h. 14. Sepertimana yang dilakukan oleh khalifah sebelumnya, khalifah ‘Uthmān juga turut memerintahkan kepada sahabat agar dipisahkan penulisan di antara hadith dan al-Quran. Begitu juga melakukan pengasingan terhadap *muṣḥaf al-Qur’ān* dan *muṣḥaf al-Hadīth*. Selain itu, khalifah ‘Uthman turut mengarahkan supaya dibatasi setiap daripada periwatan hadith, pengawasan periwatan secara menyeluruh dan penilaian keautorian periwatan secara komprehensif.

<sup>77</sup> Jābir telah melakukan perjalanan ke Syam untuk mengenal pasti hadith ‘Abd Allah b. Anas, Abū Ayyūb melakukan perjalanan dari Madinah ke Mesir untuk meriwayatkan hadith dari ‘Uqbah b. Amīr dan lain-lain. Lihat Berita Harian, *Op.cit.*

<sup>78</sup> Mannā‘ Khalīl al-Qaṭṭān (2006), *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Hadīth*, Abu Ezzat al-Mubarak (terj.), Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd., c. 1, h. 47.

*rasm ‘Uthmānī*. Oleh kerana itu, al-Quran telah dihafaz oleh kebanyakan umat Islam dan tidak dikhuatirkan lagi percampuran di antara kedua-duanya.

- (2) Pertikaian politik dan mazhab selepas berlakunya perselisihan dan perpecahan umat Islam kepada beberapa golongan seperti Khawarij, Syiah, dan lain-lain telah menyebabkan menularnya penyebaran hadith-hadith palsu.
- (3) Disebabkan jajahan Islam semakin meluas, maka para ulama dan umat Islam memerlukan kitab hadith untuk dihafal dan diamalkan. Apatah lagi ketika itu kekuatan hafalan yang merupakan keistimewaan orang Arab mulai pudar. Selain itu, para ulama juga semakin sedikit dalam sesebuah daerah kerana saling bepergian ke daerah Islam lain yang semakin meluas.

## 1.2 ***TAHAMMUL AL-HADĪTH***

Dr. Fārūq Hamādah menyebut bahawa *tahammul al-Hadīth* merupakan suatu perkara penting yang mempunyai sifat-sifat khusus dalam menentukan aspek penerimaan hadith. Ia merupakan suatu urusan besar kepada umat Islam kerana ia merupakan dalil atau petunjuk bersambungnya sanad dan bertemunya di antara guru dan murid secara langsung. Pertemuan secara langsung ini sangat penting bagi memastikan pemeliharaan hadith berjalan tanpa timbulnya sebarang perubahan dan penyelewengan ke atas teks hadith. Oleh kerana itu, pertemuan secara langsung antara guru dan murid adalah merupakan kekuatan gerakan ilmu dalam dunia Islam yang menyebabkan para ulama pada kurun yang lalu merantau dari satu daerah ke daerah yang lain semata-mata untuk mendapatkan hadith secara langsung dari guru.<sup>79</sup>

---

<sup>79</sup> Astīrī Jamāl (1997), *al-Tashīf wa Atharuhu fī al-Hadīth wa al-Fiqh wa Juhūd al-Muhaddithīn fī Mukāfahatih*, t.tp: Dār al-Tayyibah, c. 1, h. 314.

### 1.2.1 Kaedah *Tahammul al-Hadīth*

Para ulama telah menggariskan lapan kaedah *tahammul al-Hadīth* yang terdiri daripada *al-Samā'*, *al-Qirā'ah*, *al-Ijāzah*, *al-Munāwalah*, *al-Kitābah*, *al-I'lām*, *al-Waṣīyyah*, dan *al-Wijādah*. Sebahagian di antaranya disepakati dan sebahagian yang lain diperselisih oleh ulama.<sup>80</sup>

#### 1. *Samā' min lafż al-Saykh*: Guru meriwayatkan hadith dan murid mendengarnya.

Metode ini berbentuk penyampaian lisan oleh guru dan didengari oleh murid. Iaberlaku sama ada guru membaca hadith melalui hafalannya atau karangannya dan murid mendengar kemudian menghafaz dan menulisnya<sup>81</sup> atau mendengar sahaja tanpa menulisnya.<sup>82</sup> Ia merupakan metode utama<sup>83</sup> dalam periwayatan hadith kerana para sahabat banyak meriwayatkan hadith dengan kaedah ini.<sup>84</sup> Malah ia juga merupakan kaedah yang paling jauh daripada kesalahan dan perubahan.<sup>85</sup> Jumhur ulama juga sepakat menyatakan metode ini merupakan metode tertinggi<sup>86</sup> dalam periwayatan hadith.<sup>87</sup> Walau bagaimanapun ia boleh dipersoalkan kerana hasil pendengaran seseorang yang boleh dipercayai ditentukan oleh beberapa faktor seperti kepekaan

<sup>80</sup> Al-Qāsimī telah menggariskan sembilan kaedah *tahammul al-Hadīth* dengan penambahan *Simā' al-Tālib 'alā al-Saykh bi Qir'ah Ghayrih* di kedudukan yang ketiga dan di dalam pembahagian ini, beliau tidak meletakkan kaedah *al-Kitābah* malah terdapat sedikit perbezaan berbanding pembahagian yang dilakukan oleh majoriti ulama. Keseluruhannya Al-Qāsimī membahagikan kaedah *tahammul al-Hadīth* kepada *al-Samā'*, *al-Qirā'ah*, *al-Tālib 'alā al-Saykh bi Qir'ah Ghayrih*, *al-Munāwalah ma's al-Ijāzah*, *al-Ijāzah al-Mujarradah 'an al-Munāwalah*, *al-Munāwalah min Ghayr al-Ijāzah*, *al-I'lām*, *al-Waṣīyyah* dan *al-Wijādah*. Lihat Muhammad Jamāl al-Dīn Al-Qāsimī al-Dimasyq (1961), *Qawā'id al-Taḥdīth min Funūn Muṣṭalāh al-Hadīth*, t.pt: Dār al-'Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, c. 2, h. 204.

<sup>81</sup> Syarf Mahmud al-Qudāh (2003), *al-Manhaj al-Hadīth fī 'Ulūm al-Hadīth*, Kuala Lumpur: al-Bayan Corporation Sdn. Bhd., h. 37

<sup>82</sup> Mahmūd Ṭāḥḥān (1994), *Taysīr Muṣṭalāh al-Hadīth*, Iskandariah: Markaz al-Hudā li al-Dirāsah, c. 7, h. 124. Lihat juga Muhammad Abū Syahbah (t.t.), *Op.cit.* h. 95.

<sup>83</sup> Abū 'Umar 'Uthmān bin 'Abd al-Rahmān al-Syahrazawī (1986), selanjutnya sebagai Ibn al-Šalāh, *'Ulūm al-Hadīth* taḥqīq Nūr al-Dīn al-'Itr, t.pt: t.pt, h. 132.

<sup>84</sup> Asṭīrī Jamāl (1997), *Op.cit.*, h. 318. Lihat juga Syarf Mahmūd al-Qudāh (2003), *Op.cit.*

<sup>85</sup> Asṭīrī Jamāl (1997), *ibid.*

<sup>86</sup> Mengapa kaedah *al-Samā'* diberikan status tertinggi dalam periwayatan sesebuah hadith oleh jumhur ulama? Ia dapat dilihat melalui dua alasan utama iaitu:

- a) Masyarakat ketika itu masih meletakkan hafalan sebagai cara terbaik dalam menimba ilmu pengetahuan. Kemampuan seseorang di bidang hafalan telah dipandang tinggi dalam masyarakat.
- b) Berdasarkan kepada hadith Nabi s.a.w. yang bermaksud "Kalian mendengar hadith dariku kemudian dari kalian hadith itu didengari oleh orang lain, kemudian dari mereka, hadith yang berasal dari kalian itu, didengari pula oleh orang yang lain. Hadith ini memberi isyarat bahawa kaedah *al-Samā'* merupakan kaedah yang diakui keabsahannya oleh Nabi s.a.w.

Untuk melihat huraiannya secara lebih terperinci, lihat M. Syuhudi Isma'il (1988), *Op.cit.*, h. 53.

<sup>87</sup> Badr al-Dīn Muḥammad b. Ibrāhīm b. Jamā'ah (t.t.), selanjutnya sebagai Badr al-Dīn, *al-Manhal al-Rāwī fī Mukhtasar 'Ulūm al-Hadīth* taḥqīq Muhyī al-Dīn 'Abd al-Rahmān Ramadān, t.pt: Dār al-Fikr, c. 2, h. 80. Lihat juga Mahmūd Ṭāḥḥān (1994), *Op.cit.* Lihat juga M. Syuhudi Isma'il (1988), *ibid.*, h. 52. Lihat juga Asṭīrī Jamāl (1997), *Op.cit.*

pendengaran, kejelasan suara yang didengar, kesungguhan pendengar kepada apa yang didengar dan kemampuan intelek pendengar dalam memahami apa yang didengar. Maka tidak semestinya perawi yang menyatakan telah menerima hadith melalui kaedah *al-Samā'* sekaligus memiliki kedudukan autoriti yang tinggi. Penilaian secara mendalam perlu dilakukan ke atas perawi dengan mengambil kira keperibadian dan tahap keintelektualan perawi yang bersangkutan.<sup>88</sup>

Menurut Syaykh Muṣṭafā ‘Azamī pula, kaedah ini mempunyai ciri-ciri seperti penyampaian secara lisan, pembacaan dari kitab, soal jawab dan pembacaan kepada murid dan murid pula mencatatkannya:<sup>89</sup>

- a) Penyampaian secara lisan kebiasaannya menuntut seseorang murid terikat kepada guru untuk jangka masa yang lama sehingga murid berasa yakin terhadap keautoritian hadith yang terdapat pada guru tersebut.<sup>90</sup>
- b) Pembacaan dari kitab ialah apabila guru membacakan hadith melalui kitabnya sendiri atau dia membaca dari kitab muridnya yang merupakan salinan atau seleksi dari karya gurunya juga. Walau bagaimanapun kaedah pembacaan melalui kitab murid, barangkali merupakan perangkap bagi guru yang tidak menghafaz hadith. Ia kerana murid boleh melakukan tipu daya dengan menyisipkan beberapa penambahan terhadap hadith bagi menguji pengetahuan dan ingatan guru. Guru yang gagal mengenal pasti penambahan tersebut dilabel sebagai tidak *thiqah*.<sup>91</sup>

<sup>88</sup> M. Syuhudi Isma‘il (1988), *ibid.*

<sup>89</sup> Muḥammad Muṣṭafā ‘Azamī (1995), *Studies in Hadis Methodology and Literature*, Meth Kieraha (terj.), Jakarta: Penerbit Lantera, h. 37-38.

<sup>90</sup> *Ibid.*

<sup>91</sup> *Ibid.*

- c) Melalui metode soal jawab pula, murid akan membacakan satu bahagian dari hadith lalu guru menyambung bacaan sehingga penuh atau ia membaca semula keseluruhan hadith tersebut.<sup>92</sup>
- d) Penyampaian hadith secara lisan untuk ditulis adalah kaedah yang mendapat reaksi yang pelbagai dari kalangan ulama. Al-Zuhri merupakan orang yang pertama menolak kaedah ini. Beliau tidak menggalakkan cara ini kerana murid mendapat ilmu pengetahuan dengan mudah dalam masa yang singkat. Sebahagian ulama juga menentang cara mengajar hadith secara penyampaian lisan dan tidak membenarkan catatan dibuat atau membenarkan murid menulis apa yang telah diajarkan kepada mereka. Namun terdapat juga di kalangan sebahagian ulama yang tidak mahu meriwayatkan hadith sehingga murid-muridnya menulis apa yang telah disampaikan. Sebahagiannya pula ada yang enggan meriwayatkan hadith sekiranya murid mereka menggunakan kepingan kayu di mana tulisannya mudah terpadam.<sup>93</sup>

Kaedah ini diperkuuhkan lagi dengan kaedah tambahan seperti *Mustamlis* di mana guru melantik beberapa pelajar untuk mengulangi maklumat yang disampaikan guru secara kuat dan lantang agar dapat didengari oleh kebanyakan murid yang hadir. Kaedah ini biasanya dilakukan apabila kehadiran murid terlalu ramai sehingga diyakini kesukaran kepada murid untuk mendengar apa yang diajarkan oleh guru. Selain itu guru memilih seseorang untuk menulis hadith-hadith yang disampaikan lantaran tidak semua murid mampu untuk menulis dengan laju. Para ulama juga sedar akan kepentingan terhadap penyemakan semula salinan yang telah dilakukan oleh murid dengan

---

<sup>92</sup> *Ibid.*

<sup>93</sup> *Ibid.*, h. 40.

membantu mereka melakukan penyemakan selepas penyalinan. Ia amat penting untuk melakukan pembetulan ke atas salinan yang mempunyai kesalahan.<sup>94</sup>

## 2. ‘Ard<sup>95</sup> atau *al-Qirā’ah*: Pembacaan oleh murid kepada guru.

Kaedah ini menghendaki seorang murid atau seseorang yang disebut qari membacakan hadith kepada guru sama ada melalui hafalan, kitab<sup>96</sup> atau hadith yang didengari dari guru yang lain.<sup>97</sup> Sedangkan murid lain mendengarnya dan membandingkan dengan hadith-hadith yang terdapat di dalam kitab mereka ataupun murid-murid yang lain hanya mendengar dengan penuh perhatian kemudian baru lah melakukan penyalinan.<sup>98</sup> Menurut Dr. Fārūq Ḥamādah, kaedah ini perlu memenuhi dua syarat. Syarat pertama ialah murid mengetahui dan memahami hadith sebelum membacanya kepada guru dan yang kedua pula ialah guru teliti dalam hafalannya sehingga berkemampuan untuk menegur pembaca sekiranya berlaku *taṣḥīf* dan *tahrīf*.<sup>99</sup>

Melalui kegiatan kaedah ini, biasanya guru memberikan salinan-salinan miliknya sendiri kerana kebanyakan guru mempunyai penyalin (*kātib* atau *warrāq*) yang dilantik. Guru ditugaskan untuk menyemak bacaan sama ada melalui hafalannya atau melalui catatannya yang paling teliti dan baik<sup>100</sup> atau sekiranya guru tidak menjumpai hadith yang dibacakan maka beliau perlu merujuk kepada murid lain yang sedang mendengar.<sup>101</sup> Al-Suyūṭī menyebut bahawa guru perlulah merujuk kepada murid yang

<sup>94</sup> Di kalangan murid pula ada yang menulis hadith kemudian dipadam catatan tersebut setelah berjaya menghafaznya. Ada juga di kalangan mereka yang menghafaz hadith terlebih dahulu kemudian baru menulisnya. Huraian lanjut boleh rujuk Muḥammad Muṣṭafā ‘Azāmī (1988), *Op.cit.*, h. 41-42.

<sup>95</sup> Dinamakan sebagai ‘Ard oleh kebanyakan ulama *muḥaddithīn*. Lihat Maḥmūd Ṭāḥīḥān (1994), *Op.cit.*, h. 125. Kalimah ‘Ard digunakan kerana murid akan membentangkan apa yang dibacanya kepada guru seperti dibentangkan al-Quran kepada pembaca (*Yu’raḍu Mā Yaqra’uh*). Lihat Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah (t.t), *Op.cit.*, h. 96. Lihat juga Ibn al-Ṣalāḥ (1986), *Op.cit.*, h. 137.

<sup>96</sup> Syarif Maḥmūd al-Qudāḥ (2003), *Op.cit.*, h. 38. Lihat juga Astīrī Jamāl (1997), *Op.cit.*, h. 319.

<sup>97</sup> Ibn Kathīr (t.t), *al-Bā’iṭh al-Hathīr Syaraḥ Ikhtiṣār ‘Ulūm al-Hadīth*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, c. 1, h. 105.

<sup>98</sup> Muḥammad Muṣṭafā ‘Azāmī (1995), *Op.cit.*, h. 40.

<sup>99</sup> Astīrī Jamāl (1997), *Op.cit.*, h. 320.

<sup>100</sup> Ibn al-Ṣalāḥ (1986), *Op.cit.*, Lihat juga Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah (t.t), *Op.cit.*

<sup>101</sup> Ibn Kathīr (t.t), *Op.cit.*

*thiqah* dan tidak lalai ketika mendengar.<sup>102</sup> Murid yang telah membaca hadith di hadapan gurunya akan membuat lingkaran terhadap hadith tersebut sebagai tanda ia sudah membacannya mengikut kaedah pembelajaran yang diakui. Sekalipun murid sudah mengetahui sesebuah hadith melalui pembacaannya sendiri, namun ia tidak berhak menggunakan hadith tersebut untuk mengajar atau menyusun di dalam kitabnya sendiri kerana ia tidak menerima hadith melalui metode yang telah digariskan. Murid yang enggan mengikuti kaedah yang asal disebut sebagai *sāriq al-Hadīth*.<sup>103</sup>

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, metode *samā‘ min lafż al-Syaykh* diperakui oleh jumhur sebagai kaedah tertinggi dalam periyawatan hadith. Namun kedudukan kaedah periyawatan hadith melalui *al-Samā‘* dan *al-Qirā’ah* diperselisih oleh sebahagian ulama.<sup>104</sup> Di kalangan mereka ada yang menyatakan *al-Samā‘* lebih tinggi kedudukannya, sebahagian yang lain menyatakan *al-Qirā’ah* lebih tinggi kedudukannya dan ada juga yang berpendapat kedudukan *al-Qirā’ah* dan *al-Samā‘* adalah sama.<sup>105</sup>

---

<sup>102</sup> *Ibid.*, h. 105-106. Cara ini sangat bertepatan dengan apa yang dilakukan ketika pemeriksaan murid yang menghafaz al-Quran kepada guru penghafaz al-Quran. Lihat M. Syuhudi Isma‘il (1998), *Op.cit.*

<sup>103</sup> Muḥammad Muṣṭafā ‘Azamī (1988), *Op.cit.*, h. 43. Ia mirip dan selari dengan undang-undang hak cipta sekarang ini di mana seseorang tidak dibenarkan mencetak walaupun beberapa salinan sekiranya tidak mempunyai keizinan daripada individu yang mempunyai hak cipta tersebut.

<sup>104</sup> Ibn Kathīr (t.t.), *Op.cit.* Lihat juga Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah (t.t.), *Op.cit.*, h.

<sup>105</sup> Imām Mālik, Al-Suyūtī, al-Buwaytī, Sufyān al-Thawrī, ‘Abd Allah b. al-Mubārak, Iṣhāq b. Rāhawayh, dan Ibn Salāh berpendapat kedudukan *al-Samā‘* lebih tinggi dari *al-Qirā’ah*. Di antara ulama yang menyamakan kedudukan *al-Qirā’ah* dan *al-Samā‘* ialah para ulama Madinah, Kufah, dan Hijjaz, al-Zuhri, Mālik b. Anas, Sufyān b. ‘Uyaynah, Imām al-Bukhārī dan lain-lain. Manakala Abū Hanīfah, Abū Dhi‘b dan beberapa ulama lain menilai *al-Qirā’ah* lebih tinggi daripada *al-Samā‘*. Ibn Kathīr (t.t.), *Op.cit.* Lihat juga Badr al-Dīn (t.t.), *Op.cit.*, h. 81. Lihat juga Ibn al-Šalāh (1986), *Op.cit.*, h. 138. Perbincangan mengenai khilaf ulama terhadap kedudukan kaedah *al-Qirā’ah* ini dapat dilihat dengan lebih lanjut di dalam disertasi M. Syuhudi Isma‘il (1998), *Op.cit.*, h. 55. M. Syuhudi Isma‘il di dalam tesisnya berpandangan bahawa kaedah *al-Qirā’ah*, apabila dilihat dari proses pemeriksaan terhadap hadith yang dibacakan dihadapan guru, lebih berpeluang untuk terhindar dari kesalahan berbanding *al-Samā‘*. Menurut beliau, murid kemungkinan membaca hadith berdasarkan kitab atau hafalannya. Maka setiap dari teguran dan kenyataan guru merupakan penguat terhadap hadith yang dibacakan. Malahan sebelum seseorang murid membacakan hadith di hadapan guru, sudah pasti ia menyemak dan memeriksa hadith yang akan dibaca. Dalam hal ini, guru umpana pemeriksa terakhir terhadap hadith yang telah diperiksa oleh murid. Dengan alasan yang telah diberikan ini, M. Syuhudi menyatakan penerimaan riwayat dengan cara *al-Qirā’ah* pada dasarnya lebih korektif daripada penerimaan riwayat dengan cara *al-Samā‘*. Walau bagaimanapun penulis tidak sepakat dengan M. Syuhudi kerana apabila merujuk kepada karangan Muḥammad Muṣṭafā ‘Azamī mengenai hal ini, jelas dinyatakan bahawa di dalam kaedah *al-Samā‘* terdapat beberapa aktiviti yang dapat mengukuhkan lagi sesebuah hadith yang diterima melalui periyawatan *al-Samā‘*. Menurut Muṣṭafā ‘Azamī kaedah *al-Samā‘* perlu mempunyai 4 ciri iaitu penyampaian hadith secara lisan oleh guru, pembacaan guru dari kitab-kitab, pertanyaan dan jawapan dan pembacaan guru kepada pelajar dan pelajar mencatatkannya. Ciri yang terakhir dibahagikan pula kepada amalan *mustamlis*, memilih seseorang untuk menulis dan menyemak semula oleh guru terhadap salinan-salinan. Pembahagian ini telah diuraikan oleh penulis sebelum ini. Dengan uraian yang diberikan oleh Muṣṭafā ‘Azamī, maka kaedah *al-Samā‘* sebenarnya lebih korektif apabila lagi jumhur sepakat meletakkan *al-Samā‘* sebagai kaedah tertinggi. Lihat juga Muḥammad Muṣṭafā ‘Azamī (1988), *Op.cit.*, h. 43.

3. *Ijāzah*: Keizinan guru kepada murid untuk menyampaikan sebuah hadith atau kitab yang ada padanya.

Melalui kaedah ini, guru akan mengizinkan seseorang murid untuk meriwayatkan hadith, atau kitab<sup>106</sup> berdasarkan keautoriannya tanpa harus membacakan hadith atau kitab tersebut.<sup>107</sup> Ia boleh digambarkan seperti guru melafazkan kata أجزت لك ان تروي عن صحيح البخاري ”. Namun bentuk keizinan tidak hanya dituturkan melalui lisan bahkan melalui tulisan.<sup>108</sup> Ulama telah berselisih pandangan mengenai keharusan menggunakan kaedah ini dalam meriwayatkan hadith. Ibn al-Šalāḥ telah membantah apa yang diriwayatkan oleh al-Rabi’ daripada Imām al-Syāfi’ī yang menyatakan tegahan penggunaan kaedah ini.<sup>109</sup> Dalam beberapa keadaan, ia seolah-olah merupakan suatu pengamanan kepada teks hadith, contohnya apabila A mengizinkan B untuk meriwayatkan *Sahīh al-Bukhārī*, maka B harus menemukan salinan *Sahīh al-Bukhārī* yang mempunyai pembacaan yang memuatkan nama A. Maka dengan itu, teks hadith dapat dipelihara dan dijaga tanpa sebarang perubahan.<sup>110</sup>

Oleh yang demikian, ulama sepakat mengharuskan periwayatan hadith menggunakan kaedah *al-Ijāzah* berdasarkan beberapa perbahasan yang telah dibahagikan kepada lima bahagian.<sup>111</sup> Pembahagian *al-Ijāzah* secara umum adalah seperti berikut:

<sup>106</sup> Sama ada kitab guru tersebut atau kitab yang memuatkan hadith yang tidak didengari darinya dan tidak dibaca kepadanya. Lihat Nūr al-Dīn al-‘Itr (1979), *Manhāj al-Naqd fi ‘Ulūm al-Ḥadīth*, Damsyiq: Dār al-Fikr, c. 2, h. 215.

<sup>107</sup> Keizinan diberikan tanpa pembacaan guru kepada murid, atau pembacaan murid kepada guru. Lihat Syarf Maḥmūd Qudāh (2003), *Op.cit.*, h. 39. Lihat juga Muḥammad Muṣṭafā ‘Azamī (1955), *Op.cit.*, h. 41.

<sup>108</sup> Muḥammad Maḥfūz b. ‘Abd Allah al-Tirmisi (1974), *Manhāj Dhāw Naẓar fi Syarḥ Manzūmah ‘Ilm al-Āthār*, Mesir: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlāduh.

<sup>109</sup> Ibn Kathīr (t.t.), *Op.cit.*, h. 114. Walaupun al-Rabi’ī meriwayatkan kata-kata Imam al-Syāfi’ī, namun beliau sendiri turut tidak mempersetujui pandangan Imām al-Syāfi’ī tersebut. Lihat Ibn al-Šalāḥ (1986), *Op.cit.*, h. 152.

<sup>110</sup> Muḥammad Muṣṭafā ‘Azamī (1995), *Op.cit.* h. 41.

<sup>111</sup> Ibn al-Šalāḥ (1986), *Op.cit.*, h. 151. Namun terdapat beberapa ulama yang membahagikannya kepada enam atau tujuh seperti yang dilakukan oleh al-Qādī al-‘Iyādī dalam kitabnya *al-Ilmā*’ dan Ibn al-Šalāḥ melalui kitabnya ‘Ulūm al-Ḥadīth. Ibn al-Šalāḥ telah menambah dua jenis *al-Ijāzah iaitu al-Ijāzah Mā Lam Yasma’uhu al-Mujayyiz* (memberi keizinan kepada seseorang untuk meriwayatkan hadith yang tidak mendapat keizinan oleh guru kepada murid tersebut) dan *al-Ijāzah al-Mujāz* (memberi keizinan kepada seseorang untuk meriwayatkan hadith yang telah diizinkan oleh guru kepada murid tersebut). Penambahan jenis pertama telah disepakati oleh ulama terhadap larangan mengamalkannya manakala penambahan jenis kedua disepakati keharusan mengamalkannya.

## • أَنْ يَجِيزَ لِمَعِينٍ فِي مَعِينٍ

Seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini, ia berupa periwayatan oleh guru terhadap hadith tertentu kepada murid tertentu. Contohnya guru menyatakan kepada seseorang, “aku mengizinkan kamu meriwayatkan hadith ini atau aku mengizinkan kamu meriwayatkan kitab *sahīḥ al-Bukhārī*”.<sup>112</sup> Jumhur ulama telah sepakat bahawa kaedah *ijāzah* menurut jenis ini adalah diharuskan walaupun terdapat sebahagian ulama yang menolaknya. Syarf Maḥmūd al-Qudāh menyebut bahawa jumhur ulama menerima dengan syarat salinan guru disahkan dengan salinan lain yang ditulis oleh guru tersebut atau dengan kitab yang menjadi rujukannya.<sup>113</sup>

## • أَنْ يَجِيزَ مَعِيناً بِغَيْرِ مَعِينٍ

Merupakan periwayatan hadith tertentu oleh seorang guru kepada seseorang yang tidak khusus seperti guru menyatakan, “aku mengizinkan hadith ini atau kitab ini diriwayatkan oleh semua orang yang mendengar daripadaku”.<sup>114</sup> Jumhur ulama hadith, fiqh dan lain-lain juga sepakat mengharuskan periwayatan hadith melalui kaedah ini.

## • أَنْ يَجِيزَ لِغَيْرِ مَعِينٍ بِوَصْفِ عَمُومٍ

Periwayatan hadith berdasarkan jenis ini pula adalah apabila guru memberi keizinan meriwayatkan hadith kepada seseorang yang bersifat umum.<sup>115</sup> Ia dapat digambarkan dengan kata-kata guru yang menyebut bahawa aku meriwayatkan hadith ini kepada seluruh umat Islam. Para ulama juga turut mengharuskan periwayatan hadith menggunakan jenis ini tetapi dengan syarat seseorang yang diberi keizinan mestilah

<sup>112</sup> Maḥmūd Taḥḥān (1994), *Op.cit.*, h. 125. Lihat juga Ibn Kathīr (t.t), *Op.cit.*, h. 114. Lihat juga Nūr al-Dīn al-‘Itr (t.t), *Op.cit.*, h. 216.

<sup>113</sup> Syarf Maḥmūd al-Qudāh (2003), *Op.cit.*, h. 39.

<sup>114</sup> Maḥmūd Taḥḥān (1994), *Op.cit.* Lihat juga Ibn Kathīr (t.t), *Op.cit.* Lihat juga Nūr al-Dīn al-‘Itr (t.t), *Op.cit.*

<sup>115</sup> *Ibid.*

berada di tempat di mana proses *ijāzah* berlangsung. Memetik riwayat Abī ‘Abdullah bin Mandah al-Hāfiẓ berkata, “aku mengizinkan kepada semua yang berkata *Lā Ilāha Illa Allah*.<sup>116</sup> Petikan ini jelas menunjukkan bahawa Abī ‘Abdullah telah melakukan *ijāzah* melalui pembahagian ini. Ia juga turut dipersetujui keharusannya oleh al-Qādī Abū al-Tayyib al-Tabarī berdasarkan keizinan meriwayatkan hadith oleh al-Khaṭīb al-Baghdādī kepada semua umat Islam yang mengelilinginya pada ketika itu.<sup>117</sup>

#### • أَنْ يَحِيزْ بِمَجْهُولٍ أَوْ الْمَجْهُول

Pembahagian ini pula merupakan periyawatan seorang guru terhadap hadith yang tidak diketahui kepada seseorang yang tidak dikenali. Ia berlaku ketika guru menyatakan, “aku memberi izin kepada kamu untuk meriwayatkan hadith di dalam kitab *al-Sunan*, di mana aku telah meriwayatkan beberapa hadith di dalamnya”. Ia juga boleh berlaku apabila guru menyebut, “aku memberi keizinan untuk meriwayatkan hadith kepada Muḥammad bin Khālid al-Dimasyq sedangkan di luar sana terdapat ramai yang menggunakan nama seperti itu”.<sup>118</sup> Sebahagian ulama menyatakan keburukan meriwayatkan hadith melalui kaedah ini.<sup>119</sup> Namun sebahagian yang lain menyatakan keharusannya dengan meletakkan syarat. Ia berlaku ketika guru menyatakan, “aku memberi keizinan kepada sesiapa yang aku kehendaki”. Syaratnya apabila orang yang dikehendaki itu terdiri di kalangan ahli hadith.<sup>120</sup>

#### • الْإِجَازَةُ لِلْمَعْدُومِ

Merupakan periyawatan hadith kepada seseorang dan keturunannya. Ia turut dikenali dengan *ijāzah* kepada seorang budak kecil. Perihal ini adalah seperti guru

<sup>116</sup> Ibu al-Ṣalāḥ (1986), *Op.cit.*, h. 155.

<sup>117</sup> *Ibid.*

<sup>118</sup> Maḥmūd Taḥḥān (1994), *Op.cit.*, h. 125.

<sup>119</sup> Nūr al-Dīn al-‘Itr (1979), *Op.cit.*, h. 216.

<sup>120</sup> Al-Khaṭīb al-Baghdādī (1969), *Majmū‘ah Rasā’il fī ‘Ulūm al-Hadīth taḥqīq Suḥbā al-Badrī al-Sāmurā’ī*, Madinah: al-Maktabah al-Salafiyyah, c. 1, h. 79.

menyebut, “aku meriwayatkan hadith kepada kamu dan kepada orang yang lahir melalui zuriat atau keturunanmu”.<sup>121</sup> Boleh juga berlaku apabila guru menyebut bahawa aku meriwayatkan hadith ini kepada orang yang lahir daripada keturunan si fulan. Di dalam *al-Taqrīb wa al-Tadrīb* telah dinukilkan bahawa terdapat sebilangan ulama yang menolak kaedah ini. Malah Ibn Ḥazm menyatakan bahawa ia adalah bid‘ah. Namun jumhur ulama seperti Imām al-Nawawī, al-Khaṭīb al-Baghdādī dan Abī al-Farā’ al-Ḥanbalī telah mengharuskan periwayatan hadith melalui kaedah ini.<sup>122</sup>

#### 4. *Al-Munāwalah*: Menyerahkan kepada seseorang bahan tertulis untuk diriwayatkan.

Kaedah *al-Munawalah* terbahagi kepada dua bahagian. Pertama *al-Munāwalah al-Maqrūnah bi al-Ijāzah* dan kedua *al-Munāwalah al-Mujarradah ‘an al-Ijāzah*.<sup>123</sup> Bentuk yang pertama merupakan pemberian kitab yang memuatkan hadith-hadith yang didengarinya kepada murid dengan menyatakan “riwayatkanlah hadith-hadith di dalam ini daripadaku”.<sup>124</sup> Ini menunjukkan pemberian tersebut disudahi dengan keizinan untuk meriwayatkan hadith-hadith di dalamnya. Ia juga mungkin berlaku apabila murid membawa sebuah kitab (untuk diamati dan dicermati kandungan hadith di dalamnya) kepada guru. Setelah diyakini hadith-hadith di dalamnya, guru akan memulangkan kembali kitab tersebut dan menyatakan, “aku telah mendapati hadith-hadith di dalam ini merupakan hadithku daripada si fulan, atau riwayatku daripada guruku, maka riwayatkanlah ia daripadaku”.<sup>125</sup> Al-Ḥākim menyebut ulama terdahulu seperti al-Zuhri, Rabī‘ah, Yaḥyā bin Sa‘īd al-Anṣārī, Ibn Wahāb, Ibn Qāsim dan kebanyakan ahli hadith menyatakan kedudukannya adalah sama seperti *al-Samā‘*.<sup>126</sup> Manakala jumhur ‘ulamā’

<sup>121</sup> Mahmūd Ṭāḥejān (1994), *Op.cit.* Lihat juga Nūr al-Dīn al-‘Itr (1969), *Op.cit.*

<sup>122</sup> Al-Qāsimī (1961), *Op.cit.*, h. 203. Lihat juga Al-Khaṭīb al-Baghdādī (1969), *Op.cit.*, h. 83.

<sup>123</sup> Ibn Kathīr (t.t), *Op.cit.*, h. 118. Lihat juga Ibn Ṣalāh (1986), *Op.cit.*, h. 165. Lihat juga Mahmūd Ṭāḥejān (1994), *Op.cit.*, h. 126-127. Nūr al-Dīn al-‘Itr di dalam kitabnya *Manhāj Naqd fi ‘Ulūm al-Hadīth* telah membahagikan pembahagian yang pertama yakni *al-Munāwalah al-Maqrūnah bi al-Ijāzah* kepada dua iaitu *al-Munāwalah al-Maqrūnah bi al-Ijāzah ma‘a Tamkīn min al-Nasakh* dan *al-Munāwalah al-Maqrūnah bi al-Ijāzah min Ghayr Tamkīn min al-Nasakh*. Lihat Nūr al-Dīn al-‘Itr (1979), *Op.cit.*, h. 217-218.

<sup>124</sup> Ibn Kathīr (t.t), *Op.cit.*

<sup>125</sup> Ia juga dikenali sebagai ‘ard *al-Munāwalah*. Lihat Badr al-Dīn (t.t), *Op.cit.*, h. 88. Lihat juga Ibn Ṣalāh (1986), *Op.cit.*, h. 166.

<sup>126</sup> Ibn Kathīr (t.t), *Op.cit.*, h. 118. Lihat juga Badr al-Dīn (t.t), *ibid*. Lihat juga Ibn Ṣalāh (1986), *ibid*.

*fuqahā*', Imām al-Syāfi‘ī, Abū Ḥanīfah, Sufyān al-Thawrī, al-Awza‘ī dan lain-lain di kalangan ulama terkemudian tidak melihat ia mempunyai kedudukan yang sama dengan *al-Samā‘*.<sup>127</sup> Kaedah ini telah diakui keharusannya oleh jumhur ulama.<sup>128</sup>

Pembahagian kedua pula ialah *al-Munāwalah al-Mujarradah ‘an al-Ijāzah* di mana guru memberikan kitab kepada murid dan menyatakan, “di dalam kitab ini mengandungi hadith-hadith yang telah aku dengar” dan tidak menyatakan keizinan meriwayatkannya.<sup>129</sup> Perbezaan yang pertama dan kedua ialah pembahagian kedua tidak dinyatakan keizinan untuk meriwayatkan hadith-hadith di dalam kitab tersebut. Oleh demikian, kebanyakan ulama telah menetapkan bahawa tidak harus meriwayatkan hadith melaluinya walaupun terdapat pandangan yang mengharuskan.<sup>130</sup>

##### 5. *Al-Kitābah*: Menuliskan hadith untuk seseorang.

Kaedah ini merupakan penetapan seorang guru menulis sesuatu hadith kepada murid yang hadir di sisinya atau murid yang tiada di hadapannya. Bagi murid yang tiada di sisinya, guru akan menulis hadith kemudian mengutuskan kepada murid tersebut.<sup>131</sup> Penulisan hadith adalah ditulis oleh guru itu sendiri atau ia menyuruh seseorang yang lain untuk membantunya menulis.<sup>132</sup> Menurut Muṣṭafā ‘Azāmī, kaedah ini seolah-olah seperti mempelajari hadith melalui surat-menyurat. Malah iatelah muncul ketika awal

<sup>127</sup> Ibn Kathīr (t.t), *ibid.* Lihat juga Ibn Ṣalāḥ (1972), *ibid.*, h. 167. Imām al-Suyūṭī menyebut di dalam kitabnya *Tadrīb al-Rāwī* bahawa Imām al-Syāfi‘ī menghendaki *al-Qirā‘ah* bukannya *al-Ijāzah* dalam *al-Munāwalah*. Ia adalah berdasarkan kepada sirah Nabi Muhammad s.a.w. yang menulis sesuatu kepada Amir mengenai perihal yang dirahsiakan. Baginda s.a.w. melarang membacanya sehingga sampai ke destinasi. Apabila telah tiba, maka ia diperintahkan untuk membaca apa yang telah ditulis oleh baginda kepada penduduk tempat tersebut. Berdasarkan peristiwa ini, al-Bukhārī menyatakan *al-Qirā‘ah* penting dalam penyampaian ilmu. Oleh kerana itu al-Suhaylī menyatakan bahawa inilah yang dikehendaki oleh al-Bukhārī untuk mensahihkan *al-Munāwalah*. Al-Bulqīnī pula menyatakan dalil yang disebut oleh al-Hākim berdasarkan hadith daripada Ibn ‘Abbās menunjukkan bahawa *al-Munāwalah* adalah diperbolehkan. Riwayat tersebut mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. mengutuskan sebuah kitab ke Kusra. Baginda s.a.w. memerintahkan ‘Abd Allah untuk membawa kitab tersebut kepada ‘Azīm al-Bahrain dan dibawa ke Kusra. Sirah ini menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah melakukan *al-Munāwalah* ketika mengutuskan kitab tersebut. Lihat Ibn Kathīr (t.t), *ibid.*, h. 118-119. Lihat juga Syarf Maḥmūd al-Qudāh (2003), *Op.cit.*, h. 38.

<sup>128</sup> Syarf Maḥmūd al-Qudāh (2003), *ibid.*

<sup>129</sup> Al-Qāsimī (1961), *Op.cit.*, h. 204. Lihat juga Ibn al-Ṣalāḥ (1986), *Op.cit.*, h. 169. Lihat juga Aḥmad Muḥammad Syākir (t.t), *Alftiyah al-Suyūṭī fi ‘Ilm al-Hadīth*, t.t: al-Maktabah al-‘Ilmiyah, h. 68.

<sup>130</sup> *Ibid.* Lihat juga Syarf Maḥmūd al-Qudāh (2003), *Op.cit.* Pandangan sebahagian ulama yang mengharuskannya adalah kerana mereka berpendapat bahawa *ijāzah* tidak menjadi syarat dalam menaqalkan ilmu bahkan sudah memadai apabila murid mengetahui dan mengenali tulisan guru. Lihat Syarf Maḥmūd al-Qudāh (2003), *ibid.*, h. 40.

<sup>131</sup> Aḥmad Muḥammad Syākir (t.t), *Op.cit.*, h. 69. Lihat juga Nūr al-Dīn al-‘Itr (1979), *Op.cit.*, h. 218.

<sup>132</sup> Ibn al-Ṣalāḥ (1986), *Op.cit.*, h. 173.

zaman perkembangan Islam apabila surat-surat rasmi khalifah al-Rāsyidīn mengandungi banyak hadith yang diriwayatkan oleh para ulama.<sup>133</sup>

*Al-Kitābah* terbahagi kepada dua bahagian iaitu *al-Mukātabah ‘an al-Ijāzah* dan *al-Mukātabah Mujarrad ‘an al-Ijāzah*.<sup>134</sup> *Al-Mukātabah* yang disertai dengan izin adalah seperti guru menyebut, “aku memberi keizinan kepada kamu terhadap apa yang telah aku tuliskan kepada kamu”.<sup>135</sup> Ahmad Muhammad Syākir menyebut ketika mensyarahkan kitab *Alfiyyah al-Suyūṭī* bahawa *al-Mukātabah ‘an al-Ijāzah* lebih *rajiḥ* daripada *al-Munāwalah al-Maqrūnah bi al-Ijāzah* bahkan lebih *rajiḥ* daripada *al-Samā‘*.<sup>136</sup> Walau bagaimanapun kebanyakan ulama berpandangan bahawa ia hanya lah mempunyai kesahihan dan kekuatan yang sama seperti *al-Munāwalah al-Maqrūnah bi al-Ijāzah*.<sup>137</sup>

*Al-Mukātabah* yang tidak disertai dengan *ijāzah* pula telah dipersetujui oleh ulama *mutaqaddimīn* dan *mutaakhirīn* keharusan periwayatan hadith-hadithnya. Di antara mereka ialah Ayyūb al-Sakhṭiyānī, al-Layth bin Sa‘ad, Manṣūr, para *fuqahā‘ al-Syāfi‘iyyah*, dan lain-lain.<sup>138</sup> Menurut Ibn al-Šalāḥ, walaupun tidak disertai dengan *ijāzah*, namun ia hanya lah sekadar lafaz semata-mata. Dari sudut makna, ia tetap diiringi dengan *ijāzah*. Ini kerana memadai bagi murid mengetahui dan mengenali tulisan si penulis ‘guru’ tanpa perlu dijelaskan keizinannya.<sup>139</sup>

<sup>133</sup> Muhammad Muṣṭafā ‘Azamī (1988), *Op.cit.*, h. 44-45.

<sup>134</sup> Ibn al-Šalāḥ (1986), *Op.cit.* Lihat juga Maḥmūd Taḥḥān (1994), *Op.cit.*, h. 127. Lihat juga Ibn Kathīr (t.t.), *Op.cit.*, h. 120. Lihat juga Badr al-Dīn (t.t.), *Op.cit.*, h. 90.

<sup>135</sup> Maḥmūd Taḥḥān (1994), *ibid.*

<sup>136</sup> Ahmad Muhammad Syākir (t.t.), *Op.cit.*, h. 69.

<sup>137</sup> Ibn al-Šalāḥ (1986), *Op.cit.* h. 174. Maḥmūd Taḥḥān (1994), *Op.cit.*, h. 128.

<sup>138</sup> Ibn al-Šalāḥ (1986), *ibid.* Lihat juga Ibn Kathīr (t.t.), *Op.cit.* Lihat juga Badr al-Dīn (t.t.), *Op.cit.*

<sup>139</sup> Ibn al-Šalāḥ (1986), *ibid.*

6. *Al-I'lām*: Pemberitahuan guru kepada murid mengenai hadith atau kitab yang didengari atau diriwayatkan tanpa keizinan memanjangkan periwayatannya.

*Al-I'lām* merupakan satu bentuk pemberitahuan guru kepada murid bahawa hadith atau kitab ini telah didengari dan diriwayatkannya dari si fulan tanpa melafazkan, “riwayatkanlah hadith atau kitab ini daripadaku” atau “aku mengizinkan kamu untuk meriwayatkannya”.<sup>140</sup> Ulama khilaf terhadap hukum periwayatannya. Ibn al-Šalāḥ melarang beramal dengannya<sup>141</sup> kerana: (a) Hadith yang dinyatakan itu mempunyai ‘illah, maka guru tidak memberikan keizinan meriwayatkannya. (b) Periwayatan cara *al-I'lām* seumpama pemberitahuan seorang saksi kepada seseorang yang lain, kemudian penyataan saksi tersebut disampaikan oleh yang mendengar kepada orang lain tanpa izin saksi yang asal.<sup>142</sup> Ia bersesuaian dan berkait rapat dengan kaedah yang dinyatakan oleh Ahmad Syākir iaitu *al-Syahādah 'alā al-Syahādah* ‘penyaksian atas penyaksian’. Maka tidak akan diterima penyaksian orang yang kedua tanpa izin yang pertama.<sup>143</sup>

Sebahagian ulama hadith dan fiqh, Ibn Jurayḥ dan Ibn Sibāgh telah mengharuskannya<sup>144</sup> berdasarkan kepada beberapa sebab: (a) Menolak pendirian Ibn al-Šalāḥ dengan menyatakan bahawa tidak semestinya hadith tanpa keizinan meriwayatkannya mempunyai ‘illah kerana tidak mungkin guru meriwayatkan hadith yang tidak boleh dipanjangkan periwayatannya. (b) Al-Qādī ‘Iyād menjawab mengenai analogi *al-I'lām* dengan penyaksian seseorang tanpa izin saksi yang asal adalah tidak tepat kerana syariat Islam telah menggariskan syarat penyaksian perlu kepada izin sedangkan periwayatan hadith tidak semestinya memerlukan keizinan.<sup>145</sup> Ia juga sangat berlainan dengan periwayatan hadith. (c) Apabila kaedah *al-Samā'* dan *al-Qirā'ah* dinyatakan

<sup>140</sup> Ibn al-Šalāḥ (1986), *ibid.*, h. 175. Lihat juga Ahmad Muḥammad Syākir (t.t), *Op.cit.*, h. 70. Lihat juga Nūr al-Dīn al-‘Itr (1994), *Op.cit.*, h. 219.

<sup>141</sup> Nūr al-Dīn al-‘Itr (1994), *ibid.*

<sup>142</sup> Ibn al-Šalāḥ (1986), *Op.cit.*, h. 175. Lihat juga M. Syuhudi Isma‘il (1989), *Op.cit.*, h. 59.

<sup>143</sup> Ahmad Muḥammad Syākir (t.t), *Op.cit.*, h. 70. Lihat juga Ibn Kathīr (t.t), *Op.cit.*, h. 121.

<sup>144</sup> Badr al-Dīn (t.t), *Op.cit.*, h. 90. Lihat juga Al-Qāsimī (1960), *Op.cit.*, h. 204.

<sup>145</sup> Syarf Maḥmūd al-Qudāh (2003), *Op.cit.* h. 40.

keharusannya walaupun tanpa keizinan guru, maka perlu juga diakui melalui kaedah ini.<sup>146</sup> Oleh yang demikian pandangan golongan yang mengharuskannya adalah lebih kuat dan *rajīḥ*.

#### 7. *Al-Wāsiyyah*: Mewasiatkan kitab kepada seseorang.

Kaedah yang ketujuh merupakan *al-Wāsiyyah* di mana guru mewasiatkan kepada murid kitab yang mengandungi hadith riwayatnya sama ada wasiat tersebut diberi sebelum ia musafir atau ketika ajalnya hampir tiba.<sup>147</sup> *Al-Wāsiyyah* yang dituruti dengan keizinan adalah sama dengan *al-Munāwalah*.<sup>148</sup> Namun seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, *ijāzah* bukanlah suatu syarat dalam menaqalkan hadith. Ia juga sudah memadai dan boleh diterima dengan syarat murid mengenali tulisan guru sebagaimana yang telah dibincangkan dalam *al-Kitābah*.<sup>149</sup> Oleh demikian, walaupun ulama khilaf mengenai hukum periwayatannya namun yang *rajīḥ* ialah harus.<sup>150</sup>

#### 8. *Al-Wijādah*: Menjumpai buku atau hadith yang ditulis seseorang.

*Al-Wijādah* merupakan kaedah penerimaan hadith melalui penemuan kitab yang mengandungi hadith dengan sanad penulisnya sendiri.<sup>151</sup> Ahmad Muḥammad Syākir menyebut bahawa *al-Wijādah* bukanlah satu bentuk periwayatan hadith, malah ia merupakan penceritaan seseorang terhadap hadith yang telah dijumpainya dalam sesbuah kitab.<sup>152</sup> Individu tersebut kemungkinan menjumpai hadith ketika bersama atau tidak dengan penulis, pernah atau tidak pernah bertemu, dan pernah atau tidak pernah meriwayatkan hadithnya.<sup>153</sup> Mengulas lanjut mengenai kaedah ini, Ahmad

<sup>146</sup> Ahmad Muḥammad Syākir (t.t.), *Op.cit.* Lihat juga Ibn al-Ṣalāḥ (1986), *Op.cit.* h. 176. Lihat juga M. Syuhudi Isma‘il (1989), *Op.cit.*, h. 59.

<sup>147</sup> Mahmūd Tahhān (1994), *Op.cit.*, h. 128.

<sup>148</sup> Al-Qāsimī (1961), *Op.cit.*, h. 204. Lihat juga Nūr al-Dīn al-‘Itr (1979), *Op.cit.*, h. 220.

<sup>149</sup> Syarif Maḥmūd al-Qudāh (2003), *Op.cit.* h. 40.

<sup>150</sup> *Ibid.* Lihat juga Al-Qāsimī (1961), *Op.cit.* Lihat juga Ahmad Muḥammad Syākir (t.t.), *Op.cit.*, h. 71.

<sup>151</sup> Nūr al-Dīn al-‘Itr (1979), *Op.cit.*, h. 220.

<sup>152</sup> Ibn Kathīr (t.t.), *Op.cit.*, h. 123.

<sup>153</sup> Ibn al-Ṣalāḥ (1986), *Op.cit.*, h. 178. Lihat juga M. Syuhudi Isma‘il (1989), *Op.cit.*, h. 60.

Muhammad Syākir dilihat sebagai seorang yang tidak hanya mementingkan pemeliharaan kualiti periyawatan hadith semata-mata malah turut menekankan aspek pemeliharaan pemakaian istilah hadith. Penggunaan istilah *haddathanā* ketika meriyatkan hadith melalui kaedah ini merupakan perbuatan yang tidak terpuji kerana telah menyelewengkan pemahaman istilah seterusnya melakukan pemindahan hadith secara dusta.<sup>154</sup> Nūr al-Dīn al-‘Itr juga menyebut apabila seseorang meriyatkan hadith dengan lafaz *haddathanā* maka tidak boleh meriyatkan hadith tersebut secara mutlak.<sup>155</sup>

Sebahagian ulama hadith dan ‘ulamā’ *al-Mālikī* tidak mengharuskan periyatannya. Manakala sebahagian yang lain di kalangan ‘ulamā’ *al-Syāfi‘īyyah* pula telah mengharuskannya.<sup>156</sup> Menurut Maḥmūd Ṭahhān, walaupun periyawatan hadith melalui kaedah ini boleh dikategorikan sebagai *hadīth al-Munqati‘* tetapi cara periyatannya tetap diterima<sup>157</sup> sekiranya di dasari dengan beberapa syarat: (a) Tulisan hadith yang dijumpai telah dikenal pasti perawinya seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. (b) Istilah yang digunakan dalam periyawatan mestalah menunjukkan bahawa ia diambil melalui kaedah ini iaitu اخبرني فلان انه بخط فلان , قرأت في كتاب فلان كذا , وجدت بخط فلان dan lain-lain.<sup>158</sup>

<sup>154</sup> Ibn Kathīr (t.t), *Op.cit.*, h. 125-126. Lihat juga M. Syuhudi Isma‘il (1989), *ibid.*

<sup>155</sup> Nūr al-Dīn al-‘Itr (1405h), *Op.cit.*, h. 220-221.

<sup>156</sup> Badr al-Dīn (t.t), *Op.cit.*, h. 92. Lihat juga Nūr al-Dīn al-‘Itr (1405h), *ibid.*, h. 221. Lihat juga Al-Qāsimī (1961), *Op.cit.*

<sup>157</sup> Maḥmūd al-Ṭahhān (1405h), *Op.cit.*, h. 129.

<sup>158</sup> Syarif Maḥmūd al-Qudāh (2003), *Op.cit.* Lihat juga M. Syuhudi Isma‘il (1989), *Op.cit.*

### **1.3 AL-MUŞAHHAF SEBAGAI PIAWAIAN PEMELIHARAAN PENULISAN HADITH**

*Al-Muşahħaf* merupakan cabang penting dalam ‘ulūm al-Hadīth. Ia memerlukan kepada kesabaran yang tinggi, penelitian yang mendalam, penyemakan secara berhati-hati dan mempunyai kefahaman yang jelas bagi merungkai setiap kesalahan yang berlaku pada sesebuah hadith.<sup>159</sup> Oleh demikian, para ulama telah membahagikannya kepada beberapa bahagian sebagai peringatan kepada para penuntut ilmu terhadap asbab musabab kemunculan permasalahan ini. Pemahaman konsep ilmu ini merupakan salah satu usaha pemeliharaan teks hadith di dalam kitab.

#### **1.3.1 Pengertian *al-Muşahħaf*.**

Sebagaimana yang dibincangkan di dalam beberapa buah kitab ‘ulūm al-Hadīth, sebahagian ulama telah menukilkan perbahasan *al-Muşahħaf* berserta *al-Muħarraf*. Namun ulama seperti al-Qudāmī tidak membezakan di antara perbincangan *al-Muşahħaf* dan *al-Muħarraf*. Ibn Manzūr dan kebanyakan para pengkritik hadith seperti al-Qudāmī dan al-Mu’rī<sup>160</sup> juga tidak membezakan di antara keduanya kerana ia merupakan kekeliruan melalui pengambilan hadith dari kitab (tulisan) dan tidak dinukilkan dengan metode *al-Samā‘*.<sup>161</sup> Ini dapat dilihat dengan beberapa pendefinisian oleh beberapa ulama yang menjelaskan maksud *al-Muşahħaf* secara umum. Di antaranya pengertian *al-Muşahħaf* pada bahasa adalah kata nama bagi kalimah (التصحيف) iaitu kesalahan pada lembaran di mana sesetengah kalimah mempunyai

<sup>159</sup> Ibid., h. 141. Lihat juga Fauzi Deraman (1997), *Kedudukan Hadith Dalam Kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-Karya Syeikh Dawud bin ‘Abd Allah al-Fatani*, Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 318.

<sup>160</sup> Astīrī Jamāl (1997), *Op.cit.* h. 22.

<sup>161</sup> Subḥī al-Šāliḥ (2007), ‘Ulūm al-Hadīth wa Muṣṭalāḥuhu’, Tim Pustakan Firdaus (terj.), Jakarta: Pustakan Firdaus, h. 234.

kesilapan yang berpunca daripada kesalahan ketika membaca dan menulis.<sup>162</sup> Dari segi istilah pula ia bermaksud perubahan pada kalimah hadith yang diriwayatkan oleh perawi *thiqah* sama ada lafaz atau makna.<sup>163</sup> Manakala *hadith al-Muṣahḥaf* diertikan sebagai hadith yang berlaku padanya beberapa perubahan kalimah.<sup>164</sup> Justeru itu, mereka menyatakan *muṣahḥaf* ialah *Muḥarrar* di mana secara umumnya ia adalah suatu ilmu yang membahaskan tentang perkataan atau kalimah yang ditukar keadaan hurufnya yang asal sama ada melalui kesalahan di dalam pembacaan mahupun kesalahan di dalam penulisan.

Oleh kerana kemiripan makna di antara kedua-dua istilah ini, al-‘Askarī dalam kitabnya *al-Taṣhīf wa al-Tahrīf* telah membezakan kedua-duanya dengan berpandangan bahawa *al-Taṣhīf* merujuk kepada kesalahan yang berlaku pada huruf dan *al-Tahrīf* berlaku pada baris.<sup>165</sup> Ibn Ḥajar pula telah memberikan pengertian yang lebih khusus di mana *al-Muṣahḥaf* menurut beliau merupakan suatu perkataan yang bertukar titiknya tetapi kekal tulisannya seperti (ب ت ث ن) atau (خ ح ج) atau (ز ذ ر د) dan yang seumpamanya.<sup>166</sup> Manakala *al-Muḥarrar* merujuk kepada perubahan baris sesuatu perkataan tetapi kekal dari sudut tulisannya<sup>167</sup> atau perubahan dari sudut bentuk huruf seperti (و و) atau (غ غ) atau (ل ل) dan seumpamanya.<sup>168</sup> Namun penulis lebih cenderung untuk menerima pandangan yang menyifatkan *al-Muṣahḥaf* sebagai *al-Muḥarrar* dalam perbincangan umum kerana ia lebih mudah untuk diteliti dan difahami.

<sup>162</sup> Ibn Kathīr (2003), *al-Ba’īth al-Hathīth Syarah Ikhtisār ‘Ulūm al-Hadīth* tāḥqīq Aḥmad Muḥammad Syākir, Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, c. 2, h. 142. Lihat juga Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr al-Abādī (2005), *Op.cit.*, h. 259. Lihat juga Maḥmūd Tahḥān (1994), *Op.cit.*, h. 87.

<sup>163</sup> Maḥmūd Tahḥān (1994), *ibid.*

<sup>164</sup> Syarf Maḥmūd al-Qudāh (2003), *Op.cit.*

<sup>165</sup> Subḥī al-Ṣāliḥ (2007), *Op.cit.* Lihat juga Asṭīrī Jamāl (1997), *Op.cit.*

<sup>166</sup> Asṭīrī Jamāl (1997), *ibid.*, h. 24.

<sup>167</sup> Maḥmūd Tahḥān (1994), *Op.cit.*, h. 88. Lihat juga Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr al-Abādī (2005), *Op.cit.* Lihat juga Subḥī al-Ṣāliḥ (2007), *Op.cit.* h. 235.

<sup>168</sup> Ibn Kathīr (2003), *Op.cit.*, h. 142. Lihat juga Asṭīrī Jamāl (1997), *Op.cit.* Lihat juga Aḥmad Muḥammad Syākir (t.t.), *Op.cit.*, h. 101. Lihat juga Maḥmūd Tahḥān (1994), *ibid.* h. 88.

### 1.3.2 Pembahagian *al-Muṣahḥaf*

*Al-Muṣahḥaf* terbahagi kepada beberapa pembahagian penting iaitu pembahagian dari aspek kedudukan dan sebab-sebab kemunculannya.<sup>169</sup>

#### 1. Kedudukan

Ia terbahagi kepada dua iaitu:

- *Taṣḥīf* pada sanad: Merupakan kesalahan yang berlaku kerana pertukaran dan perubahan nama-nama perawi.<sup>170</sup> Ia lebih banyak berlaku berbanding *taṣḥīf al-Matan*<sup>171</sup> dan tidak akan menjelaskan makna hadith tetapi hanya berlaku kesalahan dalam pembacaan. Al-Jurjāni menyebut bahawa *taṣḥīf* ialah membaca sesuatu yang tidak sama dengan yang sepatutnya. Asṭirī Jamāl dalam mengomentari pandangan ini menyatakan bahawa pengertian tersebut termasuk dalam *taṣḥīf al-Sanad*.<sup>172</sup> Contoh *taṣḥīf al-Sanad*:

سمعت ابا الحسن محمد بن موسى المقرئ يقول سمعت ابا بكر محمد  
بن اسحق يقول سمعت المزنی يقول سمعت الشافعی يقول صحّف مالک  
في عمر بن عثمان وانما هو عمرو بن عثمان وفي جابر بن عتیک وانما هو  
جبر بن عتیک.<sup>173</sup>

Terjemahan: Aku mendengar Aba al-Hasan Muḥammad b. Mūsā al-Muqri' berkata: aku mendengar Abā Bakar Muḥammad b. Iṣhāq berkata: Aku mendengar al-Muzānī berkata: Aku mendengar al-Syāfi'i berkata: "Mālik telah melakukan *taṣḥīf* pada 'Umar bin 'Uthmān sedangkan dia ialah 'Amrū b. 'Uthmān dan pada Jābir b. 'Atīk sedangkan dia ialah Jabr b. 'Atīk".

<sup>169</sup> Mahmūd Tahhān (1994), *Op.cit.*, h. 87.

<sup>170</sup> Asṭirī Jamāl (1997), *Op.cit.* h. 45.

<sup>171</sup> *Ibid.*

<sup>172</sup> *Ibid.* h 24.

<sup>173</sup> Abī 'Abd Allah Muḥammad b. 'Abd Allah al-Ḥākim al-Naysābūrī (2003), *Ma'rifah 'Ulūm al-Hadīth Wakmiyyah Ajnāsih taḥqīq* Ahmad b. Fāris al-Salūm, Beirut: Dār Ibn Ḥazm, h. 444-445.

Contoh lain: (1) Mu‘ādh dibaca dengan Ma‘ādh dan Ḥudhayfah bin Asid dibaca dengan Ḥudhayfah bin Usayd.<sup>174</sup> (2) Hadith Shu‘bah daripada al-‘Awwām bin al-Mazājim yang telah dītaṣḥīfkan oleh Ibn Ma‘īn kepada al-‘Awwām bin al-Mazāhim.<sup>175</sup> (3) Kenyataan Muḥammad b. ‘Abd al-Quddus al-Muqrī’ bahawa seorang guru di Baghdad membacakan kepadaku dari Suqbān al-Thawrī dari Jaldī al-Jildā sedangkan asalnya adalah dari Sufyān al-Thawrī dari Khālid al-Hizā.<sup>176</sup>

- *Taṣḥīf* pada matan: Merupakan kesalahan yang berlaku kerana perubahan pada lafaz hadith sekali gus menyebabkan perubahan makna hadith.<sup>177</sup> Ia adalah lebih buruk berbanding *taṣḥīf al-Sanad*. Al-Fayūmī berpandangan bahawa *taṣḥīf* ialah kesalahan yang berlaku pada lafaz hadith sehingga mengubah makna hadith tersebut daripada makna asal. Astīrī Jamāl dalam menjelaskan pandangan ini menyebut bahawa ia merupakan takrif yang paling baik merujuk kepada *taṣḥīf al-Matan*.<sup>178</sup> Contoh *Taṣḥīf al-Matan*:

حدثنا زهير بن حرب ثنا اسحاق بن عيسى ثنا ابن لهيعة قال كتب الي موسى بن عقبة يقول حدثني بسر بن سعيد عن زيد بن ثابت ان رسول الله صلى الله عليه وسلم احتجم في المسجد. قلت لابن لهيعة: مسجد بيته؟ قال مسجد الرسول صلى الله عليه وسلم.

قال مسلم: وهذه الرواية فاسدة من كل جهة، فاحش خطأها في المتن والأسناد جميعاً. وابن لهيعة مصحف في متنه المغفل في اسناده. وإنما الحديث أن النبي صلى الله عليه وسلم احتجز في المسجد بخوضة أو حصير يصلّي فيها.

<sup>174</sup> Syarf Maḥmūd al-Qudāh (2003), *Op.cit.*

<sup>175</sup> Mahmūd Tahhān (1994), *Op.cit.* h. 87. Lihat juga Badr al-Dīn (t.t.), *Op.cit.*, h. 56.

<sup>176</sup> Subḥī al-Ṣāliḥ (2007), *Op.cit.* Lihat juga al-Ḥakīm al-Naysabūrī (1937), *Ma‘rifah ‘Ulūm al-Ḥadīth*, Kaherah: t.tp, h. 152. Lihat juga Ibn Kathīr (2003), *Op.cit.*

<sup>177</sup> Badr al-Dīn (t.t.), *Op.cit.*, h. 56.

<sup>178</sup> Astīrī Jamāl (1997), *Op.cit.*

<sup>179</sup> Imām Muslim (2000), *Op.cit.*, *Kitāb Salāh al-Musāfirin wa Qasruhā, Bāb Istihbāb al-Nāfiyah fī Baytihi wa Jawāzihā fī al-Masjid*, no. 213 h. 801. Lihat juga Astīrī Jamāl (1997), *ibid.*, h. 46-47. Lihat juga Ibn Kathīr (2003), *Op.cit.*

Terjemahan: *Telah menceritakan kepada kami Zuhayr b. Ḥarb, daripada Ishaq b. ‘Isā, daripada Ibn Lahi‘ah berkata telah menulis kepadaku Mūsā b. ‘Uqbah dengan berkata telah menceritakan kepadamu Basar b. Sa‘id daripada Zayd b. Thabit Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah melakukan bekam di masjid. Aku bertanya kepada Ibn Lahi‘ah: Masjid rumahnya? Dia menjawab Masjid Rasulullah s.a.w. Imām Muslim menyebut bahawa riwayat hadith ini adalah fāsid. Telah berlaku kesalahan pada matan dan keseluruhan sanadnya. Sesungguhnya Ibn Lahi‘ah telah melakukan taḥrīf pada matan dan lupa terhadap sanadnya. Hadith yang sebenar ialah “Sesungguhnya Nabi s.a.w. telah mengalas suatu ruang di masjid dengan pelepah tamar atau tikar dan baginda mendirikan solat di atasnya.*

Contoh lain: Hadith riwayat Muḥammad bin Yaḥyā dari ‘Alī telah ditaṣḥīf kalimah غَيْبَنَا (ghibbinā) kepada عَنْنَا (‘inninā). Begitu juga dengan hadith riwayat ‘Abbās b. Muḥammad al-Darwī telah berlaku taṣḥīf pada kalimah التَّارَاتُ (al-Tārāt) kepada التَّرَائِبُ (al-Tarā’ib).<sup>180</sup>

## 2. Sebab Kemunculan

Ia terbahagi pula kepada tiga iaitu:

- *Taṣḥīf Baṣar* (penglihatan) merupakan kesalahan yang paling banyak berlaku.<sup>181</sup> Ia disebabkan kesalahan yang berpunca daripada penglihatan pembaca kerana tulisan yang tidak jelas atau sesetengah perkataan yang tidak mempunyai titik.<sup>182</sup>

Contohnya: Sabda Rasulullah s.aw.:<sup>183</sup>

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ وَاتَّبَعَهُ سَتَّاً مِّنْ شَوَّالٍ<sup>184</sup>

Hadith ini telah ditaṣḥīfkan oleh Abū Bakar al-Sūlī dengan menyebut lafaz di atas seperti:

<sup>180</sup> Astīrī Jamāl (1997), *Op.cit.*, h. 434-435.

<sup>181</sup> *Ibid.*, h. 47. Lihat juga Maḥmūd Taḥḥān (1994), *Op.cit.*, h. 88. Lihat juga Fauzi Deraman (1997), *Op.cit.*,

<sup>182</sup> Maḥmūd Taḥḥān (1994), *Ibid.*

<sup>183</sup> *Ibid.* Lihat juga Muḥammad Abū Layth al-Khayr Abādī (2005), *Op.cit.*, h. 259. Lihat juga Fauzi Deraman (1997), *Op.cit.*, h. 163. Lihat juga Syarf Maḥmūd al-Qudāh (2003), *Op.cit.* Lihat juga Badr al-Dīn (t.t.), *Op.cit.*, h. 56.

<sup>184</sup> Imām Muslim (2000), *Op.cit.*, *Kitāb al-Siyām, Bāb Istiḥbāb Saum Sittah Ayyām min Syawwāl Itbā'* an li Ramadān, no. 204, h. 866.

## من صام رمضان واتبعه شيئاً من شوال

Kalimah سَّتَّا telah ditaṣḥīfkan kepada شيئاً

- *Taṣḥīf Samā‘* (pendengaran) berpunca daripada pendengaran perawi yang kurang baik atau ia berada jauh dari penyampai hadith. Sebahagian perkataan telah berlakunya kesalahan dari aspek ini kerana alunan bahasanya yang hampir sama.<sup>185</sup> Al-‘Irāqī menyebut bahawa ia boleh berlaku kepada nama dan *laqab*, atau nama dan nama bapa atau nama bapa dan *laqabnya* atau nama akhir dan nama bapanya dan berlaku pertukaran pada baris atau titik sesuatu huruf.<sup>186</sup>

Contohnya seperti mana yang dinyatakan oleh al-Dāraqutnī: Hadith yang diriwayatkan daripada عاصم بن الأ Howell ('Aṣim ibn al-Ahwāl) ditaṣḥīfkan kepada واحد (Wāsil al-Ahdab).<sup>187</sup> Begitu juga dengan hadith yang dinyatakan al-Hākim dalam kitabnya *Ma'rifah 'Ulūm al-Hadīth*, diriwayatkan oleh Syu'bah b. al-Mughīrah terdapat seorang perawi bernama بکیر (Bukayr) ditaṣḥīfkan sebahagian mereka dengan أکيل (Ukayl).<sup>188</sup>

- *Taṣḥīf lafżī* atau *ma'nawī* (perkataan atau makna) merupakan kesalahan yang berlaku pada perkataan atau pentafsiran makna sesebuah hadith. *Taṣḥīf lafżī* dapat dilihat melalui contoh-contoh yang telah dikemukakan sebelum ini. Manakala *Taṣḥīf ma'nawī* berlaku apabila perawi yang meriwayatkan hadith telah memberikan pentafsiran yang menunjukkan ia memahami makna hadith tidak seperti makna yang

<sup>185</sup> Maḥmūd Taḥḥān (1994), *Op.cit.* Lihat juga Syarif Maḥmūd al-Qudāh (2003), *Op.cit.* Lihat juga Fauzi Deraman (1997), *Op.cit.*, h. 163-164.

<sup>186</sup> Astīrī Jamāl (1997), *Op.cit.*, h. 48-49.

<sup>187</sup> Maḥmūd Taḥḥān (1994), *Op.cit.* Lihat juga Syarif Maḥmūd al-Qudāh (2003), *Op.cit.* Lihat juga Fauzi Deraman (1997), *Op.cit.*, h. 164. Lihat juga Astīrī Jamāl (1997), *Op.cit.*, h. 49. Lihat juga Ibn Kathīr (2003), *Op.cit.* h. 143.

<sup>188</sup> Astīrī Jamāl (1997), *ibid.*, h. 49-50.

sebenar.<sup>189</sup> Walau bagaimanapun perawi tersebut masih mengekalkan perkataan seperti keadaannya yang asal tanpa mentaṣḥīfannya.<sup>190</sup>

Contohnya sepetimana yang disebut oleh al-Dāraquṭnī, sesungguhnya Abū Mūsā Muḥammad b. al-Muthnā al-‘Anazī:<sup>191</sup>

نَحْنُ قَوْمٌ لَا شَرْفٌ لَّنَا مِنْ عَزَّةٍ قَدْ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
عَزَّةٌ لِّلَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَيْهِ عَزَّةٌ

Terjemahannya: *Kami merupakan satu kaum yang mempunyai kemuliaan, kami dari ‘Anazah di mana Rasulullah s.a.w. telah berdoa kepada kami.*

Abū Mūsā al-‘Anazī telah melakukan kesalahan dalam memahami hadith Rasulullah s.a.w. ini:

إِنَّ النَّبِيَّ اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَيْهِ عَزَّةٌ

Beliau menyangka Rasulullah s.a.w. telah berdoa kepada kabilahnya. Kesalahan Abū Mūsā al-‘Anazī ialah pada pentafsiran kalimah العزة (al-‘Anazah) sebagai kabilah mereka. Sedangkan yang dimaksudkan dengan العزة (al-‘Anazah) di dalam hadith tersebut ialah tombak yang diletakkan di hadapan orang yang sedang solat sebagai sempadan terhadap orang lain yang melintasi di hadapannya.

Di awal penulisan, penulis telah mengemukakan usaha-usaha yang dilakukan oleh para sahabat dalam memelihara hadith Rasulullah s.a.w. Usaha tersebut telah diteruskan oleh para ulama dengan penelitian terhadap kaedah penyampaian hadith di mana pentingnya seorang murid bertemu secara langsung dengan seorang guru untuk mendapatkan

<sup>189</sup> Mahmūd Taḥḥān (1994), *Op.cit.*

<sup>190</sup> Fauzi Deraman (1997), *Op.cit.*

<sup>191</sup> Mahmūd Taḥḥān (1994), *Op.cit.* Lihat juga Syarf Mahmūd al-Qudāh (2003), *Op.cit.* Lihat juga Fauzi Deraman (1997), *Op.cit.* Lihat juga Asṭīrī Jamāl (1997), *Op.cit.*, h. 50. Lihat juga Ibn Kathīr (2003), *Op.cit.*

sebuah matan hadith yang tepat. Kaedah-kaedah penyampaian tersebut telah memperlihatkan bahawa penyampaian hadith tidak terbatas melalui penyampaian lisan semata-mata malah turut melibatkan penyampaian berbentuk penulisan di dalam kitab. Oleh demikian, signifikannya perbincangan mengenai *al-Muṣahḥaf* adalah untuk mengetahui kesalahan teks hadith yang berlaku ketika ia mula ditulis oleh seorang guru ataupun murid.

#### **1.4 KESIMPULAN**

Proses pemeliharaan hadith telah berlaku seawal zaman penyebarannya ketika baginda s.a.w. mula mendidik para sahabat mengenai syariat Islam dan memperlihatkan sunnah melalui amal dan perbuatan. Sejurus selepas kewafatan baginda s.a.w, para sahabat telah berhadapan dengan pelbagai situasi dalam memastikan warisan nubuwah ini dapat disampaikan mengikut landasan dan maksud yang sebenar. Seterusnya komitmen yang ditunjukkan oleh para sahabat dalam memastikan kesinambungan usaha pemeliharaan hadith, telah berjaya diwarisi dari generasi ke generasi. Ketinggian paradigma para ulama dalam menyusun sebuah kerangka ilmu hadith telah memberi suatu anjakan pemikiran yang bersifat kolektif di mana masyarakat Islam boleh mempelajari, mengkaji, menilai dan mengetahui perihal sesbuah hadith sama ada ia boleh dijadikan hujah ataupun tidak.

## **BAB DUA**

### **HADITH DI ERA TEKNOLOGI DAN PEMELIHARAANNYA DI ERA ICT**

#### **2.0 PENDAHULUAN**

Peter Cochrane<sup>192</sup> pernah menyatakan bahawa untuk mengkaji dan mengulas mengenai perkembangan internet adalah umpama menembak sebutir peluru yang sedang bergerak pantas dengan menggunakan anak panah.<sup>193</sup> Ia merupakan simbolik terhadap percambahan kemajuan ICT yang berubah dengan pesat dan pantas sekali. Kewujudan internet sebagai sarana komunikasi terkini telah menghasilkan wadah penyebaran maklumat yang lebih efektif, stabil dan kukuh. Sehubungan itu, ledakan ICT telah memberi ruang kepada perkembangan ilmu di alam siber yang mendasari dan mengatasi sempadan geografi. Demikian halnya dengan perkembangan ilmu hadith yang tidak ketinggalan dalam mengecapi arus kemajuan tersebut. Ia telah membuka suatu dimensi baru kepada pengajian hadith di Internet. Buktinya telah wujud beribu-ribu laman web berorganisasi, khusus membicarakan dan memberi kemudahan terhadap capaian maklumat hadith. Tidak hanya mencakupi perkembangan di alam siber, kecelikan beberapa jurutera teknologi Muslim telah membawa khazanah pengajian Islam ini ke dalam pelbagai bentuk dengan kewujudan sistem perisian komputer dan telefon bimbit

---

<sup>192</sup> Profesor di BT Laboratories, United Kingdom. <http://itc.conversationsnetwork.org/shows/detail978.html> 25 Januari 2011.

<sup>193</sup> Shaikh Mohd Saifuddeen (2007), “Merombak Dan Membentuk Imej Islam Dengan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi” dalam Shaharir Mohamad Zain (ed.), *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Sains dan Teknologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 37. Seawal 1969, terbentuknya Rangkaian Agensi Projek Penyelidikan Lanjutan atau Advance Research Projects Agency Network (ARPANET) untuk kegunaan Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat yang hanya menghubungkan empat nod atau hos sahaja iaitu Universiti California di Los Angeles, SRI International, Universiti California di Santa Barbara dan Universiti Utah. Lihat Nor Azah Abdul Aziz (2009), “Internet, Laman Web Pornografi Dan Kaedah Psikopritual Islam Dalam Menangani Keruntuhan Akhlak Remaja Pelayar Laman Web Pornografi” dalam Che Zarrina Sa’ari et al. (eds), *Jurnal Usuluddin*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, UM, bil. 29, h. 147-169. Pada tahun 1983, Arpanet telah menaik taraf rangkaian protokol pusatnya dengan dikenali sebagai Internet (IT) sebagaimana yang ada pada masa kini. Greenlaw, Raymond dan Hepp, Ellen (2002). *In-line/On-line: Fundamentals of The Internet and The World Wide Web*, United States: McGraw Hill, h. 102. Lihat juga Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh (2007), *Op.cit.*, h. 39.

(software)<sup>194</sup>, e-buku atau buku elektronik (e-book)<sup>195</sup> dan Portable Document File (PDF)<sup>196</sup> sebagai usaha memperkasa, memartabatkan dan memelihara sunnah di era ICT.

Oleh demikian, bab ini akan mengetengahkan beberapa laman web dan perisian khusus di bidang hadith berserta huraian terhadap fungsi dan peranannya sebagai saluran perkembangan hadith masa kini. Seterusnya penulis akan mengkhususkan kajian berkaitan sistem sekuriti aplikasi laman web wordpress, joomla, dan PhpMyAdmin sebagai piawaian keselamatan maklumat teks hadith di internet. Selain itu, penulis juga akan melakukan analisis terhadap garis dasar ICT yang telah dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sebagai suatu penilaian pengukuhan terhadap tahap keselamatan maklumat hadith di internet dan memastikan segala proses yang melibatkan penyediaan data hadith dapat dilakukan secara baik dan berhemah.

## 2.1 HADITH DI ERA TEKNOLOGI

### 2.1.1 Laman Web

Kemunculan internet di alam siber telah membuka suatu dimensi baru terhadap perkembangan pengajian hadith melalui teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Ia

<sup>194</sup> Istilah umum untuk data yang diformat dan disimpan secara digital dan didokumentasikan sebagai program komputer dengan berbagai informasi yang dapat dibaca dan dimainkan oleh sistem komputer. Lihat Perangkat Lunak, <http://id.wikipedia.org/wiki/Software>, 13 Disember 2010.

<sup>195</sup> Sejenis medium penyampaian maklumat yang merujuk kepada penggunaan data elektronik sebagai buku yang mengandungi pelbagai maklumat. E-Buku, <http://ms.wikipedia.org/wiki/E-buku>, 13 Disember 2010.

<sup>196</sup> Mula dibangunkan pada tahun 1993 oleh Adobe Systems sebagai keperluan pertukaran dokumen digital. Format PDF digunakan untuk memaparkan dokumen dua dimensi yang meliputi teks, huruf, citra dan grafik vektor dua dimensi. Pada Acrobat 3-D, kemampuan PDF juga meliputi pembacaan dokumen tiga dimensi. PDF telah mencapai piawaian ISO pada tanggal 1 Julai 2008 dengan kod ISO 32000-1:2008. Keistimewaananya ialah dari segi keselamatan maklumat fail di mana setiap fail yang ditukar kepada format PDF tidak dapat dibuka dan diedit kerana ia memerlukan kata kunci tertentu. Portable Document Format, [http://en.wikipedia.org/wiki/Portable\\_Document\\_Format](http://en.wikipedia.org/wiki/Portable_Document_Format), 13 Disember 2010.

telah mengalami perubahan yang amat ketara dan sentiasa berkembang untuk memperkayakan hidup dengan segala potensi yang ada. Berdasarkan penilaian penulis, laman web berbahasa Arab adalah jauh lebih kehadapan dalam mengutamakan enjin carian hadith di internet. Contohnya *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb yang menjadi topik utama kajian ini, *Nidā’ al-Imān*,<sup>197</sup> *al-Islām*,<sup>198</sup> *Mawsū‘ah al-Syāmilah*,<sup>199</sup> *al-Muḥaddith*,<sup>200</sup> *al-Jāmi‘ al-Hadīth al-Nabawī*,<sup>201</sup> dan *Kutub Takhrij al-Hadīth al-Nabawī al-Syarīf li al-Saykh Nāṣir al-Dīn al-Albānī*.<sup>202</sup> Tinjauan awal penulis mendapati, kesemua laman web ini merupakan di antara laman web yang menyediakan perkhidmatan capaian teks hadith. Malah forum-forum yang memuatkan perbincangan mengenai laman web *takhrij al-Hadīth* tidak ketinggalan dari menyebut laman-laman web tersebut.<sup>203</sup> Jika merujuk kepada laman web yang memuatkan perbincangan mengenai ilmu-ilmu hadith,<sup>204</sup> pengumpulan kitab-kitab hadith sama ada untuk di muat turun dalam format pdf atau doc<sup>205</sup> mahupun yang memaparkan kitab hadith dalam bentuk visual teks di internet,<sup>206</sup> dan kuliah-kuliah hadith berbentuk audio,<sup>207</sup> maka sudah pasti jumlahnya adalah terlalu banyak. Ia boleh didapati dengan carian pantas menggunakan kata kunci yang tepat melalui enjin carian google dan yahoo.

---

<sup>197</sup> *Nidā’ al-Imān*, <http://www.al-eman.com/hadeeth>, 25 Januari 2011.

<sup>198</sup> *Mawqi‘ al-Islām*, <http://hadith.al-islam.com/Loader.aspx?pageid=261>, 25 Januari 2011.

<sup>199</sup> *Al-Mawsū‘ah al-Syāmilah*, <http://www.islamport.com>, 25 Januari 2011.

<sup>200</sup> *Al-Muḥaddith*: *al-Maktabah al-Islāmiyah wa Barāmijuhā*, [http://www.muhammadith.org/a\\_index.html](http://www.muhammadith.org/a_index.html), 25 Januari 2011.

<sup>201</sup> *al-Jāmi‘ al-Hadīth al-Nabawī*, <http://www.sonnaonline.com/SearchSarfi.aspx>, 25 Julai 2011.

<sup>202</sup> *Kutub Takhrij al-Hadīth al-Nabawī al-Syarīf li al-Saykh Nāṣir al-Dīn al-Albānī*, <http://islamicweb.com/ara/bic/books/albani.asp>, 25 Januari 2011.

<sup>203</sup> Lihat Muntadā al-Ma‘ālī <http://forum.ma3ali.net/t86224.html>, Multaqā Ahl al-Ḥadīth, <http://ahlalhdeeth.com>, 25 Januari 2011, Muntadiyat Ṭariq al-Ḥaqīqah, <http://www.factway.net/vb/13539.html>, Muntadiyat Qāsimī net, <http://www.qassimy.com/vb/showthread.php?t=63971>, Syabkah al-Faṣīḥ, <http://www.alfaseeh.com/vb/showthread.php?38888>, dan lain-lain, 25 Januari 2011.

<sup>204</sup> Lihat Syabkah al-Sunah al-Nabawiyah wa ‘Ulūmihā, <http://www.alssunnah.com/main/Default.aspx>, Mawqi‘ Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, [http://www.sunna.info/Lessons/cat\\_35.html](http://www.sunna.info/Lessons/cat_35.html), al-Islām Su’āl wa Jawāb, <http://www.islamqa.com/ar/cat/244>, al-Āḥādīth al-Nabawiyah al-Syarīf, <http://www.islam2all.com/hadeeth/mo.htm>, al-Mishkāt, <http://www.almeshkat.net/books/list.php?cat=9>, al-Islām Su’āl wa Jawāb, <http://ahlalhdeeth.com>, 25 Januari 2011, Ahl al-Ḥadīth wa al-Āthār, <http://www.alathar.net/home/ebook/index.php?op=shca&catid=3>, dan lain-lain, 14 Julai 2011.

<sup>205</sup> Lihat al-Muḥaddīth, [http://www.muhammadith.org/a\\_hadith.html](http://www.muhammadith.org/a_hadith.html), al-Maktabah al-Waqfeyah, <http://www.waqfeya.com/>, al-Meshkah <http://www.almeshkat.net/books/>, al-Maktabah al-Syāmilah, <http://shamela.ws/>, al-Kifāyah, <http://www.alkefayah.com/catplay.php?catsmktba=420>, dan lain-lain, 14 Julai 2011.

<sup>206</sup> Lihat Nidā’ al-Imān, <http://www.al-eman.com/book/display-category.htm?catId=702&head=true>, Islam to all, <http://www.islam2all.com/hadeeth/alboukhari/index.php>, dan Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, <http://islam.aljayyash.net/alboukhary/>, 14 Julai 2011.

<sup>207</sup> Lihat Islamweb, <http://audio.islamweb.net/>, Mawqi‘ al-Ṣūtiyyāt, <http://aleman-lidfa-aledman.net/voicesS/ppo7.htm>, al-Kifāyah, <http://www.alkefayah.com/catplay.php?catsmktba=429>, Anā Muslimah, <http://www.muslmh.com/vb/t74617.html>, dan lain-lain, 14 Julai 2011.

### 2.1.1.1 Laman Web *Takhrij* Dan Material Hadith Yang Diketengahkan:

#### 1. *Al-Durar al-Saniyyah* (<http://www.dorar.net/enc/hadith>)

**Sumber Hadith:** Mengumpulkan hampir 583 kitab hadith dengan 300 000 hadith termasuk hadith-hadith berulang.

**Hasil Carian Hadith:** (1) Matan Hadith. (2) Perawi Hadith. (3) *Al-Muhaddith* serta pengenalan ringkas seperti nama penuh, tahun lahir, dan kritikan ulama' terhadapnya. (4) Kitab/*Masdar al-Hadith* berserta penerangan ringkas seperti nama pengarang, *pentahqiq* kitab sekiranya ada, penerbit, bilangan cetakan, tahun cetakan dan bidang ilmu kitab tersebut. (5) Kesimpulan hukum hadith.

#### 2. Islamweb (<http://www.islamweb.net/hadith/index.php>)

**Sumber Hadith:** Mengumpulkan sebanyak 1384 kitab termasuk 543 manuskrip yang masih belum diterbitkan dengan 700 00 sanad hadith.

**Hasil Carian Hadith:** (1) Matan Hadith. (2) Sanad Hadith. (3) Perawi Hadith berserta 5 elemen pengenalan yang merangkumi *ta'rīf 'am*, *al-Jarḥ wa al-'Adālah*, *al-Syuyūkh*, *al-Talāmidh*, dan *Tahdhīb al-Kamāl*. (4) *Al-Muhaddith* yang meriwayatkan hadith. (5) Kitab/*Masdar al-Hadith*. (6) Kitab dan Bab bagi hadith. (7) *Takhrij*, *Syawāhid*, *Aṭrāf* dan *al-Asānid* bagi hadith. (8) Kesimpulan hukum hadith.

#### 3. *Al-Jāmi' al-Hadīth al-Nabawī* (<http://www.sonnaonline.com/SearchSarfi.aspx>)

**Sumber Hadith:** Mengumpulkan 11 pembahagian kitab<sup>208</sup> hadith dari pelbagai lapangan ilmu seperti *Kutub al-Ṣīḥāh*, *Kutub al-Sunan*, *Kutub al-Masānid wa al-*

<sup>208</sup> Antara kitab-kitab yang dimuatkan ialah: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan Abī Dāwūd*, *Sunan Ibn Mājah*, *Sunan al-Dārimī*, *Musnad Aḥmad b. Ḥanbal*, *Musnad Abī Ḥanīfah*, *Musnad al-Šayṣī*, *Mu'jam li Abī Ya'la al-Muṣīlī*, *Mu'jam Ibn al-'Arabi*, *Al-Iḥqād li al-Bayhaqī*, *Tawḥīd li Ibn Khuzaymah*, *Sīfah li al-Dāraqutnī*, *Tafsīr al-Qur'an li 'Abd al-Razzāq al-Ṣan'ānī*, *Tafsīr min Sunan Sa'id bin Mansūr*, *Al-Amwāl li Abī 'Ubayd al-Qāsim b. Salām*, *al-Amwāl li Ibn Zanjawiyyah*, *al-Manāsik li Ibn Abī 'Urubah*, *al-Ju' li Ibn Abī al-Dunyā*, *al-Tahajjud wa Qiyām al-Layl li*

*Ma‘ājim, Kutub al-‘Aqīdah, Kutub al-Tafsīr, Kutub al-‘Ibādah wa al-Mu‘āmalah, Kutub al-Akhlāk wa al-Adāb wa al-Raqā‘iq, Kutub al-Siyar wa al-Tarīkh, Kutub al-Manāqib wa al-Fadā‘il, Kutub Fawā‘id wa Ajzā‘ wa Amālī, dan Kutub ‘Ulūm al-Hadīth wa al-‘Ilāl.*

**Hasil Carian Hadith:** (1) Matan Hadith. (2) Sanad Hadith. (3) Kitab/*Maṣdar al-Hadīth*. (4) Kitab dan Bab bagi Hadith. (5) Hukum Hadith. (6) Biografi perawi. (7) *Takhrij al-Hadīth*.

4. Al-Islam (<http://hadith.al-islam.com>)

**Sumber Hadith:** Hanya mengumpulkan 16 kitab yang terdiri daripada *kutub al-Tis‘ah* dan 7 buah *kitāb syarah*.<sup>209</sup>

**Hasil Carian Hadith:** (1) Matan Hadith. (2) Sanad Hadith. (3) Kitab dan Bab bagi hadith. (4) *Al-Muhaddith* yang meriwatkan hadith. (5) Kitab/*Maṣdar al-Hadīth*. (6) Hukum hadith hanya dinyatakan dalam kitab syarah. (7) *Takhrij hadīth*.

5. *Mawsū‘ah al-Syāmilah* (<http://www.islamport.com>)

**Sumber Hadith:** Mengandungi sebanyak 1106 kitab dari pelbagai lapangan ilmu hadith seperti *kitab mutūn al-Hadīth*, *kitāb syurūh*, *kitāb ‘ilāl*, *kitāb ma‘ājim* dan sebagainya.<sup>210</sup>

**Hasil Carian Hadith:** (1) Matan Hadith. (2) Sanad Hadith. (3) *Al-Muhaddith* yang meriwatkan hadith. (4) Kitab/*Maṣdar al-Hadīth*. (5) Jilid dan Muka Surat dalam kitab (Memudahkan pengguna melihat hadith dalam kitab asal). Tahun terbitan dan nama penerbit turut disediakan. (6) Hukum hadith berdasarkan pandangan Syaykh Albani ( قال الشیخ الابانی).

---

*Ibn Abī al-Dunyā, al-Zuhd li Abī Ḥātim al-Razī, al-Zuhd li Ibn Abī al-Dunyā, al-Warā’ li Ibn Abī al-Dunyā, Ādāb al-Nufūs li al-Ajārī*, dan lain-lain.

<sup>209</sup> Antara kitab-kitab hadith yang disediakan ialah *Kutub al-Sittah*, *Musnad Ahmad*, *Muwaṭṭa’ Mālik*, *Sunan al-Dārimī*, *Muṣannaf Ibn Abī Shaybah*, dan *Musykiṭ al-Āthār* oleh al-Taḥāwī. Selain itu kitab-kitab syarah berupa *Fath al-Bārī*, *Syarah Nawawī*<sup>211</sup> *alā Muslim*, *Tuhfah al-Āhwadhi*, *Syarah Sunan al-Nasā’i* dan *Syarah Sunan Ibn Mājah* oleh al-Sundī, *Syarah Sunan al-Nasā’i* oleh al-Suyūṭī, *Ta’līqah al-Ḥāfiẓ Ibn al-Qayyim* *alā Sunan Abī Dāwūd* dan *al-Muntaqā* oleh Abī al-Wālid al-Bāhī. Mawqi’ al-Islām, <http://hadith.al-islam.com/Loader.aspx?pageid=261>, 26 Januari 2011.

<sup>210</sup> Al-*Mawsū‘ah al-Syāmilah*, <http://islampot.com/index2.html>, 26 Januari 2011.

6. *al-Muḥaddīth* ([http://www.muhammadith.org/a\\_index.html](http://www.muhammadith.org/a_index.html))

**Sumber Hadith:** Hanya memuatkan sebanyak 30 buah kitab hadith terpilih. Antaranya *kutub al-Tis ‘ah, Musnad Ahmad, Mustadrak Imām Ahmad, Mu‘jam al-Tabrānī, Takhrij Ihyā’ Ulūm al-Dīn li al-‘Irāqī* dan lain-lain.<sup>211</sup>

**Hasil Carian Hadith:** (1) Matan Hadith. (2) Sanad Hadith. (3) Kitab dan Bab bagi hadith. (4) *Al-Muḥaddīth* yang meriwayatkan hadith. (5) Jilid dan Kitab/*Maṣdar al-Hadīth*.

7. *Kutub Takhrij al-Hadīth al-Nabawī al-Syarīf li al-Syaykh Nāṣir al-Dīn al-Albānī* ([http://islamicweb.com/ara\\_bic/books/albani.asp](http://islamicweb.com/ara_bic/books/albani.asp))

**Sumber Hadith:** Mengandungi kitab-kitab *takhrij* yang dikarang Syaykh Albānī. Namun penulis tidak menjumpai jumlah kitab yang dimuatkan sama ada keseluruhan kitab atau beberapa kitab terpilih sahaja.

**Hasil Carian Hadith:** (1) Matan Hadith. (2) No. Hadith. (3) Kitab/*Maṣdar al-Hadīth* disertai maklumat mengenai tahun terbitan, penerbit, no. cetakan, dan jumlah halaman. (4) Hukum hadith.

Namun jika dilakukan tinjauan terhadap laman-laman web yang wujud di Malaysia mahupun Indonesia atau lebih dikenali sebagai laman web hadith berbahasa Melayu, penulis mendapati kebanyakannya hanyalah sekitar perbahasan mengenai terjemahan-terjemahan hadith, kefahaman dan huraian hadith, forum hadith yang mengutarakan perbincangan mengenai topik-topik hadith tertentu, dan kuliah hadith berbentuk audio mahupun video. Sepanjang kajian penulis, terdapat dua laman web berbahasa Melayu yang khusus memberikan perkhidmatan *takhrij*.<sup>212</sup> Oleh kerana itu, jika dibandingkan

<sup>211</sup> Lihat dalam kolumn hadith di Masyrū‘ al-Muḥaddīth: Muḥarrrik al-Baḥth, [http://www.muhammadith.org/cgi-bin/a\\_Optns.exe](http://www.muhammadith.org/cgi-bin/a_Optns.exe), 26 Januari 2011.

<sup>212</sup> Laman web tersebut ialah al-Diyari (<http://www.ad-diyari.com/>) dan Lidwa Pusaka (<http://lidwa.com/app/>).

dengan laman-laman web berbahasa Arab, pembangunan institusi hadith berbahasa Melayu di internet adalah jauh ketinggalan.

Walaubagaimanapun, terdapat beberapa laman web yang memurnikan penggunaan hadith di internet. Usaha yang dilakukan oleh beberapa institusi berorganisasi mahupun atas daya usaha individu ini dilihat sebagai momentum awal terhadap perkembangan material hadith berbahasa Melayu di era ICT. Di antara laman web yang telah dikenalpasti ialah e-Hadith<sup>213</sup> dan Mastika Hadith JAKIM,<sup>214</sup> Projek My Masjid,<sup>215</sup> Fikrah.net,<sup>216</sup> al-Nidaa',<sup>217</sup> al-Ahkam.net,<sup>218</sup> Darul Kauthar,<sup>219</sup> al-Manhaj,<sup>220</sup> Al-Islām versi bahasa Melayu, al-Diyari,<sup>221</sup> al-Hadith,<sup>222</sup> Lidwa,<sup>223</sup> Terjemahan *Bulūgh al-Maram*,<sup>224</sup> Terjemahan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,<sup>225</sup> Maktabaty,<sup>226</sup> dan lain-lain.

#### 2.1.1.2 Laman Web Berbahasa Melayu:

##### 1. E-Hadith dan Mastika Hadith JAKIM.

E-Hadith atau Himpunan Hadith Harian Jakim merupakan sebuah laman hadith yang dikelolai oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Ia sentiasa diperbaharui dari semasa ke semasa dan jumlah koleksi hadith yang terkumpul (pada tarikh tinjauan penulis: Januari 25, 2011 - 11:04pm) ialah sebanyak 1007 hadith. Namun hadith yang

---

<sup>213</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, E-Hadith: Senarai Hadith, <http://www.islam.gov.my/e-hadith>, 26 Januari 2011.

<sup>214</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Mastika Hadith, <http://www.islam.gov.my/mastika-hadith-0>, 26 Januari 2011.

<sup>215</sup> My Masjid, <http://www.mymasjid.net.my/sahih-muslim/> 21 Disember 2010.

<sup>216</sup> Al-Fikrah: al-Firqah al-Nājiyah, <http://al-fikrah.net>, 26 Januari 2011.

<sup>217</sup> Pertubuhan Kebajikan al-Nidaa' Malaysia, <http://www.al-nidaa.com.my>, 26 Januari 2011.

<sup>218</sup> Al-Ahkam Net, <http://al-ahkam.net/home>, 26 Januari 2011.

<sup>219</sup> Darul Kauthar, <http://www.darulkautsar.net>, 26 Januari 2011.

<sup>220</sup> Majalah al-Sunnah, <http://www.almanhaj.or.id/>, 26 Januari 2011.

<sup>221</sup> Al-Diyari, <http://www.ad-diyari.com/>, 26 Januari 2011.

<sup>222</sup> Al-Hadith: Web Terjemahan Hadith-hadith Sahih dan Terjemahan Berbahasa Melayu, <http://www.freewebs.com/alhadith/index.htm>, 26 Januari 2011.

<sup>223</sup> Lidwa Pusaka, <http://lidwa.com/app/>, 25 Disember 2010.

<sup>224</sup> Bulūgh al-Maram min Adillah al-Āhkām, <http://thepeace08-bulughulmaram.blogspot.com/>, 21 Disember 2010.

<sup>225</sup> Hadīth Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, <http://hadits-albukhari.blogspot.com/>, 21 Disember 2010.

<sup>226</sup> My Maktabati, <http://www.mymaktabati.com/> 26 Januari 2011.

dipaparkan hanyalah bersifat terjemahan tanpa teks Arab berserta huraian ringkas.<sup>227</sup>

Hadith-hadith yang dinyatakan adalah sekitar hadith-hadith mengenai akhlak, aqidah, ibadah, isu-isu semasa, jenayah, muamalah, *munākahāt* dan *tahārah*.

Manakala Mastika Hadith pula merupakan sebuah laman yang memaparkan kitab Mastika Hadith versi elektronik. Malangnya ia hanya mengandungi mukadimah, jilid 1 dan jilid 3 tanpa disertakan jilid ke 2.<sup>228</sup>

## 2. Projek My Masjid

Laman web ini menyediakan terjemahan *Sahīh Muslim* yang boleh dilayari melalui alamat <http://www.mymasjid.net.my/sahih-muslim/>. Ia hanya memaparkan hadith dalam bentuk terjemahan tanpa teks Arab. Tidak semua hadith dalam *Sahīh Muslim* di masukkan tetapi lebih kepada *Mukhtaṣar Sahīh Muslim* dengan 55 kitab yang terkandung di dalamnya. Satu kelebihan yang ada, pengguna boleh melakukan pencarian hadith dengan kata kunci bahasa Melayu menggunakan enjin carian yang disediakan. Selain itu, laman web ini turut menyediakan kuliah *Baḥr al-Mādhi* yang disampaikan oleh Ustaz Shamsuri Hj. Ahmad dalam bentuk audio.<sup>229</sup> Penulis mendapatkan daripada 22 jilid kitab *Baḥr al-Mādhi*, audio kuliah yang disediakan adalah sehingga jilid ke 20 sahaja.<sup>230</sup>

## 3. Fikrah.net dan al-Nidaa'.

Ke dua-dua laman web ini dibangunkan atas usaha untuk mendedah dan mendekatkan masyarakat dengan realiti sunnah yang sebenar. Ini berikutan wujudnya kecelaruan terhadap pemahaman hadith dan adat kemasyarakatan yang seringkali dilihat

<sup>227</sup> Namun terdapat beberapa hadith yang tidak dinyatakan huraianya. Lihat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.islam.gov.my/e-hadith/perhimpunan-di-padang-mahsyar-sehingga-masing-masing-menerima-balasan-0>, 26 Januari 2010.

<sup>228</sup> Penulis tidak mengetahui sama ada ia berlaku akibat kecuaian dari pihak pembangun atau sengaja tidak diletakkan.

<sup>229</sup> My Masjid, <http://www.mymasjid.net.my/audio-kuliah/1/>, 26 Januari 2011.

<sup>230</sup> Ibid, <http://www.mymasjid.net.my/audio-kuliah/2/>, 26 Januari 2011.

bertentangan dengan ajaran sunnah. Oleh itu, laman-laman web ini telah menjadikan hadith sebagai salah satu material dan kandungan dakwah dalam memurnikan amalan masyarakat Islam di Malaysia.

Fikrah.net merupakan salah satu laman forum yang mengetengahkan perbincangan dan perbahasan disiplin ilmu hadith. Berdasarkan penelitian penulis, kebanyakan perbincangan adalah merujuk kepada perbahasan ilmu *muṣṭalāḥ al-Hadīth* seperti perbincangan mengenai darjat hadith *ḥasan* sebelum dikenalkan oleh al-Tirmidhi,<sup>231</sup> *ḥasan*, *gharīb* dan *ḥasan gharīb* di sisi al-Tirmidhi,<sup>232</sup> antara hadith *da’if* dan ijtihad sebagai landasan hukum,<sup>233</sup> *manhāj al-Bukhārī* dalam hadith *fadā’il al-A‘māl* yang *da’if*,<sup>234</sup> *takhrij* hadith-hadith mengenai fadilat menghafaz hadith 40,<sup>235</sup> dan sebagainya. Di samping terdapat beberapa perbincangan lain yang menjurus kepada isu-isu semasa seperti status hadith dan *āthār* mengenai *mawlūd* nabi,<sup>236</sup> harus bohong kepada isteri dalam hal-hal kebaikan,<sup>237</sup> perbincangan mengenai persoalan akhlak, ibadah dan sebagainya.

Al-Nidaa’ pula merupakan laman web yang bercorakkan kepada penghayatan dakwah. Bertepatan dengan temanya ‘ke arah memartabatkan al-Quran dan *al-Sunnah*, ia telah memuatkan sebilangan besar artikel-artikel yang membahaskan intisari al-Quran dan *al-Hadīth* sebagai *mawdū‘ da‘wah*. Di antara penyumbang kepada karya-karya tersebut ialah Dr. Abdullah Yasin, Dr. Asri Zainal Abidin, Dr. Johari Mat, Dr. Mohd Radzi Othman, Ustaz Rasul Dahri dan lain-lain.<sup>238</sup> Selain itu, al-Nidaa’ juga turut

<sup>231</sup> *Op.cit*, <http://al-fikrah.net/index.php?name=Forums&file=viewtopic&t=19446>, 27 Januari 2011.

<sup>232</sup> *Ibid*, <http://al-fikrah.net/index.php?name=Forums&file=viewtopic&t=17438>, 27 Januari 2011.

<sup>233</sup> *Ibid*, <http://al-fikrah.net/index.php?name=Forums&file=viewtopic&t=19281>, 27 Januari 2011.

<sup>234</sup> *Ibid*, <http://al-fikrah.net/index.php?name=Forums&file=viewtopic&t=17392>, 27 Januari 2011.

<sup>235</sup> *Ibid*, <http://al-fikrah.net/index.php?name=Forums&file=viewtopic&t=19429>, 27 Januari 2011.

<sup>236</sup> *Ibid*, <http://al-fikrah.net/index.php?name=Forums&file=viewtopic&t=19674>, 27 Januari 2011.

<sup>237</sup> *Ibid*, <http://al-fikrah.net/index.php?name=Forums&file=viewtopic&t=17407>, 27 Januari 2011.

<sup>238</sup> *Op.cit*, <http://www.al-nidaa.com.my/papar.php?id=29&action=view> 27 Januari 2011. Karya-karya tersebut boleh dikategorikan kepada bidang aqidah, ibadah, tauhid, tasawuf, perkara-perkara bid’ah, ulum al-Quran dan *al-Hadīth*, dan sebagainya.

menyediakan enjin carian hadith dalam *Sahīh Bukhārī*, *Sahīh Muslim*, *Sunan Abū Dāwūd*, dan *Muwaṭṭā' Mālik*.<sup>239</sup> Carian hadith adalah menggunakan kata kunci bahasa Inggeris dan hasil carian pula hanya memaparkan terjemahan hadith dalam bahasa tersebut tanpa teks berbahasa Arab.<sup>240</sup>

#### 4. Al-Diyari.

Al-Diyari merupakan laman web yang menyediakan terjemahan hadith berbahasa Melayu. Berbeza dengan My Masjid, al-Diyari mengemukakan terjemahan hadith berbahasa Melayu bagi beberapa kitab hadith muktabar. Al-Diyari<sup>241</sup> telah dibangunkan melalui usaha individu yang bernama Mohd Adlan Bin Mohd Shariffuddin.<sup>242</sup> Terdapat 64842 hadith yang dimuatkan melalui beberapa kitab muktabar hadith yakni *Sahīh al-Bukhārī*, *Sahīh Muslim*, *Sahīh Ibn Khuzaymah*, *Sahīh Ibn Hibbān*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan Abū Dāwūd*, *Sunan al-Nasā'ī*, *Sunan Ibn Mājah*, *Sunan al-Dārimī*, *Sunan al-Dāraqutnī*, *Musnad Ahmad*, *Musnad al-Sirāj*, *Musnad al-Ruyānī* dan *Mustadrak al-Hākim*. Semua teks hadith ini diterjemahkan sendiri oleh penulis menurut beberapa panduan yang telah beliau gariskan.<sup>243</sup>

Terdapat dua metodologi yang digunakan oleh Mohd Adlan dalam memaparkan hadith-hadith tersebut iaitu secara topikal dan mengikut kitab. Metodologi pertama yang melibatkan paparan secara topikal merupakan pengumpulan hadith-hadith dibawah kitab dan bab-bab yang berkaitan. Penulis mendapati, usaha tersebut masih di peringkat

<sup>239</sup> *Op.cit*, <http://www.al-nidaa.com.my/inframe.php?source=h>, 27 Januari 2011.

<sup>240</sup> Enjin carian hadith yang disediakan adalah berpengkalan kepada sebuah laman web Search Truth.com yang dibangunkan untuk memanfaat teknologi terbaru melalui perkembangan software islam. Lihat Search Truth, <http://www.searchtruth.com/aboutus.php>, 27 Januari 2011. Laman web ini ada menyediakan terjemahan-terjemahan hadith dalam *Sahīh al-Bukhārī*, *Sahīh Muslim*, *Sunan Abū Dāwūd* dan *Muwaṭṭā' Mālik* berbahasa Inggeris. Lihat *ibid*, <http://www.searchtruth.com/searchHadith.php>, 27 Januari 2011.

<sup>241</sup> Masih lagi diperingkat permulaan dan memerlukan kepada proses penambahbaikan. Lihat Majalah i Bil. 77 Mac 2009. Shah Alam: Karangkraf.

<sup>242</sup> Beliau dikenali dengan kepakarannya dalam beberapa bahasa iaitu Bahasa Arab, Perancis, Portugis dan Itali. *ibid*. Artikel-artikel beliau seringkali mendapat perhatian di jurnal, majalah, buku teks sekolah, dan akhbar. *Op.cit*, [http://ad-diyari.com/fail\\_htm/penerbitan.htm](http://ad-diyari.com/fail_htm/penerbitan.htm), 27 Januari 2011.

<sup>243</sup> (1) Terjemahan terus daripada teks Arab. (2) Merujuk terjemahan Melayu sedia ada dan menyuntingnya. (3) Merujuk terjemahan bahasa asing (Inggeris, Perancis, Itali, Portugis). (4) Merujuk huraian, tafsiran dan ulasan dalam bahasa Arab dan bahasa-bahasa asing. Lihat *Op.cit*, [http://ad-diyari.com/fail\\_htm/penafian.htm](http://ad-diyari.com/fail_htm/penafian.htm) 27 Januari 2011.

permulaan kerana daripada 40 kitab yang telah disenaraikan, hanya 16 kitab sahaja yang telah dikemaskini.<sup>244</sup>

Manakala menerusi metodologi yang ke 2, paparan hadith adalah mengikut kepada 15 kitab hadith muktabar yang dinyatakan sebelum ini. Pengguna hanya perlu menekan pada pautan kitab tersebut, untuk melihat terjemahan bagi hadith-hadithnya. Walaubagaimanapun, laman web ini telah mengalami kerosakan kerana beberapa masalah yang timbul. Masalah tersebut telah menyebabkan sebilangan besar hadith dan terjemahannya hilang dari data.<sup>245</sup>

Menurut penulis, laman web ini sangat penting untuk dibangunkan kembali kerana keistimewaannya yang terletak pada unsur *takhrij* dan rumus yang disediakan. Sebagai contoh:

حديث: "مَنْ نَسِيَ صَلَاةً، أَوْ نَامَ عَنْهَا"

Hadis: «Sesiapa telah lupa bersolat, atau telah tidur daripadanya»

[مسلم/ 684] وَحَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُتَّقِّيِّ، حَدَّثَنَا عَبْدُ الْأَعْلَى، حَدَّثَنَا سَعِيدٌ، عَنْ قَتَادَةَ، عَنْ أَنَّسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ: قَالَ نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ نَسِيَ صَلَاةً، أَوْ نَامَ عَنْهَا فَكَفَّارُهَا أَنْ يُصَلِّيَهَا إِذَا ذَكَرَهَا".

[Muslim/ 684] Dan telah bercerita kepada kami Muḥammad bin Al-Muthannā: Telah bercerita kepada kami `Abd al-A`lā: Telah bercerita kepada kami Sa`id, daripada Qatādah, daripada Anas bin Mālik, dia berkata: Telah berkata Nabi: «Sesiapa telah lupa bersolat, atau telah tidur daripadanya, maka penebusnya ialah hendaklah dia mensolatinya apabila dia mengingatnya».

[M/684], [Kz/992], [H/1556], [Nk/11654], [A/11561]

Rumuz kitab

<sup>244</sup> Antaranya ialah Kitab Iman, Kitab Bersuci, Kitab Solat, *Kitāb Ṣolāh Tarāwīh*, Kitab Jenazah, Kitab Qiyām al-Layl, Kitab Zakat, Kitab Puasa, Kitab Haji, Kitab Pakaian dan Perhiasan, Kitab Adab, Kitab Doa, Kitab Mimpi, Kitab Membuat Kebaikan dan Kitab Fitnah dan tanda-tanda Kiamat.

<sup>245</sup> Walaupun mengalami perubahan, pengguna masih boleh melayari laman tersebut memandangkan terdapat hadith-hadith yang masih kekal di dalamnya.

Melalui alamat url [http://ad-diyari.com/fail\\_htm/hadis/simbol.htm](http://ad-diyari.com/fail_htm/hadis/simbol.htm), para pengguna boleh melihaturaian rumus kitab sebagai panduan pencarian. Berdasarkan contoh di atas, [Kz/992], [H/1556], [Nk/11654], [A/11561] adalah merujuk kepada sumber lain yang mempunyai matan yang sama dengan matan hadith yang diterjemahkan. Oleh itu, hadith yang diriwayatkan dalam *Šahih Muslim* ini [M/684], turut dimuatkan dalam *Šahih Ibn Hibbān* dengan no. hadith 1556 [H/1556], *Sunan al-Nasā'i* dengan no. hadith 11654 [Nk/11654] dan seterusnya.

## 5. Lidwa.com


Ia merupakan sebuah laman web yang dibangunkan oleh Kumpulan Lidwa Pusaka yang diberisi para alumni Timur Tengah, Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Arab (LIPIA) Jakarta, serta lulusan Perguruan Tinggi.<sup>246</sup> Laman web ini sifatnya adalah sama seperti Islamweb di mana, pada asalnya ia adalah sebuah perisian komputer yang dikenali sebagai ‘Ensiklopedia Hadits – Kitab 9 Imam’.<sup>247</sup> Dengan kepakaran yang ada, perisian komputer tersebut telah dimuatkan dalam laman web Lidwa.com secara online di url <http://lidwa.com/app/>.

Kitab 9 Imam versi online ini mengandungi 60 ribu lebih hadith dari *Kutub al-Tis ‘ah*. Ia menyediakan hadith dengan paparan teks Arab serta terjemahan Indonesia dengan kemudahan pencarian dan penyalinan teks. Untuk memudahkan pengguna, indeks dan kategori hadith turut disediakan. Indeks adalah merujuk kepada pembahagian hadith berdasarkan 9 kitab. Manakala kategori hadith merujuk kepada pembahagian hadith mengikut sifat bersambungnya sanad seperti *hadīth marfū‘*, *hadīth mawqūf*, *hadīth maqtū‘*, *hadīth mu‘allaq*, *hadīth munqaṭi‘*, *hadīth mursal* dan *hadīth mutawātir*.

<sup>246</sup> Merupakan sebuah lembaga yang bergerak dalam bidang pengembangan dan publikasi ilmu dan dakwah Islam. Lihat Lidwa Pustaka, <http://lidwapusaka.com/tentang-kami/> 27 Januari 2011.

<sup>247</sup> *Ibid.*, <http://lidwapusaka.com/produk/kitab-9-imam/> 27 Januari 2011.

Selain itu, ia juga dilengkapi dengan maklumat perawi hadith berserta sanad sehingga darjat hadith tersebut dapat dilihat secara langsung sama ada kedudukannya *sahih* atau di bawahnya. Keistimewaan laman ini adalah terletak pada kemudahan *takhrij* yang turut disediakan, di mana pengguna boleh melihat sesuatu hadith dengan matan yang sama di dalam kitab yang lain. Di samping itu, biografi para Imam dan ringkasan mengenai ilmu hadith juga turut disediakan.




Halaman Utama ‘Kitab Hadith Online’.

This screenshot shows a search result for 'Shahih Bukhari'. The top bar indicates 'Kitab : 1. Permulaan Wahyu' and 'Bab : 1. Permulaan wahyu'. The main content area displays a hadith text in both Arabic and English, with a yellow box highlighting the English translation. Arrows point from callout boxes to specific features: 'Kemudahan Penyalinan Tekst' points to the text; 'Melihat Sanad Hadith dan Maklumat Perawi' points to the 'Sanad hadith' section; 'Pautan Untuk Melihat Takhrij al-Hadith' points to the link at the bottom; 'Kitab dan Bab Bagi Hadith' points to the sidebar; and 'Melihat Biografi Imam' points to the 'Biografi' tab.

Contoh Paparan Teks Hadith dan Terjemahannya.

This screenshot shows a detailed view of a hadith entry for 'Yahya bin Sa'id bin Qais'. It includes a sidebar with 'Sanad hadith' and 'Maklumat Perawi' sections. The main content area shows the hadith text in Arabic and English, along with a summary box for 'Yahya bin Sa'id bin Qais' (Kalangan: Tabi'in kalangan biasa, Kuniyah: Abu Sal'd, Negeri Hidup: Madinah, Tahun Wafat: 144 H). A 'Komentar' section provides information about Abu Hatim and Abu Zur'ah. A 'Statistik' chart at the bottom shows the count of hadiths categorized by author and source. Arrows point from callout boxes to the 'Sanad hadith' and 'Maklumat Perawi' sections.

Contoh Sanad Hadith dan Maklumat Perawi: (1) Maklumat ringkas seperti *turuq al-Rāwi*, *kunniyah*, negeri hidup, dan tahun wafat. (2) Maklumat *Jarh wa Ta‘dil*. (3) Bilangan hadith yang diriwayatkan perawi dalam *kutub al-Tis‘ah*.



Contoh *Takhrij al-Hadith*

### 2.1.2 Perisian Komputer.

Perkembangan perisian komputer khusus di bidang hadith telah dipelopori oleh beberapa syarikat di Asia Timur Tengah. Seawal tahun 1985, terhasilnya sebuah perisian hadith *Mawsū‘ah al-Hadīth al-Syarīf* yang dikeluarkan oleh syarikat Sakhr li Barāmij al-Ḥāsib.<sup>248</sup> Perisian ini mengandungi *al-Kutub al-Tis‘ah* dilengkapi dengan beberapa buah kitab syarah dengan pengumpulan hampir 62 ribu hadith yang menghasilkan 25 ribu halaman.<sup>249</sup> Selain itu, syarikat ini juga telah memproduksikan beberapa perisian hadith yang lain seperti:

(1) *Şafwah al-Aḥādīth* - Mengandungi koleksi hadith-hadith *ṣaḥīḥ* pilihan. (2) *Al-Bayān fī mā Ittafaq ‘alayh al-Syaykhān* - Mengandungi 1700 buah hadith yang disepakati oleh Imām al-Bukhārī dan Muslim. (3) *Mawsū‘ah al-Sīrah al-Nabawiyah* - Mengandungi initpati maklumat-maklumat yang berkaitan dengan sirah nabi s.a.w.<sup>250</sup>

<sup>248</sup> Syarikat Sakhr li Barāmij al-Ḥāsib telah menubuhkan Markaz al-Turāth al-Islāmī pada tahun 1985 sebagai usaha untuk memfokuskan produksi perisian komputer dalam bidang pengajian Islam. Kemudian pada tahun 1997, Markaz al-Turāth al-Islāmī ini lebih dikenali dengan Syarikat Ḥarf li Taqniyah al-Ma‘lūmāt sebagai sebuah syarikat yang khusus memproduksi perisian perisian Islam. Lihat profil syarikat di Harf Shop, <http://shop.harf.com/PL/Visitor/Info/AboutUs.aspx>, 29 Januari 2011. Lihat juga ‘Abd Allah Muhammad Hasan (2011), *al-Taqniyah al-Hadithiyah wa Dawruhā fī al-Ṣanā‘ah al-Hadithiyah: Mawsū‘ah al-Hadīth al-Syarīf Namūzijan* dalam Ahmad Qāsim Kassār et. al. (eds.), *al-Sunnah al-Nabawiyah wa Qadāyāh al-Mu‘āşarah*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, h. 227.

<sup>249</sup> Faisal Ahmad Shah (2010), *ibid.*

<sup>250</sup> Perisian ini turut mempunyai sokongan terjemahan ke dalam 6 bahasa iaitu bahasa Inggeris, Perancis, Indonesia, Malaysia, Jerman dan Turki. Untung Margono (2009), *Op.cit.*, h.1. Lihat juga Faisal Ahmad Shah (2010), *Op.cit.*, h. 117.

Seterusnya pada tahun 1997, Syarikat Markaz al-Turāth li Abhāth al-Ḥāsib al-Ālī<sup>251</sup> telah menerbitkan sebuah perisian *al-Mawsū‘ah al-Dhahabiyyah li al-Hadīth al-Nabawī wa ‘Ulūmuhu* yang mengandungi hampir 1300 jilid dan kitab terdiri dari *kutub al-Sunnah*, *‘Ulūm al-Hadīth* dan kamus.<sup>252</sup> Ia juga menyediakan kemudahan *takhrij* terhadap 200 000 teks bersanad di samping biografi kepada 150 000 perawi dan penentuan hukum ke atas 80 000 hadith. Di antara perisian-perisian lain yang telah dihasilkan oleh syarikat ini ialah:<sup>253</sup>

- (1) *Al-Maktabah al-Alfiyyah li al-Sunnah al-Nabawiyah* - Mengandungi 1300 jilid dan kitab hadith.
- (2) *Mawsū‘ah al-Takhrij wa al-Ātrāf al-Kubrā* - Mengandungi lebih kurang 250 000 nas bersanad daripada kitab-kitab primier dalam bidang hadith.
- (3) *Mawsū‘ah al-Aḥādīth al-Da‘īfah wa al-Mawdū‘ah* - Mengandungi hadith-hadith *da‘īf* dan *mawdū‘* daripada 45 buah kitab yang telah dibahaskan hukumnya oleh ulama salaf dan kontemporari.
- (4) *Maktabah al-Ajzā’ al-Hadīhiyah* - Mengandungi lebih daripada 150 juzu’ hadith.<sup>254</sup>
- (5) *Maktabah ‘Ulūm al-Hadīth* - Mengandungi lebih daripada 100 jilid dan kitab *‘Ulūm al-Hadīth*.
- (6) *Mawsū‘ah al-Sīrah al-Nabawiyah* - Mengandungi lebih daripada 120 jilid dan kitab.
- (7) *Mawsū‘ah al-Takhrij al-Kubrā wa al-Ātrāf al-Syāmilah* - Menyediakan kemudahan *takhrij* elektronik terhadap hampir 250 ribu hadith yang disunting daripada *kutub al-Hadīth al-Nabawī al-Syarīf*, *Mawsū‘ah al-Ātrāf al-Syāmilah* dan *al-Ātrāf al-Qawlīyyah wa al-Fi‘liyyah*.
- (8) *Maktabah al-Aḥādīth al-Da‘īfah wa al-Mawdū‘ah wa al-Mu‘allalah wa al-Gharā‘ib* - Mengandungi 50 kitab yang terdiri daripada kitab-kitab hadith *da‘īf* dan *mawdū‘*.

<sup>251</sup> Syarikat ini telah ditubuhkan pada tahun 1993 dan berpusat di Amman, Jordan. Ia berperanan sebagai sebuah syarikat yang memproduksikan perisian komputer dalam bidang pengajian Islam. Lihat Turath Center of Program, <http://www.turath.com/en/>, 29 Januari 2011. Lihat juga ‘Abd Allah Muhammad Hasan (2011), *Op.cit.*, h. 223.

<sup>252</sup> ‘Abd Allah Muhammad Hasan (2011), *ibid.*

<sup>253</sup> Untung Margono (2009), *Op.cit.* Lihat juga Faisal Ahmad Shah (2010), *Op.cit.*, h. 118-121.

<sup>254</sup> ‘Abd Allah Muhammad Hasan (2011), *Op.cit.*, h. 224.

Syarikat al-‘Arīs li al-Kūmbiūtar<sup>255</sup> pula telah menerbitkan dua buah perisian hadith iaitu *Maktabah al-Hadīth al-Syarīf* dan *Maktabah al-Tarājim wa al-Rijāl*. *Maktabah al-Hadīth al-Syarīf* mengandungi lebih dari 2100 kitab terdiri dari kitab-kitab *turāth ḥadīth*, *tarājim*, *lughah* dan kitab-kitab *rijāl*.<sup>256</sup> Manakala perisian *Maktabah al-Tarājim wa al-Rijāl*, mengandungi koleksi kitab-kitab terjemahan perawi berserta hadith-hadith yang diriwayatkan. Ia juga turut memaparkan maklumat berkaitan tokoh-tokoh ulama kontemporari yang banyak memberi sumbangan dalam bidang pengajian Islam.<sup>257</sup>

Di samping itu, sebuah syarikat yang dikenali sebagai *Markaz al-Juffāl al-Tijārī* berpangkalan di Riyāḍ, Arab Saudi turut memproduksikan beberapa perisian Islam seperti *Mawsū‘ah Ibn al-Qayyim al-Jawzī*, *al-Tārīkh al-Islāmī min Maṣādirihi al-Asliyyah*, *Maktabah al-Fiqh al-Islāmī wa Uṣūlih* dan lain-lain. Di antara perisian hadith yang diketengahkan ialah:<sup>258</sup>

- (1) *Mawsū‘ah Talab al-‘Ilm* - Sebuah perisian *takhrij* yang mengandungi sebanyak 350 ribu hadith di samping 250 ribu riwayat bersanad berserta 45 ribu biografi perawi.<sup>259</sup>
- (2) *al-Mawsū‘ah al-Dhahabiyyah al-Muyassarah li al-Hadīth al-Nabawī wa ‘Ulūmihi* - Mengandungi sebanyak 21 kitab utama hadith, 3 *Kitab Fiqh al-Hadīth*, 6 *Kitāb ‘Ilm al-Rijāl* dan 3 *Kitāb Muṣṭalāḥ al-Hadīth*. Antara kitab-kitab tersebut ialah *Kutub al-Sittah*, *Sunan al-Dārimī*, *Muṣannaf ‘Abd al-Razzāq*, *Sunan al-Bayhaqī*, *Syu‘ab al-Imān*, *Subul al-Salām*, *Nayl al-Awṭār*, *Taqrīb al-Tahdhīb*, *Ta‘jil al-Manfa‘ah*, *Ma‘rifah ‘Ulūm al-*

---

<sup>255</sup> Telah ditubuhkan pada tahun 1986 di Beirut Lubnan tetapi pusat pemasarannya terletak di Riyāḍ Saudi Arabia. Pada peringkat awal, syarikat ini hanya menghasilkan perisian-perisian elektronik mengenai ensiklopedia kamus, dan perisian ilmu-ilmu Islam. Lihat Al-Aris, <http://www.elariss.com/about.php?about=abouten>, 29 Januari 2011.

<sup>256</sup> Turut disediakan kemudahan *takhrij* hadith lengkap dengan disertakan kitab-kitab *tarājim*, kitab-kitab bahasa dan ensiklopedia (*ma‘ājim*), nombor juzuk dan halaman. Untung Margono (2009), *Op.cit.*, h. 2.

<sup>257</sup> Faisal Ahmad Shah (2010), *Op.cit.*, h. 121.

<sup>258</sup> Abd al-Laṭīf li al-Ma‘lūmah, <http://www.afi-soft.com/Islamic.htm>, 15 Julai 2011.

<sup>259</sup> Perisian ini juga menyediakan rujukan mengenai al-Quran dan perbahasannya, Fiqh 4 mazhab, aqidah, sirah dan lain-lain. Lihat ‘Abd al-Laṭīf li al-Ma‘lūmah, <http://www.afi-soft.com/Taleb.htm>, 15 Julai 2011.

*Hadīth* dan lain-lain.<sup>260</sup> (3) *Silsilah al-Ālim wa al-Muta‘allim al-Syāmilah* - Mengandungi beberapa *Maktabah* al-‘Ilmiyyah seperti *Maktabah al-Tafsīr*, *Maktabah al-‘Aqīdah*, *Maktabah al-Hadīth*, *Maktabah Ibn al-Qayyim*, *Maktabah Ibn Taymiyyah* dan *al-Qawāmis*.<sup>261</sup> (4) *Mawsū‘ah al-Māsiyah li al-Hadīth al-Nabawi al-Syarīf wa ‘Ulūmihī* - Mengandungi hampir 80 kitab terdiri daripada *Kutub al-Tafsīr*, *Kutub al-Hadīth*, *Kutub al-Syurūh al-Hadīth*, *Kutub Fiqh al-Hadīth*, *Kutub Muṣṭalāh al-Hadīth*, *Kutub Muṣannafāt*, dan *Kutub al-Rijāl*.<sup>262</sup>

Beberapa produksi perisian terbaru telah diusahakan oleh syarikat al-‘Arabiyyah li Taqniyyah al-Ma‘lūmāh (Arabia for Information Technology).<sup>263</sup> Penghasilan perisian-perisian hadith oleh syarikat ini telah dikukuhkan lagi dengan perlantikan panel khas yang terdiri dari para pakar di bidang hadith. Antaranya ialah Dr. Ahmad Mi‘bad ‘Abd al-Karīm, Syaykh Sayyid ‘Abbās al-Ghulaymī, Syaykh Muḥammad ‘Awāmah, Dr. Ḥamzā, Dr. ‘Ali al-Sayyah, Dr. Maher al-Fahl, Dr. Maḥmūd Mīrah, Dr. ‘Abd al-Mahdi ‘Abd al-Hādī, Dr. Khālid al-Dāris, dan Syaykh ‘Abd al-‘Azīz al-Rajhī.<sup>264</sup> Antara perisian-perisian yang telah diterbitkan ialah:<sup>265</sup>

(1) *Itqān al-Hirfah bi al-Ikmāl al-Tuḥfah* - Mengandungi 55 buah kitab hadith seperti *Tuḥfah al-Asyrāf li al-Mizzī*, *al-Nikāt al-Zirāf li Ibn Hajar* dan *al-Kutub al-Sittah*. (2) *Muṣannaf Ibn Abī Syaybah* - Mengandungi kumpulan hadith-hadith *marfū‘*, *mawqūf*, *maqtū‘*, *mursal*, dan fatwa-fatwa dari para sahabat dan *tābi‘īn*. Kandungan hadith disusun berdasarkan kepada penyusunan bab-bab fiqh.<sup>266</sup>

<sup>260</sup> Abd al-Latīf li al-Ma‘lūmāh, <http://www.afi-software.com/Golden.htm>, 15 Julai 2011.

<sup>261</sup> Abd al-Latīf li al-Ma‘lūmāh, <http://www.afi-software.com/selselah1.htm>, 15 Julai 2011.

<sup>262</sup> Abd al-Latīf li al-Ma‘lūmāh, <http://www.afi-software.com/Diamond.htm>, 15 Julai 2011.

<sup>263</sup> Syarikat ini ditubuhkan pada tahun 2002 berlokasi di Kaherah Mesir. Lihat Arabia For Information Technology, <http://www.eng.arabia-it.com/SF/CompanyProfile/Static/ArabiaWord.aspx?Menu=1>, 29 Januari 2011.

<sup>264</sup> *Ibid.*, <http://www.eng.arabia-it.com/SF/CompanyProfile/Static/BoardOfSeniorUlema.aspx?Menu=1>, 29 Januari 2011.

<sup>265</sup> Faisal Ahmad Shah (2010), *Op.cit.*

<sup>266</sup> *Ibid.*, <http://www.arabia-it.com/programs1.aspx?type=1>, 29 Januari 2011.

Perisian-perisian hadith yang disebutkan boleh didapati secara berbayar di bawah pengendalian syarikat-syarikat rasmi yang berdaftar. Namun terdapat sebuah perisian yang boleh diperoleh secara percuma melalui muat turun di dalam laman web. Perisian tersebut dikenali sebagai *al-Maktabah al-Syāmilah*. Pada awalnya ia berbentuk sebuah data hadith di internet yang telah dilancarkan pada 22 Safar 1427H dengan 6 kategori utama berserta 31 cabang.<sup>267</sup> Seterusnya data kitab tersebut telah dipindahkan ke dalam perisian *al-Maktabah al-Syāmilah* versi kedua yang mengandungi sebanyak 1800 kitab berserta 100 kitab yang dinukilkan melalui laman web hadith terpilih.<sup>268</sup> Perisian ini telah dibangunkan oleh Dr. Nāfi' dan diperbaharui dari semasa ke semasa terutamanya pada bilangan dan kandungan kitab. Ia merupakan usaha untuk mewujudkan sebuah perpustakaan digital peribadi bagi para penuntut ilmu untuk merujuk, memahami, mengkaji kepelbagaian ilmu pengajian Islam.<sup>269</sup> Keluaran terbaru perisian ini adalah pada versi ke 3 yang memuatkan sebanyak hampir 6688 kitab dari pelbagai lapangan ilmu seperti aqidah, tafsir, hadith, fiqh, dan lain-lain.<sup>270</sup>

Menariknya ia turut disediakan dalam bentuk perisian komputer (*al-Maktabah al-Syāmilah*), perisian telefon bimbit (juga dikenali sebagai *al-Maktabah al-Syāmilah*<sup>271</sup>) dan laman web (*Mawsū'ah al-Syāmilah* - <http://islampoint.com><sup>272</sup>).

<sup>267</sup> Dikenali sebagai *al-Mawsū'ah al-Syāmilah* berupa sebuah laman web yang menyediakan enjin pencarian hadith. Al-Mawsū'ah al-Syāmilah, <http://islampoint.com/about.htm>, 22 Julai 2011.

<sup>268</sup> Penilitian penulis menerusi perisian *al-Maktabah al-Syāmilah* mendapati bahawa terdapat beberapa kitab hadith yang menyandarkan *Maṣdar al-Kitāb* ke atas laman web seperti kitab *al-Āḥādīth al-Awali min Juz' Ibn 'Urfah al-'Abdī* kepada [www.islamspirit.com](http://www.islamspirit.com), *al-Bahr al-Zakhkāh* kepada <http://www.alsunnah.com>, *al-Jāmi' al-Kabīr li al-Suyūti* kepada <http://www.ahlalhdeeth.com>, *Musnad Ahmad* kepada <http://www.al-islam.com>, *Muwatṭa' Mālik* kepada [www.temawy.com](http://www.temawy.com), *Mawārid al-Zam'ān ilā Zawā'id Ibn Hibbān* kepada <http://www.raqamiya.org>, dan lain-lain. Lihat *al-Maktabah al-Syāmilah* versi 3.5.

<sup>269</sup> Kandungan kitab perisian ini boleh dikemas kini oleh pengguna dengan memuat turun beberapa kitab tambahan dari pada laman web utama <http://shamela.ws/index.php/search/last>, <http://www.ahlalhdeeth.com/vb/forumdisplay.php?f=16>, [www.almeshkat.com/books/](http://www.almeshkat.com/books/) index.php, [http://www.islamway.com/index.php?iw\\_s=library](http://www.islamway.com/index.php?iw_s=library), dan <http://saaid.net/book/index.php>, 22 Julai 2011. Lihat juga Untung Margono (2009), *Op.cit.* h. 3.

<sup>270</sup> Al-Mawsū'ah al-Syāmilah, <http://islampoint.com/6688.htm>, 22 Julai 2011.

<sup>271</sup> *Al-Maktabah al-Syāmilah* versi mobile ini boleh digunakan melalui platform 'smart phone' operasi Android, BlackBerry, dan Symbian atau tablet dan gadget lain seperti iPhone, iPad, iPod, bahkan browser Mozilla Firefox. Namun perisian ini tidaklah seperti perisian komputer. Ia hanya memaparkan kandungan kitab berbentuk e-Book dengan enjin carian yang ringkas. Lihat keterangan lanjut mengenai format sokongan bagi setiap jenis telefon atau gadget di Love Islam, <http://zlich.wordpress.com/2011/02/09/maktabah-syamilah-for-smartphone>, 22 Julai 2011.

<sup>272</sup> Penulis telah menyentuh berkenaan laman web sebelum ini di bawah topik laman web *takhrij* dan material hadith yang diketengahkan.



Contoh paparan *al-Maktabah al-Syamilah* di dalam iPod dengan sokongan aplikasi e-Book.

### 2.1.3 Perisian Telefon Mudah Alih

Perkembangan hadith tidak berlaku di dalam bidang perkomputeran sahaja malah ia turut mendapat perhatian oleh para pembangun perisian telefon bimbit. Kemajuan ini lebih mendekatkan pengguna dengan hadith nabawi, memandangkan ia merupakan suatu keperluan penting dan tidak lekang dari pengguna abad ini. Tambahan pula, sistem pembelajaran melalui telefon bimbit telah mula mendapat perhatian di Malaysia. Mobile Learning atau dikenali sebagai M-Learning boleh dikatakan masih baru dari segi implementasinya.<sup>273</sup> Namun dengan adanya peralatan berteknologi ini, manusia berpeluang untuk mencipta kaedah dan komuniti pembelajaran yang luas dalam menghubungkan manusia dengan kerangka teknologi M-Learning seterusnya menyokong pembelajaran sepanjang hayat.<sup>274</sup>

Di antara perisian hadith yang diproduksikan melalui operasi sistem symbian dan jar ialah seperti Hadith Qudsi Islamic apps<sup>275</sup> Hadith Qudsi Pro,<sup>276</sup> Islamic/Hadith<sup>277</sup>

<sup>273</sup> M-Learning merupakan suatu konsep baru dalam proses pembelajaran. Ia menekankan kepada keupayaan untuk memudah alih proses pembelajaran tanpa terikat kepada lokasi fizikal proses pembelajaran berlaku. Dalam kata mudah, proses pembelajaran boleh dilakukan dimana-mana sahaja dan bukannya di kelas semata-mata. Lihat Syed Ardi Bin Syed Yahya Kamal et al. (t.t.), *Pembelajaran Masa Depan - Mobile Learning (M-Learning) Di Malaysia*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, h. 122.

<sup>274</sup> Lihat Syed Ardi Bin Syed Yahya Kamal et. al, *op.cit*.

<sup>275</sup> Mobile 9, <http://gallery.mobile9.com/f/1604803/>, 21 Disember 2010.

*Maktabah al-Hadīth*,<sup>278</sup> *al-Hadīth al-Nabawī*,<sup>279</sup> *al-Hadīth al-Nabawī Pro*,<sup>280</sup> *Maktabah al-Hadīth al-Syarīf*,<sup>281</sup> Translation of *Sahīh Al-Bukhārī*,<sup>282</sup> *Mukhtaṣar Sahīh Al-Bukhārī*,<sup>283</sup> Hadith on Durood,<sup>284</sup> Hadith Reader Basic Bukhari,<sup>285</sup> Hadith 42 Imām al-Nawawī,<sup>286</sup> Mobile Paket Hadith dengan terjemahan Bahasa Indonesia,<sup>287</sup> Prophet Muhammad s.a.w. Du‘ā,<sup>288</sup> Terjemahan Bab Haji *Sahīh Al-Bukhārī* dan *Sahīh al-Muslim* dalam Bahasa Indonesia<sup>289</sup> Terjemah *Hadīth Arba‘in* dalam Bahasa Indonesia,<sup>290</sup> Sepercik Hikmah berupa koleksi artikel mengenai Islam, al-Quran dan Hadith,<sup>291</sup> dan sebagainya.

Berdasarkan penilaian penulis terhadap perisian-perisian tersebut kebanyakannya tidak membawa keseluruhan hadith dalam kitab asal tetapi hanya mengambil beberapa hadith utama dalam setiap bab. Ia adalah kerana kemampuan operasi sistem yang hanya mampu menampung sejumlah perisian dengan kapasiti yang ringan. Ia juga bagi mengelakkan berlakunya beberapa permasalahan terhadap telefon bimbit seperti pertembungan dua perisian atau lebih, kerosakan pada operasi sistem, ralat, dan lain-lain.

---

<sup>276</sup> *Op.cit*, <http://www.searchtruth.com/alldownloads.php>, 23 Disember 2010.

<sup>277</sup> *Op.cit*, <http://gallery.mobile9.com/f/1316214/>, 21 Disember 2010.

<sup>278</sup> Fā’idah li Ḥulūl al-Jawwāl, [http://forums.benefit-ms.com/downloads.php?view=detail&df\\_id=1769](http://forums.benefit-ms.com/downloads.php?view=detail&df_id=1769), 21 Disember 2010.

<sup>279</sup> *Op.cit*, <http://gallery.mobile9.com/f/1618647/>, 21 Disember 2010.

<sup>280</sup> *Ibid*, <http://gallery.mobile9.com/f/1477408/>, 21 Disember 2010.

<sup>281</sup> *Ibid*, <http://gallery.mobile9.com/f/1332030/>, 21 Disember 2010.

<sup>282</sup> *Ibid*, <http://gallery.mobile9.com/f/1232333/>, 21 Disember 2010.

<sup>283</sup> *Ibid*, <http://gallery.mobile9.com/f/1275996/>, 21 Disember 2010.

<sup>284</sup> Getjar, <http://www.getjar.com/mobile/41373/hadith-on-durood/>, 24 Disember 2010.

<sup>285</sup> *Ibid*, <http://www.getjar.com/mobile/3525/hadith-reader-basic-bukhari-mobile-phones/>, 24 Disember 2010.

<sup>286</sup> *Ibid*, <http://www.getjar.com/mobile/7795/hadith42/>, 24 Disember 2010.

<sup>287</sup> *Ibid*, <http://www.getjar.com/mobile/16377/mobile-paket-hadist/>, 24 Disember 2010.

<sup>288</sup> *Ibid*, [http://www.getjar.com/mobile/7828/prophet-muhammad-\(saw\)s-duas-\(supplications\)](http://www.getjar.com/mobile/7828/prophet-muhammad-(saw)s-duas-(supplications)), 24 Disember 2010.

<sup>289</sup> Islam.inhandlearning.com, <http://islam.inhandlearning.com/2008/11/terjemah-bukhari-muslim-bab-haji>, 24 Disember 2010.

<sup>290</sup> *Ibid*, <http://islam.inhandlearning.com/2008/10/tarjamah-hadits-arbain/>, 24 Disember 2010.

<sup>291</sup> *Ibid*, <http://islam.inhandlearning.com/category/bahasa-indonesia/>, 24 Disember 2010.

### 2.1.3.1 Perisian Hadith Operasi Sistem Symbian dan Java:

#### 1. *Maktabah al-Hadīth al-Syarīf*



*Maktabah al-Hadīth al-Syarīf* telah dibangunkan pada tahun 2005 oleh syarikat Amadsoft yang berpusat di Mesir.<sup>292</sup> Perisian ini telah disemak dan diiktiraf oleh Universiti al-Azhar Mesir pada 2 Ogos 2004.<sup>293</sup> Menariknya mengenai perisian ini, ia telah mengumpulkan 4 kitab utama hadith iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan al-Tirmidhī* dan *Sunan al-Nasā'i*. Beberapa keistimewaan lainnya ialah: (1) Hadith-hadith dipaparkan dengan teks Arab menepati teks hadith dalam kitab asal dan ia berbaris bagi memudahkan pengguna untuk mendapatkan bacaan secara tepat. (2) Setiap kalimah *gharīb* diwarnai dengan warna biru dan pengguna dapat mengetahui maksudnya dengan menekan pada kalimah bewarna tersebut. (3) Pengguna boleh melihat kedudukan kitab dan bab bagi hadith.<sup>294</sup>

#### 2. *Al-Hadīth al-Nabawī*



<sup>292</sup> Syarikat Amadsoft telah ditubuhkan pada tahun 2003, berpusat di Jalan 9, Al-Maqtum, Kaherah, Mesir. Syarikat ini ditubuhkan sebagai satu usaha untuk memurnikan khazanah kitab-kitab Islam melalui perisian yang boleh dijalankan atas sistem Microsoft. Lihat AmadSoft, [http://www.amadsoft.com/about\\_us.jsp](http://www.amadsoft.com/about_us.jsp), 2 Januari 2011.

<sup>293</sup> Ibid, [http://www.amadsoft.com/products/pocket\\_hadith\\_en.jsp](http://www.amadsoft.com/products/pocket_hadith_en.jsp), 2 Januari 2011.

<sup>294</sup> Ibid.

*Al-Hadīth al-Nabawī* merupakan perisian yang mengandungi hadith-hadith bagi *Sahīh al-Bukhārī*, *Sahīh Muslim*, *Hadīth-hadīth Qudsi*, *Riyād al-Salihin*, dan Hadith 40 Imam al-Nawawī. Ia telah diproduksikan oleh syarikat ASGATEch.<sup>295</sup> Di antara keistimewaan perisian ini ialah: (1) Memaparkan teks hadith berbahasa Arab dan berbaris. (2) Pengguna boleh berkongsi hadith-hadith tersebut dengan rakan-rakan yang lain dengan menggunakan perkhidmatan ‘sharing’ yang disediakan. Ia memudahkan pengguna untuk menghantar teks hadith kepada rakan yang lain melalui khimat pesanan ringkas (sms).<sup>296</sup> Kemudahan ini menggalakkan kepada penyebaran sunnah nabi s.a.w. dengan lebih pantas.

Selain itu, telefon bimbit iPhone<sup>297</sup> berupa salah satu produk keluaran syarikat komputer terkenal Apple dengan sokongan sistem operasi iOS turut menyediakan beberapa aplikasi hadith yang dilihat lebih terkehadapan dari sudut visual papan muka berbanding telefon bimbit operasi sistem symbian dan jar. Dengan menggunakan sistem perisian iOS yang sama, setiap aplikasi yang dipasang melalui iPhone, boleh juga dinikmati oleh pengguna iPad dan iPod.<sup>298</sup>

Di antara produk perisian tersebut ialah *Mawsū‘ah al-Hadīth al-Nabawī al-Syarīf*,<sup>299</sup> iHadith Pro,<sup>300</sup> iHadith *Sahīh Muslim*,<sup>301</sup> iHadith *Sahīh Bukhārī*,<sup>302</sup> iHadith *Sunan Ibn*

<sup>295</sup> ASGATEch merupakan salah satu rakan kongsi Taqneyat Group selain Bayan-Tech, ASGA Akademi dan Learn MEA. Lihat Taqneyat Group, <http://www.asgatechshop.com/tqneat/>, 2 Januari 2011. ASGATEch ditubuhkan pada tahun 2003 di mana telah memfokuskan kepada pembangunan perisian telefon bimbit mudah alih. Pada tahun 2004, ASGATEch telah diberi kepercayaan oleh Nokia untuk menguruskan perisian Islamik. Manakala pada tahun 2005, 2006, dan 2007 pula, ASGATEch sekali lagi telah menunjukkan kemajuan apabila diberi kepercayaan untuk mengendalikan perisian Ramaḍān. Lihat Teqneyat Group, <http://www.asgatechshop.com/en/about-us>, 2 Januari 2011.

<sup>296</sup> Ibid, <http://www.asgatechshop.com/en/apps/islamic/hadith>, 2 Januari 2011.

<sup>297</sup> iPhone merupakan produk terkini Apple dan telah digunakan sebagai medium dalam pengajaran dan pembelajaran di Universiti Stanford. Apple menawarkan program khas untuk IPT yang di buka kepada semua institusi awam dan swasta agar dapat mendedahkan teknologi iPhone kepada para pelajar. Lihat Faculty Of Industrial Information Technology, [http://fiit.unisel.edu.my/fiit/index.php?option=com\\_content&task=view&id=83&Itemid=109](http://fiit.unisel.edu.my/fiit/index.php?option=com_content&task=view&id=83&Itemid=109), 23 Disember 2010.

<sup>298</sup> Apple Store, <http://store.apple.com/us>, 27 Disember 2010.

<sup>299</sup> iTunes Preview, <http://itunes.apple.com/us/app/id334904437?mt=8>, 15 Februari 2011.

<sup>300</sup> Macworld, <http://www.macworld.com/appguide/app.html?id=68710>, 22 Disember 2010.

<sup>301</sup> Ibid, <http://www.macworld.com/appguide/app.html?id=637718&expand=false>, 22 Disember 2010. Perisian ini juga turut disediakan dalam bentuk terjemahan berbahasa Inggeris. Lihat di Op.cit, <http://itunes.apple.com/us/app/ihadith-sahih-muslim/id315827458?mt=8>, 22 Disember 2010.

*Mājah*,<sup>303</sup> iHadith *Sunan al-Nasā'ī*,<sup>304</sup> iHadith *Muwatṭā Mālik*,<sup>305</sup> iDuaa,<sup>306</sup> iHadith *Riyād al-Ṣāliḥīn*,<sup>307</sup> iShamela yang mengemukakan beberapa kitab hadith seperti *Bulūgh al-Maram*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Syarah Hadith 40 Imām al-Nawawī, ‘Umdah al-Aḥkām dan lain-lain,<sup>308</sup> Forty Hadith Qudsi, Medicine of Prophet (s.a.w.) berupa terjemahan kepada kitab *Tib al-Nabawī* karangan Ibn Qayyim al-Jawzī,<sup>309</sup> *Hisn al-Muslim*, *Fiqh al-Sunnah*,<sup>310</sup> *Rahiq al-Makhtūm*,<sup>311</sup> Hadith of Hope and Forgiveness,<sup>312</sup> dan lain-lain.

### 2.1.3.2 Perisian Hadith Operasi Sistem iOS:

#### 1. iHadith Pro



iHadith Pro merupakan sebuah perisian yang dibangunkan hasil dari kerjasama sebuah syarikat pembangun perisian telefon bimbit, TkXel dan ENMAC.<sup>313</sup> Ia mengumpulkan sejumlah hadith daripada beberapa kitab hadith muktabar iaitu *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ*

<sup>302</sup> Op.cit, <http://www.macworld.com/appguide/app.html?id=637662&expand=false>, 22 Disember 2010. Perisian ini juga disediakan dalam bentuk terjemahan berbahasa Inggeris. Lihat di Op.cit, <http://itunes.apple.com/us/app/ihadith-sahih-bukhari/id310518230?mt=8>, 22 Disember 2010.

<sup>303</sup> Op.cit, <http://www.macworld.com/appguide/app.html?id=637720&expand=false>, 22 Disember 2010.

<sup>304</sup> Ibid, <http://www.macworld.com/appguide/app.html?id=637719&expand=false>, 22 Disember 2010.

<sup>305</sup> Ibid, <http://www.macworld.com/appguide/app.html?id=637716&expand=false>, 22 Disember 2010. Lihat juga Ibid, <http://www.macworld.com/appguide/app.html?id=548591&expand=false>, 22 Disember 2010, menunjukkan perisian ini yang tersedia dalam bentuk terjemahan berbahasa Inggeris.

<sup>306</sup> iDuaa, <http://www.ihadith.com/home>, 22 Disember 2010.

<sup>307</sup> Op.cit, <http://www.macworld.com/appguide/app.html?id=637717&expand=false>, 22 Disember 2010. Lihat juga Macworld, <http://www.macworld.com/appguide/app.html?id=321340&expand=false>, 22 Disember 2010, menunjukkan perisian ini yang tersedia dalam bentuk terjemahan berbahasa Inggeris.

<sup>308</sup> Sebuah perisian yang dikenali sebagai iShamela: Perpustakaan Buku Islam yang dibina oleh Dwitri Oktaria dan Suhendra Ahmad. Di antara kitab yang diketengahkan ialah Hadith 40 Imam al-Nawawī, *Bulūgh al-Maram*, *Tafsīr Sa'dī*, *Tafsīr Ibn Kathīr*, *Ṣaḥīḥ Ādāb al-Mufrad Imām al-Bukhārī*, dan *Ṣaḥīḥ Muslim*. Lihat Shamela Library, <http://pesona-islam.com>, 22 Disember 2010.

<sup>309</sup> Ibid, <http://www.macworld.com/appguide/app.html?id=734300&expand=false>, 22 Disember 2010.

<sup>310</sup> Ibid, <http://www.macworld.com/appguide/app.html?id=501809&expand=false>, 22 Disember 2010.

<sup>311</sup> Ibid, <http://www.macworld.com/appguide/app.html?id=658755&expand=false>, 22 Disember 2010.

<sup>312</sup> Ibid, <http://www.macworld.com/appguide/app.html?id=491589&expand=false>, 22 Disember 2010.

<sup>313</sup> TkXel Technology Accelerated, <http://www.tkxel.com>, 2 Januari 2010. ENMAC Technology sdn. Bhd. adalah sebuah organisasi yang ditubuhkan pada 2002 untuk membentuk dan membangunkan produk yang berinovatif. Ia berupa sebuah syarikat pembangunan firmware dan software di Malaysia. Ia dikendalikan sepenuhnya oleh golongan bumiputera.

*Muslim, Sunan Abū Dāwūd, Muwaṭṭā' Mālik, Riyād al-Šāliḥīn*, dan Hadith Qudsi.

Hadith-hadith hanya dipaparkan dengan teks Arab tanpa terjemahan. Namun untuk meraikan pengguna dari dunia luar, maka perisian ini telah dihasilkan dengan versi terjemahan berbahasa Inggeris.<sup>314</sup> Hadith-hadith dikumpulkan mengikut topik tertentu dan di dalam setiap topik disenaraikan hadith-hadith yang berkenaan. Di antara kelemahan perisian ini adalah matan hadith dipaparkan tanpa baris.

Dengan mempunyai kelulusan daripada KKDN Malaysia, Pusat Islam Hong Kong, Dewan Ulama Indonesia, Jabatan Hal Ehwal Agama Pakistan, dan mendapat anugerah ‘Dubai International Holy Quran Award’, ia dapat digunakan oleh pengguna tanpa sebarang keraguan terhadap intisari kandungannya.<sup>315</sup>

## 2. *Al-Arba 'ün al-Nawawiyyah*



*Al-Arba 'ün al-Nawawiyyah* merupakan perisian koleksi hadith 40 Imām al-Nawawī yang telah disediakan oleh sebuah kumpulan pembangun perisian yang dinamakan sebagai Yufid.<sup>316</sup> Perisian ini telah mendapat kelulusan dari Apple App Store dan dilancarkan pada 3 Mei 2010. Perisian ini juga dilihat sebagai sebuah perisian hadith 40 Imām al-Nawawī yang terbaik setakat ini.<sup>317</sup>

<sup>314</sup> Terjemahan teks hadith dalam bahasa Inggeris adalah mengikut kepada piawaian terjemahan daripada Dr. Mohsin Khan.

<sup>315</sup> Butterscotch, <http://www.butterscotch.com/preview/866799/IHadith-Pro-In-Arabic>, 2 Januari 2011.

<sup>316</sup> Yufid merupakan sebuah kumpulan yang membangunkan perisian Islam dalam iPhone di Indonesia. Penggunaan Yufid merupakan inspirasi daripada perkataan arab بُنْدَى yang bermaksud ‘memberikan kelebihan/faedah’. iPhone For Islam, <http://iphon e4islam.com/about>, 31 Mac 2011.

<sup>317</sup> Yufid Project, <http://yufid.org/project/an-nawawis-forty-hadiths-for-iphone-and-ipod-touch/>, 31 Mac 2011.

Di antara kelebihan perisian ini ialah: (1) Mengumpulkan sejumlah 42 matan hadith berbaris yang dilengkapi yang dilengkapi dengan sanad hadith. (2) Disediakan terjemahan berbahasa Inggeris dan Indonesia. (3) Memuatkan bacaan audio bagi setiap hadith. (4) Saiz font boleh diubahsuai mengikut keselesaan pengguna. (5) Turut menyediakan kemudahan carian hadith dengan kata kunci berbahasa Arab, Melayu/Indonesia dan Inggeris.

### 3. *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*



*Riyāḍ al-Ṣāliḥīn* merupakan sebuah perisian hadith yang mendapat sambutan menggalakkan dari pengguna iPhone.<sup>318</sup> Perisian ini telah disediakan melalui kerjasama Syarikat TkXel dan ENMAC. Sebagaimana perisian iHadith Pro, perisian ini juga mempunyai kelulusan daripada KKDN Malaysia, Pusat Islam Hong Kong, Dewan Ulama Indonesia, Jabatan Hal Ehwal Agama Pakistan, dan mendapat anugerah ‘Dubai International Holy Quran Award’. Maka sudah pasti keautoriannya dapat digunakan tanpa sebarang keraguan. Perisian ini telah mengumpulkan sejumlah 1896 hadith yang dibahagikan kepada 372 juzu’.

Daripada kebanyakan perisian hadith telefon mudah alih ini, penulis merumuskan bahawa perisian yang terbaik ialah perisian *Mawsū‘ah al-Hadīth al-Nabawī al-Syarīf*

<sup>318</sup> Aplikasi iHadith Riyāḍ al-Ṣāliḥīn telah mendapat jumlah jualan terbaik dan undian tertinggi. Lihat *Op.cit*, <http://www.macworld.com/appguide/app.html?id=637717&expand=false> 2 Januari 2010.

yang telah dihasilkan oleh syarikat *al-Naṣm al-Ma'lumātiyyah al-Hadīthah* (Modern Information System - MIS).<sup>319</sup> Perisian ini telah mengumpulkan hadith-hadith di dalam kitab *Muwaṭṭā' Mālik*, *Kutub al-Sittah*, *Musnad Imām Aḥmad*, *Sunan al-Dārimī* dan *Riyād al-Ṣalihīn*.

Berdasarkan kepada beberapa keistimewaan yang ada seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang disertai pautan bagi matan hadith yang sama dalam kitab dan bab yang lain, *Musnad Imām Aḥmad* yang dilengkapi dengan semua hadith bersanad, *Sunan al-Dārimī*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan Ibn Mājah* dan *Musnad Imām Aḥmad* dengan penjelasan darjat hadith dan kemudahan carian hadith melalui 3 pilihan carian iaitu *Ayyu min al-Kalimāt*, *Kullu al-Kalimāt* dan *al-Jumlah Harfiyyan*, ia dilihat lebih terkehadapan berbanding perisian yang lain.

Melalui ruangan carian hadith, pengguna boleh melakukan carian dalam kesemua kitab atau kitab-kitab tertentu sahaja. Selain itu, beberapa kemudahan sampingan seperti teks hadith yang boleh di ‘copy and paste’, telah menggalakkan lagi penyebaran hadith apabila ia dapat disalin dan dihantar melalui pesanan ringkas (sms). Di samping itu, paparan teks hadith juga telah ditandai dengan beberapa warna yang berbeza untuk menjelaskan fungsinya tersendiri seperti (1) **Merah** khusus bagi kalimah Allah s.w.t. (2) **Hijau** khusus untuk sabda Rasulullah s.a.w. (3) **Hitam** untuk kata-kata sahabat.<sup>320</sup> (4) **Kuning** untuk kalimah dalam matan berdasarkan kata kunci carian. Perisian ini telah mengumpulkan sebanyak 40 jilid bersamaan 50 000 muka surat yang mengandungi hampir 45 000 hadith.<sup>321</sup>

<sup>319</sup> *Naṣm al-Ma'lumātiyyah al-Hadīthah*, <http://www.mis-soft.com/>, 15 Februari 2011.

<sup>320</sup> Maksudnya di sini, ia adalah khusus bagi matan hadith yang benar-benar merupakan sabda baginda s.a.w. kalam baginda s.a.w. ini akan disertai dengan dua pembuka kata. Matan hadith yang berupa kata-kata sahabat, akan diwarnai dengan warna hitam seperti hadith permulaan wahyu dimana dalam satu matan hadith, terdapat kata-kata Sayyidatnā Khadījah dan Sabda Rasulullah s.a.w.

<sup>321</sup> *Ibid.*, <http://www.mis-soft.com/>, 15 Februari 2011.



Gambar menunjukkan contoh muka hadapan *Sunan al-Dārimī*, pembahagian kitab di dalam *Musnad Aḥmad*, dan paparan teks hadith di dalam *Muwaṭṭa' Mālik*.



Manakala gambar yang berikut merupakan ruangan carian hadith dengan 3 pilihan carian. Bagi pilihan *al-Jumlah Harfiyyan*, pengguna dikehendaki meletakkan carian hadith dengan satu kalimah sahaja. *Kullu al-Kalimat* pula merujuk kepada carian dengan beberapa kalimah seperti أَنْمَا الْأَعْمَال بِالنِّيَاتِ. Hasil carian akan mengemukakan matan hadith yang mengandungi kalimah أَنْمَا الْأَعْمَال بِالنِّيَاتِ di dalam satu matan. Manakala *Ayyu min al-Kalimat* adalah carian dengan beberapa kalimah yang berbeza seperti صَلَاة نِيَةٍ. Hasil carian akan mengemukakan hadith-hadith berkaitan صَلَاة نِيَةٍ dan hadith-hadith berkaitan نِيَةٍ.

## 2.2 PEMELIHARAAN HADITH DI ICT

Hakikat keselamatan data atau maklumat hadith yang diutarakan melalui capaian internet adalah tidak dijamin sepenuhnya.<sup>322</sup> Ia boleh sahaja dimanipulasikan oleh pihak

<sup>322</sup> Kemajuan teknologi maklumat IT bergerak begitu pantas. Namun suatu hakikat yang perlu diterima, kepesatan teknologi ini sangat mudah untuk dimanipulasi. Harian Metro, Informasi Elektif, Julai 31, 2011:4-5 “Rugi RM64 Juta Kerana Jenayah Siber”.

yang tidak bertanggungjawab sebagai suatu ancaman baru terhadap dunia Islam di alam siber. Walau bagaimanapun, penambah baikan perisian laman web seperti Wordpress, Joomla, Php MyAdmin, SQL dan lain-lain terhadap isu keselamatan data, telah membantu mengurangkan dan menangkis segala risiko serangan siber. Bagi proses pemeliharaan yang melibatkan kapasiti data hadith yang besar, pemantauan tidak dilakukan terhadap pangkalan data semata-mata malah ia turut melibatkan prosedur keselamatan yang mencakupi segala aset keperluan ICT sama ada melalui faktor dalaman maupun luaran. Justeru dalam menangani segala aktiviti jenayah siber yang mungkin berlaku, suatu garis dasar keselamatan ICT adalah penting untuk memastikan tindakan penyelenggaraan data seperti pemindahan data, urusan penyediaan atau membekalkan data, komunikasi pengguna dan lain-lain berjalan secara baik dan teratur.

### 2.2.1 Ancaman Keselamatan ICT.

Realiti penggunaan internet pada hari ini adalah melibatkan sejumlah pengguna yang terlalu besar. Di anggarkan sebanyak 1.6 billion pengguna internet pada tahun 2009 yang akan bertambah penggunaannya sehingga mencecah sebanyak 8 trillion merangkumi 1/3 populasi bumi pada tahun 2013.<sup>323</sup> Keupayaan komunikasi besar ini memungkinkan berlakunya penyalahgunaan internet bagi tujuan dan kepentingan tertentu. Berdasarkan jumlah tersebut, hampir 8 trillion pengguna yang melakukan transaksi internet di samping 61 billion yang menggunakan perkhidmatan pengiklanan internet bagi menjana pendapatan ekonomi.<sup>324</sup> Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya tuntutan ekonomi adalah di antara target utama ancaman ICT. Selainnya, ancaman tersebut turut melibatkan beberapa perspektif lain seperti ancaman teknikal, politik dan

---

Lihat juga Komuniti Joomla Malaysia, Keselamatan Website Joomla, <http://www.joomla-my.org/forum/index.php/topic,695.0.html> 27 April 2010.

<sup>323</sup> Yusuf Ismail (2010), *Op.cit.*, h. 28. Lihat juga Saravanan Kulanthaivelu (2010), “Anda Dan Keselamatan ICT” (Kertas Kerja Seminar Ancaman Siber Masa Kini di Cyberjaya, 26 Januari 2010), h. 3.

<sup>324</sup> *Ibid.*

ketenteraan.<sup>325</sup> Setiap insiden yang berlaku adalah berpunca dari beberapa mekanisme ancaman iaitu:

1. Aktiviti Menggodam ‘Hacking’ - Penggodam (hacker) merujuk kepada penggodam komputer yang berupaya untuk mengeksplot sistem atau masuk tanpa kebenaran melalui kemahiran, taktik dan pengetahuan terperinci tanpa rasa serba salah dan tidak mendapat apa-apa dari perbuatan tersebut.<sup>326</sup> Dari sudut pengaturcaraan komputer, penggodam ialah pencipta atur cara dan reka bentuk perisian yang dapat membantu mengubah atau membaiki kod atur cara dalam sistem komputer.<sup>327</sup>
2. Spam - Merupakan suatu bentuk gangguan dalam perhubungan internet yang kebiasaannya dalam bentuk pesanan sama ada berupa pesan yang tidak dikehendaki atau iklan yang tidak berguna.<sup>328</sup>
3. Piracy - Kecurian Maklumat.
4. Virus - Worms, Trojan, Horses dan lain-lain.

Ancaman-ancaman tersebut telah menyebabkan beberapa insiden ICT seperti capaian tidak sah, pendedahan maklumat, ‘pishing’, ‘SQL injection’, kerosakan laman web ‘Web Defacement’, dan lain-lain.

---

<sup>325</sup> Contoh: (1) Teknikal seperti kewujudan ‘hacker’, kecurian data maklumat, virus: spam, worms, trojan, dan lain-lain. (2) Politik: e-mel dan spam khianat seperti kenyataan ‘Ganyang Malaysia dan Bangsa Melayu Adalah Bodoh’. (3) Ketenteraan: Kemusnahan infrastruktur seperti radar jamming, active wiretapping, eavesdropping, dan lain-lain. Lihat Institut Tanah Dan Ukur Negara, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, [http://www.instun.gov.my/index.php?Option=com\\_docman&task=doc\\_download&gid=219&Itemid=&lang=bn](http://www.instun.gov.my/index.php?Option=com_docman&task=doc_download&gid=219&Itemid=&lang=bn), 27 Januari, h. 4-7.


<sup>326</sup> Andeno Maseleno (2003), *Kamus Istilah Komputer dan Informatika*, Yogyakarta: Kuliah Pengantar Ilmu Komputer.com, h. 98-99.

<sup>327</sup> Harian Metro, Variasi, Jun 22, 2011:2-3, “Sebilangan Penggodam Dikenal Pasti”.

<sup>328</sup> Andeno Maseleno (2003), *ibid.*, h. 127.

Contohnya:<sup>329</sup>

- (1) Pishing - Penghantaran pautan-pautan tertentu untuk mengintai maklumat yang terdapat di dalam email pengguna.



- (2) SQL Injection - Sejenis pencerobohan sekuriti di mana penyerang telah menambah sejenis kod bahasa struktur SQL untuk capaian akses sumber data atau mengubah maklumat data. **Insiden ini mampu memberikan kesan kepada perubahan visual teks hadith di internet.**



- (3) Web Defacement - Serangan ke atas laman web yang mengakibatkan pengubahsuaian visual templat.



<sup>329</sup> Penulis mengambil beberapa sampel melalui laporan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pematuhan ICT, Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan, Pengurusan Malaysia (MAMPU). Lihat Roszelinda Binti Khalid (2010), "Pengenalan Kepada Ancaman Keselamatan ICT Terhadap Laman Web dan Langkah-langkah Pencegahan" (Laporan Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan, Pengurusan Malaysia (MAMPU), 20 Oktober 2010) h. 3-14.

Berdasarkan kepada contoh-contoh ancaman ICT di atas, para pembangun perisian laman web sebenarnya telah berusaha meningkatkan keupayaan sistem sekuriti dari semasa ke semasa dalam berhadapan isu-isu keselamatan tersebut.

## 2.2.2 Keselamatan Perisian Laman Web.

Antara perisian laman web popular adalah seperti Joomla CMS, Drupal CMS, PhpMyAdmin, Blogger, Wordpress dan lain-lain.<sup>330</sup> Perisian ini menyediakan kemudahan ‘hosting’ di mana para pengguna boleh membina laman web dengan sokongan ‘domain’ .com tersendiri. Setiap perisian mempunyai kelebihan-kelebihan tertentu, namun berkongsi kekurangan yang sama apabila melibatkan isu-isu keselamatan. Oleh demikian, para pembangun perisian laman web ini telah melakukan kajian dan pemantauan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan sistem sekuriti perisian dalam memerangi isu keselamatan dan mengurangkan segala risiko kegiatan jenayah siber.

Penulis akan melakukan kajian terhadap tahap keselamatan perisian laman web Wordpress, Joomla, PhpMyAdmin sebagai sampel untuk memperlihatkan keupayaan perisian ini dalam merealisasikan isu keselamatan ICT seterusnya menjamin pemeliharaan data hadith yang dimuatkan.

---

<sup>330</sup> Berdasarkan beberapa perisian laman web yang tersedia, penulis tidak menjumpai sebarang maklumat berkenaan penggunaan perisian laman web oleh al-Durar al-Saniyah dan Islamweb. Namun kajian ini cuba untuk menyelidiki tahap keselamatan perisian popular yang digunakan kebanyakan agensi kerajaan, institusi, mahupun laman web peribadi iaitu Wordpress, Joomla, dan PhpMyAdmin.

### 2.2.2.1 Wordpress

Perisian wordpress adalah perisian daripada sumber terbuka di mana pengguna bebas untuk membina sebarang web dengan mudah, CMS yang mesra pengguna dan mesra enjin carian. Namun perisian ini juga terlalu mudah untuk diserang oleh para penggodam, spyware, malware, dan virus. Justeru, wujud pelbagai cara dan kaedah-kaedah tertentu untuk mengatasinya termasuk penghasilan plugin-plugin keselamatan oleh para pembangun wordpress dan blogger-blogger di seluruh dunia.<sup>331</sup> Di antara plugin yang dimaksudkan ialah:

- Secure WordPress<sup>332</sup> - Kelebihan plugin ini ialah untuk meningkatkan ciri-ciri keselamatan tanpa sebarang penambahan kod di bahagian css templat. Penghasilan plugin ini telah mengurangkan risiko kehilangan data yang dilakukan oleh penggodam. Antara ciri-ciri keselamatan lain yang terdapat dalam Secure WordPress ialah:
  - (1) Membuang error-information pada paparan log masuk.
  - (2) Menambah direktori index.php secara maya.
  - (3) Membuang versi wordpress kecuali pada kawasan admin.
  - (4) Membuang Really Simple Discovery.
  - (5) Membuang Windows Live Writer.
  - (6) Membuang informasi kemas kini plugin kepada bukan admin.
  - (7) Membuang informasi kemas kini tema kepada bukan admin.
  - (8) Menyembunyikan versi WordPress pada paparan Dashboard kepada bukan admin.
  - (9) Menyekat segala bentuk pertanyaan asing yang boleh memudaratkan laman web.

---

<sup>331</sup> Fauzi Hashim (t.t.), Panduan Keselamatan Wordpress, t.tp: t.pt., h. 3.

<sup>332</sup> Plugin ini telah dihasilkan oleh SiteSecurityMonitor.com. Lihat Fauzi Hashim (t.t.), *ibid.*, h. 1-23. Lihat juga Wordpress.org, Plugin Directory, <http://wordpress.org/extend/plugins/secure-wordpress/>, 27 April 2011.

- WPantiVirus<sup>333</sup> dihasilkan sebagai langkah penyelesaian efektif untuk menghindari sebarang eksplotasi maklumat dan serangan spam. Di antara kelebihan plugin ini ialah:
  - (1) Pengimbas fail yang pantas untuk mengecam maklumat yang telah dijangkiti virus. (2) Semakan imbasan automatik harian dengan penghantaran maklumat imbasan kepada email admin. (3) Senarai Putih: Maklumat terhadap fail yang diragui sebagai ‘Tiada Virus’. (4) Pembersihan plugin-plugin yang telah dinyahaktifkan.
- Stealth Login<sup>334</sup> merupakan plugin yang akan mengubah pelayaran URL admin mengikut pilihan admin sendiri. Ini akan menyukarkan para penggodam untuk menggodam perisian wordpress tersebut.
- Wordpress Firewall<sup>335</sup> - Plugin ini akan menyiasat permintaan web dengan kaedah swakaji bagi mengenal pasti dan menghentikan serangan siber yang telah jelas. Ia dianggap sebagai plugin pintar kerana mengemukakan senarai putih dan senarai hitam yang mengandungi maklumat fail yang perlu disimpan dan dibuang oleh admin.

Selain dari plugin-plugin yang dijelaskan sebelum ini, terdapat beberapa plugin lain yang turut memberikan kelebihan terhadap keselamatan data dalam perisian wordpress. Antaranya ialah Remove Wordpress Version,<sup>336</sup> Block Bad Queries<sup>337</sup> yang akan

---

<sup>333</sup> Antivirus Wordpress, <http://wpantivirus.com/>, 27 April 2011.

<sup>334</sup> Wordpress.org, Plugin Directory, <http://wordpress.org/extend/plugins/stealth-login/>, 27 April 2011.

<sup>335</sup> Wordpress.org, Plugin Directory, <http://wordpress.org/extend/plugins/wordpress-firewall/>, 27 April 2011.

<sup>336</sup> Wordpress.org, Plugin Directory, <http://wordpress.org/extend/plugins/wp-secure-remove-wordpress-version/installation/>, 27 April 2011.

<sup>337</sup> Wordpress.org, Plugin Directory, <http://wordpress.org/extend/plugins/block-bad-queries/screenshots/>, 27 April 2011.

menutup sebarang sambungan berdasarkan kod-kod jahat, Mencipta Fail Baru untuk mengelirukan penggodam dan lain-lain. Plugin yang dihasilkan ini boleh ditemui melalui website utama komuniti [wordpress.org](http://wordpress.org) dengan setiap perincian ciri-ciri khas yang telah dinaiktaraf bagi membantu para pengguna memelihara dan menjamin keselamatan data.

### 2.2.2.2 Joomla

Joomla merupakan salah sebuah perisian laman web terkenal yang telah dimanfaatkan sebanyak 7100 komuniti dalam masa 47 hari dan memenangi anugerah ‘Best Linux/Open Source Project, 2005’, UK Individual Contribution to Open Source, 2005’ dan ‘Content Management System (CMS)’.<sup>338</sup> Ia membolehkan para pengguna membina sebuah laman web yang dinamik dengan perkhidmatan aplikasi atas talian ‘online’ yang kukuh. Dalam merangka sebuah sistem keselamatan laman web yang berkesan, pihak pembangun Joomla telah mengambil penting perkara ini dengan penubuhan pusat keselamatan ‘Security Center’ dan ‘Joomla Security Strike Team’. Security Center ditubuhkan bagi memenuhi beberapa target utama keselamatan Joomla iaitu:<sup>339</sup>

- (1) Melakukan penyelidikan dan maklum balas terhadap teras data yang terdedah kepada ancaman.
- (2) Memusnahkan kod bagi data atau fail yang telah diselidiki untuk mengenal pasti ancaman baru terhadap teras data yang terdedah.
- (3) Membekalkan kepada para pengguna maklumat berkaitan kesedaran terhadap isu keselamatan.

---

<sup>338</sup> Jennifer Marriott et.al (2011), *The Official Joomla Book*, Boston: Pearsan Education, h. 1. Lihat juga Joomla, <http://www.joomla.org/about-joomla.html>, 27 April 2011.

<sup>339</sup> Joomla, *ibid.*

(4) Membantu para pengguna memahami dan mengetahui tahap keselamatan Joomla.

Manakala ‘Joomla Security Strike Team’ pula adalah merujuk kepada sekumpulan kecil individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang keselamatan tertentu.<sup>340</sup> Kumpulan ini akan membantu untuk membangun dan meningkatkan pengurusan sekuriti Joomla.

Dalam menangani isu keselamatan yang dinyatakan sebelum ini, penulis mendapati bahawa banyak kajian dan usaha yang telah dilakukan oleh pihak pembangun Joomla mahupun di kalangan ahli perisian dalam menggariskan beberapa kaedah untuk mengurangkan risiko ancaman keselamatan tersebut. Di antaranya ialah panduan aturan keselamatan ‘Security Setting’,<sup>341</sup> panduan perlindungan aplikasi Joomla,<sup>342</sup> senarai semak keselamatan ‘Security Checklist’,<sup>343</sup> dan lain-lain. Penulis juga mendapati bahawa pihak pembangun aplikasi telah menyediakan ruangan forum untuk membincangkan mengenai isu-isu keselamatan yang berlaku ke atas aplikasi Joomla.<sup>344</sup> Melalui ruangan ini, para pengguna boleh mengajukan sebarang permasalahan berkaitan isu keselamatan yang akan diselesaikan oleh pengguna lain yang berkemahiran dalam isu tersebut.

---

<sup>340</sup> Jennifer Marriott et.al (2011), *Op.cit.*, h. 246.

<sup>341</sup> Richard Pike (2009), *Joomla Website Security Checklist*, t\_tp: t.pt., h. 1-2. Lihat juga Steve White (2006), *The Official Joomla! User Manual*, t\_tp: t.pt., v. 1.0.1., h. 58.

<sup>342</sup> Valentin Hoebel (2010), *Op.cit.*, h. 11.

<sup>343</sup> Hagen Graf (2011), *Joomla! 1.6 Beginner Guides*, t\_tp: t.pt., h. 170. Lihat juga Richard Pike (2009), *ibid.*

<sup>344</sup> Steve White (2006), *Op.cit.* Lihat Joomla! Discussion Forums, <http://forum.joomla.org/index.php/topic,7> April 2011.

### 2.2.2.3 PhpMy Admin

PhpMy Admin adalah sebuah program sumber terbuka ‘open source’ yang dibentuk berdasarkan aplikasi PHP (HyperText Preprocessor),<sup>345</sup> untuk mengurus MySQL (My Structure Query Language)<sup>346</sup> berupa pangkalan data RDBMS (Relational Database Management System).<sup>347</sup> Ia merupakan sebuah operasi sistem yang paling kerap digunakan untuk mengurus pangkalan data, merelasikan sistem pangkalan data, melakukan tabel, indeks dan lain-lain.<sup>348</sup> Bermula pada tahun 2003 hingga 2009, PhpMyAdmin telah memenangi pelbagai anugerah seperti Reader's Choice Award tahun 2003, 2005 dan 2006 melalui kategori Best PHP-Tool / Best PHP-Application, Community Choice Awards melalui kategori Databases dan Sysadmin sempena perhimpunan tahunan SourceForge.net dan lain-lain.<sup>349</sup>

Sebagaimana yang telah diusahakan oleh perisian wordpress dan joomla dalam menangani isu keselamatan ICT, PhpMyAdmin juga mengambil serius terhadapnya dengan inisiatif tindakan yang berkesan seperti mewujudkan PhpMyAdmin Security Team<sup>350</sup> dan menyediakan langkah keselamatan yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan. Antaranya ialah program kod yang menghalang sebarang bentuk pencerobohan ‘site defacement’, menghalang penggodam untuk mengakses laman web,

---

<sup>345</sup> Bahasa skrip yang direka khas untuk digunakan bersama-sama dengan penanda HTML (Hyper Text Markup Language) dalam pembinaan laman web. Bahasa skrip yang digunakan oleh laman web akan diproses menggunakan enjin skrip PHP yang mana setiap kod-kod akan digantikan kepada visual yang dikehendaki oleh pengatur cara. Jason Lengstorf (2009), *PHP For Absolute Beginners*, New York: Apress, h. 3.

<sup>346</sup> Pangkalan data RDMS tidak terhad kepada MySQL semata-mata malah turut memasarkan pangkalan data yang lain seperti Oracle, Informix, Sybase, DBase, MS SQL, MS Access dan lain-lain dengan kos pembelian yang tinggi. Namun MySQL tetap menjadi pilihan kerana ia adalah Sumber Terbuka (Open Source) yang dipasarkan secara percuma. MySQL juga telah digunakan oleh Yahoo, Google, Youtube dan Wikipedia. Vikram Vaswani (2004), *MySQL: The Complete Reference*, United Stated: The McGraw-Hill, h. xv.

<sup>347</sup> Berfungsi sebagai stor data-data sistem yang dibangunkan. Lihat Stendy b. Sakur (2004), *Aplikasi Web Database dengan Dreamweaver MX*, Yogyakarta: Andi Offset, h. 57.

<sup>348</sup> *Ibid.* lihat juga phpMyAdmin, [http://www.phpmyadmin.net/home\\_page/](http://www.phpmyadmin.net/home_page/), 20 Julai 2011.

<sup>349</sup> PhpMyAdmin, [http://www.phpmyadmin.net/home\\_page/awards.php](http://www.phpmyadmin.net/home_page/awards.php), 20 Julai 2011.

<sup>350</sup> Penulis tidak menemui sebarang data mengenai kumpulan sekuriti ini. Namun para pengguna boleh menghubungi mereka melalui alamat email berikut: security@phpmyadmin.net.

kerosakan yang diakibatkan oleh virus,<sup>351</sup> pengesahan terhadap input pengguna, menghalang serangan SQL, Penguatkuasaan Keselamatan Fail, menghalang rampasan sesi (session hijacking) dan sebagainya.<sup>352</sup> Di samping itu, pihak pembangun juga telah menyediakan panduan sekuriti di dalam laman web rasmi PhpMyAdmin untuk memperlihatkan segala tindakan penyelesaian terhadap insiden keselamatan yang berlaku pada tahun 2003 hingga 2011.<sup>353</sup> Ia telah membuktikan bahawa aplikasi PhpMyAdmin juga telah dipantau dari semasa ke semasa dalam menjamin keselamatan data yang dimuatkan.

**Ulasan:** Berdasarkan kepada usaha-usaha keselamatan yang telah dijalankan, penulis menyimpulkan bahawa pemeliharaan hadith menggunakan perisian laman web seperti wordpress, joomla dan PhpMyAdmin adalah terjamin sekalipun tidak secara menyeluruh. Begitu juga sekiranya kajian dilakukan ke atas perisian laman web lain seperti Drupal CMS<sup>354</sup>. Kebanyakannya telah menaik taraf sistem keselamatan dari semasa ke semasa. Sekalipun isu ini tidak dapat dibendung secara keseluruhannya, namun pengguna mampu untuk mengurangkan insiden keselamatan dalam menjamin pemeliharaan maklumat hadith di internet.

## 2.3 DASAR KESELAMATAN ICT.

Selain dari faktor keselamatan sistem yang tersedia melalui perisian laman web yang dinyatakan sebelum ini, keupayaan untuk memelihara data hadith di internet perlu

---

<sup>351</sup> Tim Converse (2004), *PHP5 and MySQL bible*, United States: Wiley Publishing, h. 532-554.

<sup>352</sup> Chris Snyder (2010), *Pro PHP Security: From Application Security Principles to the Implementation*, New York: Apress, c. 2, h. 1-115.

<sup>353</sup> Janet Valade (2008), *PHP and MySQL Web Development*, Indianapolis: Wiley Publishing, c. 3, h. 359. Lihat juga PhpMyAdmin, [http://www.phpmyadmin.net/home\\_page/security/](http://www.phpmyadmin.net/home_page/security/), 23 Jun 2011.

<sup>354</sup> John K. VanDyk (2008), *Pro Drupal Development*, Amerika: Apress, c. 2, h. 468 dan 605. Lihat juga Drupal, <http://drupal.org/security>, 23 Jun 2011.

diperkuuhkan lagi dengan adanya beberapa garis dasar yang mencakupi pemeliharaan pangkalan data hadith melalui faktor luaran. Dasar Keselamatan ICT adalah merangkumi perlindungan aset ICT di mana segala bentuk maklumat yang disedia, diwujud, diakses, diedar dan urusan membekalkan perkhidmatan yang berasaskan kepada sistem ICT berjalan secara lancar dan berterusan tanpa sebarang gangguan yang boleh menjelaskan keselamatan. Terdapat empat komponen asas keselamatan ICT iaitu:<sup>355</sup>

- a. Melindungi data dan maklumat hadith dari capaian tanpa kuasa yang sah.
- b. Menjamin setiap maklumat hadith adalah tepat dan sempurna.
- c. Memastikan ketersediaan maklumat hadith apabila diperlukan oleh pengguna.
- d. Memastikan akses kepada hanya pengguna-pengguna yang sah atau penerimaan maklumat dari sumber yang sah.

Dasar Keselamatan ICT juga merangkumi perlindungan ke atas semua bentuk maklumat elektronik. Ia bertujuan untuk menjamin keselamatan maklumat dan keupayaan untuk menyediakan maklumat hadith kepada semua pengguna sama ada melalui semua fail yang dihantar dan diterima adalah bebas daripada sebarang bentuk penyelewengan keselamatan.<sup>356</sup> Oleh demikian, setiap data hadith seharusnya terhindar dari sebarang bentuk ancaman keselamatan dan memastikan perisian antivirus atau penapis *malicious codes* sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa. Langkah penjagaan tersebut adalah untuk memastikan data atau maklumat hadith telah memenuhi piawaian keselamatan berikut:<sup>357</sup>

---

<sup>355</sup> Dasar Keselamatan ICT, Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri, 2 April 2009, v. 5.2, h. 8.

<sup>356</sup> *Ibid.*

<sup>357</sup> Salmān b. ‘Alī (2003), “Amn al-Ma’lūmāt fī Ḏaw’ al-Tatawwur al-Taqnī wa al-Ma’lūmātī al-Ḥāḍīth” (Kertas Kerja al-Mu’tamar al-‘Alamī al-Awwal Ḥawl al-Jawāníb al-Qaṇūniyyah wa al-Amāniyyah li al-‘Amaliyyāt al-Iikrūnik di Dubai, 26-28 April 2003), h. 21. Lihat juga Institut Tanah Dan Ukur Negara, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, *Op.cit.*, h. 11. Lihat juga Dasar Keselamatan ICT, Kementerian Pengajian Tinggi, 27 Oktober 2010, v. 2.0, h. 8.

- a. Kerahsiaan - Maklumat hadith tidak boleh didedahkan sewenang-wenangnya atau dibiarkan diakses tanpa kebenaran.
- b. Integriti - Data dan maklumat hadith hendaklah tepat, lengkap dan kemas kini. Ia hanya boleh diubah dengan cara yang dibenarkan.
- c. Tidak Boleh Disangkal - Sumber data dan maklumat hadith hendaklah dari sumber yang sah dan tidak boleh disangkal.
- d. Kesahihan - Data dan maklumat hadith hendaklah dijamin kesahihannya.
- e. Ketersediaan - Data dan maklumat hadith dapat diakses pada bila-bila masa.

### 2.3.1 Keselamatan Material ICT.

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, pemeliharaan data hadith tidak melibatkan faktor dalaman seperti ancaman siber ke atas perisian laman web semata-mata, malah ia merangkumi faktor luaran melibatkan segala aset fizikal keselamatan infrastruktur yang membantu kepada penyediaan maklumat hadith sehingga ia dipaparkan ke dalam internet dan dipantau dari semasa ke semasa.<sup>358</sup> Dalam memastikan aset ICT yang bertindak sebagai alat penyelenggaraan maklumat hadith ini terjamin keselamatannya sepanjang masa, maka Dasar Keselamatan ICT adalah meliputi perlindungan ke atas semua bentuk maklumat yang dimasukkan, dimusnah, disimpan, dicetak, diakses, dan maklumat yang dijadikan salinan keselamatan ‘*backup*’. Ia akan dilakukan melalui penguatkuasaan sistem kawalan dan prosedur dalam pengendalian semua perkara berikut:<sup>359</sup>

---

<sup>358</sup> Bahagian Teknologi Pendidikan, Buku Panduan Pengurusan Keselamatan ICT, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur: Sektor Keselamatan ICT, Julai 2007, h. 13.

<sup>359</sup> Dasar Keselamatan ICT, Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan, Pengurusan Malaysia (MAMPU), *Op.cit.*, h. 10. Lihat juga Dasar Keselamatan ICT, Kementerian Pengajian Tinggi, *Op.cit.*, h. 36-48. Lihat juga Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (Ministry of Information Communication and Culture), 16 Julai 2009, v. 1.0, h. 36.

- (a) Perkakasan: Segala aset yang digunakan untuk menyokong pemprosesan maklumat hadith dan kemudahan storan. Contoh komputer, pelayan, peralatan komunikasi dan sebagainya.
- (b) Perisian: Program, prosedur atau peraturan yang ditulis dan dokumentasi yang berkaitan dengan sistem pengoperasian komputer yang disimpan di dalam sistem ICT. Contoh perisian aplikasi atau perisian sistem seperti sistem pengoperasian, sistem pangkalan data, perisian sistem rangkaian, atau aplikasi pejabat yang menyediakan kemudahan pemprosesan maklumat.
- (c) Perkhidmatan: Perkhidmatan atau sistem yang menyokong aset lain untuk melaksanakan fungsi-fungsinya. Contoh:
  1. Perkhidmatan rangkaian seperti LAN, WAN dan lain-lain.
  2. Sistem halangan akses seperti sistem kad akses.
  3. Perkhidmatan sokongan seperti kemudahan elektrik, penghawa dingin, sistem pencegah kebakaran dan lain-lain.
- (d) Data atau Maklumat: Koleksi fakta-fakta dalam bentuk salinan kertas atau mesej elektronik yang mengandungi maklumat-maklumat untuk digunakan bagi mencapai misi dan objektif tertentu. Contohnya, sistem dokumentasi, prosedur operasi, rekod, profil-profil pengguna, pangkalan data dan fail-fail data, maklumat-maklumat arkib dan lain-lain.
- (e) Manusia: Individu yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan skop kerja harian bagi mencapai misi dan objektif agensi. Individu berkenaan merupakan aset berdasarkan kepada tugas-tugas dan fungsi yang dilaksanakan.
- (f) Premis Komputer Dan Komunikasi: Semua kemudahan serta premis yang digunakan untuk menempatkan perkara (a) - (e) di atas. Setiap perkara di atas perlu diberi perlindungan rapi.

### 2.3.2 Langkah Pemeliharaan Aset ICT.

Di dalam proses penjagaan kesemua aset ICT yang tersedia, ia melibatkan suatu langkah pemeliharaan yang besar merangkumi beberapa pengelasan seperti prosedur keselamatan sumber manusia, keselamatan fizikal dan persekitaran, pengurusan operasi dan komunikasi, kawalan terhadap capaian, pengurusan pengendalian insiden keselamatan dan lain-lain. Umumnya dasar keselamatan tersebut harus dipatuhi keseluruhannya, namun ia turut bergantung kepada sesebuah institusi untuk mengaplikasikan garis dasar yang tersedia mengikut kesesuaian yang ditetapkan. Di antara langkah-langkah keselamatan yang perlu di ambil kira ialah:

#### 1. Keselamatan Mel Elektronik

E-mel atau mel elektronik<sup>360</sup> merupakan satu media perhubungan yang paling mudah, cepat dan murah untuk berhubung dari satu pihak dengan pihak yang lain tanpa batasan jarak, masa dan tempat.<sup>361</sup> Ia dikenali sebagai perkhidmatan surat-menjurut di internet.<sup>362</sup> Perkhidmatan ini sangat penting sebagai interaksi antara pengguna dan pihak pembangun dalam mengutarakan sebarang komen dan pertanyaan langsung di atas talian. Memandangkan perkhidmatan ini sangat terdedah kepada aktiviti ancaman ICT, maka prosedur tertentu perlu digariskan sebagai langkah berjaga-jaga:<sup>363</sup>

- a) Semua e-mel yang mengandungi fail kepilan seperti \*.scr, \*.com, \*.exe, \*.dll, \*.pif, \*.vbs, \*.bat, \*.asd, \*.chm, \*.ocx, \*.hlp, \*.hta, \*.js, \*.shb, \*.shs, \*.vb, \*.vbe, \*.wsf, \*.wsh, \*.reg, \*.ini, \*.diz, \*.cpp, \*.cpl, \*.vxd, \*.sys dan \*.cmd

---

<sup>360</sup> Kamus Dewan (2002), Edisi Ketiga c. 7, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 334.

<sup>361</sup> Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), *Op.cit.*, h. 5.

<sup>362</sup> Andeno Maselelo (2003), *Op.cit.*, h. 69.

<sup>363</sup> Dasar Keselamatan ICT, Kementerian Pengajian Tinggi, *Op.cit.*, h. 58. Lihat juga Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), *Op.cit.*, h. 5-8. Lihat juga Dasar Keselamatan ICT, Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), *Op.cit.*, h. 50. Lihat juga Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (Ministry of Information Communication and Culture), *Op.cit.*, h. 36.

akan ditapis dan ditahan penyebarannya kepada penerima kerana dikuatirinya mengandungi virus.

- b) Dilarang sama sekali untuk membuka e-mel yang mengandungi fail kepilan (attachment file) seperti \*.exe, \*.scr, \*.gif, \*.pif, \*.com, \*.dll, \*.bat, \*.vbs, \*.icr, \*.ocx dan lain-lain kerana unsur yang meragukan.
- c) Lakukan ‘scanning’ ke atas semua fail dan fail kepilan bagi mengenal pasti fail-fail yang dijangkiti virus melalui perisian antivirus yang original.

## 2. Keselamatan Rangkaian.<sup>364</sup>

Rangkaian merupakan satu sumber ICT yang utama bagi sebuah organisasi pada masa kini. Oleh itu, keselamatan rangkaian (network security) adalah merupakan satu langkah keselamatan utama untuk mengawal aset ICT dari dicerobohi. Reka bentuk struktur rangkaian yang betul dan baik merupakan satu faktor keselamatan rangkaian yang penting. Untuk menjamin keselamatan rangkaian ini, pihak pembangun perlu memastikan reka bentuk rangkaian yang tersusun rapi, teratur, sentiasa dikemas kini dan mengutamakan ciri-ciri keselamatan.<sup>365</sup>

Firewall<sup>366</sup> juga merupakan salah satu sistem keselamatan penting yang harus diwujudkan dalam memelihara aset-aset di dalam rangkaian supaya tidak diceroboh oleh golongan yang tidak bertanggung jawab.<sup>367</sup> Melalui sistem Firewall, hanya server-server dan perkhidmatan port tertentu sahaja yang dibenarkan kepada pengguna luar untuk mencapai server-server dalaman. Konfigurasi keselamatan setiap server diperkemaskan dari semasa ke semasa selain dari kawalan capaian oleh firewall

<sup>364</sup> Lihat perbincangannya dengan lebih terperinci dalam mengatasi segala bentuk serangan sekuriti dalam Eric Maiwald (2003), *Network security: a beginner's guide*, California: McGraw-Hill, c. 3.

<sup>365</sup> Lihat Dasar Keselamatan ICT, Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), *ibid.*, h. 46. Lihat juga Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), *ibid.*, h. 8-9.

<sup>366</sup> Sistem yang direka bentuk untuk menghalang capaian pengguna yang tidak berkenaan kepada atau daripada rangkaian dalaman. Terdapat dalam bentuk perkakasan atau perisian atau kombinasikeduanya. Lihat Dasar Keselamatan ICT, Kementerian Pengajian Tinggi, *Op.cit.*, h. 88. Lihat juga Andeno Maseleno (2003), *Op.cit.*, h. 83.

<sup>367</sup> Mark Ciampa (2009), *Security+ Guide to Network Security Fundamentals*, Canada: Cengage Learning, c. 3, h. 166.

sendiri.<sup>368</sup> Selain dari menyediakan infrastruktur rangkaian yang baik, pihak pembangun perlu melakukan pemantauan bagi setiap log dalam setiap server untuk memastikan tiada capaian yang tidak sah dilakukan ke atas server berkenaan.<sup>369</sup>

### 3. Keselamatan Kata Laluan.

Kata laluan merupakan kata kunci atau *pin* yang perlu dikawal dan dirahsiakan dalam usaha menghindar dari insiden keselamatan yang melibatkan penggunaan aset ICT oleh orang-orang yang tidak diberi kebenaran. Oleh demikian pihak pembangun dinasihatkan supaya menjaga kata laluan yang ditetapkan dengan teliti agar ia tidak disalah guna oleh pihak lain. Bagi menjamin keselamatan kata laluan tersebut, di antara prosedur yang boleh diikuti ialah:<sup>370</sup>

- a) Sekiranya kata laluan telah dicuri atau disyaki dicuri, laporan hendaklah dibuat kepada pentadbir sistem ICT dan kata laluan sedia ada hendaklah diubah dengan serta merta.
- b) Kata laluan perlu ditukar sekerap mungkin dan dicadangkan sekurang-kurangnya enam bulan atau sebulan sekali.
- c) Panjang kata laluan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya lapan aksara dengan gabungan *alphanumeric* huruf kecil dan besar serta simbol khas.
- d) Kata laluan hendaklah dihafal dan jangan sekali-kali disalin di mana-mana media terutama menulisnya di sebelah monitor.
- e) Had percubaan memasukkan kata laluan dari segi masa dan bilangan adalah perlu ditetapkan. Sekiranya usaha kemasukan kata laluan telah melebihi had yang ditetapkan maka percubaan seterusnya akan ditolak sama sekali.

<sup>368</sup> Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), *Op.cit.* Lihat juga Dasar Keselamatan ICT, Kementerian Pengajian Tinggi, *ibid.*, h. 55-56.

<sup>369</sup> *Ibid.* Lihat saranan Roszelinda Binti Khalid di bahagian Pematuhan ICT terhadap kepentingan firewall di Roszelinda Binti Khalid (2010), *Op.cit.*, h. 26.

<sup>370</sup> Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), *ibid.*, h. 9-10. Lihat juga Dasar Keselamatan ICT, Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), *Op.cit.*, h. 57. Lihat juga Lihat juga Dasar Keselamatan ICT, Kementerian Pengajian Tinggi, *ibid.*, h. 67. Lihat juga Roszelinda Binti Khalid (2010), *Op.cit.*, h. 23.

#### 4. Keselamatan Perisian Sistem<sup>371</sup> Dan Pangkalan Data Hadith

Data dan maklumat sistem aplikasi yang telah dibangunkan merupakan salah satu aset penting yang perlu dilindungi sebaik mungkin. Beberapa langkah yang boleh dilaksanakan bagi melindungi aset-aset tersebut adalah seperti berikut:<sup>372</sup>

##### 1) Pembaik pulih Sistem

Pembaik pulih sistem merupakan proses membaiki semula sistem yang telah musnah atau kehilangan data akibat dari beberapa faktor. Di antaranya adalah kegagalan server untuk berfungsi, kerosakan fizikal cakera keras ‘hard disk’, masalah kesilapan dalam pemprograman, kesan pencerobohan dan kesan bencana alam. Proses pembaik pulih sistem terbahagi kepada dua peringkat iaitu prosedur penduaan ‘backup’ dan prosedur baik pulih.<sup>373</sup>

##### 2) Prosedur Penduaan<sup>374</sup>

a) Penduaan kepada keseluruhan server data dan aplikasi termasuk operasi sistem ‘*Operating System (OS)*’ dilakukan pada setiap hari. Beberapa prosedur penduaan dijalankan ke atas semua data-data yang disimpan di dalam server. Kekerapan penjanaan data penduaan adalah mengikut kepentingan data-data tersebut secara berperingkat dari harian hingga bulanan. Selain penduaan terhadap data-data, terdapat juga penduaan yang dilakukan kepada transaksi selepas penduaan sehingga ke transaksi paling akhir diproses sebelum kerosakan berlaku.

b) Penduaan data ke dalam pita atau media lain perlu dilakukan setiap hari untuk mengelakkan kehilangan data sekiranya berlaku kerosakan cakera keras.

---

<sup>371</sup> Perisian sistem adalah merujuk kepada sistem pengoperasian seperti windows bagi komputer mikro dan NetWare/Windows NT pada server.

<sup>372</sup> Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), *Op.cit.* Lihat juga Roszelinda Binti Khalid (2010), *Op.cit.*, h. 24-25.

<sup>373</sup> Dasar Keselamatan ICT, Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), *Op.cit.*, h. 46.

<sup>374</sup> Harian Metro, *Op.cit.* Lihat juga Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), *Op.cit.*, h. 15-17. Dasar Keselamatan ICT, Kementerian Pengajian Tinggi, *Op.cit.*, h. 54.

- c) Labelkan setiap penduaan media storan yang digunakan bagi memudahkan proses baik pulih dilaksanakan.
- d) Penduaan sistem aplikasi dan sistem operasi perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali bagi setiap keluaran versi terbaru mengikut peraturan yang ditetapkan semasa perisian itu dibangunkan atau diperoleh atau mengikut garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Faktor ketahanan dan jangka hayat media storan perlu diambil kira dalam menentukan kekerapan penduaan.
- e) Penduaan untuk data dan sistem aplikasi/sistem operasi dicadangkan agar dibuat dalam tiga salinan dan setiap satu disimpan di lokasi yang berlainan. Lokasi tersebut adalah:-
  - a. Lokasi di mana sistem tersebut beroperasi.
  - b. Lokasi off-site pertama - Di Bahagian Teknologi Maklumat.
  - c. Lokasi off-site kedua - Di bangunan lain yang berdekatan atau mana-mana Jabatan Kerajaan lain yang berdekatan dan mempunyai kemudahan untuk menyimpan media penduaan.
- f) Penetapan lokasi simpanan penduaan ini adalah untuk memastikan data-data kritikal/penting masih boleh diselamatkan jika berlaku kerosakan atau kemusnahan secara fizikal, sebagai contoh jika berlaku bencana seperti kebakaran, banjir dan sebagainya.

Berdasarkan prosedur penduaan yang dinyatakan di atas, proses membaik pulih boleh dilakukan sama ada dari peringkat paling kritikal seperti kegagalan seluruh *partition hardisk*, aplikasi, direktori sehingga ke atas fail tertentu dapat dibaikpulih dengan mudah dan selamat.

### 3) Pelan Pemulihan Bencana<sup>375</sup>

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, penduaan dilakukan ke atas data-data kritikal untuk disimpan di bilik server atau dihantar dan disimpan oleh agensi lain. Tindakan ini dilakukan bagi memastikan data-data kritikal masih boleh diselamatkan jika berlaku kerosakan atau kemusnahan secara fizikal di bilik server seperti kebakaran, banjir dan sebagainya. Oleh demikian, sebelum berlakunya krisis fizikal tersebut, langkah-langkah keselamatan berikut adalah penting untuk dipatuhi:<sup>376</sup>

(a) Perlindungan Daripada Kebakaran - Kawalan bagi mengurangkan risiko kebakaran peralatan ICT:

- Merokok adalah dilarang di dalam bilik server dan di kawasan yang menyimpan bahan mudah terbakar.
- Bilik Server hendaklah dilengkapkan dengan alat pemadam api.
- Bahan mudah bakar seperti kertas tidak boleh disimpan di bilik server.
- Bekas sampah hendaklah diletakkan di luar bilik server.
- Suis kepada semua alat-alat komputer perlu ditutup apabila tidak digunakan.

(b) Perlindungan Daripada Air - Kawalan untuk mengurangkan risiko kerosakan disebabkan air dalam bilik server:

- Kakitangan di bilik server hendaklah memastikan tidak berlaku limpahan air dari alat hawa dingin.

(c) Kawalan Persekutaran - Kawalan pelindungan peralatan komputer daripada bahaya persekitaran:

- Sistem elektrik hendaklah dilindungi daripada masalah yang boleh mengakibatkan kerosakan kepada peralatan.

---

<sup>375</sup> Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), *Op.cit.*, h. 17. Lihat juga Dasar Keselamatan ICT, Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), *Op.cit.*, h. 38. Lihat juga Dasar Keselamatan ICT, Kementerian Pengajian Tinggi, *Op.cit.*, h. 34.

<sup>376</sup> *Ibid.*

- Suhu dan kelembapan di bilik server hendaklah diawasi dan dikawal.
  - Kakitangan di bilik server hendaklah dilatih untuk mengawasi kawalan persekitaran peralatan dan bagaimana untuk bertindak sekiranya berlaku kecemasan.
- (d) Kawalan Akses - Kawalan keluar masuk kawasan bilik server yang memerlukan kepada kebenaran dari pihak berkuasa.
- Pintu masuk hendaklah sentiasa dikunci dan diawasi.
  - Pelawat-pelawat yang hadir hendaklah diiring sepanjang masa.
  - Memasuki ke bilik server dihadkan kepada kakitangan yang bertanggungjawab sahaja.

## 5. Keselamatan Komputer Di Bilik Sever

Sebahagian besar server adalah menggunakan peranti komputer. Oleh kerana itu, pentingnya keselamatan komputer bagi menjamin data-data hadith yang dimuatkan dalam server. Beberapa langkah boleh dilaksanakan adalah seperti berikut:<sup>377</sup>

- (a) Setiap server perlu dilabel untuk memudahkan setiap pentadbir menjalankan tugas masing-masing.
- (b) Pengguna perlu mencatat buku log yang disediakan sebelum memasuki bilik server.
- (c) Pastikan bilik server sentiasa bersih supaya server serta peralatan-peralatan yang di tempatkan dan komputer tidak terdedah kepada habuk.
- (d) Penghawa dingin mestilah berfungsi dengan baik di mana suhunya berada dalam lingkungan  $\pm 19.5^{\circ}\text{C}$  dan kelembapan di paras 50.7%. Ia juga perlu

---

<sup>377</sup> Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), *Op.cit.*, h. 14. Lihat juga Dasar Keselamatan ICT, Kementerian Pengajian Tinggi, *Op.cit.*, h. 36.

dipantau agar tidak berlaku kebocoran yang boleh merosakkan peralatan-peralatan di bilik server.

**Ulasan:** Lima langkah keselamatan yang dinyatakan di atas adalah di antara langkah-langkah keselamatan yang perlu dijadikan panduan oleh para pembangun laman web. Hakikatnya terdapat banyak langkah lain yang boleh digunakan sebagai suatu jaminan terhadap pemeliharaan data hadith di internet, namun penulis hanya membawa lima langkah dasar sebagai contoh dan bukti bahawa pemeliharaan data atau maklumat hadith di internet adalah dijamin dengan pematuhan terhadap garis dasar yang telah dijelaskan.<sup>378</sup> Menurut Prof. Madya Khalil Haji Awang, analogi pengawalan sistem keselamatan adalah ibarat sebuah rumah yang didirikan pagar sekelilingnya pasti menghadapi risiko rompakan yang lebih rendah berbanding rumah yang tidak berpagar.<sup>379</sup> Justeru, keselamatan maklumat hadith adalah terjamin dengan adanya pemantauan dan pematuhan terhadap panduan sekuriti yang perlu digariskan dari semasa ke semasa.

## 2.6 KESIMPULAN

Kepesatan dan kemajuan ICT telah merancakkan lagi perkembangan pengajian hadith. Kaedah rujukan terhadap kitab dan dokumen tertentu dahulunya dianggap sebagai suatu kaedah pembelajaran yang membebankan telah diperbaharui kepada suatu kaedah yang

<sup>378</sup> Berbalik kepada subjek kajian iaitu laman web *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb, penulis meyakini bahawa pihak pengurusan laman web sudah pasti menetapkan garis panduan yang sewajarnya dalam menjamin keselamatan dan pemeliharaan data hadith di internet. Hal ini berikutan adanya suatu pengurusan keselamatan rangkaian ‘network security’ di Qatar dan Mesir. Sebagaimana Cyber Security yang dinaungi oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Malaysia, berfungsi sebagai pusat pengawalan keselamatan siber, Qatar dan Mesir juga mempunyai beberapa pengurusan keselamatan rangkaian seperti Qatar Data Center, <http://www.qatardatacenter.com/>, MicroSysNet, <http://www.microsysnet.com/index.html>, Ministry of Communications and Information Technology, <http://www.qatar.qa/QODPPortal/> portal/consumerhome, al-Majlis al-A'lā li al-Ittiṣālāt wa Tiknūlūjiyāt al-Ma'lūmāt, <http://www.Ict.Qatar.qa/>, 6 Ogos 2011 dan lain-lain.

<sup>379</sup> Beliau merupakan Timbalan Dekan Fakulti Maklumat dan Sains, UITM Shah Alam. Lihat Berita Utama TV 3, Bahaya Penggodam, 25 Mei 2011.

mudah, cepat dan efisien pada abad kini. Melalui penghasilan laman-laman web hadith, perisian-perisian komputer dan telefon bimbit, tata cara pembelajaran dan proses pencarian maklumat hadith dapat diperluaskan melalui penggunaan laman web dan perisian tersebut. Dengan adanya pengaplikasian pembelajaran hadith melalui teknologi tersedia, pencarian maklumat hadith seperti ulasan dan syarahan, terjemahan perawi, kritikan ulama terhadap perawi, hukum hadith dan lain-lain dapat ditentukan secara pantas dan mudah. Di samping itu, kecanggihan teknologi perkomputeran yang mampu menyimpan maklumat digital berkapasiti tinggi, boleh dimanfaatkan sebagai perpustakaan digital hadith bagi kegunaan peribadi.

Pemakaian hadith di media elektronik telah menyumbang kepada aspek pemeliharaan dalam dimensi yang baru. Namun ia juga sering terdedah kepada insiden keselamatan ICT. Pemeliharaan hadith di ICT bukan sahaja melibatkan faktor jenayah siber melalui pencerobohan perisian laman web semata-mata, malah ia turut melibatkan faktor luaran yang bersifat fizikal seperti penjagaan terhadap operasi sistem, perkakasan, komputer sebagai peranti server dan sebagainya. Ia juga melibatkan faktor persekitaran seperti bencana alam dan kecurian maklumat dalam kawasan larangan. Namun sekiranya pihak pembangun mematuhi segala prinsip-prinsip keselamatan yang telah digariskan sama ada melalui pemantauan terhadap sistem keselamatan perisian laman web yang tersedia atau dasar keselamatan ICT yang telah digariskan, maka penggunaan atau pemakaian hadith di ICT dapat dipelihara secara baik dan dapat disampaikan kepada pembaca dengan jaminan terhadap integriti dan autoriti teks hadith tersebut.

## **BAB TIGA**

### ***AL-DURAR AL-SANIYYAH DAN ISLAMWEB***

#### **3.0 PENDAHULUAN**

Bab ini akan membincangkan mengenai pengenalan laman web *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb. Ia merangkumi beberapa aspek pengenalan seperti *musyrif al-'Am*, organisasi yang terlibat, objektif dan matlamat penubuhan, kitab-kitab yang digunakan, kemudahan-kemudahan dan isi kandungan yang tersedia. Penulis juga akan menjelaskan kaedah-kaedah pencarian hadith melalui *al-Mawsū'ah al-Hadīthīyyah al-Durar al-Saniyyah* dan *Mawsū'ah al-Hadīth* Islamweb, seterusnya melakukan penilaian secara menyeluruh terhadapnya merangkumi paparan ruangan carian hadith, hasil carian yang melibatkan beberapa aspek seperti sumber hadith, perawi, kitab dan bab, warna-warna teks yang menjelaskan maklumat tertentu dan sebagainya. Penilaian dilakukan sebagai usaha untuk mengenal pasti setiap kelebihan dan kekurangan yang ada dalam membantu analisis yang akan dijalankan pada bab yang ke empat.

#### **3.1 PENGENALAN AL-DURAR AL-SANIYYAH DAN ISLAMWEB.**

- *Al-Durar al-Saniyyah*: Berbentuk sebuah laman web ilmiah yang menyampaikan maklumat di atas dasar dakwah tanpa tujuan untuk mengaut sebarang keuntungan.<sup>380</sup> Dasar tersebut jelas menunjukkan komitmen pembangun dalam melewati hati pengguna dengan kepelbagai bidang ilmu yang disajikan. Lantaran itu, *Al-Durar*

---

<sup>380</sup> *Al-Durar al-Saniyyah*, <http://www.dorar.net/est-site>, 20 oktober 2010.

*al-Saniyyah* tidak sahaja menjanjikan kemudahan terhadap proses pencarian hadith, malah ia juga merangkumi beberapa ensiklopedia ilmu yang lain iaitu *Mawsū‘ah al-Aqīdah*, *Mawsū‘ah al-Adyān*, *Mawsū‘ah al-Hadīthīyyah*, *Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah*, *Mawsū‘ah al-Tārikhiyyah*, *Mawsū‘ah al-Madhāhib al-Fikriyyah al-Mu‘āṣarah*, dan *Mawsū‘ah al-Firaq al-Muntasibah li al-Islām*.<sup>381</sup>

Berteraskan kepada matlamat, misi dan visi yang tersendiri, *al-Durar al-Saniyyah* sangat komited dalam memastikan *sunnah* dan warisan *nubuwwah* terpelihara baik melalui aneka penyampaian kefahaman disiplin ilmu di era ICT.<sup>382</sup>

- Islamweb: Merupakan laman web dakwah yang berdiri di atas *manhaj ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Ia tidak mengkhususkan pengisian berbentuk ilmu hadith sahaja, malah merangkumi beberapa skop pengajian ilmu yang lain iaitu aqidah, al-Quran, fiqh, sirah, isu-isu mengenai keunikan dan seruan Islam seperti kisah saudara baru dalam Islam, keunikan penghasilan barang yang berkonsepkan Islam, dan lain-lain.<sup>383</sup>

Islamweb dibina dan dibentuk sebagai usaha memperkayakan pengetahuan dan apresiasi terhadap Islam. Tujuan umumnya adalah untuk memberikan pengetahuan dan gambaran kepada masyarakat dunia terhadap keagungan Islam khususnya non-Muslim yang mungkin memerlukan klasifikasi umum media kerana kekeliruan dari

---

<sup>381</sup> Ibid., <http://www.dorar.net/site-sections>, 20 Oktober 2010.

<sup>382</sup> (1) Misi: Memelihara sunnah dan warisan Nabi s.a.w. dengan memberikan huraian dan pemahaman terhadap isi kandungannya secara menyeluruh. (2) Visi: Berusaha untuk membentuk satu medium penyampaian ilmu berdasarkan kepada metodologi kitab asal, menaqalkannya dengan sempurna, isi kandungan yang berasaskan bahasa Arab, dan menyebarluaskannya ke seluruh pelosok dunia. (3) Objektif: Menjadi sebuah pusat perkhidmatan ilmu yang disediakan kepada seluruh umat Islam serata dunia dengan keistimewaan yang dapat dikehendaki dalam memperoleh sumber rujukan ilmiah berlandaskan *manhaj ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. (4) Tujuan Umum: Membangunkan sebuah pangkalan data terbesar yang mengandungi aneka penyampaian kefahaman disiplin ilmu dan menjadi pemudah cara untuk mengakses sebarang maklumat melalui kaedah teknologi moden. Ibid.

<sup>383</sup> Ibid., <http://main.islamweb.net/emainpage/index.php?page=aboutus>, 11 November 2010.

Muslim yang kurang pengetahuan.<sup>384</sup> Islamweb berusaha untuk membentuk nilai-nilai Islam dengan mencapai beberapa matlamat yang telah digariskan.<sup>385</sup>

**Ulasan:** *Al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb adalah dua buah laman web dakwah yang menyediakan capaian terhadap kepelbagaian maklumat dan informasi ilmu Islam. Tujuan utama penubuhan adalah untuk memanfaatkan segala teknologi yang mampu menjamin perkembangan sunnah secara komprehensif melalui kemudahan akses yang bersifat global.

### 3.2 PEMILIHAN NAMA LAMAN WEB

- *Al-Durar al-Saniyyah*: Sepertimana yang telah dijelaskan dalam bab pendahuluan, *al-Durar al-Saniyyah* bererti butiran permata yang bercahaya dan bernilai. Justeru pemilihan kalimah ini merupakan hasrat, harapan, dan cita-cita para pembangun supaya ia dapat dimanfaatkan setanding dengan maksud kalimah tersebut.<sup>386</sup> Oleh demikian, *al-Durar al-Saniyyah* adalah kalimah unik yang menjadi simbolik terhadap nilai dan martabat laman web sebagai satu medium pemeliharaan sunnah dan warisan Nabi s.a.w. di era teknologi maklumat. Kalimah ini juga dijadikan

---

<sup>384</sup> *Ibid.*

<sup>385</sup> (1) Menyebarluaskan aqidah Islam yang benar dan ‘*ulūm al-Syar‘iyyah* yang berdiri di atas landasan al-Quran dan al-Sunnah. (2) Menjelaskan citra Islam dan Muslimin yang sebenar di samping keizzahan Islam yang syumul, kebaikan nilai-nilai syariat, dan sifat keadilan yang ada padanya. (3) Mementingkan keseluruhan isu-isu umat Islam dari segala peringkat dan bidang. (4) Mementingkan dakwah kepada non-Muslim melalui pendekatan yang bersesuaian dengan ajaran Islam. (5) Memaparkan isi kandungan dengan cara yang professional melibatkan pemerhatian originaliti, metodologi dan perbahasan mengikut tema. (6) Mengumpulkan maklumat melalui komunikasi, dialog, forum dan lain-lain. (7) Menyediakan perkhidmatan yang dapat memudahkan pelayar internet untuk mengetahui kewujudan laman web ini seterusnya menjadi sebuah laman web yang komprehensif. *Ibid.*, <http://main.islamweb.net/media/index.php?page=article&id=13341>, 11 November 2010. Menjadi satu peraturan Islamweb ialah dengan mengemukakan isi kandungan yang seimbang tanpa cenderung kepada mana-mana aliran, sederhana dan tidak melampaui bagi menarik minat pengunjung di seluruh dunia sama ada yang baru memeluk Islam atau yang sudah mukalaf dengan paparan maklumat yang bersifat santai. Lihat *Ibid.*, <http://main.islamweb.net/ emainpage/index.php?page=aboutus>, 11 November 2010.

<sup>386</sup> *Op.cit.*, <http://www.dorar.net/why-dorar>, 21 Oktober 2010.

pilihan kerana merujuk kepada beberapa tindakan ulama yang menamakan kitab karangan mereka dengan *al-Durar al-Saniyyah*.<sup>387</sup>

- Islamweb: Keistimewaan Islamweb yang bersifat sederhana dan menyeluruh, menjadikan ia sebuah laman web yang bernilai di samping mempunyai kekuatan tersendiri dalam ruangan internet. Islamweb tidak hanya menghidangkan maklumat yang diambil daripada kitab-kitab, fatwa-fatwa, risalah-risalah, dan audio, malah turut menawarkan perkhidmatan perundingan kesihatan, kebudayaan, dan kekeluargaan. Ia merupakan satu usaha bagi menghubungkan realiti dunia Islam kepada pengunjung dari serata dunia. Selain itu, Islamweb berusaha untuk mengetengahkan segala segmen masyarakat berlandaskan *manhaj ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* dan menepati dasar-dasar Islam.<sup>388</sup> Kesimpulannya nama Islamweb dijadikan pilihan bagi menunjukkan bahawa ia adalah sebuah laman web yang memartabatkan nilai-nilai keilmuan Islam ke serata dunia sama ada kepada Muslim mahupun non-Muslim.

**Ulasan:** Penggunaan kalimah *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb adalah sebagai lambang terhadap nilai keistimewaan laman web dalam mengetengahkan keunikan inti pati kandungan yang bersifat menyeluruh di samping menepati kehendak dan selera pengguna.

<sup>387</sup> *Al-Durar al-Saniyyah fī naṣr al-Širah al-Nabawiyah* karangan ‘Abd al-Rahīm bin Ḥusayn al-‘Irāqī al-Syāfi‘ī, *al-Durar al-Saniyyah fi Syarḥ Alfiyyah* karangan Zayn al-Dīn Abū Yaḥyā al-Anṣārī, *al-Durar al-Saniyyah ‘alā Alfāz al-Ajrūmiyyah* karangan Fayd bin al-Mubārak al-Ābyārī dan lain-lain. *Ibid.*

<sup>388</sup> *Ibid.*, <http://main.islamweb.net/media/index.php?page=article&id=13341>, 11 November 2010.

### **3.3 PENGENALAN *MUSYRĪF AL-‘ĀM***

- *Al-Durar al-Saniyyah*: Penyelia utama *al-Durar al-Saniyyah* ialah Syaykh ‘Alwī bin ‘Abd al-Qādir bin Muḥammad bin Hādī al-Saqqāf. Beliau dilahirkan pada 1376H di Mekah *al-Mukarramah* dan membesar di sana sehingga 1395H. Kemudian beliau telah berpindah ke Wilayah Timur Arab Saudi untuk menyambung pengajiannya dan terus menetap di sana apabila dilantik menjadi pegawai di sebuah Universiti.<sup>389</sup>
- Islamweb: Penyelia utama Islamweb ialah Dr. Muḥammad Ṣalāḥ Dusūqī dibantu oleh al-Sayyid ‘Alī ‘Ubayd ‘Alī Mihrān dan al-Sayyid Aḥmad Hasan al-Mālikī. *Mawsū‘ah al-Hadīth* telah dihasilkan dengan kerjasama seramai 350 orang pengkaji khusus dalam bidang hadith dan ‘ulūm al-Syar‘iyyah.<sup>390</sup>

### **3.4 JUMLAH KITAB DAN HADITH**

- *Al-Durar al-Saniyyah*: Di dalam *Mawsū‘ah al-Hadīthiyah al-Durar al-Saniyyah* terdapat sebanyak 583<sup>391</sup> kitab yang meliputi beberapa bidang ilmu hadith seperti *kutub mutūn al-Hadīth*, *kutub syurūh al-Hadīth*, *kutub ‘ulūm al-Hadīth*, *kutub ‘ilal wa al-Su’ālāt*, *kutub al-Takhrij*, *kutub al-Tafāsīr*, *kutub al-Rijāl*, *kutub al-Fiqh*, dan

<sup>389</sup> Beliau telah memulakan pengajiannya di peringkat rendah dan menengah di Mekah al-Mukarramah sehingga tahun 1395H. Kemudian beliau menyambung pelajarannya di Universiti al-Malik Fahd dalam jurusan Petroleum dan Galian di Arab Saudi sehingga tahun 1401H. Beliau juga belajar di Universiti Islam Imam Muḥammad bin Sa‘ūd dalam pengajian Usuluddin. Setelah menamatkan pengajiannya, beliau telah bekerja sebagai pegawai di Jabatan Petroleum dan Galian, Universiti al-Mālik Fahd sehingga tahun 1428H. Sekarang beliau ditugaskan sebagai penyelia utama laman web *al-Durar al-Saniyyah*. Dalam kegiatan menuntut ilmu, Syaykh ‘Alwī telah mendapat dorongan dan manfaat dari ayahnya sendiri di mana ayahnya telah menanamkan semangat cintakan ilmu sehingga beliau mampu belajar bersama ayahnya beberapa kitab besar seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ al-Muslim* dan sebahagian kitab-kitab mazhab Imām al-Syāfi‘ī. Semangat untuk menuntut ilmu dan mementingkan dalil dalam mengamalkan sunnah telah menyebabkan beliau sangat terkesan dengan kitab-kitab karangan Syeikh al-Islam Ibn Taimiyah dan para *imām ahl al-Sunnah* sebelumnya atau sesudahnya. Beliau juga seringkali bertemu dengan ulama *ahl al-Sunnah* bagi mempelajari dan mengambil manfaat daripada mereka khusus berkaitan tentang permasalahan tauhid dan akidah. *Ibid.*, <http://www.dorar.net/mushrif>, 21 Oktober 2010.

<sup>390</sup> Al-Sharq al-Riyādī, Februari 1, 2010:7 “Menteri Wakaf Ambil Alih Mawsū‘ah fī al-Hadīth al-Nabawī”.

<sup>391</sup> Bilangan kitab adalah merujuk kepada pengiraan penulis melalui ruangan pencarian hadith di dalam ruangan *al-Kitab*.

lain-lain.<sup>392</sup> Melalui kitab-kitab tersebut ia telah memuatkan hampir 300 000 hadith<sup>393</sup> termasuk hadith-hadith yang berulang berserta hukum bagi setiap hadith.

Walau bagaimanapun, kitab yang dimuatkan di dalam laman web ini adalah tidak terhad kepada kitab hadith semata-mata. Malah ia turut merangkumi sejumlah kitab dan risalah dari beberapa pembahagian dan kepelbagaian lapangan ilmu:

- i. *Kutub al-Musyrif*: Mengandungi 10 buah kitab yang dikarang oleh penyelia utama *al-Durar al-Saniyyah* merangkumi perbahasan dari sudut ilmu *uṣūl al-Fiqh, ḥadīth, siyāsah al-Syar‘iyyah, tarājim, tawḥīd*, dan ‘aqīdah.<sup>394</sup>
- ii. *Kutub wa Buḥūth*: Memuatkan sebanyak 56 buah kitab dan kajian yang telah dipilih melalui beberapa cabang ilmu dan pengkhususan. Kitab dan kajian adalah berkaitan dengan *uṣūl al-Fiqh, ḥadīth,395 raqā’iq wa zuhud wa targhib wa tarhib, tarājim, tawḥīd wa ‘aqīdah, ‘ulūm al-Qur’ān, Fatāwā, Makhtūṭāt, ma ‘ājim wa mawsū‘ah, ‘ulūm al-Hadīth,<sup>396 al-Mar’ah</sup> dan sebagainya.<sup>397</sup>*
- iii. *Natā’ij al-Buḥūth*: Mengandungi sebanyak 916 buah kitab dan risalah penting di beberapa buah Universiti. Kitab-kitab ini meliputi perbincangan berkaitan *akhlāk wa sulūk wa ādāb, adyān, uṣūl al-Fiqh, iqtisād, idārah wa a’māl, jughrāfiyya, siyāsah syar‘iyyah, siyāsah ‘alamiyyah, sīrah wa syamā’il muḥammadiyyah, tārīkh, tarājim, tarbiyyah wa ta‘līm, tafsīr, ‘ulūm*

<sup>392</sup> *Ibid.*, <http://www.dorar.net/enc/hadith>, 21 Oktober 2010.

<sup>393</sup> *Ibid.*, <http://www.dorar.net/site-sections>, 21 Oktober 2010.

<sup>394</sup> Contoh kitab hadith yang dikarang oleh beliau ialah *Takhrij Aḥādīth wa Āthār Kitāb fī Ḥilāl al-Qur’ān*. Kitab-kitab tersebut boleh dimuat turun di dalam format doc.

<sup>395</sup> Mengandungi sebanyak 10 buah kitab hadith yang boleh dimuat turun di dalam format doc. kitab-kitab yang disediakan ialah *Kutub al-Sittah, Syarah Kitāb al-Tawḥīd min Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Fath al-Bārī, Kitāb al-Sunnah* karangan Aḥmad b. ‘Amrū b. Abī ‘Āsim, dan *Musnad Imām Aḥmad*. Al-Durar al-Saniyyah, [http://www.dorar.net/lib/books\\_and\\_researches/-/pc2](http://www.dorar.net/lib/books_and_researches/-/pc2) 22 Julai 2011.

<sup>396</sup> Memuatkan sebuah kitab sahaja iaitu *Kitāb Taqrīb al-Tādhīb*. Al-Durar al-Saniyyah , [http://www.dorar.net/lib/books\\_and\\_researches/-/pc3](http://www.dorar.net/lib/books_and_researches/-/pc3), 22 Julai 2011.

<sup>397</sup> Kitab-kitab boleh dimuat turun di dalam format doc.

*al-Qur'ān, 'ulūm al-Hadīth,*<sup>398</sup> *falsafah wa al-Manṭiq, fīraq wa milal, makhtūṭāt* dan lain-lain.<sup>399</sup>

- iv. *Fahāris al-Makhtūṭāt*: Menyenaraikan sebanyak 102 *makhtūṭāt* untuk kemudahan para pengkaji mengetahui pengenalan manuskrip yang dimuatkan di dalam *al-Durar al-Saniyyah*. Bentuk pengenalan adalah: (1) Nama pengarang. (2) Tahun wafat. (3) Tahun penulisan (4) Bilangan juzu'. (5) Bilangan halaman. (6) Saiz kertas. (7) Sifat manuskrip. (8) Bilangan cetakan.

Islamweb: Mengumpulkan sebilangan besar kitab-kitab hadith dalam pelbagai lapangan ilmu sebagai satu usaha menyebarkan *al-Sunnah al-Nabawiyyah*.<sup>400</sup> Ia telah menghimpunkan sebanyak 1400 kitab termasuk 543 manuskrip yang masih belum diterbitkan.<sup>401</sup> Keseluruhan kitab tersebut adalah merangkumi 18 perbahasan ilmu:

Bil	Kategori Kitab	Jumlah Kitab
1	<i>Ajzā' wa Fawā'id</i>	616
2	<i>Tarājim wa Tawārikh</i>	77
3	<i>Sunan wa Muwaṭṭa'āt</i>	19
4	<i>Ṣīḥāḥ wa Mustakhrajāt</i>	9
5	<i>'Ulūm al-Hadīth</i>	49
6	<i>Masāniḍ</i>	48
7	<i>Ma'ājim wa Masyaikhāt</i>	94
8	<i>Mawdū'āt</i>	19
9	<i>Muṣannaf wa Jawāmi'</i>	4
10	<i>Akhlāk</i>	19
11	<i>Amālī</i>	101
12	<i>Tafsīr al-Qur'ān</i>	17
13	<i>Zuhud wa Raqā'iq</i>	156

<sup>398</sup> Mengandungi sebanyak 37 buah kitab. Namun ia hanya memaparkan risalah mengenai isi utama kandungan kitab. Walau bagaimanapun para pengkaji boleh melihat isi kandungan kitab berdasarkan *fīhris*. Antara kitab yang dimuatkan ialah *Arā' al-Muḥaddithīn fi al-Ḥadīth al-Ḥasan li Dhātih wa li Ghayrih*, *Akhbār al-Aḥād fi al-Ḥadīth*, *Asbāb Ikhtilāf al-Muḥaddithīn*, *al-Iqdāfah Dirāsāt al-Ḥadīhiyyah*, *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* dan lain-lain. *al-Durar al-Saniyyah*, [http://www.dorar.net/lib/book\\_end/-/c3](http://www.dorar.net/lib/book_end/-/c3), 22 Julai 2011.

<sup>399</sup> Kitab dan risalah boleh dibaca secara langsung di dalam laman web.

<sup>400</sup> Sepertimana yang telah diketahui, *Mawsū'ah al-Ḥadīth* dalam Islamweb merupakan perisian *Jawāmi' al-Kalim* yang telah dipindahkan kepada bentuk digital dalam Internet. Oleh demikian, semua data hadith adalah berasal dari *Jawāmi' al-Kalim* yang telah dibangunkan oleh al-Sayyid 'Alī 'Ubayd 'Alī Mihrān dan para pengkjajinya.

<sup>401</sup> Al-Sharq al-Riyāḍī, *Op.cit.*

14	<i>Sīrah wa Syamā'il</i>	21
15	<i>Manāqib al-Šahābah</i>	14
16	<i>'Ulūm al-Qur'ān</i>	8
17	<i>'Aqīdah</i>	61
18	<i>Fiqh</i>	68
	<b>Jumlah</b>	<b>1400</b>

Melalui kitab-kitab tersebut, Islamweb telah mengumpulkan sebanyak 700 ribu sanad hadith<sup>402</sup> disertai hukum hadith secara ringkas, kritikan terhadap perawi dalam sanad, di samping kemudahan meneliti kepelbagaiannya sanad dari matan hadith yang sama atau makna lafaz yang sama melalui *takhrij* dan *syawāhid*. Ia juga turut mengumpulkan sebanyak hampir 70 ribu *tarjamah al-Rāwi*.

Selain dari 1400 kitab *Mawsū'ah al-Hadīth*, kitab-kitab yang berkaitan dengan ilmu Islam yang lain turut dimuatkan melalui ruangan *al-Maktabah al-Islāmiyyah*.<sup>403</sup> Kandungan kitab boleh dilihat berdasarkan tiga pembahagian iaitu *aqsām al-Maktabah*, *al-'Arḍ al-Mawdū'i* dan *al-Fahāris*.

i. *Aqsām al-Maktabah*: Kitab-kitab disusun berdasarkan isi kandungan kitab:

*Mutūn al-Hadīth*,<sup>404</sup> *tafsīr al-Qur'ān*, *syurūh al-Hadīth*,<sup>405</sup> *al-Sīrah al-Nabawiyah*, *al-Tārīkh wa al-Tarājim*, *'ulūm al-Qur'ān*, *'ulūm al-Hadīth*,<sup>406</sup> *furū' fiqh al-Hanafī*, *furū' fiqh al-Mālikī*, *furū' fiqh al-Syāfi'i*, *furū' fiqh al-*

<sup>402</sup> Walau bagaimanapun penulis tidak menjumpai sebarang maklumat mengenai jumlah hadith yang dimuatkan dalam laman web ini. Jumlah sanad hadith tidak bererti jumlah matan hadith kerana satu matan kemungkinan mempunyai beberapa rantaian sanad hadith.

<sup>403</sup> Islamweb, <http://www.islamweb.net/newlibrary/index.php>, 23 Julai 2011.

<sup>404</sup> *Kutub mutūn al-Hadīth* adalah merujuk kepada kitab hadith utama dalam pengajian hadith. Sejumlah 19 buah kitab yang berada di bawah kategori ini iaitu *Kutub al-Sittah*, *Šahīh Ibn Khuzaymah*, *Sunan al-Dārimī*, *Muwaṭṭā' Mālik*, *Musnad Imām Ahmad*, *al-Mustadrak al-Hākim*, *Sunan al-Dāraqutnī*, *Mu'jam al-Kabīr*, *Mu'jam al-Awsat*, *Muṣannaf 'Abd al-Razzāq*, *Baḥr al-Zakhkār al-Ma'rūf bi Musnad al-Bazzār*, *Mu'jam al-Saghīr*, dan *Majma' al-Zawā'id*,

<sup>405</sup> Kitab syarah ini tidak dimasukkan ke dalam *Mawsū'ah al-Hadīth*. Oleh demikian, pencarian hadith melalui kitab-kitab syarah boleh dilakukan melalui ruangan *maktabah al-'Ilmiyyah*. Terdapat 12 kitab syarah yang dimuatkan. Antaranya ialah *Fath al-Bārī*, *Syarāh al-Nawawī* 'alā Muslim, *Hāsyiah al-Sundī* 'alā Ibn Mājah, *'Aun al-Ma'būd*, *Tuhfah al-Āhwādhī*, *Syarāh al-Suyū'ī* li *al-Sunan al-Nasā'i*, *Syarāh al-Zarqānī* 'alā Muwaṭṭā' Imām Mālik, *al-Tamhīd fī al-Muwaṭṭā'* min al-Ma'āni li *al-Masānid*, *Murgah al-Mafātiḥ* Syarah Misyakah al-Maṣābiḥ, *Iḥkām al-Iḥkām* Syarah 'Umdah al-Āḥkām, *Jāmi'* al-'Ulūm wa al-Ḥukm, dan *al-Iṣtidhkār al-Jāmi'* li *Madhāhib al-Fugahā'* al-Amṣār.

<sup>406</sup> Mengandungi sebanyak 5 buah kitab *'ulūm al-Hadīth* iaitu *Fath al-Mughīth bi Syarāh Alfiyah al-Hadīth* li *al-Irāqī*, *Ta'wil Mukhtalif al-Hadīth*, *Tadrīb al-Rāwī*, *al-I'tibār fī al-Nāsikh wa al-Mansūkh* min *al-Āthār*, dan *'Ulūm al-Hadīth* li *Ibn al-Šalāh*.

*Hanbalī*, *al-Fiqh al-Muqārin*, *usūl al-Fiqh*, *al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah*, dan sebagainya.

- ii. *Al-‘Ard al-Mawdū‘ī*: Kitab-kitab disusun mengikut tema: *Al-‘Ibādāt*, *al-Mu‘āmalāt*, *al-‘Ādāt*, *al-Ādāb al-Syar‘iyyah*, *usūl al-Fiqh*, *tafsīr al-Qur‘ān*, *al-‘Aqīdah*, *Muṣṭalāh al-Hadīth*,<sup>407</sup> *al-Sīrah*, *al-Taṣawwuf wa al-Ṣūfiyyah*, *al-Manṭiq* dan *al-Tārīkh wa umam al-Sābiqah*.
- iii. *Al-Fahāris*: Kitab-kitab disusun mengikut indeks tertentu: *Āyāt Qur‘āniyyah*, *ahādīth syarīfah*, *al-Jamā‘at*, *al-Anbiyā’*, *al-Amākin*, *al-Malā‘ikah*, *rijāl* dan *nīsā’*.

**Ulasan:** Bilangan kitab dan hadith yang dimuatkan dalam Islamweb adalah mendahului *al-Durar al-Saniyyah*. Perbezaan sebanyak 761 buah kitab telah menunjukkan jurang yang sangat besar di antara kedua-dua laman web ini di samping menunjukkan kelebihan yang ada pada Islamweb berbanding *al-Durar al-Saniyyah*.

Melalui penilaian kitab yang dimuatkan dalam laman web ini juga, penulis menyimpulkan bahawa ia telah menyediakan kepelbagaiannya pembahagian ilmu yang meliputi ‘ulūm al-Hadīth dan ilmu Islam yang lain. Antara ilmu hadith yang boleh dimanfaatkan ialah *al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl*, *dirāsah al-Asānid*, *takhrij al-Hadīth*, *gharīb al-Hadīth* dan *syarah al-Hadīth*. Manakala cabang ilmu lainnya pula ialah *tafsīr*, ‘ulūm

<sup>407</sup> Kitab disusun mengikut tema dan sub tema yang telah ditetapkan. Terdapat 13 perkara utama iaitu *laṭā‘if al-Isnād*, *riwāyah al-Hadīth*, *fawā‘id fi bayān darajah ba‘d al-Ahādīth*, *fawā‘id wa laṭā‘if fi al-Lughah al-‘Arabiyyah*, *Hujjiyyah al-Hadīth*, *Anwa‘ al-Hadīth min ḥayth al-Qabūl wa al-Rad*, *anwa‘al-Hadīth al-‘Āmmah*, *al-Ruwah*, *anwa‘ muṣannafāt al-Hadīth*, *fawā‘id wa laṭā‘if lughawiyah fi al-Ahādīth al-Syarīf*, *ta‘rif al-Hadīth*, *al-I‘tinā‘ bi al-Hadīth wa fadl ahlihi*, dan *taqṣīm al-Ahādīth min ḥayth ta‘addud al-Turūq*. Setiap topik atau tema utama mempunyai sub topik masing-masing. Melalui sub topik tersebut, pengkaji dapat melihat kitab-kitab yang disenaraikan bersama pautan tajuk yang berkaitan dengan tema. Ia memudahkan pengkaji untuk melihat terus isi kandungan kitab yang membahaskan berkenaan tema yang telah ditetapkan. Malah pengkaji boleh melihat kandungan kitab melalui visual teks di dalam laman web. Contohnya *anwā‘ al-Hadīth al-‘Āmmah* mempunyai beberapa sub topik seperti - (1) *al-Syawāhid al-Mutāba‘āt*: kitab-kitab yang membincangkan berkenaan tema ini adalah seperti *Tuhfah al-Ahwadhi* di dalam bab *ma‘rifah Dhzālik bi Kathrah al-Tajammu‘ wa Jam‘u al-Turūq*, *Fath al-Mughīth bi Syarḥ Alfiyah al-Hadīth li al-‘Irāqī* di dalam bab *al-I‘tibār wa al-Mutāba‘āt* dan lain-lain, *Tadrīb al-Rāwī* di dalam bab *ma‘rifah al-I‘tibār wa al-Mutāba‘āt wa al-Syawāhid*, ‘Ulūm al-Hadīth li Ibn Ṣalāh di dalam bab *al-Mutāba‘āt wa al-Istisyāh riwāyah man la yuhtāj bi ḥadīthih wāhid*, dan *Jam‘u al-Waṣā‘il* fi *Syarḥ al-Syāmā‘il* di dalam bab *al-Farq bayn al-Syāhid wa al-Tābi‘i*. Lihat tema, sub tema dan kitab-kitab yang disenaraikan dalam Islamweb, <http://www.islamweb.net/newlibrary/TreeCategory.php?lang=,> 22 Julai 2011.

*al-Qur'ān, uṣūl al-Fiqh, fiqh al-Muqārin, fatāwā, taṣawuf, ‘ulūm al-Lughah, al-Sīrah al-Nabawiyyah, qışāṣ umam al-Sābiqah, makhtūṭāt*, dan sebagainya.

### 3.5 PEMBAHAGIAN LAMAN WEB

- *Al-Durar al-Saniyyah*: Secara umumnya *al-Durar al-Saniyyah* terbahagi kepada empat bahagian utama di mana dalam setiap bahagian mempunyai sub-sub tertentu. Empat bahagian tersebut ialah:<sup>408</sup>

1. *Mawsū‘ah al-‘Ilmiyyah*: Mengumpulkan beberapa ensiklopedia dalam pelbagai lapangan ilmu iaitu *Mawsū‘ah al-‘Aqīdah*, *Mawsū‘ah al-Adyān*, *Mawsū‘ah al-Hadīthiyyah*, *Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah*, *Mawsū‘ah al-Tārīkhīyyah*, *Mawsū‘ah al-Madhāhib al-Fikriyyah al-Mu‘āşarah*, *Mawsū‘ah Aḥādīth Muntasyirah fī al-Intirnīt*, dan *Mawsū‘ah al-Firaq al-Muntasibah li al-Islām*.

<sup>409</sup>

2. *Maktabah al-Durar al-Saniyyah*: Mengandungi lapan pembahagian kitab iaitu *Kutub al-Musyrif*, *Kutub wa Buḥūth*, *Fahāris al-Maktabah*, *Fahāris Muḥtawiyāt al-Kutub*, *Natā’ij al-Buḥūth wa Khawātim al-Kutub*, *Kutub Nansahu Bi Qirā’atihā*, *Fahāris al-Makhtūṭāt*, dan *Kasyāf al-Majālāt*.

3. *Al-Ṣafāḥāt al-Mutajaddidah*: Merujuk kepada beberapa pembahagian halaman yang mana isi kandungannya sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa. Ia terdiri daripada *Maqālāt wa Buḥūth al-Musyrif*, *Maqālāt wa Buḥūth*

<sup>408</sup> Huraian pada setiap pembahagian laman web boleh dilihat dengan lebih terperinci dalam *al-Durar al-Saniyyah*, <http://www.dorar.net/site-sections>, 23 Julai 2011.

<sup>409</sup> Untuk mengetahui huraian bagi fungsi setiap sub topik dilihat *Ibid.*, <http://www.dorar.net/site-sections>, 20 Oktober 2010.

*Mumayyizāt, Fatāwā wa Istisyārāt, Nāfidhah ‘alā al-Wāqi’, Kutub Jadīdah, dan Kitab al-Usbū‘.*

4. **Al-Khidmāt al-Taqniyyah:** Merupakan perkhidmatan elektronik seperti *al-Muḥādathah Fawriyyah* ma‘a *al-Šāhiḥayn*, *Syariṭ Adawāt al-Durar al-Saniyyah*, *Nāfidhah al-Baḥth fī Mawsū‘ah al-Hadīhiyyah*, *Taqniyyāt al-Baḥth al-Muṭbiqah fī Muḥarrakāt Baḥth al-Mawāqi‘*, *Muḥarrak al-Baḥth al-‘Alamī*, *al-Baḥth bi al-Jazar* (*Taḥta al-Dirāsah*), dan *Wajīḥah al-Mawsū‘ah al-Hadīhiyyah* (*Taḥta al-Tajribah*).

- Islamweb: Dalam memenuhi setiap matlamat dan tujuan pembinaan Islamweb, para pembangun telah mengklasifikasikan isi kandungan kepada beberapa ruangan. Ia dapat dilihat melalui kolumn *majmū‘ah mawāqi‘ al-Islāmwīb* yang berada pada halaman utama paparan laman web. Umumnya Islamweb terbahagi kepada *Mawsū‘ah al-Hadīth*, *Maqālāt*, *Fatāwā*, *Istisyārāt*, *Šawtiyyāt*, *al-Maktabah*, *Mawārīth* dan *Banīn wa Banāt*. Masing-masing mempunyai peranan dan fungsinya yang tersendiri.

1. ***Mawsū‘ah al-Hadīth*:** Merupakan halaman perkhidmatan carian hadith yang menjadi perbincangan dalam kajian ini. Seperti yang telah dinyatakan, *Mawsū‘ah al-Hadīth* ini merupakan hasil dari pemindahan pangkalan data perisian *Jawāmi‘ al-Kalim* kepada bentuk digital dalam internet. Oleh itu ia boleh dikatakan sebagai *Jawāmi‘ al-Kalim* versi internet.

2. ***Maqālāt*:** Pengumpulan risalah atau kertas kerja yang membahaskan mengenai pelbagai isu. Antaranya ialah perbincangan mengenai *al-Sīrah al-Nabawiyah*, *al-Hadīth al-Syarīf*, akhlak dan *tadhkiyyah*, isu kekeluargaan, isu-isu remaja, sejarah

dan tamadun, perkembangan negara Palestin, dan lain-lain.<sup>410</sup> Melalui ruangan *al-Hadīth al-Syarīf*, di antara isu utama yang dibincangkan ialah *Maktabah al-Sunnah, Tadwīn al-Sunnah wa ‘Ulūm al-Hadīth, Manāhij al-Muḥaddithīn, al-Qaṣaṣ al-Anbiyā’* dan lain-lain.

3. ***Mawsū‘ah al-Fatāwa***: Halaman ini mengumpulkan sebilangan besar hukum-hukum feqah berkaitan jenayah, mu‘amalat, hudud, *ta‘zīr*, halal haram pemakanan, pakaian dan perhiasan, di samping mengumpulkan fatwa-fatwa terpilih, fatwa-fatwa terkini berkenaan isu-isu tertentu, dan lain-lain.<sup>411</sup> Halaman ini telah dipantau oleh sebilangan penuntut ilmu yang mempunyai pengiktirafan terhadap kajian-kajian ilmiah dan kemahiran dalam bidang syariah. Mereka telah diselia dan diketuai oleh dua orang pakar yang mempunyai kelulusan Doktor dalam bidang *uṣūl al-fiqh* dan *‘ulūm al-Syar‘iyyah*. Fatwa yang disajikan telah mengalami beberapa saringan di mana ia disemak, dibincangkan, dan diubah suai sebelum mendapat kelulusan untuk dipaparkan dalam Islamweb. Manakala fatwa-fatwa mengenai perkara khilaf akan dibincangkan oleh ahli-ahli lajnah, dengan mengambil pendekatan hukum yang sesuai dengan setiap peringkat masyarakat tanpa cenderung kepada mana-mana aliran mazhab dan pandangan peribadi.<sup>412</sup>

4. ***Istisyārāt***: Merupakan sebuah perkhidmatan kaunseling, di mana para pengguna boleh mengajukan sebarang masalah mahupun yang menginginkan khidmat nasihat, *tawjiḥāt* dan lain-lain. Umumnya khidmat kaunseling ini terbahagi kepada lima bidang. (1) *Istisyārāt Masyākil al-Syabāb* berupa kaunseling kepada para remaja seperti masalah belajar.<sup>413</sup> (2) *Istisyārāt al-Usrah wa al-Mujtama‘* berupa kaunseling terhadap isu kekeluargaan dan masyarakat seperti masalah

<sup>410</sup> *Ibid.*, <http://www.islamweb.net/media/index.php?page=maincategory&vPart=69&startno=1&lang=A>, 13 November 2010.

<sup>411</sup> *Ibid.*, <http://www.islamweb.net/ver2/Fatwa/index.php>, 13 November 2010.

<sup>412</sup> *Ibid.*, <http://www.islamweb.net/media/index.php?page=article&lang=A&id=13045>, 13 November 2010.

<sup>413</sup> *Ibid.*, <http://www.islamweb.net/consult/index.php?page=listings&pid=406>, 14 November 2010.

mendidik anak-anak dan masalah suami isteri.<sup>414</sup> (3) *Al-Istisyārāt al-Nafsiyyah* berupa kaunseling terhadap masalah peribadi seperti masalah tidak boleh bergaul kerana membenci orang lain dan takut kepada diri sendiri kerana aib yang pernah dilakukan.<sup>415</sup> (4) *Al-Istisyārāt al-Tibbiyyah* berupa kaunseling terhadap masalah kesihatan seperti sakit kepala, sakit kanak-kanak, dan pertanyaan mengenai ubat-ubatan.<sup>416</sup> (5) *Istisyārāt Thaqafiyyah wa Fikr* berupa kaunseling terhadap masalah kebudayaan dan pemikiran seperti persoalan mazhab, sejarah dan peristiwa lalu, persoalan jin, sihir dan *ruqyah* nabi s.a.w.<sup>417</sup> Ruangan ini telah dikendalikan oleh 26 kaunselor yang mahir dalam bidang masing-masing seperti Dr. Ḥamdi al-Kātib (Kesihatan), al-Saykh Mawāfi al-Hazb dari lulusan syariah dan perundangan al-Azhar, Mesir dan lain-lain.<sup>418</sup>

5. *Sawtiyyāt*: Memaparkan bacaan-bacaan al-Quran, bacaan-bacaan doa, ceramah, khutbah, dan lain-lain dalam bentuk audio. Ia boleh didengar oleh pengguna melalui pemain audio (audio player) Islamweb atau dengan memuat turun fail yang disediakan melalui format Mp3.<sup>419</sup>
6. *Mawārīth*: Sebuah halaman yang membincangkan mengenai harta warisan. Ia terbahagi kepada tiga bahagian iaitu *al-Muhāwar al-Ra'iṣiyah*, *Fatāwā Mukhtārah*, dan *Hisāb al-Tarkāt*. *Al-Muhawar al-Ra'iṣiyah* mengetengahkan kedudukan *mawārīth* di dalam Islam seperti penerangan terhadap keadilan Islam dalam pembahagian harta pusaka, hikmah pensyariatan harta warisan, sebab-sebab berlakunya pewarisan dalam Islam, syarat-syarat dalam pewarisan, tegahan-tegahan dalam pewarisan dan lain-lain. *Fatāwā al-Mukhtārah* pula mengemukakan fatwa-fatwa terpilih berkaitan masalah-masalah warisan.

<sup>414</sup> *Ibid.*, <http://www.islamweb.net/consult/index.php?page=listing&pid=474>, 14 November 2010.

<sup>415</sup> *Ibid.*, <http://www.islamweb.net/consult/index.php?page=listing&pid=265>, 14 November 2010.

<sup>416</sup> *Ibid.*, <http://www.islamweb.net/consult/index.php?page=listing&pid=7>, 14 November 2010.

<sup>417</sup> *Ibid.*, <http://www.islamweb.net/consult/index.php?page=listing&pid=768>, 14 November 2010.

<sup>418</sup> *Ibid.*, <http://www.islamweb.net/consult/index.php?page=answerer>, 14 November 2010.

<sup>419</sup> *Ibid.*, <http://audio.islamweb.net/audio/index.php>, 15 November 2010.

Manakala *Hisāb al-Tarkāt* merupakan ruangan soal jawab berkaitan pembahagian harta pusaka. Para pengguna boleh bertanyakan soalan berkenaan perhitungan pembahagian pusaka bagi jumlah adik beradik sedemikian, anak lelaki sejumlah sedemikian atau anak perempuan sejumlah sedemikian dan lain-lain. Pihak penyelia juga telah memberi peringatan kepada pengguna bahawa soalan mereka mestilah tidak berkaitan dua perkara tersebut: (1) Hak milik warisan yang melibatkan Non-Muslim (2) Tidak melibatkan anak yang sudah meninggal terlebih dahulu sebelum kematian pemberi wasiat.<sup>420</sup>

7. **Al-Maktabah:** Ruangan ini mengumpulkan 1384 kitab yang terdapat dalam *Mawsū‘ah al-Hadīth*. Ia boleh dikatakan sebagai kitab elektronik yang memaparkan kandungan kitab asal dalam bentuk visual. Maktabah elektronik ini merupakan salah satu tunjang kepada Islamweb yang bertujuan untuk mengetengahkan kitab-kitab penting merangkumi pelbagai bidang ilmu sama ada kitab *turāth* mahupun kitab terkini. Untuk lebih memudahkan pengguna, pengklasifikasian kitab telah dilakukan dengan *aqsām al-Maktabah*, *al-‘Arad al-Mawdū‘ī* dan *al-Fahāris*. *Aqsām al-Maktabah* merangkumi pembahagian kitab berdasarkan bidang ilmu seperti *Mutūn al-Hadīth*, *Tafsīr al-Qur’ān*, *Syurūh al-Hadīth*, *Fiqh al-Syāfi‘ī*, *Fiqh al-Hanafī*, *Sīrah al-Nabawī* dan lain-lain. *Al-‘Arad al-Mawdū‘ī* pula merupakan pembahagian mengikut topik-topik tertentu seperti aqidah, ibadah, muamalat, *ādāb al-Syar‘iyah*, *muṣṭalāh al-Hadīth*, dan sebagainya. Manakala *al-Fahāris* dibahagikan menurut perbahasan umum kitab seperti *ayat qur’aniyyah*, *ahādīth syarīfah*, *al-jamā‘ah*, dan seterunya.<sup>421</sup>

8. **Banīn wa Banāt:** Sebuah ruangan interaktif khusus kepada kanak-kanak. Dengan menggunakan teknologi flash, ruangan ini sangat ceria dengan gambar-gambar, animasi dan audio yang mampu menarik minat kanak-kanak. Di antara maklumat

<sup>420</sup> Ibid., <http://www.islamweb.net/merath/index.php>, 15 November 2010.

<sup>421</sup> Ibid., <http://www.islamweb.net/newlibrary/index.php>, 15 November 2010.

yang disediakan ialah kisah-kisah para nabi, akhlak-akhlak mulia, adab-adab seorang anak, kebesaran dan keagungan Islam, kesihatan kanak-kanak, dan lain-lain.<sup>422</sup>

**Ulasan:** Berasaskan kepada pembahagian *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb, ia sebenarnya menjelaskan keseluruhan data kandungan laman web yang dibahagikan mengikut tema-tema tertentu. Justeru, *al-Durar al-Saniyyah* dilihat lebih memfokuskan isi kandungan yang bersifat *maktabī* melalui kandungan kitab, kajian dan *risalah ‘ilmī*. Manakala Islamweb bersifat menyeluruh tanpa mengkhususkan kepada informasi di atas kitab semata-mata malah turut menyediakan kemudahan-kemudahan lain seperti perkhidmatan kaunseling, mengambil kira pengguna di kalangan anak kecil, soal jawab berkaitan fatwa, permasalahan harta warisan, dan lain-lain.

### 3.6 PERISIAN TELEFON BIMBIT BERKAITAN LAMAN WEB

*Al-Durar al-Saniyyah:* Bagi para pengguna produk Apple seperti iPhone, iPod mahupun iPad, perisian *al-Mawsū‘ah al-Hadīthiyyah* telah dihasilkan oleh syarikat Mind Power<sup>423</sup> pada 6 Julai 2011 yang boleh didapati melalui apps store.<sup>424</sup> Perisian tersebut membolehkan pengguna mencari hadith yang telah dimuatkan dalam laman web *al-Durar al-Saniyyah* secara terus tanpa memerlukan pengguna untuk membuka halaman utama laman web terlebih dahulu. Di antara kelebihan perisian ini ialah: (1) Hasil carian boleh di simpan (save) sebagai rujukan. (2) Hadith-hadith yang dimuatkan

<sup>422</sup> *Ibid.*, <http://kids.islamweb.net/>, 15 November 2010.

<sup>423</sup> Sebuah syarikat yang mengkhususkan penghasilan program atau perisian di bawah sokongan telefon pintar seperti iPhone. Lihat Mind Power, [http://arabic.mindxpower.com/index.php?option=com\\_content&view=article&id=2&Itemid=6](http://arabic.mindxpower.com/index.php?option=com_content&view=article&id=2&Itemid=6), 22 Julai 2011.

<sup>424</sup> Aplikasi tersebut boleh dimuat turun di iTunes Preview, <http://itunes.apple.com/app/id446754935?mt=8&ls=1>, 22 Julai 2011.

hanyalah lingkungan hadith *sahīh* dan *hasan* sahaja. Oleh demikian, hasil carian tidak akan memaparkan hadith yang dihukum sebagai *da’if* dari sudut sanad dan matan.

Perisian ini bukanlah bersifat luar talian ‘offline’ kerana ia masih memerlukan jaringan internet untuk proses pencarian hadith. Walau bagaimanapun, hasil carian yang telah disimpan boleh dirujuk semula tanpa memerlukan kepada sokongan internet.



Gambar 1

Selain itu, sebuah lagi perisian iPhone, iPod dan iPad yang bersumberkan *al-Durar al-Saniyyah* ialah perisian *al-Aḥādīth Ghayr al-Ṣaḥīḥah al-Muntasyirah*.<sup>425</sup> Seperti mana yang diketahui, *al-Durar al-Saniyyah* telah menyediakan sebuah halaman yang mengumpulkan hadith-hadith bermasalah di internet. Halaman tersebut dinamakan sebagai *Mawsū‘ah Ahādīth Muntasyirah fī al-Intirnīt*.<sup>426</sup> Berteraskan kepada halaman tersebut, maka terhasilnya perisian *al-Aḥādīth Ghayr al-Ṣaḥīḥah al-Muntasyirah* yang diproduksikan oleh syarikat *Idārah al-‘Alāqāt al-‘Āmmah wa al-I'lām*.<sup>427</sup>

Di antara kelebihan perisian ini ialah: (1) Tidak memerlukan rangkaian internet. Data hadith telah tersedia secara luar talian ‘offline’. (2) Disediakan enjin carian hadith (3) Hukum hadith disertakan sama ada ia disifatkan sebagai *da’if*, *mawdū*, *la yaṣah*, *laysa*

<sup>425</sup> iTunes Preview, <http://itunes.apple.com/app/id419746550?mt=8>, 22 Julai 2011.

<sup>426</sup> Pautan untuk ke halaman tersebut boleh dijumpai pada halaman utama ruangan *al-Mawsū‘ah al-Hadīthiyah*. Al-Durar al-Saniyyah, [http://www.dorar.net/enc/hadith\\_spread](http://www.dorar.net/enc/hadith_spread), 22 Julai 2011.

<sup>427</sup> iPhone Islam, <http://www.iphoneislam.com/contactus>, 22 Julai 2011.

*bi al-Hadīth, laysa lahu wujūd fī kitāb al-Hadīth, laysa bi al-Hadīth wa huwa min al-Isra’ ilitiyat* dan lain-lain.



### 3.7 KAE DAH PENCARIAN HADITH MELALUI *AL-DURAR AL-SANIYYAH*

Ruangan carian hadith boleh didapati melalui pautan *mawsū‘ah al-Hadīthiyyah* di halaman utama laman web. Para pengguna hanya perlu menekan pautan *mawsū‘ah al-Hadīth* yang tersedia atau mengakses terus kepada alamat URL berikut: <http://www.dorar.net/enc/hadith.php>. Setelah itu, para pengguna akan dibawa kepada ruangan pencarian hadith yang mempunyai beberapa pembahagian iaitu:

1. Ruangan untuk meletakkan kata kunci atau perumpamaan hadith yang ingin dicari.
2. *Al-Muhaddith*: Nama pengarang kitab atau ulama yang menghukum hadith.
3. *Al-Kitāb*: Nama kitab.
4. *Khiyārāt al-Baḥth*: 5 kaedah yang menetapkan kepelbagaian bentuk hasil carian.

5. *Baḥth al-Muṭābiq*: Mendapatkan hasil carian yang tepat dengan kalimah atau perumpamaan hadith yang dicari.
  6. Pilihan kategori hukum hadith sama ada hadith-hadith yang *sahīh*, hadith-hadith yang *isnādnnya sahīh*, hadith-hadith yang *da’if*, hadith-hadith yang *isnādnnya da’if* atau para pengguna boleh memilih kesemua aspek dengan perkataan *al-Jāmi’*.

### 3.7.1 Kaedah Asal ‘Default’ Pencarian Hadith.

Proses pencarian hadith yang asal ‘default’ tanpa penambahan *khiyārāt al-Bahth* dan *baḥth al-Muṭābiq* adalah berbentuk *kalimah al-Muṭābaqah*, *jumlah al-Muṭābaqah*, dan *ajzā’ al-Kalimah*.<sup>428</sup> Huraianya adalah seperti berikut:



---

<sup>428</sup> Al-Durar al-Saniyyah, <http://www.dorar.net/art/846>, 22 Julai 2011.

**Ulasan:** Tiga bentuk carian di atas telah dikumpulkan sebagai kaedah utama pencarian hadith. Justeru, para pengkaji boleh melakukan pencarian hadith dengan pemilihan 3 kaedah tersebut sama ada menggunakan kalimah tertentu, keratan ayat atau potongan kalimah.

Perlu diingatkan bahawa **hasil carian akan memaparkan kalimah, jumlah dan ajzā'** secara tepat terlebih dahulu, kemudian diikuti dengan penambahan huruf yang lain. Contoh hasil carian bagi kalimah صدق akan memaparkan hadith-hadith seperti صدق إن صدق دخل الجنة.... صدق عبدي أنا أكبر أنا أكبر.... أبو بكر خليفة رسول الله صلى الله عليه وسلم... فكانت هذه الصدقة بيد علي.... فوعظ الناس وأمرهم بالصدقة.... dan seterusnya.

### 3.7.2 Fungsi *Khiyārāt al-Baḥth*: 5 Kaedah Pencarian Hadith.

*Khiyārāt al-Baḥth* merupakan 5 kaedah tambahan yang boleh digunakan sebagai pilihan kaedah pencarian hadith. Kaedah-kaedah tersebut terbahagi kepada:

1. *Juz' Min Kalimah*: Satu atau potongan kalimah yang dipilih. Contoh: (نية) - Hasil carian termasuk (نية), (بالنية), (الثانية) dan seumpamanya.
2. *Jāmi‘ al-Kalimah*: Carian kalimah secara berasingan untuk lafaz yang tidak tersusun dalam satu matan. Contoh: (نية عمل) - Hasil carian akan menunjukkan lafaz secara tepat atau secara terpisah dalam satu matan (نية المؤمن خير من عمله ، ) (و عمل المنافق خير من نيته)
3. *Jāmi‘ Ajzā’ al-Kalimah*: Mencari semua lafaz secara tepat atau potongan. Contoh: (نية & عمل), (الثانية & عملا), (معنية & عملكم), (نية عمل) hasil carian mungkin, dan sebagainya.

4. *Jumlah/Kalimat al-Muṭābaqah*: Mencari seluruh lafaz dan kalimah secara tepat.

Contoh. (إنما الأعمال بالنية), hasil carian akan mengemukakan kalimah atau lafaz secara tepat. Hasil carian ( إنما الأعمال بالنية، وإنما…… )

5. *Ayyu Kalimah Muṭābaqah*: Carian kalimah secara tepat di dalam matan yang sama atau berasingan. Contoh. (صلاة صيام), maka hasil carian adalah pada matan yang sama atau berasingan. Contoh (عن جابر أنه كان لا يرى بالإفطار في صيام النطوع بأسا) (عمن صلى مع النبي صلي الله عليه وسلم يوم ذات الرقاع صلاة الخوف). (عن جابر أنه كان لا يرى بالإفطار في صيام النطوع بأسا)

**Ulasan:** Secara umum, *jāmi‘ al-Kalimah*, *jumlah/kalimah al-Muṭābaqah* dan *ayyu al-Kalimah* mempunyai sifat yang sama dengan *kalimah al-Muṭābaqah*, *jumlah al-Muṭābaqah*, dan *ajzā‘ al-Kalimah* di dalam perbincangan sebelum ini. Oleh demikian itu, pencarian hadith menggunakan *khiyārāt al-Baḥth* akan memberikan hasil carian secara lebih menyeluruh dalam bentuk yang pelbagai.

### 3.7.3 *Baḥth al-Muṭābiq*

*Baḥth al-Muṭābiq* adalah merujuk kepada kaedah pencarian secara tepat. Sebagaimana yang telah diketahui, penyusunan hasil carian akan memaparkan *kalimah*, *jumlah* atau *ajzā‘* secara tepat terlebih dahulu, kemudian diikuti dengan penambahan huruf yang lain. Maka dengan pemilihan *baḥth al-Muṭābiq*, hasil carian akan memaparkan *kalimah*, *jumlah* atau *ajzā‘* secara tepat pada keseluruhan hasil carian tanpa adanya sebarang penambahan.

### 3.8 PANDUAN PENCARIAN HADITH MENGGUNAKAN LAMAN WEB AL-DURAR AL-SANIYYAH.



Gambar 3

Gambar 3 menunjukkan paparan utama laman web *al-Durar al-Saniyyah*. Bahagian atas laman web mengumpulkan pautan bagi kesemua *mawsū‘ah al-‘Ilmiyyah*, manakala di bahagian bawahnya pula telah dibahagikan kepada beberapa kolumn seperti *maqālāt wa buhūth al-Musyriñ*,<sup>430</sup> *maqālāt wa buhūth mumayyizah*,<sup>431</sup> *nāfidhah ‘alā al-Wāqi*,<sup>432</sup> *kutub jadīdah*,<sup>433</sup> *kitāb al-Usbū*<sup>434</sup> dan *kitāb al-Syahr*.<sup>435</sup>



Gambar 4

<sup>430</sup> Memuatkan himpunan rencana, artikel dan kajian Syaykh ‘Alwī selaku penyelia utama *al-Durar al-Saniyyah*. *Ibid.*, <http://www.dorar.net/site-sections>, 20 Oktober 2010.

<sup>431</sup> Mengumpulkan artikel dan kajian penting yang dipilih secara berhemah melalui rangkaian global internet bagi memudahkan para pengguna yang mementingkan keakuratan sesebuah artikel atau kajian. *Ibid.*


<sup>432</sup> Mengumpulkan rencana-rencana yang membincangkan mengenai isu-isu semasa dengan memberikan kesedaran kepada pengguna terhadap permasalahan atau isu tersebut. *Ibid.*

<sup>433</sup> Ruangan ini akan dikemas kini secara mingguan dengan penambahan kitab-kitab yang baru diterbitkan sekitar tahun 1420H hingga 1431H. Kitab-kitab tersebut hanya dinyatakan nama kitab, nama pengarang, penerbit, tahun cetakan dan topik perbincangan. *Ibid.*


<sup>434</sup> Ruangan ini juga akan mengemukakan kitab-kitab yang berupa kitab utama dalam pelbagai lapangan ilmu berserta maklumat ringkas mengenainya. Ia akan menjelaskan tajuk kitab, nama pengarang, penerbit, tahun terbitan, bilangan juzu', bilangan muka surat dan huraian ringkas terhadap isi kandungan kitab tersebut. Ia juga memperkenalkan gambar kulit hadapan kitab bagi memudahkan pengguna mengenal pasti. Ia dikemas kini secara mingguan. *Ibid.*

<sup>435</sup> Ruangan ini pula akan mengemukakan kitab yang dipilih dan dikemas kini secara bulanan. Ia menjelaskan serba sedikit mengenai kitab, isi kandungan dan kritikan terhadapnya. *Ibid.*

Apabila pengguna menghalakan tetikus ke arah label *mawsū‘ah al-Hadīth*, maka paparan seperti di atas akan muncul yang mana terdapat penerangan ringkas mengenai halaman tersebut dan pautan ke ruangan pencarian hadith di bahagian *bahth mutaqaddim*. Walau bagaimanapun pengguna juga boleh melakukan carian pantas di ruangan yang disediakan tanpa berpindah ke halaman *taysīr al-Wuṣūl ilā Ahādīth al-Rasūl s.a.w.*



Gambar 4 menunjukkan ruangan pencarian hadith yang dikenali sebagai *taysīr al-Wuṣūl ilā Ahādīth al-Rasūl s.a.w.* Ia merupakan ruangan asal ‘default’ pencarian hadith yang melibatkan 3 kaedah utama carian iaitu *kalimah al-Muṭābaqah*, *jumlah al-Muṭābaqah*, dan *ajzā’ al-Kalimah*. Sekiranya pengguna ingin memilih kaedah carian yang lain sama ada *khiyārāt al-Bahth* atau *bahth al-Muṭābiq*, klik pada pautan *bahth mutaqaddim* seperti gambar di atas.



Gambar 6

Gambar 6 menunjukkan ruangan pencarian hadith dengan penambahan pilihan kaedah carian *khiyārat al-Baḥth* dan *baḥth al-Muṭābiq*. Selain itu, disediakan juga ruangan untuk meletakkan kalimah tertentu yang tidak dikehendaki oleh pengguna di dalam hasil carian.

Terdapat beberapa langkah yang perlu diikuti dalam proses pencarian hadith:

1. Meletakkan beberapa kalimah atau perumpamaan hadith di ruangan.
2. Para pengguna boleh memilih kesemua *al-Muhaddith* dengan memilih *al-Jāmi'* atau beberapa individu tertentu dengan menekan pada nama *al-Muhaddith* yang ingin dipilih berserta butang Ctrl (pada papan kekunci komputer) secara serentak.
3. Pemilihan kitab juga boleh dilakukan dengan memilih kesemua kitab atau kitab-kitab tertentu sahaja seperti pemilihan *al-Muhaddith*.

4. Pemilihan kategori hukum hadith dengan menekan kotak yang telah disediakan bagi tiap-tiap kategori sama ada hadith-hadith yang *sahīh*, hadith-hadith yang *isnādnya sahīh*, hadith-hadith yang *da‘īf*, hadith-hadith yang *isnādnya da‘īf* atau pemilihan kesemua aspek dengan perkataan *al-Jāmi‘*.
5. Pemilihan salah satu kaedah pencarian sama ada *khiyārāt al-Baḥth* atau *baḥth al-Muṭābiq*.
6. Meletakkan kalimah yang tidak dikehendaki sekiranya perlu.

Hasil carian hadith akan memaparkan (1) Matan hadith yang bertepatan dengan teks atau kalimah yang dicari di mana teks atau kalimah tersebut diwarnakan dengan warna merah. (2) Nama perawi hadith. (3) Nama ahli hadith yang meriwayatkan hadith. (4) Sumber atau kitab hadith berserta jilid dan halaman. (5) Kesimpulan darjat hadith yang dinyatakan secara ringkas.

Contoh andaikan penulis ingin mencari hadith berkaitan (صلوة الخوف) tanpa penggunaan *khiyārāt al-Baḥth* mahupun *baḥth al-Muṭābiq*. Maka hasil carian adalah seperti berikut:



Gambar 7

Para pengguna juga boleh melihat maklumat berkenaan *al-Muhaddith* dan *al-Maṣdar* secara lebih terperinci dengan menekan pada nama *al-Muhaddith* dan nama kitab yang ditandai dengan warna biru. Lihat gambar di bawah.



Gambar 8

Apabila pengguna menekan pada bahagian *al-Muhaddith* dan *al-Maṣdar*, maka tetingkap seperti di atas akan muncul. Bagi *al-Muhaddith* dinyatakan pengenalan ringkas seperti nama penuh, tahun wafat, dan pujian ulama' lain terhadap mereka. Manakala *al-Maṣdar*, dinyatakan nama pengarang (*al-Muhaddith*), pentahqiq kitab sekiranya ada, penerbit, bilangan cetakan, tahun cetakan dan bidang ilmu kitab tersebut.

Perlu diingatkan bahawa *al-Muḥaddith* tidak merujuk kepada pengarang kitab semata-mata, malah ia juga menunjukkan nama bagi ulama yang menghukum hadith. Oleh demikian, pada beberapa keadaan, *al-Maṣdar* dan *al-Muḥaddith* adalah berbeza. Contohnya *al-Maṣdar*: *Bulūgh al-Maram*. Kadang kala dinyatakan *al-Muḥaddith* sebagai Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī berupa pengarang kitab, kadang kala dinyatakan *al-Muḥaddith* sebagai ulama lain seperti Imām al-Bukhārī, Abū Dāwūd, Ibn Abī Ḥatim dan lain-lain. Oleh itu, *al-Muḥaddith* sebenarnya adalah merujuk kepada ulama yang menghukum hadith. Contoh hadith لا تَبِسُوا عَلَيْنَا سَنَةً نَبِيْنَا ... dinyatakan *al-Maṣdar*: *Bulūgh al-Maram* dan *al-Muḥaddith*: *al-Dāraqutnī*.<sup>436</sup>

<sup>436</sup> Al-Durar al-Saniyyah, [http://www.dorar.net/enc/hadith&skeys=&xclude=&&s\[\]](http://www.dorar.net/enc/hadith&skeys=&xclude=&&s[])=13553 &degree\_cat0=1&sort=mhd&page=5, 26 Julai 2011.

## Bulūgh al-Maram dalam al-Durar al-Saniyyah:

عن عمرو بن العاص رضي الله تعالى عنه قال : لا تلبسوا علينا سنة نبينا ، عدة أم الولد ، إذا توفي عنها سيدها، أربعة أشهر وعشرا

الراوي : عمرو بن العاص المحدث : الدارقطني - المصدر : [بلغ المرام](#) - الصفحة أو الرقم 334 :


خلاصة حكم المحدث : أعمل بالانقطاع

Bulūgh al-Maram dalam kitab bercetak:<sup>437</sup>

سنة نبينا ، عدة أم الولد ، إذا توفي عنها سيدها ، أربعة أشهر وعشرا . رواه  
أحمد وأبو داود وابن ماجه ، وصححه الحاكم ، وأعلمه الدارقطني بالانقطاع .

Melalui perbandingan paparan hukum hadith *Bulūgh al-Maram* dalam *al-Durar al-Saniyyah* dan *Bulūgh al-Maram* di dalam kitab asal, maka dapatlah diketahui bahawa Ibn Ḥajar telah menaqalkan hukum hadith melalui pandangan Imām al-Dāraqutnī. Oleh kerana itu, melalui paparan *al-Durar al-Saniyyah*, *al-Muḥaddith* diletakkan sebagai al-Dāraqutnī.

Dengan inisiatif dari pihak pembangun, di bahagian kiri paparan hasil carian juga telah disediakan satu kolumn yang mengkhususkan hasil carian berdasarkan *al-Masdār*, *al-Muḥaddith*, dan *khulāṣah hukm al-Muḥaddith*. Lihat Gambar 9 di bawah.



Gambar 9

<sup>437</sup> Merujuk kepada al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (2004), *Bulūgh al-Maram Min Adillah al-Ahkām*, Saudi ‘Arabia: Dār al-Salām li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, c. 6, h. 349.

Di bahagian ‘*Ard Akthār al-Natā’ij* telah disediakan hasil carian hadith berdasarkan kategori. Berpandukan kepada contoh sebelum ini di mana penulis telah mencari hadith berkaitan صلاة الخوف, maka kolumnya ‘*Ard Akthār al-Natā’ij* menunjukkan bagi kategori *al-Masdar*, terdapat sebanyak 15 hadith mengenai صلاة الخوف dalam *Sahīh al-Nasā’i*, 7 hadith dalam *Musnad Ahmad* dan seterusnya. Begitu juga dengan kategori *al-Muhaddith* di mana terdapat 40 hadith berkaitan صلاة الخوف dalam kitab karangan Albānī, 10 hadith dalam kitab karangan Ibn ‘Abd al-Bar dan seterusnya. Demikian juga halnya dengan *khulāṣah hukm al-Muhaddith* di mana terdapat 68 hadith yang dinilai sebagai *sahīh*, 41 hadith yang dinilai dengan sanad yang *da’if*, dan seterusnya.

### 3.9 KAEDAH PENCARIAN HADITH MELALUI ISLAMWEB

Seperti *al-Durar al-Saniyyah*, ruangan carian hadith melalui Islamweb juga boleh didapati melalui pautan *mawsū‘ah al-Hadīth* di bahagian kiri halaman utama. Para pengguna hanya perlu menekan pautan *mawsū‘ah al-Hadīth* atau mengakses terus kepada alamat URL berikut: <http://global.islamweb.net/hadith/>. Setelah itu, para pengguna akan dibawa kepada ruangan carian hadith yang mempunyai beberapa pembahagian iaitu:

1. Ruang meletakkan beberapa perkataan hadith yang ingin dicari.
2. Pembahagian *Mawsū‘ah al-Hadīth* mengikut susunan *mawdū‘i*.
3. Pemilihan kitab berdasarkan huruf *mu‘jam*.
4. Senarai kitab-kitab yang terdapat di dalam *Jawāmi‘ al-Kalim* berserta nama pengarang, tahun cetakan dan bilangan jilid.

5. Empat pilihan carian yang meliputi carian hadith dan perawi iaitu *Kutub jawāmi‘ al-Kalim, Ruwāh ḥadīth jawāmi‘ al-Kalim, al-Bahth al-Mutaqaddim li al-Ruwāh*, dan *al-Bahth al-Mutaqaddim li al-Hadīth*. Keempat-empat pilihan carian ini akan dijelaskan secara terperinci oleh penulis selepas ini.

Melalui laman web ini, pengguna diberi pilihan untuk mencari hadith menggunakan dua kaedah iaitu:

1. Menggunakan ruangan carian hadith yang disediakan.
2. Carian manual berdasarkan kitab yang disusun mengikut huruf *mu‘jam*.

### 3.10 PANDUAN PENCARIAN HADITH MENGGUNAKAN ISLAMWEB.



Gambar 10

Gambar 10 menunjukkan paparan utama laman web Islamweb versi Bahasa Arab. Islamweb disediakan dengan 5 bahasa iaitu Bahasa Belanda, Bahasa Inggeris, Bahasa Perancis, Bahasa Sepanyol dan Bahasa Arab. Ia merupakan salah satu keistimewaan yang mendahului *al-Durar al-Saniyyah*. Walau bagaimanapun *Mawsū‘ah al-Hadīth* yang memuatkan ruangan carian hadith hanya disediakan melalui versi Bahasa Arab.

Pautan *mawsū‘ah al-Hadīth* berada di sebelah kiri bahagian atas laman web. Di mana terdapat satu kolumn yang memuatkan pautan-pautan ilmiah seperti *mawsū‘ah al-Hadīth*, *maqālāt*, *fatāwā*, *istisyārāt*, *sawtiyyāt*, *al-Maktabah*, *mawāriθ* dan *banīn wa banāt*. Kolumn ini dinamakan sebagai *majmū‘ mawāqi‘ islāmwīb* yang menggambarkan keseluruhan aspek kandungan yang dimuatkan dalam laman web ini. Pengguna boleh menekan pautan *mawsū‘ah al-Hadīth* atau mengakses terus kepada alamat URL berikut: [www.islamweb.net/hadith](http://www.islamweb.net/hadith). Bagi pengguna yang menggunakan pautan *mawsū‘ah al-Hadīth*, pengguna akan dibawa terlebih dahulu pada halaman yang menyediakan pautan untuk muat turun perisian *jawāmi‘ al-Kalim*. Ia merupakan pangkalan data asal bagi *mawsū‘ah al-Hadīth*.



Gambar 11

Di halaman ini, pengguna akan dipaparkan dengan dua pautan iaitu pautan untuk muat turun perisian *jawāmi‘ al-Kalim* (*Şafhah Tahmīl al-Barnāmij*) dan pautan untuk ke ruangan carian hadith (*Mawqi‘ Mawsū‘ah al-Hadīth*).<sup>438</sup> Manakala untuk terus ke ruangan carian hadith, pengguna hanya perlu menekan pada pautan *mawqi‘ mawsū‘ah al-Hadīth*.

<sup>438</sup> Perisian *jawāmi‘ al-Kalim* boleh dimuat turun dengan saiz 1.4 gigabait dan memerlukan kepada capaian dan kelajuan internet yang baik. Di halaman muat turun juga disediakan beberapa kemudahan sebagai rujukan pengguna sebelum menggunakan perisian seperti maklumat operasi sistem komputer yang sesuai, kekosongan hard disk, kelajuan ram dan lain-lain. *Ibid.*, <http://gk.islamweb.net:8080/>, 18 Februari 2011.



Gambar 12

Gambar di atas menunjukkan paparan ruangan carian hadith yang fleksibel berbanding *al-Durar al-Saniyyah* yang lebih sederhana dan mesra pengguna.

- A: Ruang meletakkan kata kunci hadith yang ingin dicari.
- B: Pembahagian *Mawsū'ah al-Hadīth* mengikut susunan *mawdū'i*. Pengguna boleh menggunakan capaian tersebut bagi melihat kitab-kitab yang disusun berdasarkan topik-topik tertentu seperti *tafsīr al-Qur'ān*, *'ulūm al-Qur'ān*, *ṣīḥah wa mustakhrajāt*, *sunan wa muwaṭṭāat*, *masāni'd*, *muṣannafāt wa jawāmi'*, *sīrah wa syamā'il*, akhlak dan lain-lain.
- C: Pemilihan kitab berdasarkan huruf *mu'jam*. Contoh untuk melihat kitab *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, maka pengguna hanya perlu menekan pada huruf Sad, *Sunan Abī Dāwūd* dengan huruf Sin, *Musnad Ahmad* dengan huruf Mim dan seterusnya.
- D: Senarai kitab-kitab yang terdapat dalam *Jawāmi' al-Kalim* berserta nama pengarang, tahun cetakan dan bilangan jilid. Pengguna boleh menggunakan ruangan ini sebagai carian hadith secara manual.
- E: Kolumn yang memuatkan empat pilihan carian yang meliputi carian hadith dan perawi:

(1) *Kutub jawāmi‘ al-Kalim* berupa ruangan carian hadith utama yang akan memaparkan kepada pengguna hasil carian yang menyeluruh merangkumi matan hadith, perawi hadith, *mashdar al-Hadīth* berserta nama pengarang dan tahun wafat, hukum hadith, *syawāhid* dan lain-lain. Penulis akan menjelaskannya secara terperinci selepas ini.

(2) *Ruwāh ḥadīth jawāmi‘ al-Kalim* yang memaparkan pengenalan kepada perawi hadith. Hasil carian akan mengemukakan pengenalan umum terhadap perawi, kritikan ulama *jaraḥ wa ta‘dīl* terhadapnya, guru dan murid, serta maklumat perawi yang dimuatkan dalam kitab *Tahdhīb al-Kamāl* karya al-Mizzī. Contoh: Penulis ingin mengetahui latar belakang perawi bernama Aiman bin ‘Ubayd.



Gambar 13

Maka hasil cariannya adalah seperti berikut:

رقم المروي	739
النوع	اسم المروي
المعنى	أيمان بن عبد
المعنى	اسم الشهادة
المعنى	أيمان بن أم أيمان النسب
المعنى	النسب
المعنى	أيمان
المعنى	أيمان بن خزيم بن الأخرم بن شداد بن عمرو بن فانك بن القليب ...
المعنى	النسب
المعنى	أيمان بن نابل
المعنى	النسب
المعنى	أبيوب
المعنى	أبيوب بن كبيسان

Gambar 14

Tetingkap yang muncul akan menjelaskan 5 elemen pengenalan Aiman bin ‘Ubayd yang merangkumi *ta‘rif ‘ām*, *jaraḥ wa al-‘Adālah*, *al-Suyūkh*, *al-Talāmidh*, dan *Tahdhīb al-Kamāl*.

(3) *Al-Bahth al-Mutaqaddim li al-Ruwāh* berupa carian perawi hadith dengan beberapa pilihan kategori. Ia menyediakan perkhidmatan pilihan bebas kepada pengguna sama ada untuk mencari perawi berdasarkan nama, tempat tinggal, tempat lahir, tempat wafat, tahun wafat, martabat (*thiqah, maqbūl, sadūq, kadhdhāb* dan sebagainya), *nasab, laqab, mazhab, kitab* yang dikarang, dan lain-lain.



Gambar 15

Paparan ruangan *al-Bahth al-Mutaqaddim li al-Ruwāh*.

(4) *Al-Bahth al-Mutaqaddim li al-Hadīth* adalah seperti ruangan sebelum ini yang mana menyediakan pilihan bebas kepada pengguna sama ada untuk mencari hadith mengikut *nū‘ al-Sunnah* (*Qawliyyah, Fi ‘liyyah, Taqririyah* dan *Syamāil*), *nū‘ al-Hadīth* (*Quṣṭi* dan *Maṛfū‘*) atau *al-Hukm ‘alā al-Hadīth* (*Ṣaḥīḥ, Ḥasan, Da‘īf* dan *Mawdū‘*).



Gambar 16

Paparan ruangan *al-Bahth al-Mutaqaddim li al-Hadīth*.

Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, terdapat empat pilihan carian yang disediakan. Dua carian dikhususkan pada carian hadith iaitu *kutub jawāmi‘ al-Kalim* dan *al-Bahth al-Mutaqaddim li al-Hadīth*. Manakala dua carian lagi dikhususkan

kepada carian perawi iaitu *ruwāh ḥadīth jawāmi‘ al-Kalim* dan *al-Baḥth al-Mutaqaddim li al-Ruwāh*. Penulis akan menggunakan ruangan *kutub jawāmi‘ al-Kalim/mawsū‘ah al-Ḥadīth jawāmi‘ al-Kalim* bagi menjelaskan kaedah yang boleh digunakan sebagai kemudahan capaian hadith.

Berbeza dengan *Mawsū‘ah al-Ḥadīth* dalam *al-Durar al-Saniyyah*, carian hadith dalam Islamweb dilihat lebih ringkas dan sederhana. Walau bagaimanapun Islamweb terkehadapan dari aspek yang lain di mana ia menyediakan hasil carian perawi dan hadith yang bersifat *takhrij*, *syawāhid*, *aṭrāf* dan *al-Asānid*. Contoh andaikan penulis ingin mencari hadith berkaitan **تعرض الفتن على القلوب**.



Gambar 17

Setelah meletakkan kalimah **تعرض الفتن على القلوب** pada ruangan carian, klik pada bahagian *baḥth* seperti gambar 17 di atas. Maka hasil carian adalah seperti berikut:

The screenshot shows the search results for 'تعرض الفتن على القلوب'. The results are displayed in a table with columns: 'م طرف الحديث', 'الصحابي', 'اسم الكتاب', 'أفق العزو المصنف سنة الوفاة', and 'Bilangan halaman hasil carian'. Three entries are shown:

- Entry 1: مطرف الحديث: ترجمة الفتن على القلوب عرض الحصير في قلب انكرها، الصحابي: حذيفة بن حبيب، الكتاب: سند أحمد بن حبيب، العزو: 2276822672، سنة الوفاة: 241.
- Entry 2: مطرف الحديث: ترجمة الفتن على القلوب عرض الحصير في قلب انكرها، الصحابي: حذيفة بن حبيب، الكتاب: سند أحمد بن حبيب، العزو: 2292922822، سنة الوفاة: 241.
- Entry 3: مطرف الحديث: ترجمة الفتن على القلوب عرض الحصير في قلب انكرها، الصحابي: حذيفة بن حبيب، الكتاب: سلم بن العجاج، العزو: 261.

A callout box labeled 'Klik di sini untuk melihat sanad hadith, hukum hadith, takhrij, syawāhid, aṭrāf dan al-Asānid.' points to the third entry. Another callout box labeled 'Bilangan hadith yang berkaitan.' points to the total count of 10 hadiths found.

Gambar 18

تعرض الفتن على القلوب . Perlu diberi perhatian bahawa hasil carian adalah berdasarkan kalimah yang tepat dan bukan lafaz yang hampir sama.<sup>439</sup> Hasil carian hadith akan memaparkan: (1) *Tarf al-Hadīth*: Matan hadith. (2) *al-Šāhābi*: Sahabat yang meriwayatkan hadith. (3) *Al-Maṣdar*: Nama kitab yang memuatkan hadith. (4) *Al-Muhaddith*: Pengarang kitab dan tahun wafat. (5) *Ufuq*: No. Hadith bagi matan hasil carian (*ṭarf al-Hadīth*) berdasarkan kitab *Mawsū‘ah al-Hadīth* Islamweb.<sup>440</sup> (6) *Al-‘Azwu*: No. Hadith bagi matan dan sanad yang sama dengan matan hasil carian (*ṭarf al-Hadīth*), melalui kitab yang sama tetapi dengan siri penerbitan yang berbeza dan kitab tersebut tidak tersenarai di dalam kitab *Mawsū‘ah al-Hadīth* Islamweb.<sup>441</sup> Selain itu dinyatakan juga jumlah hadith bagi kalimah yang dicari iaitu terdapat sebanyak 10 hadith mengenai تعرض الفتن على القلوب .

Untuk melihat hasil carian dengan lebih terperinci melibatkan rantaian sanad, hukum hadith, *takhrij*, *syawāhid*, *aṭrāf* dan *al-Asānīd*, pengguna perlu menekan pada matan hadith yang terdapat dalam kolumn *ṭarf al-Hadīth*. Berdasarkan gambar 18 andaikan penulis ingin melihat perincian bagi hadith no. 1. Maka paparan berikut akan muncul.

---

<sup>439</sup> Berdasarkan contoh carian hadith di atas dengan kata kunci ﴿تَعْرِضُ الْفَتَنَ عَلَى الْقُلُوبِ﴾ maka hasil carian akan mengemukakan hadith-hadith yang mempunyai lafaz yang tepat dengan kata kunci yang dicari tanpa mengemukakan hadith dengan lafaz yang membincangkan mengenai ﴿الْفَتَنَ﴾ atau ﴿الْقُلُوبَ﴾.

<sup>440</sup> Kitab-kitab tersebut boleh dilihat pada bahagian *al-Maktabah* [http://www.islamweb.net/newlibrary /in dex.php](http://www.islamweb.net/newlibrary/in dex.php) dengan maklumat tahun terbitan, penerbit, jumlah jilid dan lain-lain.

<sup>441</sup> Penulis telah melihat perbezaan *ufuq* dan *al-‘Azwu* melalui hadith-hadith *kutub al-Sittah*. Berdasarkan kajian penulis, *al-‘Azwu* bagi hasil carian hadith-hadith di dalam *kutub al-Sittah* selain *Sahih Muslim* adalah merujuk kepada no. hadith di dalam kitab *Mawsū‘ah al-Hadīth al-Syarīf al-Kutub al-Sittah* (2000), Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nasyr Dār al-Tawzī‘, c. 3.

Nama kitab dan bab.

Pautan untuk melihat *takhrij*,  
*syawāhid*, *aṭrāf* dan *al-Asāniḍ*.

[نَخْرِيجٌ] [شَوَاهِدٌ] [أَطْرَافٌ] [الْأَسَانِيد]

رقم الحديث: 22672

(حديث مرفوع) **حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ هَارُونَ، حَدَّثَنَا أَبُو مَالِكٍ، عَنْ رَبِيعِ بْنِ جَرَاشٍ، عَنْ حَدِيقَةِ أَنَّهُ قَمَ مِنْ عَذْنَ عَمْرٍ، قَالَ: لَمَّا جَاءَنَا أَنَّهُ أَمَسَّ، سَأَلَ أَصْنَابَ مُسْنَدِ صَنْيَّ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّكُمْ سَمِعْ قُولَ رَسُولِ اللَّهِ صَنْيَّ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمِيقَاتِ؟ قَالُوا: نَحْنُ سَمِعَنَا، تَلَكَ يَكْفُرُهَا الصَّنْدَلُ وَالصَّنْدَلُ وَالصَّنْدَلُ، وَلَكُنْ إِنَّكُمْ سَمِعْ قُولَ رَسُولِ اللَّهِ صَنْيَّ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمِيقَاتِ؟ قَالَ: أَجَلُ، قَالَ: نَسِئْتُ عَنْ تَلَكَ أَسْنَلَ، تَلَكَ يَكْفُرُهَا الصَّنْدَلُ وَالصَّنْدَلُ وَالصَّنْدَلُ، وَلَكُنْ إِنَّكُمْ سَمِعْ قُولَ رَسُولِ اللَّهِ صَنْيَّ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمِيقَاتِ الْمُتَوَجِّهِ إِلَيْهِ؟ قَالُوا: أَجَلُ، قَالَ: فَلَمَسْتُكُمُ الْفَقْمُ، وَظَنَّتُ أَنَّهُ يَأْتِيَ يَرِيدُ، قَالَ: أَنَا، قَالَ لَيْ: أَنْتَ أَبُوكَ! قَالَ: فَلَمَّا ...**

Sanad dan  
Matan hadith

Ringkasan  
hukum hadith

Gambar 19

**الحكم المبدني:** إسناد متصل، رجاله ثقات، رجاله رجال البخاري ماعدا سعد بن طارق الأشعجي روى له البخاري تعليقاً

*Naw' al-Hadith: Hadith Marfū'*,  
*Mawqūf* atau *Maqtū'*

Pengguna dapat melihat (1) Kitab dan bab bagi hadith [*Musnad Ahmad*, *Kitab Musnad al-'Asyarah al-Mubasyyirin bi al-Jannah*) (2) No. hadith di dalam kitab (hadith ke 22672 dalam *Musnad Ahmad*). No. tersebut adalah seperti yang dinyatakan dalam kolumn *ufuq*) (3) Sanad dan matan hadith (4) Hukum hadith (5) Pautan untuk melihat *takhrij*, *syawāhid*, *aṭrāf* dan *al-Asāniḍ*. Pengguna juga boleh melihat pengenalan bagi setiap perawi dalam sanad dengan menekan pada nama setiap perawi tersebut. Ia akan menjelaskan 5 elemen pengenalan iaitu *ta'rīf 'ām*, *jarah wa al-'Adālah*, *al-Suyūkh*, *al-Talāmidh*, dan *Tahdhīb al-Kamāl* seperti yang telah dinyatakan sebelum ini dalam pilihan carian *Ruwāh hadīth jawāmi' al-Kalim*.

### 3.10.1 Paparan Warna Teks Hadith

Matan hadith diwarnai dengan beberapa warna. Setiap warna mewakili beberapa aspek.

(1) **Merah:** Pengarang kitab (*al-Muḥaddith*). Ia juga menunjukkan hukum hadith. (2)

**Biru Gelap:** Perawi sahabat atau *rāwī al-A'lā* bagi hadith. (3) **Merah Gelap:** Perawi

hadith dalam rantaian sanad. (4) **Hijau kebiruan**: Nama sahabat dalam matan hadith.<sup>442</sup>

**Biru**: Firman Allah s.w.t. dalam hadith Qudsi atau ayat al-Quran di dalam matan yang menjelaskan mengenai *asbāb al-Nuzūl* atau tafsir.<sup>443</sup> **Hijau**: Matan hadith berupa sabda Rasulullah s.a.w. atau yang menunjukkan sifat<sup>444</sup> baginda s.a.w. Jika di dalam satu matan, di dapati terdapat kata-kata para sahabat seperti pertanyaan sahabat kepada baginda s.a.w., ia diwarnai dengan warna hitam.<sup>445</sup> (5) **Ungu**: Lafaz *tahammul al-Hadīth haddathanā, ‘an ‘anah, sami ‘tu*, dan lain-lain.

### 3.10.2. Pengertian *Takhrij*, *Syawāhid*, *Aṭrāf* Dan *Al-Asāniḍ* Menurut Istilah ‘Ulūm Al-Hadīth.

Pautan *takhrij*, *syāhid*, *aṭrāf* dan *al-Asāniḍ* merupakan satu kemudahan untuk melihat perincian hadith melalui aspek-aspek ‘ulūm al-Hadīth tersebut. Pengertian *takhrij*, *syawāhid*, *aṭrāf* dan *al-Asāniḍ* menurut istilah ‘ulūm al-Hadīth ialah:

1. *Takhrij*: Ilmu yang membincangkan mengenai prinsip dan metode yang memudahkan capaian kepada kedudukan hadith, mengenal pasti *mutāba‘ah* dan *syawāhid* dari sumber-sumber asal, sumber-sumber yang menyerupai asal, dan sumber-sumber tidak asal, seterusnya menjelaskan hukum dan darjat hadith sama ada diterima atau ditolak.<sup>446</sup>

<sup>442</sup> *Ibid.*, [http://global.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=146&hid=4573&pid=368309](http://global.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=146&hid=4573&pid=368309), 18 Februari 2011.

<sup>443</sup> *Ibid.*, [http://global.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=146&pid=365627&hid=3](http://global.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=146&pid=365627&hid=3), 18 Februari 2011.

<sup>444</sup> *Ibid.*, [http://global.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=146&pid=365627&hid=5](http://global.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=146&pid=365627&hid=5), 18 Februari 2011.

<sup>445</sup> Hadith menunjukkan perbezaan warna di antara sabda baginda s.a.w. dan sayyidatina ‘A’isyah. Lihat *Ibid.*, [http://global.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=146&pid=365627&hid=2](http://global.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=146&pid=365627&hid=2), 18 Februari 2011.

<sup>446</sup> Muhammad Abū al-Layth al-Khayr Abādī (2005), *Takhrij al-Hadīth Nasyā’tuhu wa Manhajiyatuh*, Bangi: Dār al-Syākir, h. 11.

2. *Syawāhid*: Merupakan *jama'* kepada *al-Syāhid*. Mafhumnya adalah dua orang sahabat atau lebih meriwayatkan sebuah hadith dengan lafaz yang sama atau dengan maknanya.<sup>447</sup> Setiap sahabat menjadi *syāhid* kepada sahabat yang lain.
3. *Aṭrāf*: Matan atau lafaz hadith.
4. *Al-Asānid*: Merupakan *jama'* kepada *al-Sanad*. Ia adalah berita mengenai salasilah atau jalan periwayatan sesebuah *matan al-Hadīth*. Menurut Dr. Abū Layth al-Khayr Abādī, mafhum *al-Sanad* ialah jalur periwayatan dari perawi-perawi yang meriwayatkan lafaz hadith.<sup>448</sup>

### 3.10.3. Aplikasi *Takhrij*, *Syawāhid*, *Aṭrāf* Dan *Al-Asānid* Dalam Islamweb.

Aplikasi *takhrij*, *syawāhid*, *aṭrāf*, dan *al-Asānid* dalam Islamweb tidaklah sama seperti pengertiannya dalam istilah ‘ulūm al-Hadīth. Namun ia tidak lari dari konsep pengertian istilah tersebut.

- (1) ***Takhrij***: Untuk melihat sumber lain bagi matan yang sama atau maknanya daripada perawi sahabat yang sama. Contoh berdasarkan hadith di dalam gambar 19, penulis akan memperoleh sumber-sumber lain yang menghimpunkan matan hadith yang sama (..... تعرض الفتنة على القلوب ..... حذيفه).

---

<sup>447</sup> Jalāl al-Dīn al-Suyūtī (t.t.), *Tadrīb al-Rāwī* taḥqīq ‘Abd al-Wahhāb ‘Abd al-Laṭīf, Riyāḍ: Maktabah al-Riyāḍ al-Ḥadīthah, j. 1, h. 242.

<sup>448</sup> Muhammad Abū al-Layth al-Khayr Abādī (2004), *Mu‘jam Muṣṭalaḥāt al-Ḥadīthiyah*, Bangi: Dār al-Syākir, h. 44.

م	طرف الحديث	الصحابي	اسم الكتاب	أفق العزو المصنف سنة الوفاة	العنوان
1	تعرض الفتن على القلوب عرض الحصیر فاي قلب انكرها نكتت فيه نكتة بپضاء واي قلب انکر بها نكتت فيه نكتة سوداء حتى تصير القلوب على قلبيں أبيض مثل المصفا لا يتضره فتنۃ ما دامت السماوات والارض والآخر اسود مرید كالکوز مخجلا وأمال کفہ لا يعرف معروفا ولا ينکر منکرا	حنبل بن حسین	مسند أحمد بن حنبل	2292922822	أحمد بن حنبل
2	تعرض الفتن على القلوب عرض الحصیر فاي قلب انکرها نكتت فيه نكتة بپضاء واي قلب اشربها نكتت فيه نكتة سوداء حتى تصير القلوب على قلبيں أبيض مثل المصفا لا يتضره فتنۃ ما دامت السماوات والارض والآخر اسود مرید كالکوز مخجلا وأمال کفہ لا يعرف معروفا ولا ينکر منکرا	حنبل بن حسین	مسند أحمد بن حنبل	2276822672	أحمد بن حنبل
3	تعرض الفتن على القلوب كالحصیر عدوا فاي قلب انکرها نكتت فيه نكتة سوداء واي قلب اشربها نكتت فيه نكتة بپضاء حتى تصير على قلبيں أبيض مثل المصفا لا يتضره فتنۃ ما دامت السماوات والارض والآخر اسود مریدا كالکوز مخجلا لا يعرف معروفا ولا ينکر منکرا	حنبل بن حسین	صحیح مسلم	211 147	مسلم بن الحجاج
4	تعرض الفتن على القلوب فاي قلب انکرها نكتت فيه نكتة بپضاء واي قلب اشرب منها او استشرب لها نكتت فيه نكتة سوداء حتى تصير القلوب على قلبيں أبيض كالملسا لا يتضره فتنۃ ما دامت السماوات والارض وآخر اسود مخجلا لا يعرف معروفا ولا ينکر منکرا الا ما اشرب من هوا	حنبل بن حسین	البحر الزخار بمسند البزار	2498 2844	أبو يکر البزار
5	تعرض الفتن على القلوب عرض الحصیر فاي قلب اشربها نكتت فيه نكتة سوداء واي قلب انکرها نكتت في قلبه نكتة بپضاء حتى تصير القلوب على قلبيں أبيض مثل المصفا لا يتضره فتنۃ ما دامت	حنبل بن حسین	مستخرج أبي عوامة	111 143	أبو عوامة الاسم انت

Gambar 20

Hasil *takhrij* hadith tersebut menemukan lapan buah kitab lain yang menghimpunkan matan hadith dan makna lafaz yang sama dari perawi sahabat yang sama. Gambar 20 menunjukkan hadith mengenai ..... juga dimuatkan dalam *Musnad Ahmad* pada bab yang lain, *Sahih Muslim*, *al-Bahr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār*, *Mustakhraj Abī ‘Awānah* dan lain-lain.<sup>449</sup>

(2) *Syawāhid*: Untuk melihat sahabat-sahabat lain yang meriwayatkan matan hadith yang sama. Contoh penulis memilih hadis طلب العلم فريضة على كل مسلم riwayat Anas bin Mālik. Maka penulis dapat melihat senarai sahabat lain yang turut meriwayatkan hadith tersebut.

<sup>449</sup> *Ibid.*, <http://global.islamweb.net/hadith/hadithServices.php?type=1&cid=7280&sid=2324>, 18 Februari 2011.

م طرف الحديث	اسم الصحابي	أفق العزو المصنف	سنة المروفة
طلب العلم فريضة على كل مسلم وواضع العلم عند غير أهله كذلك الختان الغور والولان والذهب	أنس بن مالك	الذئب المصنوفة في الأحاديث الموضوعة للبساطي	911 : 208 جلال الدين السيوطي
طلب العلم فريضة على كل مسلم	لم يذكر المصنف اسمه	ذكر المخصوصات للفتن	986 محمد بن ظاهر الفتن
طلب العلم فريضة على كل مسلم	أنس بن مالك	نظريات الارسطي على المجرور	385 ادراقطي : 102
طلب العلم فريضة على كل مسلم	عبد الله بن مسعود	سنة مجلس من أيام الباغي	312 محمد بن سليمان الباغي الكبير
طلب العلم فريضة على كل مسلم	بيطط بن شرط	رسالة بيطط بن شرط	475 عبد الوهاب بن مدة
طلب العلم فريضة على كل مسلم	أنس بن مالك	فوانيم الحسن بن طحة العطلي	413 أبو الحسن بن طحة العطلي
طلب العلم فريضة على كل مسلم	أنس بن مالك	مسند أبي هنيفة روى أبي عبد	150 أبو حذيفة
طلب العلم فريضة على كل مسلم	أنس بن مالك	مسند أبي هنيفة روى أبي عبد	324 مجلسان لأنبياء مكر العبرى
طلب العلم فريضة على كل مسلم	أنس بن مالك	الفران الجليلة في مسلسلات ابن عطية	1150 : 102 أحمد بن سعيد الحنفى المكي
طلب العلم فريضة على كل مسلم	أنس بن مالك	جزء القسم بن موسى الأذبيب	209 القاسم بن موسى الأذبيب
طلب العلم فريضة على كل مسلم	أنس بن مالك	فوانيم أبي علي المقفار	330 المسنون على ابن الوليد الصفار
طلب العلم فريضة على كل مسلم	عبد الله بن عمر	جزء العاشر من المتخت	620 عبد الله بن أحمد بن حماد بن قادة
طلب العلم فريضة على كل مسلم	أنس بن مالك	الرابع من الفوائد المنتقدة لابن أبي الموارس	412 أبو الفتح بن أبي القوارس
طلب العلم فريضة على كل مسلم	عبد الله بن عمر	الرابع من فوائد أبي عثمان	330 البهري
طلب العلم فريضة على كل مسلم	عبد الله بن مسعود	احديث أبي محمد بن حبان	369 أبو التميم الأصبهانى
طلب العلم فريضة على كل مسلم	أنس بن مالك	الثانية من الرابع من الفوائد	393 أبو ظاهر المخاض
طلب العلم فريضة على كل مسلم	عبد الله بن عباس	الثالث من فوائد البخارى	339 محمد بن عيسى البخارى
طلب العلم فريضة على كل مسلم	أنس بن مالك	الرابع من المتقدمة البهادىة لأبي	353 علي بن يعقوب بن إبراهيم بن شاكر
طلب العلم فريضة على كل مسلم	علي بن أبي طالب	ظاهر السنقى	576 أبو ظاهر السنقى
طلب العلم حق على كل مسلم	سعد بن مالك	الحادي والعشرون من المتقدمة	576 أبو ظاهر السنقى

Gambar 21

Melalui gambar 21 maka dapat dikenal pasti setiap *syawāhid* bagi hadith طلب العلم yang mana selain dari Anas b. Mālik, hadith ini juga turut diriwayatkan oleh ‘Abd Allah b. Mas‘ūd, ‘Abd Allah b. ‘Umar, ‘Alī b. Abī Ṭālib, Sa‘ad b. Mālik dan lain-lain.<sup>450</sup>

(3) *Aṭrāf*: Mengemukakan lafaz atau makna hadith yang sama, melalui riwayat perawi yang sama atau perawi yang berbeza dengan jalur sanad yang lain.

إِنَّهُمْ لَا يَقْرُونَ كُتَّابًا إِلَّا بُخَاتَمْ ، فَاتَّخَذَ خَاتَمًا مِنْ

فِضَّةٍ وَنَقَشَ فِيهِ مُحَمَّدَ رَسُولُ اللَّهِ yang diriwayatkan oleh Anas b. Mālik.


م طرف الحديث	الصحابي	Klik pada <i>taraf al-Hadīth</i> untuk melihat sanad.
1 خاتم النبي صلى الله عليه وسلم من ورق قصبه حبشي	أنس بن مالك	أنس بن مالك
2 خاتم النبي صلى الله عليه وسلم من قضة كله فصبه منه	أنس بن مالك	سنن أبي داود
3 انهم لا يقرعون كتابا إلا بخاتم فاتخذ خاتما من قضة	أنس بن مالك	سنن أبي داود
4 لا أنسه أبدا ثم اخذ خاتما من قضة نقش فيه محمد رسول الله	عبد الله بن عمر	سنن أبي داود
5 صنع الناس فليسوا وطرح النبي صلى الله عليه وسلم فطرح الناس	أنس بن مالك	سنن أبي داود
6 خاتم النبي صلى الله عليه وسلم من حديد مليوي عليه فضة	معيقيب بن أبي قاطمة	سنن أبي داود
7 ينختم في يساره وكان فصبه في باطن كفة	عبد الله بن عمر	سنن أبي داود

Gambar 22

<sup>450</sup> Ibid., <http://global.islamweb.net/hadith/hadithServices.php?type=2&cid=410&sid=999999>, 18 Februari 2011.

Gambar 22 menunjukkan beberapa redaksi hadith **إِنَّهُمْ لَا يَقْرَءُونَ كِتَابًا إِلَّا بَخَاتِمٍ ، فَاتَّخَذَ** riwayat Anas b. Mālik<sup>451</sup> seperti **كَانَ خَاتَمُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ فِضَّةٍ وَنَقْشَ فِيهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ كَانَ خَاتَمُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ فِضَّةٍ كُلُّهُ فَصُدُّهُ** dan **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ وَرْقٍ فَصُدُّهُ حَبْشِيٌّ** dengan sanad yang berbeza.<sup>452</sup> Lafaz hadith ini turut diriwayatkan dengan makna yang sama oleh ‘Abd Allah b. ‘Umar dengan lafaz **لَا أَبْسُهُ أَبَدًا ثُمَّ اتَّخَذَ خَاتَمًا مِنْ فِضَّةٍ نَقْشَ فِيهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ ثُمَّ لَيْسَ الْخَاتَمَ بَعْدَهُ أَبُو بَكْرٍ ، عَمَرُ ثُمَّ لَيْسَهُ بَعْدَهُ عُثْمَانُ حَتَّى وَقَعَ فِي بِنْرُ أَرِيسَ**.<sup>453</sup>

(4) *Al-Asāniḍ*: Mengemukakan rantaian sanad hadith dari aspek *atrāf*, *takhrij* dan *syawāhid*. Melalui kemudahan ini, pengguna dapat melihat secara jelas *turuq sanad* yang melibatkan perawi-perawi tertentu berserta maklumat *jarḥ wa ta‘dīl* yang mewakili penilaian terhadap hukum hadith. Contoh penilaian *al-Asāniḍ* terhadap hadith **وَإِنَّ الصَّانِ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنَ الْمَعْزِ ، ذُكْرَانَهَا أَحَبُّ إِلَيْهِ مِنْ إِنَاثَهَا ، رَأِيَا مِنْهُ** dari Ummu Kurzin, dalam *Kitāb al-‘Aqiqah*, *Bāb al-‘Aqiqah*, *Muṣannaf ‘Abd al-Razzāq*<sup>454</sup> mendapati:



أسانيد	وضاع	متهم بالوضع	شديد الضعف	ضعيف	حسن	صحيح
الطراف 2	0	0	0	1	1	0
الغريج 122	0	0	9	50	23	40
الشواهد 221	0	1	41	83	47	49

Gambar 23

Sebelum meneliti secara lebih terperinci terhadap *atrāf*, *takhrij*, dan *syawāhid*, pengguna terlebih dahulu di paparkan dengan jumlah sanad berserta hukum<sup>455</sup> dalam ketiga-tiga kategori tersebut. Melalui penilaian *atrāf*, kedua-dua *turuq*

<sup>451</sup> *Ibid.*, [http://global.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=184&hid=3684&pid=439437](http://global.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=184&hid=3684&pid=439437), 18 Februari 2011.

<sup>452</sup> Untuk melihat kepelbagaiannya sanad bagi matan hadith yang dipaparkan dalam Gambar 22, klik pada matan hadith.

<sup>453</sup> *Ibid.*, [http://global.islamweb.net/hadith/hadithServices.php?type=3&cid=31&bk\\_no=184](http://global.islamweb.net/hadith/hadithServices.php?type=3&cid=31&bk_no=184), 18 Februari 2011.

<sup>454</sup> *Op.cit.*, [http://global.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=60&pid=351656](http://global.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=60&pid=351656), 22 Februari 2011.

<sup>455</sup> Berbandukan gambar di atas, terdapat beberapa hukum hadith yang diketengahkan iaitu *sahīh*, *hasan*, *da’if*, *syadid al-Da’if*, *muttaham bi al-Wad’i*, dan *mawdū’*. *Ibid.*, [http://global.islamweb.net/hadith/asaneed.php?bk\\_no=60&cid=261&sid=661](http://global.islamweb.net/hadith/asaneed.php?bk_no=60&cid=261&sid=661), 22 Februari 2011.

*sanad* di nilai sebagai *hasan* dan *da'if*. Manakala penilaian sanad dari aspek *takhrij* mendapati daripada 122 *turūq sanad*, 9 dinilai sebagai *syadiid al-Da'fi*, 50 *da'if*, 23 *hasan* dan 40 *sahīh*. Demikian juga *syawāhid* di mana dari sejumlah 221 sanad hadith, 1 *muttaham bi al-Wad'i*, 41 *syadiid al-Da'fi*, 83 *da'if*, 47 *hasan*, dan 49 *sahīh*.

a. *Aṭrāf* dalam *al-Asānid* - Mengemukakan *turūq sanad* bagi hadith yang dipilih. Perlu diingatkan kepada pengguna, *aṭrāf* dan *aṭrāf* di dalam *al-Asānid* adalah berbeza sama sekali. *Aṭrāf* dalam *al-Asānid* hanya mengemukakan kepelbagaiannya *turūq sanad* melalui perawi yang sama tanpa membawa *turūq* sanad yang diriwayatkan oleh perawi lain. Berdasarkan gambar 23, hadith ..... dalam *Muṣannaf ‘Abd al-Razzāq* di datangkan melalui 2 *turūq*.<sup>456</sup> *Turūq sanad* tersebut dapat dilihat dengan lebih terperinci seperti berikut:



Gambar 24


<sup>456</sup> *Turūq* tersebut adalah melalui jalur periwayatan Ummu Kurzin tetapi sekiranya pengkaji memerhatikan hadith ini melalui *aṭrāf*, maka pengkaji akan mendapati bahawa ia turut diriwayatkan oleh ‘Abd Allah b. ‘Amrū dan ‘A’isyah bt. ‘Abd Allah. Namun melalui *aṭrāf* dalam *al-Asānid*, *turūq sanad* melalui ‘Abd Allah b. ‘Amrū dan ‘A’isyah bt. ‘Abd Allah tidak dinyatakan. *Aṭrāf* dalam *al-Asānid* hanya mengemukakan *turūq sanad* bagi hadith ..... riwayat Ummu Kurzin sahaja.

Kefahaman yang boleh diambil berdasarkan gambar 24 ialah sanad hadith terbahagi kepada dua melalui jalan periwayatan Muḥammad b. Thābit dan Ḥabībah bt. Maysarah. Mereka berdua meriwayatkan hadith yang sama daripada Ummu Kurzin. Namun oleh kerana Ḥabībah bt. Maysarah dinilai sebagai *laysa bi al-Qawi*, maka jalur periwayatan melalui beliau adalah dihukum sebagai *da’if*.

b. *Takhrij* dalam *al-Asānid* - Mengemukakan *turūq sanad* hadith yang diriwayatkan dalam kitab lain. Masih berpandukan contoh hadith وَإِنَّ الصَّانِفَانِ أَخْبُطْ إِلَيْ مِنْ..... dari Ummu Kurzin, *takhrij* dalam *al-Asānid* akan mengemukakan *turūq sanad* hadith tersebut dalam kitab selain *Muṣannaf ‘Abd al-Razzāq*. Erti lainnya ialah melalui ruangan ini, pengguna akan melihat jalur sanad yang diriwayatkan oleh *al-Muḥaddith* yang lain (selain ‘Abd al-Razzāq dalam *Muṣannafnya*) bagi *rāwi al-A’lā* yang sama.

(1) أم كرز							
(2) سباع بن ثابت							
(3) عبيدة الله بن أبي							
(4) سعیان بن عبیة							
(5) فضیة بن سعید							
(6) احمد بن شعبان							
(7) الكتاب: سنن النسائي الصغرى [الحكم: إسناده متصل، رجاله ثقات]							
(7) الكتاب: السنن الكبرى للنسائي [الحكم: إسناده متصل، رجاله ثقات]							
(4) حماد بن ريد							
(5) مسدد بن مسرهد							
(6) سليمان بن الأشعث							
(7) الكتاب: سنن أبي داود [الحكم: إسناده متصل، رجاله ثقات]							
(5) عقاب بن مسلم							
(6) احمد بن محمد							
(7) الكتاب: مسند أحمد بن حنبل [الحكم: إسناده متصل، رجاله ثقات]							
(5) عمرو بن عون							
(6) عبد الله بن عبد							
(7) الكتاب: سنن الدارمي [الحكم: إسناده متصل، رجاله ثقات]							

Gambar 25



*Turuq Sanad berdasarkan gambar 25.*

Berpandukan kepada Ummu Kurzin selaku *rāwī al-A'lā*, hadith ini juga turut diriwayatkan dalam *Sunan al-Nasā'i* melalui Ummu Kurzin daripada Ahmād b. Syu'ayb daripada Qutaybah b. Sa'īd hingga akhir, *Sunan Abū Dāwūd* melalui Ummu Kurzin daripada Sulaimān b. al-'Asy'āb daripada Musaddad daripada Hammād b. Zayd hingga akhir, dan seterusnya.

c. *Syawāhid dalam al-Asānid* - Mengemukakan *turūq sanad* hadith berserta *turūq sanad* dari *rāwī al-'Alā* yang lain melalui *al-Muhaddith* yang berbeza. Jika berpandukan hadith ..... وَإِنَّ الضَّأْنَ sepertimana di atas, maka *syawāhid* dalam *al-Asānid* akan mengemukakan rantaian sanad bagi hadith tersebut berserta *turūq sanad* melalui perawi sahabat selain Ummu Kurzin yang juga diriwayatkan oleh *al-Muhaddith* selain 'Abd al-Razzāq dalam *Muṣannafnya*.



Gambar 26

Gambar menunjukkan beberapa keratan rantaian sanad hadith yang menyaksikan ‘Abd Rabbih, Ummu Kurzin, ‘Abd Allah b. ‘Abbas, dan ‘A’isyah bt. ‘Abd Allah sebagai *rāwī al-A‘lā*. Jika diteliti keseluruhan sanad, di dapati seramai 14 perawi sahabat atau *rāwī al-A‘lā* yang menghasilkan sebanyak 221 jalur periwayatan.

Berdasarkan perkhidmatan dan kemudahan hasil carian yang disediakan oleh *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb, kedua-duanya dapat membantu para pengkaji dalam memenuhi beberapa objektif disiplin ilmu *takhrij al-Hadith*:<sup>457</sup>


- Mengenal pasti kedudukan letaknya sesebuah hadith dalam sumber-sumber rujukan asal.
- Mengenal pasti perawi-perawi hadith dengan melihat kedudukan mereka dari sudut *al-jarh wa al-ta‘dil*.

<sup>457</sup> Faisal Ahmad Shah (2010), *Op.cit.*, h. 10.

- c. Mengumpulkan sanad bagi sesebuah hadith bagi mengetahui jenisnya dari sudut bilangan riwayatnya sama ada *mutawātir*, *masyhūr*, ‘azīz ataupun *gharīb*.
- d. Mengenal pasti darjat dan status hadith dari sudut *sahīh* atau *da’īf*, diterima atau ditolak.
- e. Mengenal pasti keadaan hadith dan jenis-jenisnya dengan melihat sifat-sifat yang terdapat pada sanad dan matan.
- f. Membezakan *al-Muḥmal* yang terdapat dalam sanad hadith
- g. Mengenal pasti perawi-perawi yang bersendirian dalam meriwayatkan hadith.


### 3.11 KAEDEH PENCARIAN SYARAH HADITH

Kemudahan pencarian hadith tidak hanya disediakan melalui halaman *Mawsū‘ah al-Hadīth* sahaja malah ia turut disediakan di dalam ruangan *Maktabah al-‘Ilmiyyah* yang menyediakan kitab-kitab dari bidang ilmu yang lain. Sebagaimana yang telah diketahui, terdapat 12 kitab syarah yang turut dimuatkan di dalam laman web ini tetapi ia tidak diletakkan di dalam *Mawsū‘ah al-Hadīth* kerana ia adalah sebahagian dari *Maktabah al-‘Ilmiyyah*. Oleh demikian, sekiranya pengkaji ingin memperoleh maklumat mengenai syarah sesuatu hadith, maka ia boleh dilakukan melalui ruangan *Maktabah al-‘Ilmiyyah* berdasarkan metode pencarian yang sama.



Gambar 27

Gambar 27 menunjukkan paparan utama ruangan pencarian hadith dalam *Maktabah al-Ilmiyyah* dengan pilihan kategori kitab *syurūh al-Hadīth*. Sekalipun ruangan ini kelihatan hampir sama dengan ruangan pencarian hadith di dalam *Mawsū'ah al-Hadīth*, namun paparan hasil carian adalah berbeza. Andaikan sekiranya penulis ingin mendapatkan syarah bagi hadith ..... أَجْوَدُ النَّاسِ ، وَكَانَ أَجْوَدُ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ حِينَ يَلْفَاهُ .....<sup>458</sup> جُنْبِيلٌ. Dengan menggunakan kata kunci *أَجْوَدُ النَّاسِ* maka hasil carian adalah seperti berikut:



Gambar 28

<sup>458</sup> Perlu diingatkan bahawa carian hadith adalah bersifat menyeluruh tanpa menghadkan carian dalam *kutub al-Syurūh* semata-mata.


Berdasarkan gambar 28, hasil carian mendapati bahawa hadith tersebut telah disyarahkan di dalam *Fath al-Bārī*, *Syarah al-Nawawi* ‘alā Muslim, *Hāsyiah al-Sundī* ‘alā Ibn Mājah dan lain-lain. Walau bagaimanapun, hasil carian melalui kaedah ini adalah sangat lemah kerana: (1) Kaedah carian berdasarkan enjin carian google ‘google search engine’. (2) Berlaku pada beberapa cubaan penulis, hasil carian hanya memaparkan kalimah hadith tanpa disertai nama kitab. (3) Nama kitab syarah tidak disertakan. Ia menuntut kepada pengetahuan pengkaji terhadap kitab syarah. Contohnya *Sahīh al-Bukhārī* adalah merujuk kepada kitab *Fath al-Bārī*, *Sahīh Muslim* merujuk kepada kitab *Syarah al-Nawawi* ‘alā Muslim, dan sebagainya. Oleh kerana itu, penulis menyarankan supaya para pengkaji menggunakan metode carian manual berdasarkan pilihan kitab dalam susunan *mu‘jam*.<sup>459</sup>



Gambar 29

Gambar 29 menunjukkan syarah hadith dalam kitab *Syarah al-Nawawi* ‘alā Muslim.

<sup>459</sup> Langkah pencarian syarah hadith secara manual: (1) Gunakan ruangan pencarian hadith *Mawsū'ah al-Hadīth* untuk mengetahui matan hadith secara lengkap dan kedudukannya di dalam *kitab al-Mutūn*. (2) Setelah mengetahui kedudukan hadith, pilih kategori sebagai *kutub al-Syurūh* dalam *Maktabah al-Ilmiyyah*. (3) Pilih kitab syarah yang diingini. Carian syarah boleh didapati berdasarkan kedudukan hadith di dalam *kutub al-Mutūn*.



Gambar 30

Carian syarah hadith secara manual boleh dilakukan dengan menggunakan kemudahan ‘*ard syajari*.

### 3.12 KESIMPULAN

*Al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb merupakan dua buah laman web yang telah menyediakan sarana capaian hadith yang pantas di internet. Ia telah menerajui salah satu kategori pemakaian hadith yang bersifat pembelajaran terhadap capaian maklumat teks hadith. Oleh demikian, Islamweb dilihat telah menjuarai isu-isu pencapaian teks hadith di internet dengan beberapa kelebihan seperti *takhrij*, *syawāhid*, *aṭrāf* dan *al-Asānid*. Walau bagaimanapun, kedua-dua laman web ini telah berjaya mengharmonikan perkembangan pemakaian teks hadith di internet dengan kelebihan dan kemudahan yang memudahkan pengaplikasian ilmu *takhrij al-Hadīth*. Usaha yang dilakukan ke atas *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb ini seharusnya menjadi titik tolak kepada usaha dan perancangan pihak berwajib dalam membangunkan sebuah laman web hadith berbahasa Melayu setanding kedua-dua laman web tersebut.

## BAB EMPAT

### ANALISIS AL-DURAR AL-SANIYYAH DAN ISLAMWEB

#### 4.0 PENDAHULUAN

Menerusi bab keempat ini, penulis akan melakukan analisis terhadap beberapa faktor yang menjadi penentu kepada keistimewaan *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb sebagai sebuah laman web hadith berautoriti. Penulis memfokuskan kajian kepada analisis peletakan kitab dan bab, ketepatan sanad, matan dan baris hadith menurut kerangka perbincangan hadith *al-Muṣahḥaf*. Analisis adalah berlandaskan kepada 200 hadith terpilih yang dijalankan secara *istiqrā'* dalam memperlihatkan keabsahannya di internet berbanding matan yang terkumpul di dalam kitab asal. Di samping itu, penulis juga turut menganalisis hukum hadith sama ada ia disandarkan kepada hukum hadith yang telah dinyatakan dalam kitab asal, *kutub al-Takhrij* atau pihak pembangun telah menetapkan suatu kaedah tertentu dalam peletakan hukum. Kajian mengenai kelebihan dan kekurangan kedua-dua laman web juga turut dijalankan sebagai panduan kepada pengkaji dan mengenal pasti setiap penambahbaikan yang dapat disarankan.

#### 4.1 ANALISIS 200 HADITH TERPILIH DI DALAM AL-DURAR AL-SANIYYAH DAN ISLAMWEB

Pada bab pertama yang lalu, penulis telah menghuraikan berkaitan *al-Muṣahḥaf* sebagai piawaian pemeliharaan penulisan hadith. Maka melalui teori ilmu tersebut, analisis hadith-hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb dilakukan sebagai suatu

jaminan terhadap pemeliharaan penulisan hadith di internet. Ia merupakan suatu penilaian terhadap keabsahan teks hadith yang berkemungkinan mengalami perubahan akibat serangan jenayah siber atau kelalaian daripada pihak pembangun ketika proses pemindahan data bertulis ke dalam bentuk digital. Antara maklumat hadith yang dianalisis ialah:

- i. *Al-Durar al-Saniyyah*: Penilaian terhadap ketepatan matan, perawi dan *al-Muhaddith*.
- ii. Islamweb: Penilaian terhadap ketepatan matan, sanad, baris, dan kedudukannya di dalam kitab dan bab.

#### 4.1.1 Kaedah Analisis

Analisis hadith dilakukan melalui empat kaedah tersebut:

- a. Analisis di dalam *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb berdasarkan kepada hadith yang sama. Hadith-hadith dipilih secara rawak melalui kitab *Sahīh al-Bukhārī*, *Sahīh Muslim*, *Sunan Abī Dāwūd* dan *Sunan al-Tirmidhī*. Kaedah ini dilakukan untuk melihat perbezaan lafaz dan hukum yang dipaparkan melalui kedua-dua laman web.
- b. Analisis hadith-hadith di dalam Islamweb. Pencarian hadith adalah secara manual dengan pemilihan kitab berdasarkan huruf *mu'jam*. Kitab dan hadith dipilih secara rawak tanpa menetapkan kriteria-kriteria tertentu.
- c. Analisis hadith-hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah*. Analisis adalah berdasarkan pemilihan kitab-kitab hadith yang dipilih secara rawak. Pencarian hadith dilakukan dengan menggunakan kemudahan enjin carian hadith yang

tersedia. Memandangkan *al-Durar al-Saniyyah* tidak memaparkan hasil carian berupa kitab dan bab, maka kemungkinan hadith yang dipilih diriwayatkan di dalam kitab dan bab yang berlainan dengan kitab rujukan tetapi mempunyai lafaz matan dan perawi yang sama.

- d. Analisis dijalankan secara *istiqra'* melalui perbandingan di antara hadith-hadith di dalam laman web dan beberapa kitab rujukan yang terpilih. Sekiranya berlaku sebarang perbezaan di antara hadith di dalam laman web dan hadith di dalam kitab rujukan, maka penulis akan melakukan penilaian ke atas kitab rujukan dengan cetakan yang berbeza. Selain itu, penulis juga akan merujuk kepada kitab-kitab hadith yang lain untuk melihat sama ada matan tersebut ada diriwayatkan atau tidak. Ia sangat penting untuk mengenal pasti sama ada matan yang berbeza itu telah berlaku *al-Muṣahḥaf* atau sekadar perbezaan nukilan hadith mengikut cetakan dan kitab.

#### 4.1.2 Analisis Hadith di Dalam *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb

Empat buah kitab utama hadith yang dijadikan rujukan penilaian keabsahan hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb ialah *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,<sup>460</sup> *Ṣaḥīḥ Muslim*,<sup>461</sup> *Sunan Abī Dāwūd*<sup>462</sup> dan *Sunan al-Tirmidhī*.<sup>463</sup>

<sup>460</sup> Abī ‘Abd Allah b. Ismā‘il b. Ibrāhīm b. al-Mughīrah b. Bardizbah al-Bukhārī (2000), selanjutnya sebagai Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* Dalam *Mawsū‘ah Kutub al-Sittah*, Riyād: Dār al-Salām li al-Nasyr wa al-Tawzī’, c. 3.

<sup>461</sup> Abī al-Ḥusayn Muslim b. al-Hajjāj b. Muslim al-Qusyayrī al-Naysābūrī (2000) selanjutnya sebagai Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim* Dalam *Mawsū‘ah Kutub al-Sittah*, Riyād: Dār al-Salām li al-Nasyr wa al-Tawzī’, c. 3.

<sup>462</sup> Abī Dāwūd Sulaymān b. al-Asy‘āb b. Ishāq al-Azdi al-Sajistānī (2000) selanjutnya sebagai Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd* Dalam *Mawsū‘ah Kutub al-Sittah*, Riyād: Dār al-Salām li al-Nasyr wa al-Tawzī’, c. 3.

<sup>463</sup> Abī ‘Isā Muhammād b. ‘Isā b. Sūrah Ibnu Mūsā al-Tirmidhī (2000) selanjutnya sebagai al-Tirmidhī, *Jāmi‘ al-Tirmidhī* Dalam *Mawsū‘ah Kutub al-Sittah*, Riyād: Dār al-Salām li al-Nasyr wa al-Tawzī’, c. 3.

**Jadual 1:** Nama Kitab Rujukan Dan Kedudukan Hadith Yang Dianalisis Dalam *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb.

AL-DURAR AL-SANIYYAH DAN ISLAMWEB		
NO	KEDUDUKAN HADITH-HADITH YANG DIANALISIS	
	Nama Kitab	Kedudukan Kitab dan Bab
1.	<i>Sahīh al-Bukhārī</i>	<p>1. <i>Kitāb al-Jihād, Bāb Ādā’ al-Khumus min al-Dīn</i>, no. 3095.</p> <p>2. <i>Kitāb al-Manāqib, Bāb ‘Alāmāt al-Nubuwah fī al-Islām</i>, no. 3572.</p> <p>3. <i>Kitāb Manāqib al-Anṣār, Bāb Manāqib Sa‘dī b. Mu‘ādh r.a.</i>, no. 3804.</p> <p>4. <i>Kitāb al-‘Ilmu, Bāb Qawl al-Muḥaddith, Ḥaddathanā wa Akhbaranā wa Anba’nā</i>, no. 61.</p> <p>5. <i>Kitāb al-Buyū’, Bāb Bay‘i al-Šilah fī al-Fitnah</i>, no. 2101.</p> <p>6. <i>Kitāb al-Hibah, Bāb al-Qalīl min al-Hibah</i>, no. 2568.</p> <p>7. <i>Kitāb al-Jihād, Bāb al-Sabq Bayn al-Khayl</i>, no. 2868.</p> <p>8. <i>Kitāb al-Jizyah, Bāb Faḍl al-Wafā’ bi al-‘Ahd</i>, no. 3174.</p> <p>9. <i>Kitāb al-Manāqib, Bāb Ṣifat al-Nabi</i>, no. 3542.</p> <p>10. <i>Kitāb al-Nikāh, Bāb Lā Ta’dhanu al-Mar’ah fī Bayt Zaujhā li Aḥad illa bi Idhniḥ</i>, no. 5195.</p>
2.	<i>Sahīh Muslim</i>	<p>1. <i>Kitāb al-Imān, Bāb Raf‘u al-Amānah wa al-Imān min Ba’d al-Qulūb</i>, no. 143.</p> <p>2. <i>Kitāb al-Ḥaid, Bāb Ṣifat Ghusl al-Janābah</i>, no. 316.</p> <p>3. <i>Kitāb al-Ṣalāh, Bāb al-Istimā’ li al-Qir’ah</i>, no. 448.</p> <p>4. <i>Kitāb Ṣalāh al-Musāfirin, Bāb Ṣalāh al-Awwābin Ḥina Tarmaḍu al-Fiṣāl</i>, no. 748.</p> <p>5. <i>Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Du‘ā’ li man Atā bi Ṣadaqah</i>, no. 1078.</p> <p>6. <i>Kitāb al-Ḥajj, Bāb Naqd al-Ka‘abah wa Banaihā</i>, no. 1333.</p> <p>7. <i>Kitāb al-Ridā, Bāb Qadr mā Tastahiqquh al-Bikr</i>, no. 1460.</p> <p>8. <i>Kitāb al-Musāqah, Bāb La ‘an Akl al-Ribā’ wa Mu’kilihi</i>, no. 1598.</p> <p>9. <i>Kitāb al-Qasāmah, Bāb Ḥukm al-Muḥāribin wa al-Murtaddīn</i>, no. 1671.</p> <p>10. <i>Kitāb al-Jihād, Bāb Izālah al-Asnām min Ḥawl al-Ka‘abah</i>, no. 1781.</p>
3.	<i>Sunan Abī Dāwūd</i>	<p>1. <i>Kitāb al-Ṣalāh, Bāb al-Rajul Ya‘qidu al-Thawb fi Qafhu Thumma Yuṣallī</i>, no. 630.</p> <p>2. <i>Kitāb Syahr al-Ramadān, Bāb Fi‘ Qiyām Syahr al-Ramadān</i>, no. 1371.</p> <p>3. <i>Kitāb al-Manāsik, Bāb Fi‘ al-Hady</i>, no. 1749.</p>

		4. <i>Kitāb al-Ṭalāk, Bāb Taghlīz fī al-Intifā'</i> , no. 2263. 5. <i>Kitāb al-Jihād, Bāb Fī al-Intiṣār bi Rudhul al-Khayl wa al-Da‘āfah</i> , no. 2594. 6. <i>Kitāb al-Janā’iz, Bāb al-Dafn ‘Inda Tulū’ al-Syams</i> , no. 3192. 7. <i>Kitāb al-Asyribah, Bāb Taḥrīm al-Khamr</i> , no. 3669. 8. <i>Kitāb al-Libās, Bāb Man Kariḥahu</i> , no. 4044. 9. <i>Kitāb al-Sunnah, Bāb Fī Dhikr al-Miṣān</i> , no. 4755. 10. <i>Kitāb al-Ādāb, Bāb Fī al-Hilm wa Akhlāk al-Nabi s.a.w</i> , no. 4773.
4.	<i>Sunan al-Tirmidhī</i>	1. <i>Kitāb al-Taḥārah, Bāb Lā Tuqbal al-Ṣalāh bi Ghayr al-Taḥūr</i> , no. 1. 2. <i>Kitāb al-Ḥudūd, Bāb Mā Jā’ā fī al-Khā’īn wa al-Muntahib</i> , no. 1448. 3. <i>Kitāb al-Jihād, Bāb Fi Ahl al-‘Udhr Fī al-Qu‘ūd</i> , no. 1670. 4. <i>Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah, Bāb Fī Ziyārah al-Ikhwān</i> , no. 2008. 5. <i>Kitāb al-Qadr, Bāb Fī Ḥath al-Nabi s.a.w. ‘alā al-Hadiyyah</i> , no. 2130. 6. <i>Kitāb Ṣifāt al-Qiyāmah, Bāb Mā Jā’ā fī al-‘Arḍ</i> , no. 2425. 7. <i>Kitāb Ṣifāt al-Jannah, Bāb Mā Jā’ā fī Ṣifāt Syajar al-Jannah</i> , no. 2523. 8. <i>Kitāb al-Imān, Bāb Mā Jā’ā Umirtu an Uqātil al-Nās Ḥattā Yaqūl Lā Ilāha Illa Allah</i> , no. 2606. 9. <i>Kitāb al-Isti’dhān, Bāb Mā Jā’ā Fī al-Taslīm ‘Inda al-Qiyām wa ‘Inda al-Qu‘ūd</i> , no. 2706. 10. <i>Kitāb al-Ādāb, Bāb Mā Jā’ā Fī Ta‘jīl Ism al-Mawluḍ</i> , no. 2832.
<b>JUMLAH HADITH</b>		40 Hadis

Penulis telah mengambil 40 hadith dengan pemilihan 10 hadith bagi setiap kitab. Hadith tersebut akan dianalisis melalui perbandingan lafaz di dalam *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb. Hasil analisis akan menjelaskan laman web yang mengandungi hadith yang lebih tepat berdasarkan kitab rujukan.

#### 4.1.2.1 Perubahan Yang Berlaku Pada Matan

Penulis telah menemukan sebanyak 5 buah hadith yang tidak bertepatan dengan kitab rujukan:

1. *Šahīh al-Bukhārī*, *Kitāb Manāqib al-Anṣār*, *Bāb Manāqib Sa‘dī b. Mu‘ādh r.a.*, no. 3804, h. 309.

Matan hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah*:

أَنَّ أَنَاسًا نَزَلُوا عَلَى حَكْمِ سَعْدِ بْنِ مَعَاذٍ، فَأَرْسَلَ إِلَيْهِ فَجَاءَ عَلَى حِمَارٍ فَلَمَّا بَلَغَ قَرِيبًا مِنَ الْمَسْجِدِ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (قَوْمًا إِلَى خَيْرِكُمْ، أَوْ سَيِّدِكُمْ). فَقَالَ: (يَا سَعْدُ إِنَّ هَؤُلَاءِ نَزَلُوا عَلَى حَكْمِكَ). (قَالَ: إِنَّ حَكْمَتَ بِحَكْمِ اللَّهِ، أَوْ بِحَكْمِ الْمَلِكِ) أَحْكَمَ فِيهِمْ أَنْ تَقَاتِلَ مُقَاتِلَتَهُمْ وَتُسْبِّي ذَرَارِيَّهُمْ

Matan hadith di dalam Islamweb:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَرْعَةَ، حَدَّثَنَا شُعْبَةُ، عَنْ سَعْدِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ، عَنْ أَبِي أُمَّامَةَ بْنِ سَهْلٍ بْنِ حُنَيْفٍ، عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ أَنَاسًا نَزَلُوا عَلَى حُكْمِ سَعْدٍ بْنِ مَعَاذٍ فَأَرْسَلَ إِلَيْهِ، فَجَاءَ عَلَى حِمَارٍ فَلَمَّا بَلَغَ قَرِيبًا مِنَ الْمَسْجِدِ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "قَوْمًا إِلَى خَيْرِكُمْ أَوْ سَيِّدِكُمْ، فَقَالَ: "يَا سَعْدُ إِنَّ هَؤُلَاءِ نَزَلُوا عَلَى حَكْمِكَ"، قَالَ: فَإِنِّي أَحْكُمُ فِيهِمْ أَنْ تُقْتَلَ مُقَاتِلَتَهُمْ وَتُسْبِّي ذَرَارِيَّهُمْ، قَالَ: "حَكْمَتَ بِحَكْمِ اللَّهِ أَوْ بِحَكْمِ الْمَلِكِ"

#### Analisis:

- (1) Perbezaan matan adalah terletak pada kalimah ان تقاتل dan ان تقاتل. Matan hadith di dalam Islamweb menepati matan hadith di dalam kitab rujukan.<sup>464</sup>
- (2) Analisis mendapati bahawa kedua-dua kalimah digunakan dalam *Šahīh al-Bukhārī* mengikut cetakan penerbitan yang berlainan. Matan hadith dengan kalimah ان تقاتل diriwayatkan dalam *Šahīh al-Bukhārī*, *Kitāb Faḍā’il al-Šahābah*,

<sup>464</sup> *Šahīh al-Bukhārī* di dalam *al-Durar al-Saniyyah* merujuk kepada cetakan *Dār al-Iḥyā’ al-Turāth*, Beirut. Manakala Islamweb merujuk kepada cetakan *Dār Ibn Kathīr* pada tahun 1993. Lihat *al-Durar al-Saniyyah*, [http://www.dorar.net/lib?form\\_id=lib\\_index\\_search\\_form&options=&keys,](http://www.dorar.net/lib?form_id=lib_index_search_form&options=&keys=) dan Islamweb, [http://www.islamweb.net/newlibrary/display\\_book.php?ID=1&idfrom=1&idto=7236&bk\\_no=0](http://www.islamweb.net/newlibrary/display_book.php?ID=1&idfrom=1&idto=7236&bk_no=0), 3 Mac 2012.

*tahqīq* oleh Muṣṭafā Dayb al-Bughā, melalui penerbitan Dār Ibn Kathīr, Beirut.<sup>465</sup> Namun berdasarkan penelitian penulis, matan hadith dengan kalimah ان تقتل hanya dinukilkan dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang ditahqīq oleh Muṣṭafā Dayb al-Bughā sahaja. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dengan cetakan yang terbaik<sup>466</sup> juga menukilkan hadith ini dengan kalimah ان تقتل<sup>467</sup>. Penggunaan kalimah ini banyak dinukilkan dalam kitab-kitab hadith yang lain seperti *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān*,<sup>468</sup> *Musnad Aḥmad*,<sup>469</sup> *Muṣannaf b. Abī Syaybah*,<sup>470</sup> *Majmā‘ al-Zawā’id*<sup>471</sup> dan sebagainya.

(3) Penulis menyimpulkan bahawa tidak berlaku *al-Muṣahħaf* melalui matan hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah* tetapi sekadar perbezaan lafaz mengikut kitab dan cetakan. Walau bagaimanapun, matan hadith melalui *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb Manāqib al-Anṣār*, *Bāb Manāqib Sa‘dī b. Mu‘ādh r.a.* di dalam Islamweb adalah lebih tepat.

2. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb al-Ilm*, *Bāb Qawl al-Muhaddith: Ḥaddathanā wa Akhbaranā wa Anba’nā*, no. 61, h. 7.

Matan hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah*:

إِنْ مِنَ الشَّجَرَ شَجَرَةً لَا يَسْقُطُ وَرْقَهَا، وَإِنَّهَا مُثْلِّ الْمُسْلِمِ، فَحَدَّثَنِي مَا هِيَ فَوْقُ النَّاسِ فِي شَجَرِ الْبَوَادِي،  
قَالَ عَبْدُ اللَّهِ: وَوَقَعَ فِي نَفْسِي أَنَّهَا النَّخْلَةُ، فَاسْتَحْيَتْ، ثُمَّ قَالُوا: حَدَّثَنَا مَا هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: هِيَ  
النَّخْلَةُ

<sup>465</sup> Imām al-Bukhārī (1987), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb Faḍā’il al-Ṣahābah, Bāb Sa‘ad b. Mu‘ādh r.a., Beirut: Dār Ibn Kathīr, no. 3593, j. 3, h. 1384.

<sup>466</sup> Al-Alūkah al-Majlis al-‘Ilmi, <http://majles.alukah.net/showthread.php?>, 3 Mac 2012.

<sup>467</sup> Imām al-Bukhārī (1422H), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* taḥqīq Muḥammad Zuhayr b. Nāṣir, *Kitāb Manāqib al-Anṣār*, *Bāb Manāqib Sa‘dī b. Mu‘ādh r.a.*, Dār Tawq al-Najāh, c. 1, no. 3804, j. 5, h. 35.

<sup>468</sup> Al-Amīr ‘Ilā’ al-Dīn ‘Alī b. Balbān al-Fārisī (1993), *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tarīb Ibn Balbān* taḥqīq Syu‘ayb al-Arnauṭ, Kitāb Ikhbārihi s.a.w. ‘an Manāqib al-Ṣahābah, Bāb Dhikr Sa‘ad b. Mu‘ādh al-Anṣārī r.a., Beirut: Muassasah al-Risālah, c. 2, no. 7028, j. 15, h. 498.

<sup>469</sup> Abū ‘Abd Allah Aḥmad b. Muḥammad b. Ḥanbal b. Hilāl Āṣad al-Syaybānī (1999), *Musnad Imām Aḥmad*, Kitāb Musnad al-Anṣār, Bāb Ḥadīth Sayyidah ‘A’isyah r.a., t.t.p.: Muassasah al-Risālah, c. 2, no. 23945, j. 51, h. 102.

<sup>470</sup> Abū Bakar ‘Abd Allah b. Muḥammad b. Abī Syaybah al-‘Abāsī al-Kūfī (t.t.) *Muṣannaf Abī Syaybah*, Kitāb al-Maghāzī, Bāb Ghazwah al-Khandāk, Jeddah: Dār al-Qiblah li al-Thaqāfah al-Islāmiyyah, no. 37951, j. 14, h. 410.

<sup>471</sup> Nūr al-Dīn ‘Alī b. Abī Bakar al-Haithamī (1991), *Majma‘ al-Zawā’id wa Manba‘ al-Fawā’id*, Kitāb al-Maghāzī wa al-Siyar, Bāb Ghazwah al-Khandāk wa Quraizah, Beirut Dār al-Fikr, no. 10155, j. 6, h. 198.

Matan hadith di dalam Islamweb:

حَدَّثَنَا فُتُّيْبَةُ، حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ جَعْفَرٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ دِينَارٍ، عَنْ أَبْنِ عُمَرَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ مِنَ الشَّجَرِ شَجَرَةً لَا يَسْقُطُ وَرْقُهَا وَإِنَّهَا مَثَلُ الْمُسْلِمِ، فَحَدَّثُونِي مَا هِيَ؟ فَوَقَعَ النَّاسُ فِي شَجَرِ الْبَوَادِي، قَالَ عَبْدُ اللَّهِ: وَقَعَ فِي نَفْسِي أَنَّهَا التَّخْلَةُ، ثُمَّ قَالُوا: حَدَّثْنَا مَا هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: هِيَ التَّخْلَةُ

### Analisis:

- (1) Perbezaan matan adalah terletak pada kalimah **فاستحببت** di mana matan hadith di dalam Islamweb tidak mengandungi kalimah tersebut. Ketiadaan sesuatu kalimah di dalam matan tidak termasuk di bawah perbincangan *al-Muṣahḥaf*. Namun analisis perlu dijalankan untuk melihat keabsahan matan hadith yang dinukilkan melalui kitab asal. Oleh demikian, matan hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah* adalah menepati kitab rujukan.
- (2) Analisis menunjukkan bahawa hadith ini telah dinukilkan menurut cetakan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang pelbagai dengan penggunaan kalimah sebagaimana yang terdapat di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* cetakan *Dār Ibn Kathīr*, Beirut,<sup>472</sup> *taḥqīq Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* oleh Muṣṭafā Dayb al-Bughā,<sup>473</sup> dan *Kutub Jam‘iyyah Miknāz al-Islāmī*, Mesir. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dengan cetakan terbaik juga menukilkan hadith ini dengan kalimah **فاستحببت**.<sup>474</sup>
- (3) Walau bagaimana pun matan hadith tanpa kalimah turut diriwayatkan di dalam kitab hadith yang lain seperti *Musnad Ahmad*,<sup>475</sup> *Tafsīr al-Šam‘ānī*,<sup>476</sup> dan *al-Madkhal ilā al-Sunan al-Kubrā li al-Bayhaqī*.<sup>477</sup> Justeru, ketiadaan kalimah

<sup>472</sup> Imām al-Bukhārī (1987), *Op.cit.*, Kitāb al-‘Ilm, Bāb Qawl al-Muḥaddith: Ḥaddathanā wa Akhbaranā wa Anba’nā, no. 59, j. 1, h. 107.

<sup>473</sup> Imām al-Bukhārī (1987), *Op.cit.*, taḥqīq Muṣṭafā Dayb al-Bughā, Kitāb al-‘Ilm, Bāb Qawl al-Muḥaddith: Ḥaddathanā wa Akhbaranā wa Anba’nā, no. 61, j. 1, h. 34.

<sup>474</sup> Imām al-Bukhārī (1422H), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* taḥqīq Muḥammad Zuhayr b. Nāṣir, *Kitāb al-‘Ilm, Bāb Qawl al-Muḥaddith: Ḥaddathanā wa Akhbaranā wa Anba’nā*, *Op.cit.*, no. 61, j. 1, h. 22.

<sup>475</sup> Imām Ahmād b. Ḥanbal (1999), *Op.cit.*, Kitāb Musnad al-Mukthirin min al-Šāhābah, Bāb Musnad ‘Abd Allah b. ‘Umar b. al-Khattāb, no. 5023, j. 11, h. 59.

<sup>476</sup> Abū al-Muẓaffar Maṇṣūr b. Muḥammad b. ‘Abd al-Jabbār al-Šam‘ānī (1997), *Op.cit.*, Bāb Sūrah Ibrāhīm: Alam Tara Kayfa..., j. 3, h. 113.

<sup>477</sup> Ahmād b. al-Ḥusayn b. ‘Alī b. Mūsā al-Khusrawjirdī al-Khurasānī Abū Bakar al-Bayhaqī (2010), *Op.cit.*, Bāb Faḍl al-‘Ilm, no. 274, h. 276.

فاستحبیت *Sahīh al-Bukhārī* di dalam Islamweb bukan suatu kesalahan di dalam matan tetapi sekadar nukilan yang tidak tepat berdasarkan kedudukannya di dalam *Sahīh al-Bukhārī*.

- (4) Penulis menyimpulkan bahawa matan hadith tanpa kalimah **فاستحبیت** merupakan kecuaian pihak pembangun Islamweb dalam penyalinan hadith di internet. Namun matan hadith dengan kalimah **فاستحبیت** adalah lebih tepat berdasarkan kitab rujukan dan lebih banyak diriwayatkan dalam kitab hadith yang lain.

3. *Šahīḥ Muslim*, *Kitāb al-Imān*, *Bab Raf‘u al-Amānah wa al-Imān min Ba’d al-Qulūb*, *wa ‘Arad al-Fitan ‘Alā al-Qulūb*, no. 143, h. 702.

Matan hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah*:

أن الأمانة نزلت في جذر قلوب الرجال. ثم نزل القرآن. فعلموا من القرآن وعلموا من السنة. ثم حدثنا عن رفع الأمانة قال: ينام الرجل النومة فتقبض الأمانة من قلبه . فيظل أثراها مثل الوكت. ثم ينام النومة فتقبض الأمانة من قلبه. فيظل أثراها مثل المحل كجمير دحرجته على رجلك. فنفط فسراه منتبرا وليس فيه شيء ثم أخذ حصى فدحرجه على رجله فيصبح الناس يتبايعون. لا يكاد أحد يؤدي الأمانة حتى يقال : إن فيبني فلان رجلاً أميناً. حتى يقال للرجل: ما أجلده ! ما أظرفه ! ما أعقله ! وما في قلبه مثقال حبة من خردل من إيمان . ولقد أتى علي زمان وما أبالي أيكم بايعدت . لئن كان مسلماً ليزدنه علي دينه . ولئن كان نصريانياً أو يهودياً ليزدنه علي ساعيه . وأما اليوم فما كنت لأُباعي منكم إلا فلاناً وفلاناً

## Matan hadith di dalam Islamweb:

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرٍ بْنُ أَبِي شَيْعَةَ، حَدَّثَنَا أَبُو كُرَيْبٍ، حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ، عَنِ الْأَعْمَشِ، عَنْ زَيْدِ بْنِ وَهْبٍ، عَنْ حُذَيْفَةَ، قَالَ: حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَدِيشِينَ، قَدْ رَأَيْتُ أَحَدَهُمَا وَأَنَا أَنْتَظِرُ الْآخَرَ، حَدَّثَنَا أَنَّ الْأَمَانَةَ نَزَلتْ فِي جَذْرِ قُلُوبِ الرِّجَالِ، ثُمَّ نَزَلَ الْقُرْآنُ فَعَلِمُوا مِنْ الْقُرْآنِ وَعَلِمُوا مِنَ السُّنْنَةِ، ثُمَّ حَدَّثَنَا عَنْ رَفِيعِ الْأَمَانَةِ، قَالَ: "يَنَامُ الرَّجُلُ النَّوْمَةَ، فَتُقْبَضُ الْأَمَانَةُ مِنْ قَلْبِهِ، فَيَظْلِمُ أَثْرُهَا مِثْلَ الْمَجْلِ كَجَمْرٍ دَحْرَجَتْهُ عَلَى رِجْلِكَ، فَنَفِطَ، فَشَرَاهُ مُنْتَبِرًا وَلَيْسَ فِيهِ شَيْءٌ، ثُمَّ أَخْدَ حَصَّيْ فَدَحْرَجَهُ عَلَى رِجْلِهِ، فَيُصْبِحُ النَّاسُ يَتَبَاعِيُونَ لَا، يَكَادُ أَحَدٌ يُؤْدِي الْأَمَانَةَ، حَتَّى يُقَالَ: إِنَّ فِي بَنِي فَلَانٍ رَجُلًا أَمِينًا، حَتَّى يُقَالَ لِلرَّجُلِ: مَا أَجْلَدَهُ، مَا أَظْرَفَهُ، مَا أَعْقَلَهُ، وَمَا فِي قَلْبِهِ مِنْ قَالَ حَبَّةً مِنْ خَرْدَلٍ مِنْ إِيمَانٍ، وَلَقَدْ أَتَى عَلَيَّ زَمَانٌ، وَمَا أَبَالِي أَيْكُمْ بَايَعْتُ، لَئِنْ كَانَ مُسْلِمًا لَيُرِدَنَّهُ عَلَيَّ دِينُهُ، وَلَئِنْ كَانَ نَصْرَانِيًّا أَوْ يَهُودِيًّا لَيُرِدَنَّهُ عَلَيَّ سَاعِيَهُ، وَأَمَا الْيَوْمَ فَمَا كُنْتُ لِأَبَايِعَ مِنْكُمْ إِلَّا فَلَانًا وَفَلَانًا

## Analisis:

- (1) Perbezaan matan adalah merujuk kepada huruf ح dan ج pada kalimah المُحَجَّلٌ. Matan hadith di dalam Islamweb bertepatan dengan matan di dalam kitab rujukan.
- (2) *Sahīh Muslim* yang digunakan oleh *al-Durar al-Saniyyah* adalah merujuk kepada cetakan terbaik bagi kitab ini iaitu *Sahīh Muslim* taḥqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī.<sup>478</sup> Walau bagaimanapun, semakan penulis terhadap cetakan tersebut melalui kitab bercetak telah menemukan hadith ini dengan kalimah المُحَجَّلٌ bukannya المُحَلٌ.
- (3) Analisis juga telah menemukan matan hadith dengan lafaz فيظَلُّ أَثْرُهَا مِثْلُ الْمَحْجُولِ di dalam kebanyakan kitab hadith seperti *al-Aḥkām al-Syar‘iyah al-Kubrā*,<sup>479</sup> *Kanz al-‘Ummāl*,<sup>480</sup> *Sunan āl-Tirmidhī*<sup>481</sup> dan lain-lain. Malah perbezaan cetakan *Sahīh Muslim* menurut terbitan *Dār al-Ihyā’ al-Turāth*, Beirut,<sup>482</sup> *Dār al-Jayl*, Beirut<sup>483</sup> dan *Kutub Jam‘iyah Miknāz al-Islāmī*, Mesir<sup>484</sup> juga meriwayatkan hadith dengan kalimah المُحَجَّلٌ. Di samping itu penulis tidak menjumpai sebarang hadith dengan kalimah المُحَلٌ di dalam kitab-kitab hadith yang lain.
- (4) Penulis menyimpulkan bahawa *al-Durar al-Saniyyah* telah melakukan *al-Muṣahħaf* pada huruf ج dengan mentaḥrīfkan kepada huruf ح di dalam kalimah

<sup>478</sup> *Al-Durar al-Saniyyah*, [http://www.dorar.net/lib?form\\_id=lib\\_index\\_search\\_form&options=&keys=%D8%AD%D9%85%D9%8A%D9%87+%D8%A5%D9%86%D9%85%D9%84%D9%8A%D9%87&publisher=&author=&search\\_method=p&pub\\_year=&cat=0&subcat=0&op=%B3%85](http://www.dorar.net/lib?form_id=lib_index_search_form&options=&keys=%D8%AD%D9%85%D9%8A%D9%87+%D8%A5%D9%86%D9%85%D9%84%D9%8A%D9%87&publisher=&author=&search_method=p&pub_year=&cat=0&subcat=0&op=%B3%85), بحث, 3 Mac 2012. Lihat juga Sayd al-Fawa’id, <http://www.saaid.net/mktarat/alalm/63.htm>, 3 Mac 2012.

<sup>479</sup> Abū Muḥammad ‘Abd al-Ḥaq al-Isybaylī (2011), *al-Aḥkām al-Syar‘iyah al-Kubrā*, Bāb Yudhkar al-Fitan fa Qāla al-Qawm Nahnu Samī’nāhu, Riyāḍ: Maktabah al-Rusyd, j. 4, h. 497.

<sup>480</sup> ‘Ilā’ al-Dīn ‘Alī b. Ḥisām al-Dīn al-Mutāqī al-Hindī al-Burhān Fūrī (1981), *Kanz al-‘Ummāl fī Sunan al-Aqwāl wa al-Afāl* taḥqīq Bukrā Hayani, Kitāb fī al-Akhlāk, Bāb fī Taḥdīd al-Akhlāk al-Maḥmūdah, Madinah: Muassasah al-Risālah, c. 5, no. 5490, j. 3, h. 60.

<sup>481</sup> Muḥammad b. ‘Īsā b. al-Thawrah b. Mūsā b. al-Ḍaḥḥāk al-Tirmidhī (t.t.) selanjutnya sebagai Imām al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Fitan, Bāb Mā Ja’ā fī Raf’ al-Amānah, t.pt: t.pt., no. 2334, j. 8, h. 354.

<sup>482</sup> Imām Muslim (t.t.), *Sahīh Muslim*, Kitāb al-Imān, Bāb Raf’u al-Amānah wa al-Imān min Ba’d al-Qulūb, wa ‘Araḍ al-Fitan ‘Alā al-Qulūb, Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi, j. 1, h. 347.

<sup>483</sup> Imām Muslim (t.t.), *Sahīh Muslim*, Kitāb al-Imān, Bāb Raf’u al-Amānah wa al-Imān min Ba’d al-Qulūb, wa ‘Araḍ al-Fitan ‘Alā al-Qulūb, Beirut: Dār al-Jayl dan Dār al-Āfāq al-Jadīdah, no. 384, j. 1, h. 88.

<sup>484</sup> Imām Muslim (t.t.), *Sahīh Muslim*, Kitāb al-Imān, Bāb Raf’u al-Amānah wa al-Imān min Ba’d al-Qulūb, wa ‘Araḍhu al-Fitan ‘Alā al-Qulūb, Mesir: Kutub Jam‘iyah Miknāz al-Islāmī, no. 384, j. 1, h. 461.

<sup>485</sup> المَجْلِ Ibnu Manzūr ketika mengulas pengertian مجل telah memetik hadith di atas yang bermaksud melecet, meleluh, atau membengkak.<sup>486</sup> Manakala kalimah محل sangat berbeza dengan pengertian tersebut kerana ia bermaksud tanah yang tandus, bumi yang ditimpas kemarau, tidak turun hujan, mengatakan sesuatu untuk menasihati atau tidak, hujung sesuatu (untuk menunjukkan panjang), dan sebagainya.<sup>487</sup>

4. *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Kitāb al-Musāqah*, *Bāb La'an Akl al-Ribā' wa Mu'kilihi*, perawi Jābir, no. 1598, h. 955.

Matan hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah*:

لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْلُ الرِّبَا ، وَمَوْكِلُهُ ، وَكَاتِبُهُ ، وَشَاهِدِيهِ ، وَقَالَ : هُمْ سَوَاءٌ

Matan hadith di dalam Islamweb:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الصَّبَّاحِ، وَهُبَيْرُ بْنُ حَرْبٍ، وَعُثْمَانُ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ، قَالُوا: حَدَّثَنَا هُشَيْمٌ، أَخْبَرَنَا أَبُو الْرُّبِّيرِ، عَنْ جَابِرٍ، قَالَ: "لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْلُ الرِّبَا وَمَوْكِلُهُ وَكَاتِبُهُ وَشَاهِدِيهِ" وَقَالَ: هُمْ سَوَاءٌ

### Analisis:

- (1) Perbezaan di antara matan hadith berlaku kerana penambahan huruf ء pada kalimah وَمَوْكِلُهُ dan وَمَوْكِلُهُ. Matan hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah* menepati matan di dalam kitab rujukan.
- (2) Analisis mendapati bahawa perbezaan kalimah adalah merujuk kepada perbezaan kitab mengikut cetakan. Ia dapat dilihat melalui perbandingan kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* cetakan *Dār al-Jayl*,<sup>488</sup> Beirut dan *Kutub Jam'iyyah Miknāz al-*

<sup>485</sup> *Al-Muṣahḥaf* jenis ini adalah seperti mana yang dinyatakan oleh Ibnu Ḥajar iaitu suatu perkataan yang bertukar titiknya tetapi kekal tulisannya seperti (ب) atau (ج) atau (د) atau (ن) dan yang seumpamanya Lihat Asṭirī Jamāl (1997), *Op.cit.*, h. 24.

<sup>486</sup> Ibnu Manzūr (1119), *Lisān al-'Arab*, Kaherah: Dār al-Ma'ārif, c. 1, h. 2967. Lihat juga Muḥammad Idrīs 'Abd al-Ra'ūf al-Marbawī (1935) *Qāmūs al-Marbawī*, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, c. 4, j. 6, h. 4141.

<sup>487</sup> Ibnu Manzūr (1119), *ibid.*, h. 4147-4148.

<sup>488</sup> Imām Muslim (t.t.), *Op.cit.*, Kitāb al-Musāqah, Bāb La'an Akl al-Ribā wa Mu'kilihi, wa 'Araḍ al-Fitan 'Alā al-Qulūb, no. 4176, j. 5, h. 50.

*Islāmī*, Mesir.<sup>489</sup> *Sahīh Muslim* terbitan *Dār al-Jayl* menukikan hadith dengan kalimah وَمُؤْكِلَه manakala *Sahīh Muslim* terbitan *Kutub Jam‘iyah Miknāz al-Islāmī* mengemukakan hadith dengan kalimah وَموَكَلَه. Selain itu, perbezaan kalimah berlaku adalah berdasarkan kepada rantaian sanad. Hadith yang diriwayatkan daripada ‘Uthmān b. Abi Syaybah, daripada Ishaq b. Ibrāhīm, daripada ‘Uthmān, daripada Jābir, meriwayatkan dengan kalimah وَمُؤْكِلَه.<sup>490</sup> Manakala riwayat daripada Abū al-Zubayr, daripada Muḥammad b. Ḥarb daripada Zuhayr b. Ḥarb, daripada ‘Uthmān b. Abī Syaybah, daripada Husyaym, daripada Jābir menggunakan kalimah وَموَكَلَه.<sup>491</sup> Penelitian penulis di dalam kitab-hadith yang lain juga mendapati bahawa kedua-dua kalimah turut digunakan.

- (3) Penulis menyimpulkan bahawa perbezaan kalimah adalah berdasarkan kepada perbezaan cetakan dan bukan suatu bentuk *al-Muṣahḥaf* kerana kedua-dua kalimah turut diriwayatkan di dalam kitab-kitab hadith yang lain

5. *Jāmi‘ al-Tirmidhī*, *Kitāb al-Imān*, *Bāb Mā Jā‘a Umirtu an Uqātil al-Nās Hattā Yaqūl Lā Ilāha Illa Allah*, perawi Abū Hurayrah, no. 2606, h. 1914.

Matan hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah*:

أُمِرْتُ أَنْ أَقْاتِلَ النَّاسَ حَتَّىٰ يَقُولُوا : لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، فَإِذَا قَالُوهَا عَصَمُوا مِنِي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّهَا وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ

Matan hadith di dalam Islamweb:

حَدَّثَنَا هَنَّادٌ ، حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ ، عَنِ الْأَعْمَشِ ، عَنْ أَبِي صَالِحٍ ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " أُمِرْتُ أَنْ أَقْاتِلَ النَّاسَ حَتَّىٰ يَقُولُوا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، فَإِذَا قَالُوهَا مَعَوْنَى مِنِي دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّهَا وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ

<sup>489</sup> Imam Muslim (t.t.), *Op.cit.*, Kitāb al-Musāqah, Bab La‘an Akl al-Ribā wa Mu’kilihi, wa ‘Araḍ al-Fitan ‘Alā al-Qulūb, no. 4177, j. 10, h. 407.

<sup>490</sup> Imām Muslim (t.t.), *Op.cit.*, no. 4177, j. 5, h. 50

<sup>491</sup> *Ibid.*, no. 4176, j. 5, h. 50.

### **Analisis:**

- (1) Perbezaan di antara matan hadith terletak pada kalimah مَنْعُوا عَصَمُوا dan عَصَمُوا. Matan hadith di dalam Islamweb adalah menepati matan di dalam kitab rujukan.
- (2) Analisis melalui perbandingan matan hadith melalui kitab cetakan yang berbeza mendapati bahawa kedua-dua kalimah diriwayatkan melalui jalur sanad yang berlainan.<sup>492</sup> Matan hadith dengan penggunaan kalimah عَصَمُوا telah diriwayatkan oleh Jabir r.a. di dalam *Kitāb al-Tafāsīr*, *Bāb Sūrah al-Ghāsyiah*.<sup>493</sup>
- (3) Penulis menyimpulkan bahawa perbezaan hadith merupakan perbezaan lafaz yang diriwayatkan mengikut perawi. Penggunaan kalimah عَصَمُوا dan مَنْعُوا sama sekali tidak bercanggah kerana kedua-dua kalimah tersebut mempunyai pengertian yang serupa iaitu menegah.<sup>494</sup>

Analisis terhadap 4 buah kitab dengan pemilihan sebanyak 40 hadith mendapati bahawa terdapat 5 hadith yang tidak bertepatan dengan kitab rujukan. Melalui 5 buah hadith tersebut, 4 hadith dinyatakan tidak tepat kerana perubahan kalimah yang berlaku berdasarkan kepada perbezaan cetakan. Sebuah hadith lagi telah mengalami perubahan yang tidak diriwayatkan di dalam kitab hadith yang lain. Justeru, ia telah dipaparkan dengan kalimah yang salah dan dikira sebagai *hadith al-Muṣahḥaf* menurut disiplin ilmu hadith. Maka melalui analisis terhadap 40 sampel hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb mendapati sebuah hadith telah mengalami *al-Muṣahḥaf*.

<sup>492</sup> Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, kemungkinan pemilihan hadith adalah tidak bertepatan dengan kedudukan kitab dan bab dalam kitab rujukan kerana *al-Durar al-Saniyyah* tidak memaparkan hasil carian berupa kedudukan kitab dan bab. Pemilihan hadith hanyalah berdasarkan kepada matan dan perawi yang sama, bukannya berdasarkan kepada kedudukan kitab dan bab yang sama.

<sup>493</sup> Lihat Imām al-Tirmidhī (t.t.), *Sunan al-Tirmidhī* taḥqīq Aḥmad Syākir, Kitāb al-Tafāsīr, Bāb Sūrah al-Ghāsyiah, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth, no. 3341, j. 5, h. 439.

<sup>494</sup> Lihat Ibn Manzūr (1119) *Op.cit.*, , j. 2, h. 26.

#### 4.1.3 Analisis Hadith di Dalam Islamweb

Di antara kitab-kitab yang dijadikan rujukan untuk penilaian ketepatan hadith di dalam Islamweb ialah *Sunan Ibn Mājah*,<sup>495</sup> *Sunan al-Nasā’i*,<sup>496</sup> *Musnad Imām Ahmad*,<sup>497</sup> *Sahīh Ibn Hibbān*,<sup>498</sup> *Sunan al-Dārimī*,<sup>499</sup> *Muṣannaf ‘Abd al-Razzāq*,<sup>500</sup> ‘Amal al-Yawm wa Laylah,<sup>501</sup> *Dalā’il Nubuwah*,<sup>502</sup> *Sifah al-Jannah*,<sup>503</sup> *Tarḥ al-Tathrīb fī Syarḥ al-Taqrīb*,<sup>504</sup> *Sahīh Ibn Khuzaymah*.<sup>505</sup>

**Jadual 2:** Nama Kitab Rujukan Dan Kedudukan Hadith Yang Dianalisis Dalam Islamweb.

ISLAMWEB		
NO	KEDUDUKAN HADITH-HADITH YANG DIANALISIS	
	Nama Kitab	Kedudukan Kitab dan Bab
1.	<i>Sunan Ibn Mājah</i>	1. <i>Kitāb al-Tahārah, Bāb Mā Jā’a fī al-Nadj Ba’ d al-Wudū’</i> , no. 461. 2. <i>Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Mā Jā’a fī Man Nāma ‘an Ḥuzbihi</i> , no. 1343. 3. <i>Kitāb al-Janā’iz, Bāb Mā Jā’a fī Ḥafr al-Qubr</i> , no. 1559. 4. <i>Kitāb al-Ṣiyām, Bāb Ṣiyām al-‘Asyr</i> , no. 1727. 5. <i>Kitāb al-Ṭalaq, Bāb al-Mukhtali ‘ah Ya’khudh mā A’tāhā</i> , no. 2056. 6. <i>Kitāb al-Ṣadaqah, Bāb Husni al-Qadā’</i> , no. 2424. 7. <i>Kitāb al-Diyāt, Bāb Diyāt al-Janīn</i> , no. 2639.

<sup>495</sup> Al-Ḥāfiẓ Abī ‘Abd Allah Muḥammad b. Yazīd al-Rabī’ī Ibn Mājah al-Qazawaynī (2000), selanjutnya sebagai Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah* Dalam *Mawsū’ah Kutub al-Sittah*, Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nasyr wa al-Tawzī’, c. 3.

<sup>496</sup> Al-Ḥāfiẓ Abī ‘Abd Allah al-Raḥman Aḥmad b. Syu’ayb b. ‘Alī Ibn Sinān al-Nasā’ī (2000), selanjutnya sebagai Imām al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’i* Dalam *Mawsū’ah Kutub al-Sittah*, Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nasyr wa al-Tawzī’, c. 3.

<sup>497</sup> Aḥmad b. Muḥammad b. Ḥanbal (1995), *al-Musnad li al-Imām Aḥmad b. Ḥanbal* taḥqīq Aḥmad Muḥammad Syākir, Kaherah: Dār al-Ḥadīth, c. 1.

<sup>498</sup> Al-Amīr ‘Ilā’ al-Dīn ‘Alī b. Balbān al-Farīsī (1993), *Sahīh Ibn Hibbān bi Tartīb Ibn Balbān* taḥqīq Syu’ayb al-Arnaut, Beirut: Muassasah al-Risālah, c. 2.

<sup>499</sup> Abū Muḥammad ‘Abd Allah b. ‘Abd al-Raḥman b. al-Faḍl b. Bahram al-Dārimī (2000), *Sunan al-Dārimī* taḥqīq Husayn Sālim Āṣād al-Darānī, Riyāḍ: Dār al-Mughnī li al-Nasyr wa al-Tawzī’, c. 1.

<sup>500</sup> Abī Bakar ‘Abd al-Razzāq b. Hammām al-Ṣan’ānī (1983), *Muṣannaf ‘Abd al-Razzāq* taḥqīq Muḥammad Muṣṭafā ‘Azamī, Beirut: Maktab al-Islāmī, c.2.

<sup>501</sup> Abū Bakar Ibn Sunnī (1984), *Muhadhdhab ‘Amal Yawm wa al-Laylah*, Jordan: al-Maktabah al-Islamiyyah, c. 1.

<sup>502</sup> Abū Bakar Aḥmad b. Husayn al-Bayhaqī (1988), *Dalā’il al-Nubuwah wa Ma’rifah ‘Ahwāl Ṣāḥib al-Syārī’ah*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah.

<sup>503</sup> Abū Nu’aym al-Āshbahānī (1995), *Sifah al-Jannah* taḥqīq ‘Alī Ridā b. ‘Abd Allah b. ‘Alī Ridā, Damsyiq: Dār al-Ma’mūn li al-Tūrāth, c. 2.

<sup>504</sup> Zayn al-Dīn Abī al-Faḍl ‘Abd al-Raḥīm b. al-Ḥusayn al-‘Irāqī (t.t.), *Tarḥ al-Tathrīb fi Syarḥ al-Taqrīb*, Beirut: Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

<sup>505</sup> Abī Bakar Muḥammad b. Ishāq b. Khuzaymah al-Sulāmī al-Naysābūrī (t.t.), *Sahīh Ibn Khuzaymah* taḥqīq Muḥammad Muṣṭafā ‘Azamī, t.pt: t.pt.

		<p>8. <i>Kitāb al-Manāsik</i>, <i>Bāb al-Ramy ‘an al-Šibyān</i>, no. 3038.</p> <p>9. <i>Kitāb al-At‘imah</i>, <i>Bāb al-Ijtīmā‘ ‘alā al-Ṭā‘ām</i>, no. 3286.</p> <p>10. <i>Kitāb al-Tib</i>, <i>Bāb Dawā’ Dhāt al-Janb</i>, no. 3468.</p>
2.	<i>Sunan al-Nasā’ī</i>	<p>1. <i>Kitāb al-Ṭahārah</i>, <i>Bāb al-Bawl fī al-Inā‘</i>, no. 32.</p> <p>2. <i>Kitāb al-Ṭahārah</i>, <i>Bāb al-Nahy ‘an al-Istiṭābah bi al-‘Azm</i>, no. 39.</p> <p>3. <i>Kitāb al-Ṭahārah</i>, <i>Bāb Dalk al-Yad bi al-Ard Ba‘d al-Istinjā‘</i>, no. 50.</p> <p>4. <i>Kitāb al-Ṭahārah</i>, <i>Bāb al-Mā‘ al-Dā‘im</i>, no. 57.</p> <p>5. <i>Kitāb al-Ṭahārah</i>, <i>Bāb Su‘r al-Hirrah</i>, no. 68.</p> <p>6. <i>Kitāb al-Ṭahārah</i>, <i>Bāb al-Wudū‘ Thalāthan Thalāthan</i>, no. 81.</p> <p>7. <i>Kitāb al-Ṭahārah</i>, <i>Bāb Mashī al-Mar‘ah Ra’sahā</i>, no. 100.</p> <p>8. <i>Kitāb al-Ṭahārah</i>, <i>Bāb al-Wudū‘ fī al-Na‘l</i>, no. 117.</p> <p>9. <i>Kitāb al-Ṭahārah</i>, <i>Bāb al-Mashī ‘alā al-Khuffayn fī al-Safar</i>, no. 125.</p> <p>10. <i>Kitāb al-Ṭahārah</i>, <i>Bāb al-Tawqīt fī al-Mashī ‘alā al-Khuffayn li al-Muqīm</i>, no. 128.</p>
3.	<i>Musnad Imām Ahmad</i>	<p>1. <i>Musnad Khulafā’ al-Rāsyidīn</i>, <i>Musnad ‘Alī b. Ṭālib</i>, no. 562.</p> <p>2. <i>Musnad Khulafā’ al-Rāsyidīn</i>, <i>Musnad ‘Umar al-Khaṭṭāb</i>, no. 82.</p> <p>3. <i>Musnad al-‘Asyarah al-Mubasyirīn bi al-Jannah</i>, <i>Musnad al-Zubayr b. al-‘Awwām</i>, no. 1405.</p> <p>4. <i>Musnad al-‘Asyarah al-Mubasyirīn bi al-Jannah</i>, <i>Musnad Sa‘īd b. Zayd</i>, no. 1625.</p> <p>5. <i>Musnad Bani Hāsyim</i>, <i>Hadīth al-‘Abbās b. ‘Abd al-Muṭālib</i>, no. 1763.</p> <p>6. <i>Musnad al-Makkiyyīn</i>, <i>Hadīth ‘Abd Allah b. Rawāḥah</i>, no. 15737.</p> <p>7. <i>Tatīmmah Musnad al-Kufīyyīn</i>, <i>Hadīth Zayd b. Arqam</i>, no. 19265.</p> <p>8. <i>Musnad al-Baṣriyyīn</i>, <i>Hadīth Abī Barzah al-Aslāmī</i>, no. 19763.</p> <p>9. <i>Musnad al-Baṣriyyīn</i>, <i>Hadīth Abī al-Mundhir Ubay b. Ka‘ab</i>, no. 21084.</p> <p>10. <i>Musnad al-Nisā’</i>, <i>Hadīth Fātimah bt. Rasūlullah s.a.w., no. 26413.</i></p>
4.	<i>Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān</i>	<p>1. <i>Kitāb al-Bir wa al-Ihsān</i>, <i>Bāb Mā Jā‘a fī al-Ṭā‘āt wa Thawābihā</i>, <i>Dhikr al-Ikhbār bi anna Ahl Kulli Ṭā‘ah fī al-Dunyā Yud‘auna ilā al-Jannah min bābihā</i>, no. 308</p> <p>2. <i>Kitāb al-Raqā‘iq</i>, <i>Bāb al-Haya‘</i>, no. 607.</p> <p>3. <i>Kitāb al-Raqā‘iq</i>, <i>Bāb Qir‘ah al-Qur‘ān</i>, no. 732.</p> <p>4. <i>Kitāb al-Ṣalāh</i>, <i>Bāb Dhikr al-Bayān bī anna Iqāmah al-Mar‘ī</i>, no. 1446.</p> <p>5. <i>Kitāb al-Ṣalāh</i>, <i>Bāb Sujūd al-Tilāwah</i>, <i>Dhukira Rajā‘ Dukhūl al-Jinān li Man Sajada li Allah fī</i></p>

		<p><i>Tilāwatih</i>, no. 2759.</p> <p>6. <i>Kitāb al-Janā’iz</i>, <i>Bāb Mā Jā’ā fī al-Şabr wa Thawāb al-Amrād</i> wa al-A’rād, <i>Dhukira al-Ikhbār ‘Amma Yajibu ‘alā al-Mar’ī min Luzūm al-Ridā wa al-Qadā</i>, no. 2892.</p> <p>7. <i>Kitāb al-Zakāh</i>, <i>Bab Jam‘ al-Māl min Ḥillih wa mā Yata‘allaq bi dhālik</i>, <i>Dhikr al-Zajr ‘an an Yū‘ī al-Mar’ī</i>, no. 3209.</p> <p>8. <i>Kitāb al-Buyū‘</i>, <i>Bāb Dhikr Tarah̄hum Allah Jalla wa ‘Alā ‘alā al-Musāmihi fī al-Bay‘ wa al-Syirā‘ wa al-Qabd</i> wa al-I‘tā‘, no. 4903.</p> <p>9. <i>Kitāb al-Tārīkh</i>, <i>Bāb Bad’ al-Khalq</i>, no. 6138.</p> <p>10. <i>Kitāb Ikhbārihi s.a.w. ‘an Manāqib al-Şahābah</i>, <i>Dhikr Abī Bakr b. Abī Quhāfah al-Şiddīq</i>, no. 6853.</p>
5.	<i>Sunan al-Dārimī</i>	<p>1. <i>Kitāb al-Şalāh</i>, <i>Bāb Fī Fadl al-Şalawāt</i>, no. 1220.</p> <p>2. <i>Kitāb al-At‘imah</i>, <i>Bāb fī al-Tasmiyah ‘alā al-Ta‘ām</i>, no. 2062.</p> <p>3. <i>Kitāb al-Adāhī</i>, <i>Bāb al-Sunnah fī al-Udhiyyah</i>, no. 1988.</p> <p>4. <i>Kitāb al-Ru‘yā</i>, <i>Bāb fī Qawlih Ta‘ālā fī Sūrah Yūnus ayat 64</i>, no. 2182.</p> <p>5. <i>Kitāb al-Nikāh</i>, <i>Bāb Man Kāna ‘Indahu Ṭawl Falyatazawwaj</i>, no. 2211.</p> <p>6. <i>Kitāb al-Hudūd</i>, <i>Bāb Mā Yahillu Bihi Damu al-Muslim</i>, no. 2343.</p> <p>7. <i>Kitāb al-Hudūd</i>, <i>Bāb Rufī‘a al-Qalam ‘an Thalāthah</i>, no. 2342.</p> <p>8. <i>Kitāb al-Buyū‘</i>, <i>Bāb fī al-Ḥalāl Bayyinun wa al-Ḥarām Bayyinun</i>, no. 2573.</p> <p>9. <i>Kitāb al-Farā‘id</i>, <i>Bāb Man Iddā‘ā Ilā Ghayr Abīhi</i>, no. 2902.</p> <p>10. <i>Kitāb al-Waṣāyā</i>, <i>Bāb Man Istahabba al-Waṣīyyah</i>, no. 3219.</p>
6.	<i>Muṣannaf ‘Abd al-Razzāq</i>	<p>1. <i>Kitāb al-Ṭahārah</i>, <i>Bāb Man Yukaffir al-Wudū‘ wa al-Şalāh</i>, no. 139.</p> <p>2. <i>Kitāb al-Ṭahārah</i>, <i>Bāb al-Bawl fī al-Mughtasal</i>, no. 978.</p> <p>3. <i>Kitāb al-Zakāh</i>, <i>Bāb al-Baqar</i>, no. 6841.</p> <p>4. <i>Kitāb al-I‘tikāf</i>, <i>Bāb Hal Yuqdā al-I‘tikāf</i>, no. 8031.</p> <p>5. <i>Kitāb Ahl al-Kitāb</i>, <i>Bāb Bay‘ah al-Nabi s.a.w.</i>, no. 9817.</p> <p>6. <i>Kitāb al-Şalāh</i>, <i>Bāb al-Rajul Yansā Şalāh fa Yadhkuruhā fī Waqtin Ākhar</i>, no. 2251.</p> <p>7. <i>Kitāb al-Maghāzi</i>, <i>Bāb Ghazwah Hudaybiyah</i>, no. 9720.</p> <p>8. <i>Kitāb al-Talāq</i>, <i>Bāb Qadhafahā Qabl an Tuhdā Lahu</i>, no. 12397.</p> <p>9. <i>Kitāb al-Mawāhib</i>, <i>Bāb Hibbah al-Mar‘ah</i>, no. 16554.</p> <p>10. <i>Kitāb Ahl al-Kātibin</i>, <i>Bāb Hal Yus‘al Ahl al-Kitāb ‘an Syay’</i>, no. 19209.</p>

7.	<i>Āmal al-Yawm wa Laylah</i>	1. <i>Bāb Mā Yaqūl idhā Istayqaṣa min Manāmihi</i> , no. 4. 2. <i>Bāb Kayf Lubthi al-Thawb</i> , no. 7. 3. <i>Bāb al-Du‘ā Bayn al-Ādhān wa al-Iqāmah</i> , no. 29. 4. <i>Bāb Mā Yaqūl idhā Dakhala Baytih</i> , no. 40. 5. <i>Bāb Man Bada‘a bi al-Kalām Qabl al-Salām</i> , no. 56. 6. <i>Bāb Kam Marrah Yastaghfir</i> , no. 123. 7. <i>Bāb Mā Yaqūl li Man Ya‘kulu Ma‘ahu</i> , no. 130. 8. <i>Bāb Mā Yaqūl idhā Marrā bi Qubūr al-Musyrikiṇ</i> , no. 139. 9. <i>Bāb Mā Yaqūl idhā Nażar ilā al-Qamar</i> , no. 177. 10. <i>Bāb Mā Yaqūl idhā Ra‘ā fi Manāmihi Mā Yakrah</i> , no. 203.
8.	<i>Dalā‘il Nubuwwah</i>	1. <i>Kitāb Abwāb Mawlid al-Nabi s.a.w.</i> , <i>Bāb Bayān al-Yawm al-Ladhi Wulida fihi Rasūlullah s.a.w.</i> 2. <i>Kitāb Abwāb Mawlid al-Nabi s.a.w.</i> , <i>Bab Ṣifah Lawn Rasūlullah s.a.w.</i> 3. <i>Kitāb Abwāb Ṣifah Rasulillah s.a.w.</i> , <i>Bāb Jāmi‘ Ṣifah Rasulillah s.a.w.</i> 4. <i>Kitāb Abwāb Ghazwah Badar al-‘Uzmā</i> , <i>Bāb Dhikr ‘adad al-Musyrikiṇ al-Ladhiṇa Sārū ilā al-Badr.</i> 5. <i>Kitāb Abwāb Ghazwah Badar al-‘Uzmā</i> , <i>Bāb Dhikr al-Tārikh li Waq‘ah Badr.</i> 6. <i>Kitāb Abwāb ‘Umrah al-Hudaybiyyah</i> , <i>Bāb Tārikh Khurūj al-Nabi s.a.w. ilā al-Hudaybiyyah.</i> 7. <i>Kitāb Abwāb Fath Makkah Ḥarasahallah Ta‘alā</i> , <i>Bāb Khurūj al-Nabi s.a.w. li Ghazwah al-Fath.</i> 8. <i>Kitāb Abwāb Fath Makkah Ḥarasahallah Ta‘alā</i> , <i>Bāb Islām Hindun binti ‘Utbah.</i> 9. <i>Kitāb Abwāb man ra‘ā fi manāmihi syay‘an</i> , <i>Bāb ru‘yah ‘Abd Allah b. ‘Umar.</i> 10. <i>Kitāb Abwāb man ra‘ā fi manāmihi syay‘an</i> , <i>Bāb ru‘yah Talḥah b. ‘Ubaydillah.</i>
9.	<i>Ṣifah al-Jannah</i>	1. <i>Bāb Dhikr Thaman al-Jannah wa mistāhuhā</i> , no. 48. 2. <i>Bāb Mā Dhukira min Anna ‘Āmmah Sākinihā al-Du‘afā’ wa al-Fuqarā’</i> , no. 73. 3. <i>Bāb Dhikr al-Mulk al-Kabīr Liman Uskin Jiwārahū fi Dārih</i> , no. 96. 4. <i>Bāb Ṣifat Kalām Ahl al-Jannah</i> , no. 268. 5. <i>Bāb Nisā’ Ahl al-Jannah</i> , no. 389.
10.	<i>Tarḥ al-Tathrīb fi Syarḥ al-Taqrīb</i>	1. <i>Kitāb al-Tāhārah.</i> 2. <i>Kitāb al-Buyū’.</i> 3. <i>Kitāb al-Imān.</i> 4. <i>Kitāb al-Jihād,</i> 5. <i>Kitāb al-Syahādah.</i>
11.	<i>Şahīh Ibn Khuzaymah</i>	1. <i>Kitāb al-Wudū’</i> , <i>Bāb Dhikr Fadā‘l al-Wudū’ Yakūn Ba‘dahu Ṣolāh Maktūbah.</i> no. 2 2. <i>Kitāb al-Imāmah fi al-Ṣalāh</i> , <i>Bāb al-Taghlīz fi Tark Ṣolāh al-Jamā‘ah</i> , no. 1486 3. <i>Kitāb al-Ṣiyām</i> , <i>Bāb Dhikr al-Bayān Anna Ṣawm Syahr Ramadān Min al-Islām.</i> no. 1880,

		4. <i>Kitāb al-Zakāh, Bāb Dhikr al-Bayān Anna ‘Itā’ al-Zakāh min al-Imān</i> , no. 2245. 5. <i>Kitāb al-Manāsik, Bāb al-Amr bi al-Ta‘jil al-Hajj Khawf Fawtih bi Raf‘i al-Ka‘bah</i> , no. 2506
<b>JUMLAH HADITH</b>		95 Hadith

Berdasarkan kajian keabsahan hadith di dalam Islamweb, penulis telah memilih 11 kitab untuk dijadikan rujukan. Sebahagian kitab dipetik 10 hadith di dalamnya dan sebahagian yang lain dipetik 5 hadith sahaja. Justeru, melalui 11 kitab rujukan tersebut, penulis telah memilih 95 hadith untuk dijadikan sampel kajian.

#### 4.1.3.1 Perubahan Yang Berlaku Pada Matan.

Menerusi 95 hadith terpilih yang dijadikan sampel kajian keabsahan hadith di dalam Islamweb, penulis telah menjumpai sebanyak 3 hadith dan 1 kedudukan kitab dan bab yang tidak bertepatan dengan sumber rujukan:

1. *Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Janā’iz, Bāb Mā Jā’a fī Hafr al-Qubr*, no. 1559, h. 2570.

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرٍ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ، حَدَّثَنَا زَيْدُ بْنُ الْجَبَابَ، حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ عُبَيْدَةَ، حَدَّثَنِي سَعِيدُ بْنُ أَبِي سَعِيدٍ، عَنْ الْأَذْرُونِ السُّلَمِيِّ، قَالَ: جِئْتُ لِيَلَّةً أَحْرُسُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَإِذَا رَجَلٌ قِرَاءَتْهُ عَالِيَّةً، فَخَرَجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، هَذَا مُرَاءٌ، قَالَ: فَمَاتَ بِالْمَدِينَةِ، فَمَرَغُوا مِنْ جَهَازِهِ فَحَمَلُوا نَعْشَهُ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "ارْفُقُوهُ بِهِ رَفِقَ اللَّهِ بِهِ، إِنَّهُ كَانَ يُحِبُّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ"، قَالَ: وَحَفَرَ حُفْرَتَهُ، فَقَالَ: "أَوْسِعُوهُ لَهُ وَسَعَ اللَّهُ عَلَيْهِ"، فَقَالَ بَعْضُ أَصْحَابِهِ: يَا رَسُولَ اللَّهِ لَقَدْ حَزِنْتَ عَلَيْهِ، فَقَالَ: "أَجَلْ إِنَّهُ كَانَ يُحِبُّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ

#### Analisis:

- (1) Matan berbeza pada kalimah وَسَعَ di mana matan hadith di dalam kitab rujukan menggunakan kalimah أَوْسِعُوا لَهُ أَوْسَعَ اللَّهُ عَلَيْهِ.

(2) Analisis mendapati bahawa perbezaan kalimah adalah berdasarkan kepada perbezaan cetakan. Matan hadith dengan pengunaan kalimah وَسَعَ telah diriwayatkan di dalam *Sunan Ibn Mājah* cetakan *Kutub Jam'iyyah Miknāz al-Islāmī*, Mesir.<sup>506</sup> Walau bagaimanapun kalimah أَوْسَعَ lebih banyak digunakan terutama di dalam kitab *tahqīq* dan *takhrij*.<sup>507</sup>

2. *Sunan al-Nasā'ī*, *Kitāb al-Tahārah*, *Bāb al-Wudū'* Thalāthan Thālathan, No. Hadith 81, h. 2091.

أَخْبَرَنَا سُوئِدُ بْنُ نَصْرٍ، قَالَ: أَنْبَأَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْمَبَارِكَ، قَالَ: أَنْبَأَنَا الْأَفْزَاعِيُّ، قَالَ: حَدَّثَنِي الْمُطَلِّبُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ حُكْمَاءِ، أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ تَوَضَّأَ ثَلَاثًا ثَلَاثًا. يُسْتَدِّ ذَلِكَ إِلَى التَّيِّنِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

### **Analisis:**

- (1) Perbezaan matan berlaku pada baris *fathah* di dalam kalimah يُسْتَدِّ. Matan hadith di dalam kitab rujukan pula menggunakan baris *kasrah* dengan kalimah يُسْتَدِّ.
- (2) Analisis mendapati bahawa kedua-dua baris sama ada *fathah* atau *kasrah* digunakan melalui cetakan kitab yang berlainan. Ibn al-Athīr telah menaqalkan hadith ini dengan kalimah يُسْتَدِّ.<sup>508</sup> Namun hadith ini juga diriwayatkan dengan kalimah يُسْتَدِّ dalam beberapa cetakan lain seperti *tahqīq Sunan al-Nasā'ī* oleh

<sup>506</sup> Imām al-Tirmidhī (t.t.) *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Janā'iz, Bāb Mā Jā'a fī Ḥafr al-Qubr, Mesir: Kutub Jam'iyyah Miknāz al-Islāmī, no. 1626, j. 5, h. 103.

<sup>507</sup> Lihat Ibn Mājah (t.t.), *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Janā'iz, Bāb Mā Jā'a fī Ḥafr al-Qubr, Beirut: Dār al-Fikr, no. 1548, j. 5, h. 27. Lihat juga Ibn Mājah (2009), *Sunan Ibn Mājah* taḥqīq Fu'ād 'Abd al-Bāqī, Kitāb al-Janā'iz, Bāb Mā Jā'a fī Ḥafr al-Qubr, t.t.p.: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, no. 1559, j. 1, h. 497. Lihat juga Ibn Mājah (t.t.), *Sunan Ibn Mājah* taḥqīq Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Kitab al-Janā'iz, Bāb Ma Jā'a fī Ḥafr al-Qubr, Riyād: Maktabah al-Mā'arif li al-Nasyr wa al-Tawzī', c. 1, no. 1559, h. 274. Lihat Juga Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (1997), *Šaḥīh Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Janā'iz, Bāb Mā Jā'a fī Ḥafr al-Qubr, Riyād: Maktabah al-Mā'arif li al-Nasyr al-Tawzī', c. 1, no. 1276, j. 2, h. 33.

<sup>508</sup> Majd al-Dīn Abū al-Sa'ādah al-Mubārak b. Muḥammad al-Jazārī Ibn al-Athīr (1969), *Jāmi' al-Uṣūl fī Ahādīth al-Rasūl*, Kitāb fī al-Wudū', Bāb fī Sifah al-Wudū', fī Farā'iḍihī wa Kayfiyātihī, t.t.p: Maktabah al-Hilwanī, Maktabah al-Milah dan Maktabah Dār al-Bayān, c. 1, no. 5168, j. 7, h. 173.

Fu'ād al-Bāqī,<sup>509</sup> *tahqīq Sunan al-Nasā'i* oleh 'Abd al-Ghaffār Sulaymān al-Bandari,<sup>510</sup> *Sunan al-Nasā'i bi Syarah al-Suyūtī*<sup>511</sup> dan sebagainya.

3. *Musnad Aḥmad, Musnad Bani Hāsyim*, perawi al-‘Abbās b. ‘Abd al-Muṭālib, no. 1763, h. 288.

حَدَّثَنَا وَكِيعٌ، حَدَّثَنَا سُفْيَانُ، عَنْ عَبْدِ الْمَلِكِ بْنِ عُمَيْرٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْحَارِثِ، عَنِ الْعَبَّاسِ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ، أَنَّهُ قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، عَمُّكَ أَبُو طَالِبٍ كَانَ يَحْوِطُكَ وَيَنْفَعُكَ، قَالَ: "إِنَّهُ فِي ضَحْضَاحٍ مِنَ النَّارِ، وَلَوْلَا أَنَا كَانَ فِي الدَّرِكِ الْأَسْفَلِ مِنَ النَّارِ

### Analisis:

- (1) Perbezaan matan adalah terletak pada kalimah وَيَنْفَعُكَ di mana kitab rujukan telah menukilkannya dengan kalimah وَيَفْعَلُ.
- (2) Hasil penilaian penulis terhadap beberapa cetakan kitab rujukan yang lain mendapati bahawa kedua-dua kalimah telah digunakan. *Musnad Aḥmad* yang diterbitkan oleh *Muassah al-Qurṭubah*, Kaherah, *Muassasah al-Risālah*, Beirut, dan *Kutub Jam'iyyah Miknāz al-Islāmī*, Mesir telah menukilkan hadith dengan kalimah وَيَنْفَعُكَ. Oleh demikian, perbezaan baris merupakan perbezaan lafaz menurut cetakan kitab.
- (3) Kedua-dua kalimah juga turut diriwayatkan di dalam kitab hadith lain seperti *Musnad Abī Ya'lā*,<sup>512</sup> dan *Kasyf al-Musykił min Ḥadīth al-*

<sup>509</sup> Imām al-Nasā'i (1986), *Sunan al-Nasā'i* tahqīq 'Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah, Kitāb al-Ṭahārah, Bāb al-Wudū' Thalāthan Thalāthan, Halab: Maktab al-Μaqbū'ah al-Ιslāmiyyah, no. 80, j. 1, h. 146.

<sup>510</sup> Imām al-Nasā'i (1991), *Sunan al-Nasā'i al-Kubrā* tahqīq 'Abd al-Ghaffār Sulaymān al-Bandari, Kitāb al-Ṭahārah, Bāb al-Wudū' Thalāthan Thalāthan, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, no. 88, j. 1, h. 81.

<sup>511</sup> Imām al-Nasā'i (1999), *Sunan al-Nasā'i bi Syarah al-Suyūtī wa Ḥasyiyah al-Sundī* tahqīq Maktab al-Turāth, Bāb Sunan al-Nasā'i, Beirut: Dār al-Ma'rifah, no. 81, j. 1, h. 66.

<sup>512</sup> Aḥmad b. 'Alī b. al-Muthnā Abū Ya'lā al-Mawsili al-Tamīmī (1984), *Musnad Abī Ya'lā* tahqīq Husayn Sālim Āṣād, Bāb Musnad al-‘Abbās b. 'Abd al-Muṭālib, Damsyiq: Dār al-Ma'mūn li al-Turāth, no. 6694, j. 12, h. 53.

*Sahihayn*<sup>513</sup> dengan kalimah وَيَقْعُل، *al-Musnad al-Mustakhraj ‘alā Ṣaḥīḥ Muslim* dengan kalimah وَيَنْفَعُك.<sup>514</sup>

#### 4.1.3.2 Perubahan Yang Berlaku Pada Kedudukan Kitab dan Bab

1. *Sunan Ibn Mājah, Kitāb Iqāmah al-Ṣalāh wa al-Sunnah Fīhā, Bāb Mā Jā’ā fī Man Nāma ‘an Hizbih*, no. 1343, h. 2556.

سنن ابن ماجه «كتاب إقامة الصلاة والسنّة فيها» باب ما جاء فيمن نام عن جزئه من الليل

#### Analisis:

- (1) Perbezaan yang berlaku bukanlah merujuk kepada perubahan kedudukan kitab dan bab tetapi penggunaan kalimah جزئه pada bab. Perbandingan di dalam sumber rujukan menunjukkan penggunaan kalimah جزئه iaitu باب ما جاء فيمن نام عن جزئه من الليل.
- (2) Hasil analisis menunjukkan bahawa kedua-dua kalimah turut digunakan di dalam kitab rujukan dengan cetakan yang berlainan. *Sunan Ibn Mājah* dengan cetakan Dār al-Fikr, Beirut<sup>515</sup> dan *tahqīq Sunan Ibn Mājah* oleh Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī juga dari cetakan Dār al-Fikr, Beirut<sup>516</sup> telah menukilkan hadith dengan kalimah جزئه. Manakala *Sunan Ibn Mājah* dengan cetakan *Kutub Jam’iyah Miknāz al-Islāmī*, Mesir<sup>517</sup> telah menggunakan kalimah جزئه.

<sup>513</sup> Abū al-Farj ‘Abd al-Rahmān Ibnu al-Jawzī (1997), *Kasyf al-Musykił min Ḥadīth al-Ṣaḥīhayn taḥqīq ‘Alī Ḥusayn al-Bawāb*, Bāb Kasyf al-Musykił min Musnad ‘Abd Allah b. ‘Abbās, Riyāḍ: Dār al-Waṭān, no. 998832, j. 1, h. 506.

<sup>514</sup> Abū Nu’aym Aḥmad b. ‘Abd Allah b. Aḥmad b. Ishāq b. Mūsā b. Mihrān al-Harānī al-Āṣbahānī (1996), *al-Musnad al-Mustakhraj ‘alā Ṣaḥīḥ Muslim*, Bāb al-Dīn al-Naṣīḥah, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, no. 512, j. 1, h. 279.

<sup>515</sup> Ibn Mājah (t.t.), *Op.cit.*, Kitāb Iqāmah al-Ṣalāh wa al-Sunnah Fīhā, Bāb Ma Jā’ā fī Man Nāma ‘an Hizbihī, j. 1, h. 241.

<sup>516</sup> Ibn Mājah (t.t.) *Op.cit.*, taḥqīq Fu’ād ‘Abd al-Bāqī, Kitāb Iqāmah al-Ṣalāh wa al-Sunnah Fīhā, Bab Mā Jā’ā fī Man Nāma ‘an Hizbihī, j. 1, h. 426.

<sup>517</sup> Ibn Majāh (t.t.) *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb Iqāmah al-Ṣalāh wa al-Sunnah Fīhā, Bab Mā Jā’ā fī Man Nāma ‘an Juz’ihi, Mesir: *Kutub Jam’iyah Miknāz al-Islāmī*, j. 4, h. 310.

(3) Penggunaan kedua-dua kalimah juga adalah seiring kerana mempunyai maksud yang sama iaitu pecahan atau kelompok.<sup>518</sup>

Analisis terhadap 11 buah kitab dengan pemilihan 95 hadith di dalam Islamweb telah menemukan sebanyak 3 buah hadith dan satu nama kitab dan bab yang berbeza dengan nukilan di dalam kitab rujukan. Walau bagaimanapun, perubahan dan perbezaan yang berlaku bukanlah merupakan suatu bentuk kesalahan di dalam penyalinan atau perubahan yang disebabkan oleh kelemahan sistem, tetapi ia merupakan perubahan berdasarkan perbezaan kitab mengikut cetakan.

#### 4.1.4 Analisis Hadith di Dalam *al-Durar al-Saniyyah*

Di antara kitab-kitab yang dijadikan rujukan untuk penilaian ketepatan hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah* ialah *Takhrij Ahādīth wa Āthār Kitāb fī Zilāl al-Qur'ān*,<sup>519</sup> *Al-Sunnah*,<sup>520</sup> *Bulūgh al-Maram*,<sup>521</sup> *Al-Irsyād fī Ma'rifah 'Ulamā' al-Hadīth*,<sup>522</sup> *Sahīh wa Da'iif al-Nasā'i*,<sup>523</sup> *Sahīh wa Da'iif Sunan Ibn Mājah*,<sup>524</sup> *Iktiyār al-Awlā*,<sup>525</sup> dan *al-Durar al-Muntathirah*.<sup>526</sup> Penulis telah melakukan seleksi terhadap 10 hadith pada sebahagian kitab dan 5 hadith pada sebahagian kitab yang lain.

<sup>518</sup> Muhammad Idris 'Abd al-Ra'ūf al-Marbawi (1999), *Op.cit.*, j. 1, h. 99 dan h. 130.

<sup>519</sup> 'Alwī b. 'Abd al-Qādir al-Saqqāf (1995), *Takhrij Ahādīth wa Āthār Kitāb fī Dhilāl al-Qur'ān li Sayīd al-Quṭub*, Riyāḍ: Dār al-Hijrah, c. 2.

<sup>520</sup> Abī Bakar Aḥmad b. 'Amrū b. Abī 'Āsim (1998), *al-Sunnah tāḥqīq Bāsim b. Fayṣal*, Riyāḍ: Dār al-Sumay'i, c. 2.

<sup>521</sup> Ibrāhīm al-'Asqalānī (2004), *Bulūgh al-Maram Min Adillah al-Āḥkām*, Arab Saudi: Dār al-Salām li al-Nasyr wa al-Tawzī', c. 6.

<sup>522</sup> Abī al-Ḥāfiẓ Abī Ya'lā al-Khalīl b. 'Abd Allah b. Aḥmad Ibn al-Khalīl al-Qazawaynī (t.t.), *al-Irsyād fī Ma'rifah 'Ulamā' al-Hadīth*, Riyāḍ: Maktabah al-Rusyd.

<sup>523</sup> Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (1998), *Sahīh wa Da'iif Sunan al-Nasā'i*, Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif, c. 1.

<sup>524</sup> Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (1997), *Sahīh wa Da'iif Sunan Ibn Mājah*, Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif, c. 1.

<sup>525</sup> Zayn al-Dīn 'Abd al-Rahmān b. Aḥmad Ibn Rajab al-Ḥanbalī (1985), *Iktiyār al-Awlā fī Syarḥ Ḥadīth Ikhtiyām al-Milā' al-A'lā tāḥqīq Jasim al-Fahīd al-Dusrī*, Kuwayt: Maktabah Dār al-Aqsā, c. 1.

<sup>526</sup> Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān b. Abī Bakar al-Suyūṭī (t.t.) *al-Durar al-Muntathirah fī al-Aḥādīth al-Musytahirah tāḥqīq Muḥammad Luṭfī al-Sibāgh*, Riyāḍ: Jāmi' al-Mālik Su'ūd.

**Jadual 3:** Nama Kitab Rujukan Dan Kedudukan Hadith Yang Dianalisis Dalam *al-Durar al-Saniyyah*.

<b>AL-DURAR AL-SANIYYAH</b>		
<b>NO</b>	<b>KEDUDUKAN HADITH-HADITH YANG DIANALISIS</b>	
	<b>Nama Kitab</b>	<b>Kedudukan Kitab dan Bab</b>
1.	<i>Takhrij Ahādīth wa Āthār Kitāb fī Ḥilāl al-Qur'ān</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Sūrah al-Fātiḥah</i>, No. Hadith 2.</li> <li>2. <i>Sūrah al-Baqarah</i>, No. Hadith 7</li> <li>3. <i>Sūrah al-Zukhruf</i>, No. Hadith 718</li> <li>4. <i>Sūrah al-Najm</i>, No. Hadith 796</li> <li>5. <i>Sūrah al-Qamar</i>, No. Hadith 807</li> <li>6. <i>Sūrah al-Hadīd</i>, No. Hadith 820</li> <li>7. <i>Sūrah al-Hāṣyr</i>, No. Hadith 837</li> <li>8. <i>Sūrah al-Jumu'ah</i>, No. Hadith 844</li> <li>9. <i>Sūrah al-Tīn</i>, No. Hadith 962</li> <li>10. <i>Sūrah al-'Asr</i>, No. Hadith 998</li> </ol>
2.	<i>Al-Sunnah</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Bāb Dhikr al-Ahwā' al-Madhmūmah</i>, no. 1.</li> <li>2. <i>Bāb Qawlūh 'Alayh al-Salām al-Isti 'ādhah min al-Ahwā'</i>, no. 13.</li> <li>3. <i>Bāb Dhikr al-Bidā' wa Izhāruhā</i>, no. 36.</li> <li>4. <i>Bāb La'an Tārik al-Sunnah</i>, no. 44.</li> <li>5. <i>Bāb Dhikr Akhadha Rabbanā al-Mīthāq min 'Ibādih</i>, no. 196.</li> <li>6. <i>Bāb fī al-Waswasah fī Amr al-Rabb</i>, no. 654.</li> <li>7. <i>Bāb Nisbah al-Rabb Tabārak wa Ta 'ālā</i>, no. 663.</li> <li>8. <i>Bāb fī Dhikr Ḥawd al-Nabi s.a.w.</i>, no. 697.</li> <li>9. <i>Bāb Dhikr al-Mīzān</i>, no. 777.</li> <li>10. <i>Bāb fī Dhikr Syafā'ah al-Nabi s.a.w. li Ahl al-Kabā'ir</i>, no. 830.</li> </ol>
3.	<i>Bulūgh al-Maram</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Kitāb al-Tahārah, Bāb Nawāqid al-Wudū'</i>, no. 75.</li> <li>2. <i>Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Ṣalāh al-Khawf</i>, no. 469.</li> <li>3. <i>Kitāb al-Jāmi', Bāb al-Dhikr wa al-Du'ā</i>, no. 1551.</li> <li>4. <i>Kitāb al-Nikāh</i>, no. 965.</li> <li>5. <i>Kitāb al-Tahārah, Bāb Nawāqid al-Wudū'</i>, no. 68.</li> <li>6. <i>Kitāb al-Nikāh, Bāb al-'Iddah wa al-Ihdād</i>, no. hadith 1111.</li> <li>7. <i>Kitāb al-Tahārah, Bāb al-Tayammum</i>, no. 134.</li> <li>8. <i>Kitāb al-Tahārah, Bāb Izālah al-Najāsah wa Bayānuhā</i>, no. 28.</li> <li>9. <i>Kitāb al-Jināyāt</i>, no. 1165.</li> <li>10. <i>Kitāb al-Zakāh, Bāb Ṣadaqah al-Taṭawwu'</i>, no. 618.</li> </ol>
4.	<i>Al-Irsyād fī Ma'rifah 'Ulamā' al-Hadīth</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Bāb Aḥmad b. 'Umayr b. Jawṣan al-Dimasyq al-Ḥāfiẓ</i>, no. 126.</li> <li>2. <i>Bāb 'Isām al-Rawwād</i>, no. 129.</li> <li>3. <i>Bāb Muḥammad b. Yūsuf al-Faryābī</i>, no. 130.</li> <li>4. <i>Bāb al-Ḥasan b. 'Alī b. Zakariyyā al-'Adawi al-Da'iif</i>, no. 155.</li> </ol>

		<p>5. <i>Bāb Abū Kurayb Muhammad b. al-'Alā' al-Hamdānī</i>, no. 174.</p> <p>6. <i>Bāb Khasynām b. al-Ṣiddīq al-Naysābūrī</i>, no. 207.</p> <p>7. <i>Bāb Abū 'Abd Allah Muhammad b. Asyras</i>, no. 277.</p> <p>8. <i>Bāb Abū Bakar Muhammad b. Ishāq b. Khuzaymah al-Naysābūrī</i>, no. 208.</p> <p>9. <i>Bāb Abū Ḥamzah Muhammad b. Maymūn al-Sukarī</i>, no. 222.</p> <p>10. <i>Bāb Muḥammad b. Mūsā al-Bāsyānī</i>, no. 232.</p>
5.	<i>Ṣaḥīḥ wa ḏa'īf al-Nasā'i</i>	<p>1. <i>Kitāb al-Tahārah, Bāb al-Rukhsah fī Tark Dhalik</i>, no. 18.</p> <p>2. <i>Kitāb al-Hayd, Bāb Suqūt al-Ṣalāh 'an al-Hayd</i>, no. 382.</p> <p>3. <i>Kitāb al-Taṭbiq, Bāb Kayf al-Julūs Bayn al-Sajdatayn</i>, no. 1148.</p> <p>4. <i>Kitāb al-Ihbās, Bāb Mā Taraka Rasūlullah s.a.w. 'Ind Wafātiḥ</i>, no. 3626.</p> <p>5. <i>Kitāb al-Muḥarabah, Bāb Dhikr Ikhtilāf al-Nāqilīn li Khabr Humayd 'an Anas b. Mālik Fīh</i>, no. 4033.</p>
6.	<i>Ṣaḥīḥ wa ḏa'īf Sunan Ibn Mājah</i>	<p>1. <i>Kitāb al-Tahārah, Bāb Musāfaḥah al-Junūb</i>, no. 534.</p> <p>2. <i>Kitāb al-Āzan, Bāb al-Nahyu 'an al-Nawm Qabl Ṣalāh al-'Isya' wa 'an al-Hadīth Ba'dahā</i>, no. 701.</p> <p>3. <i>Kitāb al-Tijārāt, Bāb Mā li al-Mar'ah min Māl Zawjihā</i>, no. 2293.</p> <p>4. <i>Kitāb al-Hudūd, Bāb al-Sāriq Ya'tarif</i>, no. 2588.</p> <p>5. <i>Kitāb al-Manāsik, Bāb al-'Umrah fī Rajab</i>, no. 2998.</p>
7.	<i>Ikhtiyār al-Awlā</i>	<p>1. <i>Kitāb al-Muqaddimah</i>, h. 39-40.</p> <p>2. <i>Al-Sabab al-Awwāl min Maghfirah al-Dhunūb</i>, h. 50.</p> <p>3. <i>It 'ām al-Ṭā'ām wa Faḍā'iluh fī al-Kitāb wa al-Sunnah</i>, h. 73.</p> <p>4. <i>Layyin al-Kalām</i>, h. 80.</p> <p>5. <i>Hub al-Masākin Aṣl al-Hub fī Allah</i>, h. 94.</p> <p>6. <i>Fī Dhakar al-Da'awāt</i>, h. 101.</p> <p>7. <i>Fawā'id Maḥabbah al-Masākin</i>, h. 102.</p> <p>8. <i>Al-Taqasysyuf fī al-Libās</i>, h. 109.</p> <p>9. <i>Wa Isytimālih 'alā Khayr al-Dunyā wa al-Akhirah</i>, h. 125.</p> <p>10. <i>Lawāzim Maḥabbah Allah</i>, h. 128.</p>
8.	<i>Al-Durar al-Muntathirah</i>	<p>1. <i>Harf Hamzah</i>, no. 33.</p> <p>2. <i>Harf Kha'</i>, no. 217.</p> <p>3. <i>Harf Mim</i>, no. 397.</p> <p>4. <i>Harf Lam</i>, no. 351.</p> <p>5. <i>Faṣl fī Asyyā' Lam Tadkhul fī al-Hurūf</i>, no. 367.</p>
<b>JUMLAH HADITH</b>		65 Hadith

Analisis terhadap 8 buah kitab dengan pemilihan 65 hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah* memperoleh ketepatan yang menyeluruh tanpa sebarang perubahan matan, perawi dan *al-Muḥaddith*.

#### 4.1.5 Kesimpulan Keseluruhan Analisis

**Jadual 4:** Bilangan Hadith Yang Mengalami Perubahan (*al-Muṣahḥaf*) dan Hadith Yang Bertepatan Dengan Kitab Rujukan.

NO.	NAMA LAMAN WEB	BILANGAN HADITH:	
		Tepat	<i>al-Muṣahḥaf</i>
1.	<i>Al-Durar al-Saniyyah</i>	104	1
2.	Islamweb	135	-

Hasil kajian terhadap 200 hadith telah menemukan sebanyak 104 hadith yang dipaparkan secara tepat di dalam *al-Durar al-Saniyyah* dan sebuah hadith telah mengalami perubahan dari sudut *al-Muṣahḥaf*. Manakala paparan hadith di dalam Islamweb adalah bertepatan secara keseluruhannya. Perincian tersebut boleh dilihat melalui jadual berikut:

**Jadual 5:** Perubahan Yang Berlaku Mengikut Kategori Maklumat Hadith Yang Ditetapkan.

NO.	NAMA KITAB	PERUBAHAN YANG BERLAKU PADA:					
		Matan	Sanad	Kitab dan Bab	<i>Al-Muḥaddith</i>	Baris	Perawi
1.	<i>Sahīh al-Bukhārī</i>	X	X	X	X	X	X
2.	<i>Sahīh Muslim</i>	V	X	X	X	X	X

3.	<i>Sunan Abi Dāwūd</i>	X	X	X	X	X	X
4.	<i>Sunan al-Tirmidhī</i>	X	X	X	X	X	X
5.	<i>Sunan Ibn Mājah</i>	X	X	X	-	X	-
6.	<i>Sunan al-Nasā'i</i>	X	X	X	-	X	-
7.	<i>Musnad Aḥmad</i>	X	X	X	-	X	-
8.	<i>Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān</i>	X	X	X	-	X	-
9	<i>Sunan al-Dārimī</i>	X	X	X	-	X	-
10.	<i>Muṣannaf ‘Abd al-Razzāq</i>	X	X	X	-	X	-
11.	<i>‘Amal al-Yawm wa Laylah</i>	X	X	X	-	X	-
12.	<i>Dalā'il Nubuwah</i>	X	X	X	-	X	-
13.	<i>Tarḥ al-Tathrib fī Syarḥ al-Taqrīb</i>	X	X	X	-	X	-
14.	<i>Siyar al-A'lām al-Nubalā'</i>	X	X	X	-	X	-
15.	<i>Ṣifah al-Jannah</i>	X	X	X	-	X	-
16.	<i>Takhrij Ahādīth wa Āthār Kitāb fī Dhilāl al-Qur'ān</i>	X	-	-	X	-	X
17.	<i>Al-Sunnah</i>	X	-	-	X	-	X
18.	<i>Bulūgh al-Maram</i>	X	-	-	X	-	X
19.	<i>Al-Irsyād fī Ma'rifah 'Ulamā' al-Hadīth</i>	X	-	-	X	-	X
20.	<i>Ṣaḥīḥ al-Nasā'i</i>	X	-	-	X	-	X
22.	<i>Ṣaḥīḥ wa Da'iif Sunan Ibn Mājah</i>	X	-	-	X	-	X
23.	<i>Ikhtiyār al-Awlā</i>	X	-	-	X	-	X

24.	<i>Al-Durar al-Muntathirah</i>	X	-	-	X	-	X
	<b>JUMLAH</b>	1	0	0	0	0	0

Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat 1 kesalahan yang berlaku pada matan di dalam *Sahīh Muslim*, *al-Durar al-Saniyyah*. Manakala Islamweb tidak mengalami sebarang perubahan. Walau bagaimanapun, satu kesalahan hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah* bukan bermakna ia tidak boleh dimanfaatkan sama sekali kerana nisbah kesalahan adalah terlalu kecil. Malah pihak pembangun telah menyatakan bahawa *al-Mawsū'ah al-Hadīhiyyah* ini sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa. Maka setiap kesalahan yang dikenal pasti pada hari ini, tidak akan ditemukan pada keesokan harinya.<sup>527</sup> Oleh kerana itu, kesalahan yang ditemui oleh penulis di dalam kajian ini, boleh jadi tidak akan ditemui pada masa yang akan datang.


Jika merujuk kepada bilangan keseluruhan teks hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb, analisis terhadap 200 hadith adalah terlalu kecil sehingga ia tidak memungkinkan untuk penulis memberikan andaian terhadap keseluruhan hadith yang dimuatkan. Ia kerana tidak mustahil berlakunya kesalahan terhadap hadith-hadith selainnya. Oleh demikian, penulis menyarankan agar kedua-dua laman web dijadikan sebagai satu pemudah cara untuk mendapatkan hadith seperti mana yang tersedia di dalam kemudahan perisian komputer. Setelah itu, hadith yang diperoleh perlu dimurnikan dengan penyemakan semula melalui kitab bercetak.

**Kesimpulan:** Berdasarkan kepada 200 hadith yang dijadikan sebagai sampel kajian, nisbah ketepatan hadith yang dimuatkan dalam *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb adalah sebanyak 99.5%. Maka penulis menyimpulkan bahawa kandungan hadith

<sup>527</sup> Bayān Hām, <http://www.dorar.net/art/465>, 9 Ogos 2011.

melalui kedua-dua laman web telah dipelihara secara baik sama ada ketika proses penyalinan berlaku sehingga ia dimuat turun ke dalam internet atau penjagaan terhadap sistem yang melibatkan penyediaan bahan ke dalam laman web.

**Rajah 1:** Peratus Ketepatan Hadith Di Dalam *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb



Rajah 1 menunjukkan peratus ketepatan hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb. 99% mewakili hadith-hadith yang dipaparkan secara tepat dan 1% mewakili hadith yang telah berlaku *al-Muṣahḥaf* di dalam *al-Durar al-Saniyyah*. Begitu juga dengan Islamweb di mana 100% hadith telah dinukilkan secara tepat tanpa sebarang perubahan.

## 4.2 PENILAIAN HUKUM HADITH

### 4.2.1 *Al-Durar al-Saniyyah*

Beberapa perkara yang melibatkan hukum hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah* perlu diberikan perhatian oleh para pengkaji. Hal ini telah dijelaskan melalui ruangan *Tanbīhāt ‘Ilmiyyah*<sup>528</sup> di dalam ruangan pencarian. Antaranya ialah:

<sup>528</sup>Terdapat 15 perkara penting yang perlu diambil perhatian oleh pengkaji. Namun penulis hanya mengambil kira 8 perkara utama dalam memerhatikan hukum hadith yang diketengahkan melalui laman web ini. Lihat *tanbīhāt ‘Ilmiyyah li al-Mawsū‘ah al-Ḥadīthiyah*, <http://dorar.net/art/56>, 25 Mei 2011.

1. *Al-Mawsū‘ah al-Hadīhiyyah* bertujuan untuk memudahkan pengkaji mengetahui hukum-hukum hadith yang telah ditetapkan oleh para *al-Muḥaddith* melalui kaedah *takhrij* yang pelbagai. Walaubagaimanapun, *al-Mawsū‘ah al-Hadīhiyyah* hanya memaparkan kandungan hukum hadith secara ringkas tanpauraian terperinci.
2. Sebagaimana yang diketahui, hukum yang dinukilkkan ke atas sanad hadith sama ada *sahīh* atau *da‘īf*, ke atas perawi sama ada *‘ādil* atau *jarh*, sama sekali tidak menjadi suatu ketetapan yang pasti dalam menghukum sesebuah *matan al-Hadīth*. Ia kerana sebahagian ulama boleh sahaja menghukum sesebuah sanad sebagai *da‘īf* sedangkan sebahagian yang lain umumnya telah menghukum sanad tersebut sebagai *sahīh*. Begitu juga dengan perbezaan pandangan dalam menetapkan hukum sesebuah hadith sebagai *da‘īf* sekalipun didatangkan *syawāhid* dan *mutāba‘āt* kerana perbezaan pandangan di kalangan *al-Muḥaddith* sama ada *syawāhid* dan *mutāba‘āt* tersebut boleh menguatkan sesebuah hadith atau tidak. Oleh demikian, tidak hairanlah sekiranya para pengkaji akan menemukan perbezaan hukum dalam beberapa kitab menerusi matan yang sama.
3. Untuk menentukan sesebuah hukum hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah*, terkadang pihak pembangun tidak dapat mengenal pasti hukum yang ditetapkan oleh *al-Muḥaddith* secara jelas. Dalam hal demikian, hukum hadith akan diletakkan dengan dua tanda penutup [ ]. Selain itu juga, dua tanda penutup [ ] diletakkan sebagai kesimpulan syarat *al-Muḥaddith* yang ditetapkan dalam menghukum hadith. Contohnya:<sup>529</sup>

---

<sup>529</sup> Penulis hanya membawa beberapa contoh sahaja. Untuk keterangan yang lebih terperinci lihat tanbihat ‘Ilmiyyah li al-Mawsū‘ah al-Hadīhiyyah, *ibid*.

- a. Kata-kata Abū Dāwūd dalam risalahnya kepada penduduk mekah:

كُلُّ مَا سَكَتُ عَنْهُ - يعنى: فِي سَنَنِهِ - فَهُوَ صَالِحٌ

Maka ia ditulis dalam *al-Durar al-Saniyyah* sebagai:

سَكَتَ عَنْهُ [وَقَدْ قَالَ فِي رِسَالَتِهِ لِأَهْلِ مَكَّةَ كُلُّ مَا سَكَتَ عَنْهُ فَهُوَ صَالِحٌ]

- b. Kata-kata Ibn Ḥazm dalam kitabnya *al-Muḥallā*:

لَمْ نُحْتَاجْ إِلَّا بِخَيْرٍ صَحِيحٍ مِّنْ رِوَايَةِ الشَّفَاتِ مَسْنَدٌ.

Maka ia ditulis dalam *al-Durar al-Saniyyah* sebagai:

أَحْتَاجُ إِلَيْهِ، وَقَالَ فِي الْمُقْدِمَةِ: (لَمْ نُحْتَاجْ إِلَّا بِخَيْرٍ صَحِيحٍ مِّنْ رِوَايَةِ الشَّفَاتِ مَسْنَدٌ)

- c. Kata-kata al-Mundhirī dalam kitabnya *al-Targhib wa al-Tarhib*:

فَإِذَا كَانَ إِسْنَادُ الْحَدِيثِ صَحِيحًا أَوْ حَسَنًا أَوْ مَا قَارَبَهُمَا صَدَرَتْهُ بِلِفْظَةِ (عَنْ) ... إِلَخ.

Maka ia ditulis dalam *al-Durar al-Saniyyah* sebagai:

[إسناده صحيح أو حسن أو ما قاربهما]

- d. Kata-kata Ibn Daqīq dalam kitabnya *al-Ilmām*:

وَشُرطَيْ فِيهِ أَنْ لَا أُورِدَ إِلَّا حَدِيثَ مَنْ وَثَقَهُ إِمَامٌ مِّنْ مُرْكَبِ رِوَايَةِ الْأَخْبَارِ، وَكَانَ صَحِيحًا عَلَى طَرِيقَةِ  
بعضِ أَهْلِ الْحَقَّاظِ، أَوْ أَئْمَةِ الْفَقِهِ النَّاظَارِ.

Maka ia ditulis dalam *al-Durar al-Saniyyah* sebagai:

[اشترط في المقدمة أنه] صحيح على طريقة بعض أهل الحديث

- e. Kata-kata Aḥmad Syākir dalam kitabnya *Mukhtaṣar Tafsīr Ibn Kathīr*:

اخترت من الأحاديث التي يذكرها أصحها وأقواها إسناداً، وأوضحتها لفظاً... حذفت كل حديث  
ضعيف أو معلول... إلخ.

Maka ia ditulis dalam *al-Durar al-Saniyyah* sebagai:

[أشار في المقدمة إلى صحته]

4. Hukum hadith telah disandarkan secara amanah tanpa sebarang perubahan dari kitab asal sekalipun *al-Muhaddith* tersebut bersendirian dalam menyatakan hukum. Contohnya *al-Muhaddith* bersendirian dalam menetapkan sesebuah hukum hadith sebagai *sahīh* namun sepakat *al-Muhaddith* yang lain menetapkan ia sebagai *da‘īf*, maka hukum hadith tetap diketengahkan dalam *al-Mawsū‘ah al-Hadīhiyyah* sebagai *da‘īf* bukannya menurut sepakat *al-Muhaddith* sebagai *sahīh*.

Perkara ini dijelaskan dengan pemerhatian penulis terhadap beberapa hukum hadith yang dinyatakan melalui laman web. Contoh hadith طلب العلم فريضة على كل مسلم dinyatakan hukumnya dalam kitab *al-Bahr al-Zakhkhār* sebagai *ghayr al-Sahīh*,<sup>530</sup> *Ta‘liqāt ‘alā Majruḥayn* oleh al-Sajjiy sebagai *munkar*,<sup>531</sup> *Tārīkh al-Baghdād* oleh al-Khāṭib al-Baghdādī sebagai *isnāduhu bātil*<sup>532</sup> dan sebagainya.<sup>533</sup> Namun oleh kerana sokongan melalui jalan periwayatan yang lain seperti riwayat al-Bayhaqī di dalam kitabnya *Syu‘ab al-Imān*, al-Ṭabrānī melalui kitabnya *Mu‘jam al-Ṣaghīr*,<sup>534</sup> maka Albani telah menghukum ia sebagai *sahīh*.<sup>535</sup> Oleh demikian, hadith طلب العلم فريضة على كل مسلم turut dinyatakan hukumnya dalam beberapa kitab sebagai *sahīh* seperti kitab *Majmū‘ Fatawā Ibn Bāz*, *Jāmi‘ al-Ṣaghīr* oleh al-Suyūṭī,<sup>536</sup> *Mukhtaṣār al-Maqāṣid* oleh al-Zarqānī, *Sahīh Ibn Mājah* dan *Sahīh al-Targhib* oleh Albānī.<sup>537</sup> Malah terdapat beberapa

---

<sup>530</sup> Al-Durar al-Saniyyah, <http://www.dorar.net/enc/hadith&skeys=طلب+العلم+فريضة>=1, 25 Mei 2011.

<sup>531</sup> *Ibid.*

<sup>532</sup> Al-Durar al-Saniyyah, <http://www.dorar.net/enc/hadith&skeys=طلب+العلم+فريضة>=2, 25 Mei 2011.

<sup>533</sup> Al-Durar al-Saniyyah, <http://www.dorar.net/enc/hadith/+p>, 21 Oktober 2010.

<sup>534</sup> Ali Mustafa Yaqub M.A. (2008), *Hadith-Hadith Bermasalah*, Jakarta: Pustaka Firdaus, h. 7.

<sup>535</sup> Mohd Faisal Ahmad Shah (2010), *Op.cit.*, h. 133.

<sup>536</sup> *Ibid.*, <http://www.dorar.net/enc/hadith/+p&page=3>, 8 Februari 2011.

<sup>537</sup> *Ibid.*, <http://www.dorar.net/enc/hadith/+p&page=4>, 8 Februari 2011.

kitab lain menghukumnya sebagai *ḥasan* seperti kitab *Tadrib al-Rāwī* oleh al-Suyūṭī dan *Syarah Musnad Abī Hanifah* oleh Mulā ‘Alī Qārī.<sup>538</sup>

Selain itu, penulis juga telah meneliti keabsahan hukum hadith dalam *al-Durar al-Saniyyah* berbanding kitab asal. Contoh hukum hadith yang dimuatkan dalam kitab *Bulūgh al-Maram* dan *al-Irsyād fī Ma‘rifah Ahl al-Hadīth*.

### Contoh 1:

Hukum hadith di dalam *Bulugh al-Maram*, *al-Durar al-Saniyyah*:<sup>539</sup>

أن النبي صلى الله عليه وسلم قبل بعض نسائه ثم خرج إلى الصلاة ولم يتوضأ  
الراوی: عائشة المحدث: **البخاري** -المصدر: **بلغ المرام** - الصفحة أو الرقم 30 :  
خلاصة حكم المحدث: ضعيف

Hukum hadith di dalam *Bulūgh al-Maram*<sup>540</sup> bercetak:

(١٨) وعن عائشة رضي الله تعالى عنها، أن النبي ﷺ قُتل بعض نسائه ثم  
هرج إلى الصلاة ولم يترضاً. أخرجه أحمد وصحيفة البحارى.

**Ulasan:** Berdasarkan dua perbandingan di atas, Ibn Ḥajar telah mengambil pandangan Imām al-Bukhārī yang berpendapat bahawa hadith ini dinilai sebagai *da’if*. Maka menerusi *al-Durar al-Saniyyah*, *al-Muḥaddith* dicatatkan sebagai al-Bukhari dan *khulāṣah ḥukm al-Hadīth* sebagai *da’if*. Maka ia bertepatan dengan hukum hadith di dalam kitab asal di mana Ibn Ḥajar menukilkan ضعفه البخاري.

<sup>538</sup> Ibid., <http://www.dorar.net/enc/hadith/%D8%A7%D9%84%D8%A3%D9%85%D9%84-%D9%81%D9%8A%D8%A7%D8%AA%D8%A8%D9%8A%D8%A9/p&page=3>, Op.cit. Lihat perbahasan hukum mengenai hadith ini dalam Ali Mustafa Yaqub M.A. (2008), Op.cit. Lantaran itu, perbezaan hukum hadith telah dijelaskan oleh pihak pengurusan laman web melalui ruangan *rasilna* (soal jawab) dengan menyatakan bahawa isu penetapan hukum hadith adalah mengikut ijihad para ulama' yang bergantung pada kajian dan perbahasan masing-masing. Lihat Ibid., [http://www.dorar.net/contact\\_us](http://www.dorar.net/contact_us), 20 Oktober 2010.

<sup>559</sup> Al-Durar al-Saniyyah, [http://www.dorar.net/enc/hadith&skeys=&xclude=&&s\[\]](http://www.dorar.net/enc/hadith&skeys=&xclude=&&s[])=13553&degree\_cat=0&sort=mhd&page=0, 26 Julai 2011.

<sup>540</sup> Merujuk kepada al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (2004), *Op.cit.*, c. 6, h. 33.

Contoh 2:

Hukum hadith di dalam *al-Irsyād fī Ma‘rifah ‘Ulamā’ al-Hadīth, al-Durar al-Saniyyah*:<sup>541</sup>

كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَإِذَا نُودِيَ بِالصَّلَاةِ قُمْنَا إِلَى قَسْبِينَا وَسَيِّفَنَا فَصَلَّيْنَا فِيهَا بِمَنْزِلَةِ النَّدَاءِ

الراوي : وائلة المحدث : الخليلي - المصدر : الإرشاد - الصفحة أو الرقم 2/466 :  
خلاصة حكم المحدث : غريب لم يروه غير مكحول

Hukum hadith di dalam *al-Irsyād fī Ma‘rifah ‘Ulamā’ al-Hadīth*<sup>542</sup> bercetak:

الجرجاني ، حدثنا عَفَّانَ بْنُ سَيَارَ الْجَرْجَانِي ، حدثنا العَلَاءُ بْنُ الْحَارِثِ عَنْ مَكْحُولٍ عَنْ وَائِلَةٍ قَالَ : كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَإِذَا نُودِيَ بِالصَّلَاةِ قُمْنَا إِلَى قَسْبِينَا وَسَيِّفَنَا فَصَلَّيْنَا فِيهَا بِمَنْزِلَةِ النَّدَاءِ (١) . غريب لم يروه غير مكحول .

**Ulasan:** Hadith ini telah dinyatakan oleh al-Khalīlī sebagai *gharīb* di mana *Makhlūl* telah meriwayatkan hadith secara bersendirian ‘غريب لم يروه غير مكحول’.

Oleh demikian, melalui *al-Durar al-Saniyyah, al-Muhaddith* dicatatkan sebagai al-Khalīlī dan *khulāṣah ḥukm al-Hadīth* sebagai *gharīb*. Maka ia adalah bertepatan dengan hukum hadith yang dinyatakan melalui kitab asal.

5. Terdapat 4 pilihan carian yang melibatkan hukum hadith iaitu (1) *Aḥādīth Ṣaḥīḥah wa Mā Fī Ḥukmihā*. (2) *Aḥādīth Asānīdihā Ṣaḥīḥah wa Mā Fī Ḥukmihā*. (3) *Aḥādīth Da‘īfah wa Mā Fī Ḥukmihā*. (4) *Aḥādīth Asānīdihā Da‘īfah wa Mā Fī Ḥukmihā*. Sekiranya terdapat hukum hadith yang tidak jelas atau yang tidak dapat dikenalpasti maksud yang disampaikan oleh *al-Muhaddith*,

<sup>541</sup> Al-Durar al-Saniyyah, <http://www.dorar.net/enc/hadith?skeys=%D9%86%D8%A7%D8%A1+%D9%86%D9%84%D9%8A+%D8%A8%D8%A7%D8%A1%D8%A7%D8%A1%D8%A9>. 26 Julai 2011.

<sup>542</sup> Merujuk kepada al-Ḥāfiẓ Abī Ya‘lā al-Khalīl b. ‘Abd Allah b. Ahmad Ibn al-Khalīl al-Qazawaynī (t.t.), *Op.cit.*, j.2, h. 446.

maka pihak pembangun tidak meletakkan hadith tersebut di bawah 4 kategori yang dinyatakan tetapi ia boleh ditemui dengan pemilihan *al-Jāmi'*.

6. Antara lafaz-lafaz yang menunjukkan *hadīth maqbūl* ialah المحفوظ - المعروف - المتفق عليه - المستقيم - الجيد - المجدود - القوي - الثابت - المشبه - الحجة - الصالح - على شرط البخاري ومسلم - أو على شرط أحدهما.
7. Hukum hadith dengan kalimah [في إسناده فلان] [فِيهِ فَلَانٌ] atau kebiasaannya menunjukkan *keđa 'ifan* sesebuah hadith atau sanad hadith disebabkan perawi tersebut.
8. Hadith-hadith yang dimuatkan ke dalam *Mawsū'ah* merupakan hadith-hadith yang telah diletakkan hukum ke atasnya. Oleh demikian, *al-Durar al-Saniyyah* telah menggunakan kitab-kitab *tahqīq* bagi memudahkan proses pemilihan hukum hadith.<sup>543</sup> Selain itu, *al-Durar al-Saniyyah* juga turut menggunakan kitab yang telah *ditakhrīj*. Contohnya penulis mendapati bahawa hasil carian terhadap hadith-hadith di dalam *Sunan al-Nasā'i* dan *Sunan Ibn Mājah* memaparkan hadith-hadith dari kitab *Ṣaḥīḥ al-Nasā'i* atau *Da'iif al-Nasā'i* dan *Ṣaḥīḥ Ibn Mājah* atau *Da'iif Ibn Mājah* karangan Albāñi tanpa mengemukakan hadith dari kitab asal *Sunan al-Nasā'i* karangan Imām al-Nasā'i atau *Sunan Ibn Mājah* karangan Imām Ibn Mājah.

#### 4.2.2 Islamweb

Berdasarkan pemerhatian penulis terhadap hukum hadith yang diketengahkan di dalam Islamweb, ia adalah bersandar kepada status perawi di dalam sanad. Sebagaimana hadith طلب العلم فريضة على كل مسلم dinyatakan hukum sanadnya pada beberapa riwayat

<sup>543</sup>Rujuk *al-Tabā'at al-Muta'ammidah* berupa halaman yang menyenaraikan maklumat kitab-kitab yang digunakan. *al-Tabā'at al-Muta'ammidah*, [http://www.dorar.net/hadith\\_refs](http://www.dorar.net/hadith_refs), 10 Jun 2011.

sebagai *syadīd al-Da‘fī* kerana perawi Abu Nu‘aym al-Khurasānī dinilai sebagai *matrūk al-Hadīth*,<sup>544</sup> *da‘if* yang boleh diangkat menjadi *hasan* kerana Ma‘āqī b. ‘Umrān dinilai sebagai *laysa bi al-Qawīy*,<sup>545</sup> *mawdu‘* kerana Ziyād b. Maymūn dinilai sebagai *muttaham bi al-Wad‘ī*,<sup>546</sup> dan lain-lain. Oleh itu penulis menyimpulkan bahawa Islamweb tidak mengemukakan hukum hadith berdasarkan sumber asal atau menurut pandangan *al-Muḥaddith* yang dapat dikenal pasti melalui *kutub al-Takhrij* atau kitab *tahqīq* tetapi ia menilai berdasarkan status hukum perawi di dalam sanad. Di samping itu juga, hukum hadith ditentukan tanpa mengambil kira *syawāhid* dan *mutāba‘āt*. Maka hukum sanad tidak semestinya mewakili hukum bagi matan. Matan yang sama dengan *turuq sanad* yang berlainan akan menghasilkan natijah hukum yang berbeza.

Hukum hadith yang dinyatakan adalah bergantung sepenuhnya pada penilaian *jarh wa ta‘dīl* yang telah diringkaskan kepada (1) *Sahābah* (2) *Thiqah* (3) *Husn al-Hadīth* (4) *Laysa bi al-Qawīy* (5) *Mawdū‘ Thuqūt* (6) *Da‘if* (7) *Syadīd al-Da‘fī* (8) *Muttaham bi al-Wad‘ī*.

**Jadual 6:** Jadual 6 menjelaskan berkenaan darjat hadith yang mewakili status *jarh wa ta‘dīl*.

NO.	DARJAT HADITH	TINGKATAN JARH WA TA‘DIL
1.	<i>Sahīh</i> <sup>547</sup>	<i>Sahābah</i> dan <i>Thiqah</i>
2.	<i>Hasan</i>	<i>Husn al-Hadīth</i>
3.	<i>Da‘if</i> yang boleh diangkat menjadi <i>hasan</i>	<i>Laysa bi al-Qawīy</i> ,
4.	<i>Da‘if</i>	<i>Mawdū‘ Thuqūt</i> , <i>Da‘if</i> , <i>Syadīd al-Da‘fī</i> , dan <i>Muttaham bi al-Wad‘ī</i> .

<sup>544</sup> *Ibid.*, [http://global.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=480&hid=3322&pid=482297](http://global.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=480&hid=3322&pid=482297), 13 November 2010.

<sup>545</sup> *Ibid.*, [http://global.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=475&hid=8604&pid=674467](http://global.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=475&hid=8604&pid=674467), 13 November 2010.

<sup>546</sup> *Ibid.*, [http://global.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=1184&hid=25&pid=0](http://global.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=1184&hid=25&pid=0), 13 November 2010.


<sup>547</sup> *Sahīh* juga adalah merujuk kepada hukum hadith yang dinyatakan sebagai *rijāluhu thiqāt*, *isnāduhu muttaṣil*, dan *rijāl ‘alā syart Imām Muslim* atau *Imām al-Bukhārī*.

Tingkatan *jarh wa ta'dil* yang dinyatakan adalah berupa kesimpulan terhadap status *jarh wa ta'dil* bagi perawi. Sekiranya seorang perawi dinilai sebagai *husn al-Hadīth*, maka ia telah dinilai sebagai *ṣadūq* oleh ulama *rijāl*. Begitu juga sekiranya perawi dinilai sebagai *syadīd al-Da'fi*, maka ia telah dihukum sebagai *matrūk al-Hadīth*. Contoh:<sup>548</sup>



Gambar 22

Gambar 22 menunjukkan rantaian sanad bagi hadith yang عَنِ النَّبِيِّ، وَغَيْرِ النَّبِيِّ diriwayatkan oleh Abu Nu‘aym dalam kitabnya *Sifah al-Jannah* melalui jalur sanad Salmah b. Yazid. Hadith ini telah dihukum sebagai *syadīd al-Da'fi* kerana Jābir b. Yazid dinilai sebagai *matruk al-Hadīth*.



Gambar 23

Gambar 23 menunjukkan rantaian sanad bagi hadith مَنْ الصَّلَوَاتِ الْمُكْتُوبَاتِ..... yang diriwayatkan oleh Imām al-Dārimī di dalam kitabnya *Sunan al-Dārimī* melalui jalur

<sup>548</sup> Islamweb, [http://www.islamweb.net/hadith/dyntree1.php?type=3&sid=3526&bk\\_no=632&cid=2904](http://www.islamweb.net/hadith/dyntree1.php?type=3&sid=3526&bk_no=632&cid=2904) dan [http://www.islamweb.net/hadith/dyntree1.php?type=3&sid=2069&bk\\_no=137&cid=668](http://www.islamweb.net/hadith/dyntree1.php?type=3&sid=2069&bk_no=137&cid=668), 22 Jun 2011.

sanad Jābir b. ‘Abd Allah. Hadith ini dihukum sebagai *hasan* kerana Ṭalḥah b. Nāfi‘ dinilai sebagai *ṣadūq*.

Hukum sanad hadith yang dinyatakan sebagai ضعيف ويحسن إذا توبع menunjukkan bahawa kedā ‘īfan hadith adalah bersifat ringan. Contohnya hukum hadith مَنْ بَدَا بِالْكَلَامِ قَبْلَ السَّلَامِ فَلَا إِسْنَادُه ضعيف ويحسن إذا توبع 549 dinyatakan sebagai ثَجِيبُوه. Ia menunjukkan bahawa hadith tersebut telah dihukum sebagai *da’īf* kerana terdapat perawi bernama ‘Abbās b. Aḥmad yang dinilai sebagai *Laysa bi al-Qawīy*.<sup>550</sup> Oleh demikian, *da’īf* yang dimaksudkan adalah *da’īf* yang tidak terlalu *syadīd* sehingga memungkinkan ia menjadi *hasan* sekiranya terdapat *mutāba‘āt* yang lain.

#### 4.2.3 Kesimpulan Hukum

Analisis hukum hadith dalam kedua-dua laman web mendapati bahawa ia telah ditentukan dengan pendekatan yang berbeza. *Al-Durar al-Saniyyah* telah menyandarkan hukum hadith dari kitab asal tanpa melakukan sebarang perubahan walaupun ia bertentangan dengan pandangan majoriti *al-Muhaddith*. Penukilan hukum dilakukan secara amanah bertepatan dengan hukum di dalam kitab asal. Manakala Islamweb mengetengahkan hukum berdasarkan kepada penilaian status perawi di dalam sanad. Oleh demikian, tidak hairan lah sekiranya sebuah hadith yang diambil dari kitab yang sama telah dinyatakan di dalam *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb dengan hukum yang berbeza. Contohnya hadith ..... من عاد مريضا ، أو زار أخا له في الله ناداه مناد riwayat Imām al-Tirmidhī dalam kitabnya *Sunan al-Tirmidhī*. Hadith ini telah dinyatakan dalam

<sup>549</sup> *Ibid.*, [http://www.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?hflag=1&bk\\_no=488&pid=127031](http://www.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?hflag=1&bk_no=488&pid=127031), 22 Jun 2011.

<sup>550</sup> *Ibid.*, [http://www.islamweb.net/hadith/dyntree1.php?type=3&sid=4967&bk\\_no=488&cid=4730](http://www.islamweb.net/hadith/dyntree1.php?type=3&sid=4967&bk_no=488&cid=4730), 22 Jun 2011.

*al-Durar al-Saniyyah* sebagai *ḥasan ghariṭ* menepati hukum hadith di dalam kitab asal.<sup>551</sup>

من عاد مريضا ، أو زار أخا له في الله ناداه مناد : أن طبت وطاب مشاك وتبؤات من الجنّة منزلًا  
الراوي: أبو هريرة المحدث: الترمذى -المصدر: سنن الترمذى- الصفحة أو الرقم 2008 :  
خلاصة حكم المحدث: حسن غريب<sup>552</sup>

Walau bagaimanapun, hadith ini telah dinyatakan hukumnya sebagai *da’if* di dalam Islamweb kerana terdapat perawi ‘Isā b. Sinān al-Qasmalī yang dinilai sebagai *da’if*.

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ، وَالْحُسَيْنُ بْنُ أَبِي كَبِشَةَ الْبَصْرِيِّ ، قَالَا: حَدَّثَنَا يُوسُفُ بْنُ يَعْقُوبَ السَّدُوْسِيُّ ، حَدَّثَنَا أَبُو سِنَانِ الْقَسْمَلِيُّ هُوَ الشَّامِيُّ، عَنْ عُشْمَانَ بْنِ أَبِي سَوْدَةَ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ عَادَ مَرِيضاً، أَوْ زَارَ أَخَا لَهُ فِي اللَّهِ نَادَاهُ مُنَادٍ أَنْ طِبَّ وَطَابَ مَمْشَاكَ وَتَبَؤَاتَ مِنَ الْجَنَّةِ مُنْزَلًا، قَالَ أَبُو عِيسَى: هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ، وَأَبُو سِنَانٍ اسْمُهُ عِيسَى بْنُ سِنَانٍ، وَقَدْ رَوَى حَمَادُ بْنُ سَلَمَةَ، عَنْ ثَابِتٍ، عَنْ أَبِي رَافِعٍ ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَيْئًا مِنْ هَذَا

الحكم المبدئي: إسناد ضعيف فيه عيسى بن سنان القسملي وهو ضعيف الحديث<sup>553</sup>

Justeru, pengambilan hukum hadith melalui *al-Durar al-Saniyyah* adalah lebih selamat kerana ia telah dinaqalkan sebagaimana yang terdapat di dalam kitab asal. Namun, penilaian hukum hadith melalui kedua-dua laman web perlu dimurnikan kembali melalui perbandingan keabsahan hukum dalam kitab *taḥqīq* atau *kutub al-Takhrij*. Para pengkaji dinasihatkan supaya tidak bergantung sepenuhnya kepada maklumat hukum dan status hukum perawi yang dipaparkan kerana penentuan sesuatu hukum oleh *al-Muhaddith* memerlukan kepada skop perbincangan yang lebih terperinci melalui rujukan terhadap kitab-kitab muktabar. Di samping itu, pengkaji juga tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada hukum perawi dalam *al-Asāniḍ* kerana terdapat

<sup>551</sup> Penulis telah merujuk *Sunan al-Tirmidhi* dalam *Mawsu’ah al-Kutub al-Sittah*. Lihat Imām al-Tirmidhī (2000), *Jāmi’ al-Tirmidhī* dalam *Mawsu’ah Kutub al-Sittah*, Kitāb al-Bir wa al-Šilāh, Bāb Fī Ziyārah al-Ikhwān, no. 2008, h. 1853.

<sup>552</sup> Al-Durar al-Saniyyah, <http://www.dorar.net/enc/hadith/%D9%85%D9%86+%D8%A7%D8%A1+%D8%A5%D8%A7%D8%A1%D8%A7%D9%86+P>, 22 Jun 2011.

<sup>553</sup> Islamweb, [http://www.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=195&hid=1928&pid=442672](http://www.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=195&hid=1928&pid=442672), 22 Jun 2011.

perselisihan pandangan di kalangan ulama *al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl* mengenai status perawi sebagaimana yang boleh dilihat dalam *Ruwāh Ḥadīth Jawāmi‘ Al-Kalim*:<sup>554</sup> *al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl* atau berdasarkan kitab seperti *Taqrīb al-Tahdhīb* oleh Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī.<sup>555</sup>

### **4.3 KEBAIKAN DAN KEKURANGAN *AL-DURAR AL-SANIYYAH* DAN ISLAMWEB**

Setelah melakukan penelitian yang mendalam ke atas *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb, penulis telah mengenal pasti beberapa keistimewaan dan kelemahan kedua-dua laman web.

#### **4.3.1 *Al-Durar al-Saniyyah***

##### **Keistimewaan:**

1. Ruangan carian hadith yang fleksibel di mana mengumpulkan beberapa aspek carian dalam satu ruangan seperti pilihan kitab dan *al-Muḥaddith*, pilihan kaedah carian hadith, dan pilihan hukum hadith.
2. Menyediakan 5 kaedah carian hadith (*khiyārāt al-Baḥth*) yang memaparkan hasil carian yang lebih luas melalui kata kunci hadith yang diletakkan.
3. Selain paparan teks hadith dan beberapa maklumat lain yang dikemukakan, disediakan juga ruangan ‘*ard akthār al-Natā’ij* untuk melihat hasil carian berdasarkan *al-Maṣdar*, *al-Muḥaddith*, dan *khulāṣah ḥukm al-Muḥaddith*. Ia memudahkan pembaca untuk melihat hadith yang dicari sama ada melalui

<sup>554</sup> *Ruwāh Ḥadīth Jawāmi‘ Al-Kalim*, <http://www.islamweb.net/hadith/RawyList.php>, 27 Jun 2011.

<sup>555</sup> Faisal Ahmad Shah (2010), *Op.cit.* h. 123.

kitab/sumber tertentu, diriwayatkan oleh *al-Muhaddith* tertentu atau hukum hadith tertentu.

4. Memberikan keterangan ringkas bagi *al-Muhaddith* dan *al-Masdari*. Penerangan *al-Muhaddith* melibatkan nama penuh, tahun wafat, dan pujian ulama' lain terhadap mereka. Biodata ringkas *al-Muhaddith* ini juga boleh diperolehi melalui halaman *tarājim al-Muhaddith*. Manakala bagi *al-Masdari* dinyatakan nama pengarang, *pentaḥqīq* kitab, penerbit, bilangan cetakan, tahun cetakan dan bidang ilmu kitab tersebut.
5. Selain carian hadith, ia juga menyediakan perkhidmatan tambahan iaitu carian *gharīb al-Hadīth* dan *Aḥādīth al-Muntasyirah fī al-Intirnāt* berupa ruangan yang mengumpulkan hadith-hadith bermasalah yang tersebar di dalam internet.
6. Ayat al-Quran di dalam matan disertakan dengan nama surah dan bilangan ayat. Contoh hadith *Sahīh Muslim* dalam *Kitab al-Ṣalāh, Bāb al-Istimā‘ li al-Qir’ah*:<sup>556</sup>

عن ابن عباس ، في قوله عز وجل : { لا تحرك به لسانك } [ 75 ] / القيامة / الآية 16 – 19

7. Menyediakan halaman penerangan terhadap tata cara penggunaan *mawsū‘ah al-Hadīthiyyah* melibatkan penerangan terhadap kaedah pencarian, fungsi *khiyārah al-Bahth*, pemilihan *al-Masdari*, *al-Muhaddith*, dan *hukm al-Hadīth*.
8. Hukum hadith telah dinaqalkan secara amanah tanpa sebarang perubahan dari kitab asal.
9. Mesra pembaca dan mudah untuk digunakan.

---

<sup>556</sup> Al-Durar al-Saniyyah, <http://www.dorar.net/enc/hadith>, 9 Julai 2011.

**Kelemahan:**

1. Carian hadith hanya menggunakan lafaz atau ibarat hadith tanpa disediakan carian melalui perawi.
2. Teks hadith tidak disertai baris. Ia menyukarkan pengkaji untuk mendapatkan bacaan hadith secara tepat.
3. Hanya menyatakan *rāwi al-A‘lā* tanpa disertakan rantaian sanad bagi hadith.
4. Tidak dinyatakan nama kitab dan bab bagi hadith.
5. Hukum hadith dinyatakan secara ringkas dan merupakan kesimpulan bagi sesuatu perbahasan hukum hadith. Oleh kerana itu, pengkaji boleh menjadikan ia sebagai landasan dan penilaian awal sebelum meneliti perbahasannya dengan lebih terperinci di dalam kitab.
6. Teks hadith yang dipaparkan terlalu kecil sehingga huruf hamzah (ء) kelihatan seperti titik. Ia memerlukan kepada ‘zoom in’ untuk melihat teks hadith yang lebih jelas terutama kepada pengguna yang menggunakan paparan skrin bersaiz kecil seperti netbook.
7. Permasalahan pada enjin carian. Ia jelas kelihatan apabila pengkaji melakukan pencarian dengan pemilihan kitab-kitab tertentu. Beberapa cubaan penulis untuk mencari hadith di dalam kitab seperti kitab *Aḥkām al-Janā’iz*, *al-Bahr al-Zakkāh* dan *Tārīkh al-Baghdād* tidak menemukan sebarang hasil.

**4.3.2 Islamweb****Keistimewaan:**

1. Ruangan carian hadith yang ringkas dan mudah. Pilihan perncarian yang lain seperti carian melalui kategori hadith (*al-Bahth al-Mutaqaddim li al-Hadīth*) dan

carian maklumat perawi (*al-Bahth al-Mutaqaddim li al-Ruwāh*) boleh dilihat melalui halaman yang lain.

2. Pilihan carian hadith melalui *al-Bahth al-Mutaqaddim li al-Hadīth* tidak hanya memberi pilihan carian terhadap hukum hadith sama ada *sahīh*, *ḥasan*, dan *da’īf* sahaja malah turut menyediakan carian berdasarkan kategori dan jenis hadith:  
(1) *Marfū‘* atau *qudsī*. (2) *Qawliyyah, fi ‘liyyah, taqrīriyyah* atau *syamā‘il*.
3. Selain menyediakan carian bagi hadith, ia juga turut menyediakan carian bagi perawi untuk membantu pembaca mendapatkan maklumat pengenalan dan *al-Jarh wa al-Ta‘dīl* terhadap perawi yang dikehendaki
4. Maklumat dan rujukan hasil carian boleh dikatakan tepat dan menyeluruh seperti sanad dan matan hadith, maklumat perawi, sumber hadith, hukum hadith, peletakan kitab dan bab serta maklumat tambahan melalui pautan *takhrij*, *syawāhid*, *atrāf* dan *al-Asānid*.
5. Teks hadith disertai baris. Ia memudahkan pembaca untuk mendapatkan bacaan hadith secara tepat.
6. Menyediakan 4 bentuk maklumat hasil carian yang memudahkan pengaplikasian terhadap *takhrij al-Hadīth* iaitu *takhrij*,<sup>557</sup> *syawāhid*,<sup>558</sup> *atrāf*,<sup>559</sup> *al-Asānid*,<sup>560</sup>
7. Pembaca boleh merujuk kitab/sumber asal yang dinyatakan kerana melalui ruangan *al-Maktabah*, pembaca dapat melihat kitab-kitab di dalam *Mawsū‘ah* dengan beberapa maklumat seperti penerbit dan tahun terbitan.
8. Teks hadith disertai dengan sanad dan disediakan kemudahan bagi melihat kritikan *al-Jarh wa al-Ta‘dīl* bagi setiap perawi di dalam sanad tersebut.
9. Maklumat *al-Jarh wa al-Ta‘dīl* yang terperinci dengan maklumat seperti pengenalan umum perawi, kritikan ulama *jarh wa ta‘dīl*, guru dan murid bagi

<sup>557</sup> Melihat sumber lain bagi matan yang sama atau makna lafadz yang hampir sama daripada perawi sahabat yang sama.

<sup>558</sup> Melihat sahabat-sahabat lain yang meriwayatkan hadith yang sama atau makna lafadz yang hampir sama.

<sup>559</sup> Mengemukakan lafadz atau makna hadith yang sama, melalui riwayat perawi yang sama atau perawi yang berbeza, dalam kitab dan bab yang lain.

<sup>560</sup> Mengemukakan rantaian sanad hadith dari aspek *atrāf*, *takhrij* dan *syawāhid*.

perawi dan beberapa maklumat yang dimuatkan dalam *Tahdhib al-Kamāl* karangan *al-Mizzī*.

10. Menyediakan kemudahan pencarian syarah hadith.
11. Ayat al-Quran di dalam matan disertakan dengan nama surah dan bilangan ayat.

Contoh hadith *Musnad Ahmad* dalam *Musnad al-'Asyarah al-Mubasyirin bi al-Jannah, Musnad al-Zubayr b. al-'Awwām*.<sup>561</sup>

عَنِ الرَّبِيْرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : لَمَّا نَزَلْتُ : ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عِنْدَ رِبِّكُمْ تَخْتَصِّمُونَ

سورة الزمر آية 31

12. Memandangkan perisian *Jawāmi‘ al-Kalim* tidak sesuai digunakan bagi pengguna komputer berkuasa rendah seperti intel atom atau celeron, maka Islamweb merupakan wadah yang tepat untuk menggantikan perisian tersebut.
13. Mesra pembaca dan mudah untuk digunakan.

### **Kelemahan:**

1. Teks hadith pada paparan carian awal terlalu kecil dan perlu ‘zoom in’ untuk paparan yang lebih besar dan jelas.
2. Paparan carian awal perlu di ‘klik’ satu persatu untuk melihat matan penuh hadith.
3. Hasil carian adalah berdasarkan lafaz yang tepat dan bukan lafaz yang hampir sama.
4. Hukum hadith dinyatakan secara ringkas dan merupakan kesimpulan hukum bagi hadith. Tidak dinyatakan ulama yang menyatakan hukum hadith tersebut.
5. Setiap hasil carian teks hadith akan disertai dengan *takhrij*, *syawāhid*, *aṭrāf* dan *al-Asānid* namun sebahagian hadith tidak mempunyai salah satu atau lebih dari empat eleman tersebut.

<sup>561</sup> Islamweb, [http://www.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=121&pid=672330&hid=1351](http://www.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=121&pid=672330&hid=1351), 9 Julai 2011.

6. Tidak semua hadith dinyatakan nama kitab dan bab. Sepanjang penelitian penulis, terdapat beberapa hadith yang tidak disertai dengan nama kitab dan bab seperti yang berlaku di dalam *al-Lāli' al-Maṣnū 'ah fī al-Aḥādīth al-Mawḍū 'ah* oleh *al-Suyūṭī*. Maka hasil carian yang memaparkan hadith melalui kitab tersebut, tidak dinyatakan padanya nama kitab dan bab.
7. Permasalahan teknikal pada enjin carian di mana terdapat beberapa cubaan penulis yang tidak mendatang sebarang hasil carian bagi sesetengah hadith. Sedangkan sekiranya hadith tersebut di cari melalui kaedah manual, ia dapat dijumpai di dalam kitab-kitab tertentu.
8. Berlaku beberapa permasalahan teknikal yang melibatkan susunan kitab dan kehilangan beberapa maklumat hasil carian. Oleh kerana Islamweb dibina melalui sebuah sistem, maka tidak mustahil ia terdedah kepada permasalahan tersebut:
  - i. Permasalah dari sudut susunan kitab.
    - *Sunan al-Nasā'ī* hanya mengandungi kitab *al-Tahārah* sahaja
    - Susunan kitab di dalam Musnad Ahmad dengan *Musnad al-'Asyarah Mubasyirīn bi al-Jannah* sebagai satu bab utama dan selainnya seperti *Musnad Khulafā' al-Rāsyidīn*, *Musnad Ahl al-Bayt*, *Musnad Abī Hāsyīm* menjadi sub bagi bab tersebut.<sup>562</sup> Di samping itu, tidak semua kitab dimasukkan dalam *Musnad Ahmad*.<sup>563</sup>
    - Terdapat beberapa kitab yang keciran seperti *Muṣannaf 'Abd al-Razzāq* tanpa *kitāb al-Jāmi'*, *Tarḥ al-Tathrīb* sehingga *kitab al-Syahādah* sahaja,<sup>564</sup> *Dalā'il Nubuwwah* tidak disertakan *Kitab Jimā' al-Mub'ath*,

<sup>562</sup> Sepatutnya *Musnad Khulafā' al-Rāsyidīn*, *Musnad Ahl al-Bayt*, *Musnad Abī Hāsyīm* dan lain-lain diletakkan sebagai bab utama sebagaimana di dalam kitab asal, bukannya sub bagi bab *Musnad al-'Asyarah Mubasyirīn bi al-Jannah*. Islamweb, [http://www.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=121](http://www.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=121), 6 Ogos 2011.

<sup>563</sup> Islamweb, [http://www.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=121&pid=672320](http://www.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=121&pid=672320), 6 Ogos 2011.

<sup>564</sup> Islamweb, [http://www.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=962](http://www.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=962), 6 Ogos 2011..

*Jimā' Abwāb Mā Zahara 'Alā Rasūlullah s.a.w., Jimā' Abwāb al-Sarāyā,*

*Jimā' Abwāb wa Fūdu al-'Arab* dan lain-lain.

ii. Permasalahan pada maklumat hasil carian.

- Hukum hadith tidak dinyatakan seperti yang berlaku pada kebanyakan hadith di dalam *Muṣannaf 'Abd al-Razzāq*,<sup>565</sup> *Tarḥ al-Tathrīb*,<sup>566</sup> *Sifah al-Jannah Abū Nu'aym*,<sup>567</sup> *Muwaṭṭā' Mālik*,<sup>568</sup> dan lain-lain. Namun kekurangan ini telah ditampung oleh pautan *al-Asāniḍ* kerana melalui *aṭrāf* dalam *al-Asāniḍ*, pengkaji boleh melihat hukum hadith yang tidak dipaparkan.
- Tiada pautan *takrij*, *syawāhid*, *aṭrāf*, dan *al-Asāniḍ* pada beberapa hadith.<sup>569</sup> Pautan ini sangat penting kerana 4 elemen tersebut merupakan salah satu keistimewaan yang membezakan Islamweb berbanding laman web yang lain.

iii. Kesalahan teknikal pada baris.

- Pada beberapa bahagian tertentu, baris *dammah* kelihatan seperti baris *fathah*. Rujuk gambar di bawah:<sup>570</sup>

→ ← حَدَّثَنَا أَبُو الْتَّعْمَانُ ، حَدَّثَنَا حَمَادٌ ، عَنْ أَبِي جَمْرَةَ الصَّبَّابِ  
لَهُ ، إِنَّا هَذَا الْحَيَّ مِنْ رَبِيعَةَ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ كُفَّارٌ مُضَرِّ فَلَسْنَا  
أَرْبَعَ وَأَنْهَاكُمْ عَنْ أَرْبَعِ الْإِيمَانِ بِاللَّهِ ، شَهَادَةً أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا  
لَهُ وَأَنْهَاكُمْ عَنِ الدِّبَاءِ، وَالنَّقِيرِ، وَالْحَنْمَ، وَالْمَرْفَتِ "

Gambar 24

<sup>565</sup> Contohnya hadith di dalam *Kitāb al-Ṣalāh*, *Bāb al-Rajul Yansā Ṣalāh fa Yadhku ruha fī Waqt Ākhār* dan *Kitāb al-Talaq*, *Bāb Qazafuhā Qabl an Tahdī*. Lihat Islamweb, [http://www.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?hflag=1&bk\\_no=60&pid=351085](http://www.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?hflag=1&bk_no=60&pid=351085) dan [http://www.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=60&pid=352232&hid=12053](http://www.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=60&pid=352232&hid=12053), 9 Julai 2011.


<sup>566</sup> Contohnya hadith di dalam *Kitāb al-Tahārah*, *Kitāb al-Buyū'*, *Kitāb al-Imān* dan lain-lain. Lihat Islamweb, [http://www.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=962&pid=400639](http://www.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=962&pid=400639), [http://www.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=962&pid=400850](http://www.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=962&pid=400850), dan [http://www.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=962&pid=400922](http://www.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=962&pid=400922), 9 Julai 2011.

<sup>567</sup> *Bāb Dhikr al-Ard*

<sup>568</sup> *Turūq hadīth man kazaba 'alayya muta'ammidan*

<sup>569</sup> Lihat Islamweb, [http://www.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=59&pid=10727&hid=1441](http://www.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=59&pid=10727&hid=1441), [http://www.Islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?hflag=1&bk\\_no=22&pid=418434](http://www.Islamweb.net/hadith/display_hbook.php?hflag=1&bk_no=22&pid=418434), [http://www.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?hflag=1&bk\\_no=1543&pid=347252](http://www.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?hflag=1&bk_no=1543&pid=347252), [http://www.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?hflag=1&bk\\_no=13&pid=866](http://www.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?hflag=1&bk_no=13&pid=866), 10 Julai 2011.

<sup>570</sup> Islamweb, [http://global.islamweb.net/hadith/display\\_hbook.php?bk\\_no=146&hid=2881&pid=367596](http://global.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=146&hid=2881&pid=367596), 6 Ogos 2011.



Gambar 25

Sekiranya hadith ini dilihat secara sepintas lalu, sudah tentu perawi Abu Nu‘mān kelihatan seperti Abu Na‘mān dan kalimah *al-Dubbā'* seperti *al-Dabbā'*.

#### 4.4 KESIMPULAN

Pengaplikasian ilmu hadith ke dalam sumber teknologi terkini telah menyerikan lagi rentak pembelajaran ilmu tersebut. Walau bagaimanapun, pematuhan terhadap garis ilmu yang telah dibahaskan oleh para ulama silam sama sekali tidak boleh dilupakan. Oleh demikian, pemakaian teks hadith ke dalam bentuk digital perlu diselaraskan dengan pantauan dari pihak pembangun agar keautoriitiannya sentiasa terjamin sebagaimana yang termaktub di dalam kitab asal. Di atas kesedaran itu juga, maka analisis ke atas hadith-hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb dijalankan untuk melihat sama ada ia telah dipelihara secara baik tidak kira sama ada pemeliharaan berlaku ketika proses penyalinan teks ke dalam bentuk digital di dalam komputer atau pemeliharaan melalui pemantauan sistem agar tidak berlaku sebarang provokasi jenayah siber dari musuh-musuh Islam. Hasil kajian ke atas 200 hadith telah menemukan sebuah hadith yang dinukilkan secara salah di dalam *Sahīh Muslim*, *al-Durar al-Saniyyah*. Sekalipun peratus kesalahan adalah terlalu kecil tetapi ia sama sekali tidak boleh berlaku biarpun hanya melibatkan satu kalimah di dalam sebaris matan. Merujuk kepada 200 sampel hadith yang dianalisis, pemeliharaan teks hadith di dalam kedua-dua laman web telah dipelihara dengan baik sekalipun tidak secara menyeluruh. Sebagai sebuah aplikasi atau perisian yang diuruskan oleh tenaga manusia, sudah pasti ada nya

kelemahan di sebalik manfaat dan kemudahan yang tersedia. Namun setiap kelebihan perlu dimanfaatkan dan setiap kekurangan perlu diperbaiki untuk tatapan yang lebih sempurna.

## **BAB LIMA**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**


#### **5.0 KESIMPULAN**

Berdasarkan kepada perbahasan mengenai pemeliharaan, perkembangan dan aplikasi pembelajaran hadith di internet dalam bab yang lalu, beberapa kesimpulan yang dapat dirumuskan daripada kajian ini ialah:

1. Empat kurun perkembangan hadith iaitu *al-Wahyu wa al-Takwīn*, *iqbāl al-Riwayah*, *intisyār al-Riwayah*, dan *tadwīn al-Sunnah* telah menyaksikan usaha para sahabat dalam memelihara sunnah baginda s.a.w.:
  - a. Pemeliharaan hadith melalui hafalan dan amalan.
  - b. Pemeliharaan hadith melalui penulisan.
  - c. Sedikitnya periwayatan hadith di kalangan para sahabat.
  - d. Berhati-hati dalam meriwayatkan hadith.
  - e. Berhati-hati ketika menerima hadith.
  - f. *Riḥlah al-Šahābah* dalam meriwayatkan hadith.
  - g. Pengumpulan dan pembukuan hadith.
2. Dr. Fārūq Ḥamādah menyatakan bahawa *taḥammul al-Hadīth* merupakan suatu perkara penting yang mempunyai sifat-sifat khusus dalam menentukan aspek penerimaan hadith. Ia merupakan suatu urusan besar kepada umat Islam kerana ia merupakan dalil atau petunjuk bersambungnya sanad dan bertemunya di antara guru dan murid secara langsung.

3. Pertemuan secara langsung di antara murid dan guru dalam periwatan hadith adalah sangat penting bagi memastikan pemeliharaan hadith berjalan tanpa timbulnya sebarang perubahan dan penyelewengan ke atas teks hadith. Oleh kerana itu, pertemuan secara langsung ini merupakan kekuatan gerakan ilmu di dalam dunia Islam yang menyebabkan para ulama pada kurun yang lalu merantau dari satu daerah ke daerah yang lain semata-mata untuk mendapatkan hadith secara langsung dari guru.
4. Para ulama telah menggariskan lapan kaedah *taḥammul al-Hadīth* yang terdiri daripada *al-Samā‘*, *al-Qirā‘ah*, *al-Ijāzah*, *al-Munāwalah*, *al-Kitābah*, *al-I‘lām*, *al-Waṣīyyah*, dan *al-Wijādah*.
5. Sebagaimana yang dibincangkan di dalam beberapa buah kitab ‘ulūm al-Hadīth, sebahagian ulama telah menukikan perbincangan *al-Muṣahḥaf* berserta *al-Muḥarrar*. Namun Ibn Manzūr dan kebanyakan para pengkritik hadith seperti al-Quḍāmī dan al-Mu’rī tidak membezakan antara keduanya kerana ia merupakan kekeliruan melalui pengambilan hadith dari kitab (tulisan) dan tidak dinukilkan dengan metode *al-Samā‘*.
6. Oleh kerana kemiripan makna di antara *al-Muṣahḥaf* dan *al-Muḥarrar*, al-‘Askarī di dalam kitabnya *al-Taṣhīf wa al-Tahrīf* telah membezakan kedua-duanya dengan berpandangan bahawa *al-Taṣhīf* merujuk kepada kesalahan yang berlaku pada huruf dan *al-Tahrīf* berlaku pada baris.
7. Ibn Ḥajar telah memberikan pengertian yang lebih khusus di mana *Muṣahḥaf* menurut beliau merupakan suatu perkataan yang bertukar titiknya tetapi kekal tulisannya seperti (ن ت ب) atau (خ ح ظ) atau (ج ذ ر د) dan yang seumpamanya. Manakala *Muḥarrar* merujuk kepada perubahan baris sesuatu perkataan tetapi kekal dari sudut tulisannya atau perubahan dari sudut bentuk huruf seperti (و و) atau (غ غ) atau (ل ل) dan seumpamanya.

8. *Al-Muṣahḥaf* terbahagi kepada beberapa pembahagian penting iaitu pembahagian dari aspek kedudukannya dan asbab kemunculannya.



9. Kemunculan internet di alam siber telah membuka suatu dimensi baru terhadap perkembangan pengajian hadith melalui teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).
10. Laman web berbahasa Arab adalah jauh lebih kehadapan dalam membincarkan dan mengutarakan maklumat hadith di internet. (1) Contoh laman web yang menyediakan perkhidmatan pencarian hadith: *Al-Durar al-Saniyyah*, Islamweb, *Nidā’ al-Imān*, al-Islām, *Mawsū‘ah al-Syāmilah*, *Multaqā Ahl al-Hadīth*, *al-Muhaddith*, *al-Islām Suāl wa Jawāb*, *Al-Jāmi‘ al-Hadīth al-Nabawi* dan *Kutub Takhrij al-Hadīth al-Nabawi* *al-Syarīf li al-Saykh Nāṣir al-Dīn al-Albāni*. (2) Contoh laman web yang memuatkan perbincangan mengenai ilmu-ilmu hadith: *Mawqi‘ Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*, *al-Aḥādīth al-Nabawiyah al-Syarīf* dan *Ahl al-Hadīth wa al-Āthār*. Contoh laman web yang memaparkan kitab hadith dalam bentuk visual teks di internet. *Nidā’ al-Imān*, Islam to all, dan *Sahīh al-Bukhārī*. (3) Contoh laman web yang memuatkan kuliah-kuliah hadith berbentuk audio: *Mawqi‘ al-Ṣūtiyyāt*, *al-Kifāyah* dan *Anā Muslimah*.

11. Di antara laman web hadith berbahasa Melayu yang membahaskan mengenai terjemahan-terjemahan hadith, kefahaman dan huraian hadith, forum hadith yang mengutarakan perbincangan mengenai topik-topik hadith, dan kuliah hadith berbentuk audio mahupun video ialah e-Hadith dan Mastika Hadith JAKIM, Projek My Masjid, Fikrah.net, al-Nidaa', al-Ahkam.net, Darul Kauthar, al-Manhaj, Al-Islam versi bahasa Melayu, al-Diyari, al-Hadith, Lidwa, Terjemahan *Bulūgh al-Maram*, Terjemahan *Sahīh al-Bukhārī*, Maktabaty, dan lain-lain.
12. Perkembangan perisian komputer khusus di bidang hadith telah dipelopori oleh beberapa syarikat di Asia Timur Tengah. Antaranya ialah:
  - i. Syarikat Sakhr li Barāmij al-Hasib - Memproduksikan perisian *Mawsū‘ah al-Hadīth al-Syarīf*, *Safwah al-Āḥādīth*, *Al-Bayān fī mā Ittafaqa ‘alayhi al-Syaikhān*, dan *Mawsū‘ah al-Sirah al-Nabawiyyah*.
  - ii. Syarikat Markaz al-Turāth li Abhath al-Hasib al-Alī - Menghasilkan perisian *al-Mawsū‘ah al-Dhahabiyyah li al-Hadīth al-Nabawī wa ‘Ulūmuhu*, *al-Maktabah al-Alfiyyah li al-Sunnah al-Nabawiyah*, *Mawsū‘ah al-Takhrij wa al-Āṭrāf al-Kubrā*, *Mawsū‘ah al-Āḥādīth al-Da‘īfah wa al-Mawdū‘ah*, *Maktabah al-Ajzā’ al-Hadīthiyah*, *Maktabah ‘Ulūm al-Hadīth*, *Mawsū‘ah al-Sirah al-Nabawiyah*, *Mawsū‘ah al-Takhrij al-Kubrā wa al-Āṭrāf al-Syāmilah* dan *Maktabah al-Āḥādīth al-Da‘īfah wa al-Mawdū‘ah wa al-Mu‘allalah wa al-Gharā‘ib*.
  - iii. Syarikat al-‘Aris li al-Kūmbiūtar - Menghasilkan perisian *Maktabah al-Hadīth al-Syarīf* dan *Maktabah al-Tarājim wa al-Rijāl*.
  - iv. Markaz al-Juffal al-Tijārī - Memproduksikan perisian *Mawsū‘ah Ṭalab al-‘Ilm*, *al-Mawsū‘ah al-Dhahabiyyah al-Maysarah li al-Hadīth al-Nabawī wa ‘Ulūmihi*, *Silsilah al-‘Ālim wa al-Muta‘allim al-Syāmilah* dan *Mawsū‘ah al-Masi‘ah li al-Hadīth al-Nabawī al-Syarīf wa ‘Ulūmihi*.

- v. Syarikat al-‘Arabiyyah li Taqniyyah al-Ma’lumāt (Arabia for Information Technology) - Memproduksikan perisian *Itqān al-Hirfah bi-Ikmāl al-Tuhfah* dan *Muṣannaf Ibn Abi Syaybah*.
13. Di antara perisian telefon bimbit yang diproduksikan melalui operasi sistem symbian dan jar ialah seperti Hadith Qudsi Islamic apps, Hadith Qudsi Pro, Islamic/Hadith *Maktabah al-Hadīth*, *al-Hadīth al-Nabawī*, *Maktabah al-Hadīth al-Syarīf*, Translation *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*, *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Hadith on Durood, Hadith Reader Basic Bukhari, Hadith 42 Imām al-Nawawī, Mobile Paket Hadith dengan terjemahan Bahasa Indonesia, Prophet Muhammad s.a.w. Dua, Terjemahan Bab Haji *Ṣaḥīḥ Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* di dalam Bahasa Indonesia, Terjemah *Hadīth Arba‘īn* di dalam Bahasa Indonesia, Sepercik Hikmah berupa koleksi artikel mengenai Islam, al-Quran dan Hadith, dan sebagainya.
14. Di antara produk perisian yang telah dihasilkan melalui sokongan sistem operasi iOS ialah *Mawsū‘ah al-Hadīth al-Nabawī al-Syarīf*, iHadith Pro, iHadith *Ṣaḥīḥ Muslim*, iHadith *Ṣaḥīḥ Bukhārī*, iHadith *Sunan Ibn Mājah*, iHadith *Sunan al-Nasā‘ī*, iHadith *Muwaṭṭa’ Mālik*, iDuaa, iHadith *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*, iShamela yang mengemukakan beberapa kitab hadith seperti *Bulūgh al-Maram*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Syarah Hadith 40 Imām Nawawī, ‘Umdah al-Aḥkām dan lain-lain, Forty Hadith Qudsi, Medicine of Prophet (s.a.w.) yang berupa terjemahan kepada kitab *Tib al-Nabawī* karangan Ibn Qayyim al-Jawzī, *Hiṣn al-Muslim*, *Fiqh al-Sunnah*, Ramadhan Daily Dua, *Raḥīq al-Makhtūm*, Hadith of Hope and Forgiveness, dan lain-lain.
15. Hakikat keselamatan data atau maklumat hadith yang diutarakan melalui capaian internet adalah tidak dijamin sepenuhnya. Ia boleh sahaja dimanipulasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sebagai suatu ancaman baru terhadap dunia Islam di alam siber.

16. Penambah baikan aplikasi laman web seperti Wordpress, Joomla, Php MyAdmin, SQL dan lain-lain terhadap isu keselamatan data, telah membantu mengurangkan dan menangkis segala risiko serangan siber.
17. Penghasilan plugin-plugin keselamatan oleh para pembangun Wordpress dan blogger dunia telah membantu mengatasi insiden keselamatan ICT seperti penggodam, spyware, malware, dan virus. Di antara plugin yang dimaksudkan ialah WPAntiVirus, Secure WordPress, Stealth Login, Wordpress Firewall, Remove Wordpress Version dan lain-lain.
18. Dalam merangka sebuah sistem keselamatan laman web yang berkesan, pihak pembangun Joomla telah mengambil penting perkara ini dengan penubuhan pusat keselamatan ‘Security Center’ dan ‘Joomla Security Strike Team’. Security Center ditubuhkan bagi memenuhi beberapa target utama keselamatan Joomla. Selain itu, telah disediakan panduan aturan keselamatan ‘Security Setting’, panduan perlindungan aplikasi Joomla, senarai semak keselamatan ‘Security Checklist’, dan lain-lain.
19. Proses pemeliharaan yang melibatkan kapasiti data hadith yang besar, pemantauan tidak dilakukan terhadap pangkalan data semata-mata malah ia turut melibatkan prosedur keselamatan yang mencakupi segala aset keperluan ICT sama ada melalui faktor dalaman mahupun luaran. Ia akan dilakukan melalui penguatkuasaan sistem kawalan dan prosedur dalam pengendalian semua perkara yang melibatkan material ICT.
20. Dalam proses penjagaan kesemua aset ICT yang tersedia, ia melibatkan suatu langkah pemeliharaan yang besar merangkumi beberapa pengelasan seperti prosedur keselamatan sumber manusia, keselamatan fizikal dan persekitaran, pengurusan operasi dan komunikasi, kawalan terhadap capaian, pengurusan pengendalian insiden keselamatan dan lain-lain. Di antaranya ialah keselamatan

terhadap mel elektronik, keselamatan rangkaian, keselamatan kata laluan, keselamatan perisian sistem dan pangkalan data hadith yang melibatkan prosedur penduaan, pemberi pulih sistem, pelan pemulihan bencana dan sebagainya.

21. *Al-Durar al-Saniyyah* berbentuk sebuah laman web ilmiah yang menyampaikan maklumat di atas dasar dakwah tanpa tujuan untuk mengaut sebarang keuntungan. Pemilihan *Al-Durar al-Saniyyah* sebagai nama laman web adalah berupa kalimah unik yang menjadi simbolik terhadap nilai dan martabat laman web sebagai satu medium pemeliharaan sunnah dan warisan Nabi s.a.w. di era teknologi maklumat.
22. Di dalam *Mawsū‘ah al-Ḥadīhiyyah*, *al-Durar al-Saniyyah* terdapat sebanyak 583 kitab yang meliputi beberapa bidang ilmu hadith seperti *kutub mutūn al-Ḥadīth*, *kutub syurūh al-Ḥadīth*, *kutub ‘ulūm al-Ḥadīth*, *kutub ‘ilal wa al-Su’ālāt*, *kutub al-Takhrij*, *kutub al-Tafāsīr*, *kutub al-Rijāl*, *kutub al-Fiqh*, dan lain-lain. Melalui kitab-kitab tersebut ia telah memuatkan hampir 300 000 hadith termasuk hadith-hadith yang berulang berserta hukum bagi setiap hadith.
23. *Al-Durar al-Saniyyah* terbahagi kepada empat bahagian utama di mana dalam setiap bahagian mempunyai sub-sub tertentu. Umumnya ia terbahagi kepada *Mawsū‘ah al-‘Ilmiyyah*, *Maktabah al-Durar al-Saniyyah*, *Al-Ṣafahāt al-Mutajaddidah*, dan *Al-Khidmah al-Taqniyyah*.
24. Keistimewaan Islamweb yang bersifat sederhana dan menyeluruhan, menjadikan ia sebuah laman web yang bernilai di samping mempunyai kekuatan tersendiri di dalam ruangan internet. Islamweb tidak hanya menghidangkan maklumat yang diambil daripada kitab-kitab, fatwa-fatwa, risalah-risalah, dan audio, malah turut menawarkan perkhidmatan perundingan kesihatan, kebudayaan, dan kekeluargaan.
25. Penyelia utama Islamweb ialah Dr. Muḥammad Ṣalāḥ Dusūqī dibantu oleh al-Sayyid ‘Alī ‘Ubayd ‘Alī Mihrān dan al-Sayyid Aḥmad Ḥasan al-Mālikī. *Mawsū‘ah al-Ḥadīth* telah dihasilkan dengan kerjasama seramai 350 orang pengkaji khusus

dalam bidang hadith dan ‘ulūm al-Syar‘iyah. Mengumpulkan sebilangan besar kitab-kitab hadith dalam pelbagai lapangan ilmu sebagai satu usaha menyebarkan *al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Ia telah menghimpunkan sebanyak 1400 kitab termasuk 543 manuskrip yang masih belum diterbitkan. Melalui kitab-kitab tersebut, Islamweb telah mengumpulkan sebanyak 700 ribu sanad hadith disertai hukum hadith secara ringkas, kritikan terhadap perawi dalam sanad, di samping kemudahan meneliti kepelbagaian sanad dari matan hadith yang sama atau makna lafaz yang sama melalui *takhrij* dan *syawāhid*. Ia juga turut mengumpulkan sebanyak hampir 70 ribu *tarjamah al-Rāwi*.

26. Umumnya Islamweb terbahagi kepada *Mawsū‘ah al-Hadīth*, *Maqālāt*, *Fatāwā*, *Istisyārāt*, *Şawtiyyāt*, *al-Maktabah*, *Mawārith* dan *Banīn wa Banāt*. Masing-masing mempunyai peranan dan fungsinya yang tersendiri
27. *Al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb telah menyediakan kepelbagaian pembahagian ilmu yang meliputi ‘ulūm al-Hadīth dan ilmu Islam yang lain. Antara ilmu hadith yang boleh dimanfaatkan ialah *al-Jarḥ wa al-Ta‘dīl*, *dirārah al-Asānid*, *takhrij al-Hadīth*, *gharīb al-Hadīth* dan *syarah al-Hadīth*. Manakala cabang ilmu lainnya pula ialah *tafsīr*, ‘ulūm al-Qur‘ān, *uṣūl al-Fiqh*, *fiqh al-Muqārin*, *fatāwā*, *taṣawwuf*, ‘ulūm al-Lughah, *al-Sirah al-Nabawiyyah*, *qiṣāṣ umam al-Sābiqah*, *makhtūṭāt*, dan sebagainya.
28. Hasil kajian terhadap 200 hadith telah menemukan sebanyak 104 hadith yang dipaparkan secara tepat di dalam *al-Durar al-Saniyyah* dan sebuah hadith telah mengalami perubahan dari sudut *al-Muṣahħaf*. Manakala paparan hadith di dalam Islamweb adalah bertepatan secara keseluruhannya. Justeru nisbah ketepatan hadith yang dimuatkan melalui kedua-dua laman web adalah sebanyak 99.5%.
29. Berlandaskan kepada 200 sampel hadith yang dianalisis, pemeliharaan teks hadith di dalam kedua-dua laman web telah terpelihara dengan baik sekalipun tidak secara

menyeluruh. Oleh demikian, teks hadith di dalam laman web perlu dimurnikan dengan penyemakan semula melalui kitab bercetak.

30. Hukum hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah* telah dinaqalkan secara amanah tanpa sebarang perubahan dari kitab asal sekalipun *al-Muḥaddith* tersebut bersendirian dalam menyatakan hukum. Contohnya *al-Muḥaddith* bersendirian dalam menetapkan sesebuah hukum hadith sebagai *sahīh* namun sepakat *al-Muḥaddith* yang lain menetapkan ia sebagai *da’if*, maka hukum hadith tetap diketengahkan dalam *al-Mawsū’ah al-Hadithiyah* sebagai *da’if* bukannya menurut sepakat *al-Muḥaddith* sebagai *sahīh*.
31. Hukum hadith di dalam Islamweb adalah bersandar kepada status perawi di dalam sanad. Sebagaimana hadith طلب العلم فريضة على كل مسلم dinyatakan hukum sanadnya pada beberapa riwayat sebagai *syadid al-Da’fi* kerana perawi Abu Nu‘aym al-Khurasānī dinilai sebagai *matrūk al-Ḥadīth*, *da’if* yang boleh diangkat menjadi *hasan* kerana Ma‘āqī b. ‘Umrān dinilai sebagai *laysa bi al-Qawī*, *mawdū’* kerana Ziyād b. Maymūn dinilai sebagai *muttaham bi al-Wadī’i*, dan lain-lain. Oleh itu, Islamweb tidak mengemukakan hukum hadith berdasarkan sumber asal atau menurut pandangan *al-Muḥaddith* yang dapat dikenal pasti melalui *kutub al-Takhrij* atau kitab *taḥqīq* tetapi ia menilai berdasarkan status hukum perawi di dalam sanad. Di samping itu juga, hukum hadith ditentukan tanpa mengambil kira *syawāhid* dan *mutāba’āt*. Maka hukum sanad tidak semestinya mewakili hukum bagi matan. Matan yang sama dengan *turuq sanad* yang berlainan akan menghasilkan natijah hukum yang berbeza.
32. Disebabkan kerana pendekatan penentuan hukum yang berbeza oleh kedua-dua laman web, maka tidak hairan lah sekiranya sebuah hadith yang diambil dari kitab yang sama telah dinyatakan di dalam *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb dengan hukum yang berbeza.

## 5.1 CADANGAN

### 1. Langkah-langkah Penyedian Sebuah Pangkalan Data Hadith Berautoriti.

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab pertama, sejarah telah menyaksikan usaha-usaha pemeliharaan hadith bermula pada zaman Rasulullah s.a.w., sahabat, *tābi‘īn* dan seterusnya. Ia memperlihatkan aktiviti-aktiviti penyebaran hadith dan usaha mempertahankannya dari sebarang bentuk penyelewengan. Usaha tersebut diteruskan lagi oleh para ulama dengan kemunculan beberapa disiplin ilmu bagi memastikan keadaan sesebuah hadith dapat dipertanggungjawabkan sebagai hujah dan diamalkan secara sahih mengikut landasan sebenar baginda s.a.w. Di antara perbincangan khusus yang menyentuh aspek pemeliharaan penyampaian dan penulisan hadith ialah *tahammul al-Hadīth* dan *al-Muṣahḥaf*.

Justeru melalui sandaran terhadap disiplin ilmu tersebut, penulis akan membahaskan mengenai beberapa pengaplikasian konsep dan prinsip pemeliharaan sebagai suatu cetusan pandangan yang harus dipatuhi oleh sesebuah organisasi dalam menubuhkan laman web hadith berautoriti. Kaedah ini juga merupakan pemurnian terhadap usaha para ulama dalam memelihara hadith pada era yang lalu dengan usaha-usaha yang dilakukan oleh gabungan cendekiawan hadith dan cendekiawan teknologi pada abad ini.

Daripada 8 kaedah *tahammul al-Hadīth*, lima kaedah yang telah dikenal pasti bersesuaian untuk disarankan sebagai pengaplikasian terhadap langkah-langkah penubuhan pangkalan data hadith di internet iaitu *al-Samā‘ min Lafz al-Saykh*, *al-‘Ard*, *al-Kitābah*, *al-Ijāzah*, dan *al-Munāwalah*. Pengaplikasian prinsip tersebut dalam pembinaan sebuah laman web hadith berautoriti adalah seperti berikut:

1. *al-Samā‘ min Lafz al-Syaykh*:

- ‘Ulūm al-Hadīth - Guru meriwayatkan hadith dan murid mendengarnya. Metode ini berbentuk penyampaian lisan oleh guru dan didengari oleh murid. Ia berlaku sama ada guru membaca hadith melalui hafalannya atau karangannya dan murid mendengar kemudian menghafaz dan menulisnya.
- Penyediaan Laman Web - Penyalinan teks hadith ke dalam bentuk digital sama ada melalui Microsoft Office atau ruangan post admin di dalam hosting panel adalah berdasarkan kepada pembacaan ketua unit atau penyalinan berasaskan kitab asal dengan pemantauan ketua unit.

2. *Al-‘Ard*:

- ‘Ulūm al-Hadīth - Murid membentangkan apa yang dibacanya kepada guru. Menurut Dr. Fārūq Ḥamādah, kaedah ini perlu memenuhi dua syarat. Syarat pertama ialah murid mengetahui dan memahami hadith sebelum membacanya kepada guru dan yang kedua pula ialah guru teliti dalam hafalannya yang mana ia mampu menegur pembaca sekiranya berlaku *tashīf* dan *tahrīf*.
- Penyediaan Laman Web - Maklumat hadith yang telah siap disalin, dibentangkan semula kepada ketua unit untuk penyemakan. Sebelum itu, para penyalin telah melakukan penyemakan terlebih dahulu bagi memastikan tiada kesalahan yang berlaku. Tugas ketua unit adalah untuk melakukan penyemakan semula secara lebih berhati-hati bagi memastikan setiap huruf, baris, titik, dan lain-lain adalah bertepatan dengan kitab asal sebelum disahkan oleh penyalia.

3. *Al-Kitābah*:

- ‘Ulūm al-Hadīth - Guru menuliskan hadith untuk seseorang. Ia merupakan kaedah penulisan hadith kepada murid yang tidak hadir atau tiada di

hadapannya. Menurut Muṣṭafā ‘Azamī kaedah ini seolah-olah seperti mempelajari hadith melalui surat-menjurat.

- Penyediaan Laman Web - Setelah melalui penyemakan di peringkat *al-‘Ard*, seterusnya pangkalan data hadith akan diserahkan kepada agensi lain yang mempunyai autoriti untuk proses penyemakan terakhir.


#### 4. *Al-Ijāzah*:

- ‘Ulūm al-Hadīth - Keizinan guru kepada murid untuk menyampaikan sebuah hadith atau kitab yang ada padanya. Melalui kaedah ini, guru akan mengizinkan seseorang murid untuk meriwayatkan hadith, atau kitab berdasarkan keautoriannya tanpa harus membacakan hadith atau kitab tersebut.
- Penyediaan Laman Web - Pengesahan oleh Majlis Tertinggi ‘ceritificate’ terhadap kesahihan dan ketepatan hadith-hadith yang telah dimuatkan dalam data. Jika tiada pengesahan, maka ia dinilai sebagai tidak berautoriti kerana memungkinkan data tersebut masih belum disemak. Setelah mendapat pengesahan, pangkalan data hadith boleh menjalani peringkat seterusnya iaitu peringkat memuatkan data ke dalam laman web untuk dipaparkan kepada para pengguna.


#### 5. *Al-Munāwalah*:

- ‘Ulūm al-Hadīth - Menyerahkan kepada seseorang bahan bertulis untuk diriwayatkan.
- Penyediaan Laman Web - Keizinan untuk memberikan data hadith yang mengandungi pengesahan dari Majlis Tertinggi sesebuah organisasi kepada pertubuhan lain yang ingin bekerjasama dalam pembinaan web hadith. Ia bertindak sebagai Pusat Pangkalan Data Hadith.

### 5.1.1 Contoh Organisasi Yang Terlibat Dalam Penyediaan Pangkalan Data Hadith.<sup>571</sup>



### 5.1.2 Contoh Gerak Kerja Penyediaan Pangkalan Data Hadith Berautoriti.



### 5.1.3 Langkah-langkah Penyediaan Pangkalan Data Hadith Berautoriti

Berdasarkan kepada 5 kaedah yang telah digariskan sebelum ini, langkah-langkah yang dapat diambil adalah seperti berikut:

<sup>571</sup> Berdasarkan kepada rajah di atas, penulis hanya memberikan contoh organisasi kecil dalam penyediaan pangkalan data hadith. Organisasi tersebut boleh dibentuk secara lebih sistematik dengan penambahan beberapa unit lain bagi memastikan ia berjalan dengan lebih lancar.

- (1) Peringkat Penyalinan: Melalui rajah 5.1.2 di atas, penyelia bagi kitab *Sahīh al-Bukhārī* bertindak mengatur gerak kerja dan memberikan arahan kepada setiap sektor ketua unit untuk menyasarkan jumlah hadith yang perlu disiapkan dalam masa satu hari bersesuaian dengan keupayaan para penyalin. Ia bagi memastikan, para penyalin tidak terlalu gopoh sehingga memungkinkan berlakunya kesalahan sekali gus dapat menyelaraskan gerak kerja setiap unit penyalinan dan menepati perancangan masa panjang oleh Majlis Tertinggi. Kaedah penyalinan adalah berdasarkan pembacaan ketua unit atau penyalinan berdasarkan teks di atas kertas dengan pemantauan ketua unit. Pemantauan dari ketua unit sangat penting kerana konsentrasi penyalin boleh terganggu apabila mengantuk dan berada pada waktu kritikal seperti tengah hari dan petang. Kaedah ini lebih relevan jika dilakukan penyalinan melalui teks di atas kertas terlebih dahulu, kemudian barulah dilakukan penyemakan semula berdasarkan pembacaan ketua unit.
- (2) Peringkat Pemeriksaan: Setelah melalui peringkat yang pertama iaitu peringkat penyalinan, sektor ketua unit akan melakukan penyemakan semula terhadap data dan maklumat yang diberikan dengan tertib, mendalam, dan berhati-hati. Setiap data hadith disemak semula sama ada melalui hafalan atau dengan melakukan perbandingan kitab asal. Kepakaran dalam bidang hadith diperlukan untuk mengenal pasti setiap kesalahan yang ada. Setelah melalui proses penyemakan, pangkalan data tersebut akan diserahkan kepada penyelia untuk mendapatkan pengesahan.
- (3) Peringkat Pengesahan: Peringkat ini merupakan peringkat saringan yang dilakukan oleh unit penyelia di mana setiap data akan dinilai sama ada menepati piawaian yang telah ditetapkan atau tidak. Piawaian tersebut adalah seperti kekemasan

penyalinan dari sudut teknikal yang melibatkan penggunaan font, saiz, penyusunan maklumat hadith, dan lain-lain. Bagi mengukuhkan lagi keautorian data hadith, ia akan diserahkan pula kepada agensi atau institusi pendidikan berautoriti yang lain untuk penyemakan terakhir. Contohnya data hadith diberikan kepada Universiti al-Azhar untuk mendapatkan kerjasama melalui khidmat penyemakan dan pengesahan. Setelah itu, data tersebut akan diserahkan kepada Majlis Tertinggi bagi mendapatkan pengesahan penyemakan data, di jamin kesahihan, ketepatan, dan keautoriannya.

- (4) Peringkat Pemindahan Data: Merupakan peringkat terakhir di mana data atau maklumat hadith dimuatkan ke dalam laman web. Ia akan dikelola oleh unit atau sektor pembangunan teknologi laman web. Kumpulan ini akan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu seperti perkhidmatan carian hadith, visual atau bentuk grafik laman web, penyediaan templat, dan lain-lain. Sebelum diluluskan untuk tatapan pengguna, hadith-hadith yang telah dimuatkan ke dalam laman web, perlu dilakukan penilaian semula bagi memastikan maklumat dan teks hadith tidak mengalami perubahan ketika proses pemindahan ke dalam bentuk visual di internet.

2. Penyediaan Sebuah Laman Web Hadith Berbahasa Melayu<sup>572</sup> Setanding *al-Durar al-Saniyyah* dan *Islamweb*.

Perbandingan di antara laman web hadith berbahasa Melayu dengan laman web hadith berbahasa Arab adalah jauh ketinggalan terutama dari sudut penyediaan perkhidmatan pencarian hadith. Penulis beranggapan bahawa dengan segala kepakaran

---

<sup>572</sup> Laman web hadith berbahasa Melayu yang penulis maksudkan ialah laman web yang memaparkan teks hadith dengan terjemahan berbahasa Melayu. Di samping itu, disediakan sebuah perkhidmatan pencarian hadith seperti *al-Durar al-Saniyyah* dan *Islamweb*. Oleh demikian, para pengguna boleh merujuk hadith tersebut dan memahaminya dengan lebih jelas.

dan tenaga kerja yang ada, tidak mustahil negara Malaysia juga mampu untuk menyediakan sebuah laman web hadith berbahasa Melayu seumpama *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb. Menjadi suatu permasalahan apabila golongan IT dan golongan hadith tidak pernah duduk semeja membincangkan berkenaan isu ini. Maka hasilnya ialah golongan IT mempunyai kepakaran di dalam laman web tetapi tidak mempunyai material hadith untuk diketengahkan. Manakala golongan hadith pula mempunyai keupayaan untuk menyediakan pangkalan data hadith tetapi tidak mempunyai kepakaran di bidang IT. Justeru perlunya kesedaran dari kedua-dua belah pihak berkenaan peri pentingnya penyediaan sebuah laman web hadith berbahasa Melayu untuk tatapan umum masyarakat.

Alm. K.H.A Wahid Hasjim ketika mengulas berkenaan pentingnya terjemahan hadith pada zaman kini adalah untuk memberikan kefahaman yang jelas bagi golongan agama dan masyarakat umum. Ia merupakan suatu langkah agar tidak berlaku pemahaman yang salah antara ilmu agama yang menggunakan perantaraan bahasa asing, sehingga bahasa tersebut difahami secara dasar tanpa memahami isi atau isu utama yang cuba disampaikan oleh ilmu tersebut.<sup>573</sup> Usaha terjemahan ini sekaligus dapat memelihara pemahaman hadith di dada masyarakat. Oleh kerana itu, penubuhan sebuah laman web hadith berbahasa Melayu adalah sangat penting terutama bagi generasi kini yang menjadikan internet sebagai medium pencarian maklumat.

Penulis juga menyarankan agar pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Malaysia Super Corridor (MSC), Malaysia Cyber Security (MSC) dan Institusi Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS) mengambil peranan dalam penyediaan laman web hadith

<sup>573</sup> Imām al-Bukhārī (2005), *Sahīh al-Bukhārī*, H. Zainuddin Hamidy, et.all. (terj.), Kuala Lumpur: Klang Book Center, c. 6, j. 1, h. vi-vii.

berbahasa Melayu. Kerjasama di antara pihak-pihak tersebut dapat memperkuuh, melancarkan usaha dan perancangan yang dibuat:

- (1) JAKIM bertindak sebagai badan penasihat dan membiayai segala tanggungan kos.
- (2) MSC bertindak untuk penyediaan konsep laman web seperti reka bentuk templat dan kemudahan-kemudahan yang dapat dimanfaatkan.
- (3) Malaysia Cyber Security bertindak untuk menjamin pemeliharaan data hadith dengan pengawalan sebarang aktiviti asing, gangguan virus dan sebagainya.
- (4) Institusi Pengajian Tinggi seperti Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya bertindak untuk menyediakan terjemahan hadith-hadith di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Fakulti Pengajian Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia bertindak menyediakan terjemahan hadith-hadith di dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, Fakulti al-Quran dan al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia bertindak untuk menyediakan terjemahan *Sunan Abī Dāwūd*, dan seterusnya.

Penulis meyakini melalui kerjasama tersebut, sebuah laman web hadith berbahasa Melayu dapat diwujudkan dalam suatu tempoh jangka panjang. Ia perlu dilakukan setapak demi setapak bermula dengan terjemahan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, diikuti *Ṣaḥīḥ Muslim* dan seterusnya.

Sekiranya kerjasama di antara pihak-pihak tersebut sukar untuk dicapai, penulis menyarankan supaya diadakan kerjasama dengan pihak pembangun *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb untuk penyediaan kedua-dua laman web tersebut di dalam bahasa Melayu seperti yang dilakukan pada laman web *al-Islām al-Da‘awi wa al-*

*Irsyādi*.<sup>574</sup> Walau bagaimanapun, laman web Al-Islam hanya menyediakan hadith berbentuk tematik di dalam bahasa Melayu sahaja tanpa matan asal di dalam bahasa Arab. Paparan hadith adalah lebih sempurna dengan membawa matan hadith di dalam bahasa Arab kemudian disusuli dengan terjemahan berbahasa Melayu.

Contoh 1: Paparan hadith di dalam *al-Durar al-Saniyyah*.

2 - إنما الأعمال بالنيات ، وإنما لكل امرئ ما نوى ، فمن كانت هجرته إلى دنيا يصيبها ، أو إلى امرأة ينكحها ، فهو حرجه إلى ما هاجر إليه  
الراوي: عمر بن الخطاب المحدث; البخاري - المصدر: صحيح البخاري - الصفحة أو الرقم: 1  
خلاصة حكم المحدث: [ صحيح]

2. Sesungguhnya diterima amal perbuatan itu bergantung pada niatnya, dan sesungguhnya bagi setiap orang akan mendapat apa yang diniatkannya. Sesiapa yang berhijrah menuju dunia yang akan diperolehnya atau wanita yang hendak dinikahinya, maka dia akan beroleh apa yang diniatkannya.

Perawi: 'Umar b. al-Khattab

Al-Muhaddith: al-Bukhari

Hukum: Sahih

Contoh 2: Paparan hadith di dalam Islamweb.

رقم الحديث: 1  
(Hadith Marfu') حَدَّثَنَا الْخُطَّابِيُّ حَدَّثَنَا أَبْنَى بْنَ الْمُتَّبِّرِ، قَالَ: حَدَّثَنَا سَقِيَانٌ، قَالَ: أَخْبَرَنِي مُحَمَّدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ التَّمِّينِيُّ أَنَّهُ سَمِعَ عَلِيقَةَ بْنَ وَقَاصِيَ النَّبِيِّ، يَقُولُ: سَمِعْتُ عَمْرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَلَى الْمُتَّبِّرِ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَقُولُ: "إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هَجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا، فَهُوَ حَرَجُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ".  
صحيح البخاري [الحكم]: إسناده متصل، رجاله ثقات.

No Hadith: 1

(Hadith Marfu') - 'Umar b. al-Khattab berkata, bahawa beliau mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesungguhnya diterima amal perbuatan itu bergantung pada niatnya, dan sesungguhnya bagi setiap orang akan mendapat apa yang diniatkannya. Sesiapa yang berhijrah menuju dunia yang akan diperolehnya atau wanita yang hendak dinikahinya, maka dia akan beroleh apa yang diniatkannya.

Hukum Hadith: Sanadnya bersambung dan perawinya thiqah - Sahih

Dengan penyediaan paparan teks terjemahan tersebut, penulis begitu optimis untuk menyatakan bahawa ia dapat merancakkan lagi perkembangan hadith di Malaysia. Apatah lagi sekiranya terdapat kemudahan lain yang turut menyediakan beberapa ensiklopedia ilmu berbahasa Melayu seperti ensiklopedia al-Quran, ensiklopedia al-

<sup>574</sup> al-Islām al-Da‘awī wa al-Irsyādī, <http://hadith.al-islam.com/Loader.aspx?pageid=749>, 8 Ogos 2011.

Hadith, ensiklopedia aqidah, ensiklopedia akhlak, dan sebagainya. Sudah pasti laman web seumpama ini akan menjadi satu sumber rujukan utama bagi para cendekiawan dan masyarakat umum.

## 5.2 PENUTUP

Mengimbau kembali era sebelum 90-an di mana buku dan bahan bacaan menjadi aset penting kepada para penuntut ilmu untuk mencari maklumat dan menelaah pelajaran. Namun senario tersebut telah berubah apabila internet dijadikan sebagai sumber rujukan atau pemudah cara untuk mendapatkan sesuatu maklumat yang bersifat global. Justeru, usaha pembinaan laman web *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb sebagai sumber informasi terkini telah mewarnai beberapa lapangan ilmu terutama di bidang hadith. Kemunculan gadget-gadget terbaru yang menyokong pelayaran internet berserta perkhidmatan talian 24 jam yang dibekalkan oleh syarikat telekomunikasi, telah memudahkan lagi proses pencarian hadith melalui kedua-dua laman web apabila ia boleh diakses pada bila-bila masa sahaja. Malah kewujudan laman web seumpama *al-Durar al-Saniyyah* dan Islamweb telah memberikan suatu sisi baru terhadap pemeliharaan hadith di internet. Sebagaimana usaha ‘Umar ‘Abd al-‘Azīz menghimpun dan membukukan al-Quran, begitu juga dengan para ulama silam yang menjadikan penulisan hadith di atas kitab sebagai pengukuhan terhadap hafalan dan meluaskan periwatan, maka pemindahan data hadith ke dalam bentuk digital di internet merupakan satu usaha penyebaran dan pemeliharaan menggunakan teknologi terkini.

Sewajarnya kewujudan kedua-dua laman web di sambut baik oleh para pengkaji dan membantu proses penambahbaikan dengan mengutarakan sebarang cadangan mahupun

pembetulan terhadap kesalahan yang dikenal pasti untuk tatapan yang lebih sempurna bagi generasi mendatang.

## BIBLIOGRAFI

- ‘Abd al-‘Azīz bin Ṣalīḥ al-Su‘ūdiyyah (t.t), *al-Sunnah al-Maṣdar al-Thānī li al-Tasyīrī*, ‘Abd Allah b. Ibrāhīm al-Anṣārī (ed.), *al-Buhūth wa al-Dirāsāt al-Muqaddimah li al-Mu’tamar al-‘Alamī al-Thālith li al-Ṣīrah wa al-Sunnah al-Nabawiyah*, t.tp: t.pt.
- ‘Abd al-Ghinā ‘Abd al-Khāliq (1989), *Difā‘ ‘an al-Sunnah*, Kaherah: Maktabah al-Sunnah, c. 1.
- ‘Abd al-Rahmān Abū Bakar al-Suyūṭī (1996), *al-Dibāj ‘alā Ṣaḥīḥ Muslim*, Arab Saudi: Dār Ibn ‘Affān li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, c. 1.
- \_\_\_\_\_, *Tadrīb al-Rāwī taḥqīq ‘Abd al-Wahhāb ‘Abd al-Laṭīf*, Riyāḍ: Maktabah al-Riyāḍ al-Ḥadīthah.
- ‘Alwī b. ‘Abd al-Qādir al-Saqqāf (1995), *Takhrij Aḥādīth wa Āthār Kitāb fī Dhilāl al-Qur’ān li Sayīd al-Qutub*, Riyāḍ: Dār al-Hijrah, c. 2.
- ‘Ilā’ al-Dīn ‘Alī b. Ḥiṣām al-Dīn al-Mutaqī al-Hindī al-Burhān Fawrī (1981), *Kanz al-‘Ummāl fī Sunan al-Aqwāl wa al-Af’āl taḥqīq Bukrā Hayani*, Madinah: Muassasah al-Risālah, c. 5.
- Abī ‘Abd Allah al-Rahmān Aḥmad b. Syu‘ayb b. ‘Alī Ibn Ṣinān al-Nasā’ī (2000), *Sunan al-Nasā’ī al-Kubrā*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- \_\_\_\_\_, (1991), *Sunan al-Nasā’ī* Dalam *Mawsū‘ah Kutub al-Sittah*, Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, c. 3.
- \_\_\_\_\_, (1999), *Sunan al-Nasā’ī bi Syarah al-Suyūṭī wa ḥasyiyah al-Sundī* taḥqīq Maktab al-Turāth, Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- \_\_\_\_\_, (1986), *Sunan al-Nasā’ī*, taḥqīq ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah, Ḥalab: Maktab al-Maṭbū‘ah al-Islāmiyyah.
- Abī ‘Abd Allah Muḥammad b. ‘Abd Allah al-Ḥākim al-Naysābūrī (2003), *Ma‘rifah ‘Ulūm al-Ḥadīth Wakmiyyah Ajnāsih* taḥqīq Aḥmad b. Fāris al-Salūm, Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- \_\_\_\_\_, (1937), *Ma‘rifah ‘Ulūm al-Ḥadīth*, Kaherah: t.pt.
- Abī ‘Abd Allah b. Ismā‘īl b. Ibrāhīm b. al-Mughīrah b. Bardizbah al-Bukhārī (1987), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut: Dār Ibn Kathīr, c. 1.
- \_\_\_\_\_, (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* Dalam *Mawsū‘ah Kutub al-Sittah*, Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, c. 3.
- \_\_\_\_\_, (2005), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, H. Zainuddin Hamidy, et. al. (terj.), Kuala Lumpur: Klang Book Center, cet. 6.

\_\_\_\_\_ (1987), *Şahîh al-Bukhârî* taḥqîq Muṣṭafâ Dayb al-Bughâ, Beirut: Dâr Ibn Kathîr.

Abî ‘Abd Allah Muḥammad b. Yazîd al-Rab‘î Ibn Mâjah al-Qazawaynî (2000), *Sunan Ibn Mâjah* Dalam *Mawsû‘ah Kutub al-Sittah*, Riyâd: Dâr al-Salâm li al-Nasyr wa al-Tawzî‘, c. 3.

Abî al-Ḥâfiẓ Abî Ya‘lâ al-Khalîl b. ‘Abd Allah b. Aḥmad Ibn al-Khalîl al-Khalîlî al-Qazawaynî (t.t.), *al-Irsyâd fî Ma’rifah ‘Ulamâ’ al-Hadîth*, Riyâd: Maktabah al-Rusyd.

Abî al-Ḥusayn Muslim b. al-Ḥajjâj b. Muslim al-Qusyayrî al-Naysâbûrî (2000), *Şahîh Muslim* Dalam *Mawsû‘ah Kutub al-Sittah*, Riyâd: Dâr al-Salâm li al-Nasyr wa al-Tawzî‘, c. 3.

\_\_\_\_\_ (t.t.), *Şahîh Muslim*, Beirut: Dâr Iḥyâ’ al-Turâth al-‘Arabi.

\_\_\_\_\_ (t.t.), *Şahîh Muslim*, Beirut: Dâr al-Jayl dan Dâr al-Āfâq al-Jadîdah.

\_\_\_\_\_ (t.t.), *Şahîh Muslim*, Mesir: Kutub Jam‘iyyah Miknâz al-Islâmî.

Abî Bakar Aḥmad b. ‘Amrû b. Abî ‘Āsim (1998), *al-Sunnah* taḥqîq Bâsim b. Fayṣal, Riyâd: Dâr al-Sumay‘î, c. 2.

Abî Bakar Muḥammad b. Ishāq b. Khuzaymah al-Sulamî al-Naysâbûrî (t.t.), *Şahîh Ibn Khuzaymah* taḥqîq Muḥammad Muṣṭafâ ‘Azamî, t.pt: t.pt.

Abî Bakar ‘Abd al-Razzâq b. Hammâm al-Ṣan‘âni (1983), *Muṣannaf ‘Abd al-Razzâq* taḥqîq Muḥammad Muṣṭafâ ‘Azamî, Beirut: Maktab al-Islâmî, c.2.

Abî Dâwûd Sulaymân b. al-Asy‘âb b. Ishāq al-Azdi al-Sajistâni (2000), *Sunan Abî Dâwûd* Dalam *Mawsû‘ah Kutub al-Sittah*, Riyâd: Dâr al-Salâm li al-Nasyr wa al-Tawzî‘, c. 3.

Abû ‘Abd Allah Aḥmad b. Muḥammad b. Ḥanbal b. Hilâl Āsad al-Syaybâni (1999), *Musnad Imâm Aḥmad*, t.pt: Muassasah al-Risâlah, c. 2.

\_\_\_\_\_ (1995), *al-Musnad li al-Imâm Aḥmad b. Ḥanbal* taḥqîq Aḥmad Muḥammad Syâkir, Kaherah: Dâr al-Hadîth, c. 1.

\_\_\_\_\_ (1995) *Musnad Imam Aḥmad* taḥqîq Syu‘ayb al-Arnauṭ, Beirût: al-Ṭibâ‘ah wa al-Nasyr wa al-Tawzî‘.

Abû ‘Abd Allah Muḥammad b. Yazîd al-Rabi‘î Ibn Mâjah (2000), *Sunan Ibn Mâjah* Dalam *Mawsû‘ah al-Hadîth al-Syarîf al-Kutub al-Sittah*, Riyâd: Dâr al-Salâm li al-Nasyr wa al-Tawzî‘, c. 3.

\_\_\_\_\_ (t.t.) *Sunan Ibn Mâjah*, Mesir: Kutub Jam‘iyyah Miknâz al-Islâm.

\_\_\_\_\_ (t.t.), *Sunan Ibn Mâjah*, Beirut: Dâr al-Fikr.

- \_\_\_\_\_(2009), *Sunan Ibn Mājah* taḥqīq Fu’ād ‘Abd al-Bāqī, t.tp.: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- \_\_\_\_\_(t.t.), *Sunan Ibn Mājah* taḥqīq Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyāḍ: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nasyr wa al-Tawzī’, c. 1.
- Abū ‘Abd Allah Syams al-Dīn Muḥammad al-Dhahabī (t.t.), *Tadhkīrah al-Huffāz*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abī ‘Isā Muḥammad b. ‘Isā b. Sūrah Ibn Mūsā al-Tirmidhī (2000), *Jāmi‘ al-Tirmidhī* Dalam *Mawsū‘ah Kutub al-Sittah*, Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nasyr wa al-Tawzī’, c. 3
- \_\_\_\_\_(t.t.) *Sunan al-Tirmidhī*, Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth.
- \_\_\_\_\_(t.t.), *Sunan al-Tirmidhī*, Mesir: Kutub Jam‘iyyah Miknaz al-Islami.
- \_\_\_\_\_(t.t.) *Sunan al-Tirmidhī*, t.tp: t.pt.
- Abū ‘Umar ‘Uthmān bin ‘Abd al-Rahman al-Syahrazawrī (1986), *Ulūm al-Ḥadīth* taḥqīq Nūr al-Dīn al-‘Itr, t.tp: t.pt.
- Abū ‘Umar Yūsuf b. ‘Abd Allah al-Numarī al-Qurṭubī (2003), *Jāmi‘ Bayān al-‘Ilm wa Faḍlīh, Bāb Man Dhakara Dhim al-Idhkār min al-Ḥadīth*, t.tp: Dār Ibn Ḥazm.
- Abū al-Farj ‘Abd al-Rahman Ibn al-Jawzī (1997), *Kasyf al-Musykīl min ḥadīth al-Ṣaḥīḥayn*, Riyāḍ: Dār al-Waṭan.
- Abū al-Muẓaffar Maṇṣūr b. Muḥammad b. ‘Abd al-Jabbār al-Ṣam‘ānī (1997), *Tafsīr al-Ṣam‘ānī*, Riyāḍ, Dār al-Waṭan.
- Abū Bakar ‘Abd Allah b. Muḥammad b. Abī Syaybah al-‘Abasī al-Kūfī (t.t.), *Muṣannaf Abī Syaybah*, Jeddah: Dār al-Qiblah li al-Thaqāfah al-Islāmiyyah.
- Abū Bakar Ibn Sunnī (1984), *Muhadhdhab ‘Amal Yawm wa al-Laylah*, Jordan: al-Maktabah al-Islāmiyyah, c. 1.
- Abū Muḥammad ‘Abd al-Ḥaq al-İsybaylī (2011), *al-Aḥkām al-Syar‘iyyah al-Kubrā*, Riyāḍ: Maktabah al-Rusyd.
- Abū Muḥammad ‘Abd Allah b. ‘Abd al-Rahman b. al-Faḍl b. Bahram al-Dārimī (2000), *Sunan al-Dārimī* taḥqīq Husayn Sālim Āsād al-Darānī, Riyāḍ: Dār al-Mughnī li al-Nasyr wa al-Tawzī’, c. 1.
- Abū Nu‘aym Aḥmad b. ‘Abd Allah b. Aḥmad b. Ishāq b. Mūsā b. Mihrān al-Harānī al-Asbahānī (1996), *al-Musnad al-Mustakhraj ‘alā Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- \_\_\_\_\_(1995), *Sifah al-Jannah* taḥqīq ‘Alī Ridā b. ‘Abd Allah b. ‘Alī Ridā, Damsyiq: Dār al-Ma’mūn li al-Tūrath, c. 2.

Aḥmad b. ‘Alī b. al-Muthnā Abū Ya‘lā al-Mawṣili al-Tamīmī (1984), *Musnad Abī Ya‘lā*, Damsyiq: Dār al-Ma‘mūn li al-Turāth.

Aḥmad b. al-Ḥusayn b. ‘Alī b. Mūsā al-Khusrawjirdī al-Khurasānī Abū Bakar al-Bayhaqī (2010), *al-Madkhal ilā al-Sunan al-Kubrā li al-Bayhaqī* taḥqīq Muḥammad Ḏiyā’ al-Raḥman al-‘Aẓamī, Kuwait: Dār al-Khulafā’ li al-Kitāb al-Islāmiyyah.

\_\_\_\_\_ (1988), *Dalā’il al-Nubuwwah wa Ma‘rifah ‘Aḥwāl Ṣāḥib al-Syārī‘ah*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Aḥmad Muḥammad Syākir (t.t), *Alfiyyah al-Suyūṭī fī ‘Ilm al-Ḥadīth*, t.tp: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah.

Al-Amīr ‘Ilā’ al-Dīn ‘Alī b. Balbān al-Farīsī (1993), *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tarīb Ibn Balbān*, Beirut: Muassasah al-Risālah, c. 2.

Al-Khaṭīb al-Baghdādī (1969), *Majmū‘ah Rasā’il fī ‘Ulūm al-Ḥadīth* taḥqīq Ṣuhbā al-Badrī al-Sāmurā’ī, Madinah: al-Maktabah al-Salafiyyah, c. 1.

Asṭīrī Jamāl (1997), *al-Taṣḥīf wa Atharuhu fī al-Ḥadīth wa al-Fiqh wa Juhūd al-Muhaddithīn fī Mukāfaḥatih*, t.tp: Dār al-Ṭayyibah, c. 1.

Badr al-Dīn Muḥammad b. Ibrāhīm b. Jamā‘ah (t.t), *al-Manhal al-Rawī fī Mukhtaṣar ‘Ulūm al-Ḥadīth* taḥqīq Muḥyī al-Dīn ‘Abd al-Rahman Ramaḍān, t.tp: Dār al-Fikr, c. 2.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (2004), *Bulūgh al-Maram Min Adillah al-Aḥkām*, Arab Saudi: Dār al-Salām li al-Nasyr wa al-Tawzī’, c. 6.

\_\_\_\_\_ (t.t), *Tahdhīb al-Tahdhīb*, t.tp: Muassasah al-Risālah.

Ibn Kathīr (2003), *al-Bā’ith al-Ḥathīth Syarah Ikhtisār ‘Ulūm al-Ḥadīth* taḥqīq Aḥmad Muḥammad Syākir, Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, c. 2.

\_\_\_\_\_ (t.t), *al-Bā’ith al-Ḥathīth Syarah Ikhtisār ‘Ulūm al-Ḥadīth*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, c. 1.

Ibn Manzūr (1119), *Lisān al-‘Arab*, Kaherah: Dār al-Ma‘ārif, c. 1.

Ikram Ḏiyā’ al-‘Umrā (t.t), *Buḥūth fī Tārīkh al-Sunnah al-Musyarrafah*, Madinah: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Hikām, c. 5.

Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥman b. Abī Bakar al-Suyūṭī (t.t), *al-Durar al-Muntathirah fī al-Āḥādīth al-Musytahirah* taḥqīq Muḥammad Lutfī al-Sibāgh, Riyād: Jāmi‘ al-Mālik Su‘ūd.

M. ‘Ajāj al-Khatib (1988), *al-Sunnah Qabl al-Tadwīn*, Kaherah: Maktabah Wahbah, c. 2.

Mahmūd Ṭāḥīḥān (1994), *Taysīr Muṣṭalāḥ al-Ḥadīth*, Iskandariah: Markaz al-Hudā li al-Dirāsah, c. 7.

Majd al-Dīn Abū al-Sa‘ādah al-Mubārak b. Muḥammad al-Jazarī Ibn al-Athīr (1969), *Jāmi‘ al-Usūl fī Aḥādīth al-Rasūl*, t.tp: Maktabah al-Ḥilwāni, Maktabah al-Milah dan Maktabah Dār al-Bayān, c. 1.

Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Abādī (2004), *Mujam Muṣṭalahāt al-Ḥadīthiyyah*, Bangi: Dār al-Syākir.

\_\_\_\_\_ (2005), *Takhrij al-Ḥadīth Nasyā’tuḥu wa Manhajiyatuh*, Bangi: Dār al-Syākir.

\_\_\_\_\_ (2005), *‘Ulūm al-Ḥadīth Asiluhu wa Ma‘āṣiruhā*, Selangor: Dār al-Syākir, c. 4.

Muḥammad Abū Zahw (t.t), *al-Ḥadīth wa al-Muḥaddithūn*, t.tp: t.pt.

Muḥammad bin Muḥammad Abū Syahbah (t.t), *al-Wasiṭ al-‘Ulūm fī al-Muṣṭalah al-Ḥadīth*, Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.

Muḥammad Idrīs ‘Abd al-Ra’ūf al-Marbawī (1935), *Qāmūs al-Marbawī*, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, c. 4.

Muḥammad Jamāl al-Dīn Al-Qāsimī al-Dimasyq (1961), *Qawā‘id al-Tahdīth min Funūn Muṣṭalāḥ al-Ḥadīth*, t.tp: Dār al-‘Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, c. 2.

Muḥammad Maḥfūz b. ‘Abd Allah al-Ṭirmisi (1934), *Manhāj Dhāw Naṣar fī Syarḥ Manzūmah ‘Ilm al-Āthār*, Mesir: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlāduh.

Muḥammad Muṣṭafā ‘Azamī (1995), *Studies in Hadis Methodology and Literature*, Meth Kieraha (terj.), Jakarta: Penerbit Lantera.

\_\_\_\_\_ (t.t), *Dirāsāt fī al-Ḥadīth al-Nabawī wa Tārīkh Tadwīnuḥu*, t.tp.: al-Maktab al-Islāmī.

Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (1997), *Ṣaḥīḥ Sunan Ibn Mājah*, Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nasyr al-Tawzī’, c. 1.

\_\_\_\_\_ (1997), *Ṣaḥīḥ wa Da‘īf Sunan al-Nasā’i*, Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, c. 1.

\_\_\_\_\_ (1998), *Ṣaḥīḥ wa Da‘īf Sunan al-Nasā’i*, Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, c. 1.

Muṣṭafā al-Sibā‘ī (t.t), *al-Sunnah wa Makānatuhā fī al-Tasyrī‘ al-Islāmī*, t.tp: Dār al-Wāraq, c. 1.

Nūr al-Dīn ‘Alī b. Abī Bakar al-Ḥaythamī (1991), *Majma‘ al-Zawā’id wa Manba‘ al-Fawā’id*, Beirut Dār al-Fikr.

Nūr al-Dīn al-‘Itr (1979), *Manhāj al-Naqd fī ‘Ulūm al-Hadīth*, Damsyiq: Dār al-Fikr, c. 2.

Syarf Mahmud al-Qudāh (2003), *al-Manhāj al-Hadīth fī ‘Ulūm al-Hadīth*, Kuala Lumpur: al-Bayan Corporation Sdn. Bhd.

Zayn al-Dīn ‘Abd al-Rahmān b. Aḥmad Ibnu Ṭayyib (1985), *Iktiyār al-Awlā fī Syarḥ ḥadīth Ikhtīṣām al-Milā’ al-Ālā* taḥqīq Jāsim al-Fahīd al-Dusrī, Kuwait: Maktabah Dār al-Aqsā, c. 1.

Zayn al-Dīn Abī al-Faḍl ‘Abd al-Rahīm b. al-Husayn al-‘Irāqī (t.t.), *Tarh al-Tathrīb fī Syarah al-Taqrīb*, Beirut: Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

## **Tesis dan Disertasi**

Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi (2006), *Sistem Pengajian al-Quran Kontemporari: Kajian Aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi*, Disertasi, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Fauzi Deraman (1997), *Kedudukan Hadith Dalam Kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-Karya Syeikh Dawud bin ‘Abd Allah al-Fatani*, Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya.

Mohd Yusuf Ismail (2010), *Mawāqi‘ al-Sunnah al-Nabawiyyah al-Syarīf ‘alā al-Intirnīt: Dirāsah Istiqrāiyyah Naqdiyyah*, Disertasi Fakulti Ilmu Wahyu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Najah Nadiah Hj. Amran (2001), *Gerakan Anti Hadith di Malaysia: Suatu Kajian Dalam Internet*, Disertasi, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

## **Latihan Ilmiah**

Khālid Mohamed ‘Alī (2001), *Digital Signature For Hadith*, Latihan Ilmiah, Pengurusan Sistem, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Noraini Mohd Bandung (2008), *Takhrij dan Analisis Hadith-Hadith Dalam Laman Web E-Hadith JAKIM (Himpunan Hadith Harian): Tumpuan Terhadap Bulan Ogos 2007*, Latihan Ilmiah, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

## **Jurnal**

Abu Bakar Abak (2009), *Sejarah Perlembagaan dan Pembukuan Sunnah*, Jurnal al-Syir’ah, bil. 42, no. 2.

Faisal Ahmad Shah (2008), *Pertikaian Terhadap Autoriti Hadith-hadith Nabi (S.A.W): Satu Analisis Di Internet*, Jurnal al-Bayan, Jabatan al-Quran dan al-Hadis, bil. 6.

Nor Azah Abdul Aziz (2009), “Internet, Laman Web Pornografi Dan Kaedah Psikopritual Islam Dalam Menangani Keruntuhan Akhlak Remaja Pelayar Laman Web Pornografi” dalam Che Zarrina Sa‘ari et al. (eds), *Jurnal Usuluddin*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, UM, bil. 29.

Nor Shahriza Abdul Karim & Norzelatun Rodhiah Hazmi. 2005. “Assessing Islamic Information Quality On The Internet: A Case Of Information About Hadis”, Malaysian Journal of Library & Information Science, bil.10, no. 2.

### **Buku Berbahasa Arab**

‘Abd Allah Muḥammad Ḥasan (2011), *al-Taqniyyah al-Hadīhiyyah wa Dawruhā fī al-Šanā‘ah al-Hadīhiyyah: Mawsū‘ah al-Hadīth al-Syarīf Namūzijan* dalam Ahmad Qāsim Kassār et. al. (eds.), *al-Sunnah al-Nabawiyyah wa Qaḍāyā al-Mu‘āṣarah*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith.

‘Alī Ismā‘īl Surūr (2011), *Dawābiṭ al-Ifādah min al-Taqniyyāt al-Ma’lūmatiyyah al-Hadīhiyyah wa Asālibuhā fī Khidmah al-Sunnah al-Nabawiyyah* dalam Ahmad Qāsim Kassār et. al. (eds.), *al-Sunnah al-Nabawiyyah wa Qadaya al-Muasarah*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith.

### **Buku Berbahasa Melayu**

Andeno Maseleno (2003), *Kamus Istilah Komputer dan Informatika*, Yogyakarta: Kuliah Pengantar Ilmu Komputer.com.

Bahagian Teknologi Pendidikan, Buku Panduan Pengurusan Keselamatan ICT, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur: Sektor Keselamatan ICT.

Dasar Keselamatan ICT, Kementerian Pengajian Tinggi, 27 Oktober 2010, v. 2.0.

Dasar Keselamatan ICT, Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri, 2 April 2009, v. 5.2.

Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (Ministry of Information Communication and Culture), 16 Julai 2009, v. 1.0.

Fadhlullah Jamil (2011), *IT, Perkembangannya Dan Kesannya Terhadap Umat Islam* dalam Sharifah Azizah Sahil Jamalullail (ed.), *Teknologi Maklumat Dan Komunikasi: Harapan Cabaran Dan Barakah*, Alor Setar: Insaniah.

Faisal Ahmad Shah (2010), *Takhrij Hadith, Teknik Pencarian Hadith Yang Tepat Dan Berkesan*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, APIUM.

Fauzi Hashim (t.t.), Panduan Keselamatan Wordpress, t.tp: t.pt., h. 3.

Ismail Yusuf (2011), Laman Web Hadith Dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Diskriptif dalam Fauzi Deraman et. al (ed.), *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith.

Kamus Dewan (2002), Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, c. 7.

\_\_\_\_\_ (2002), Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

M. Hasbi al-Siddiqi (2000), *Sejarah Perkembangan Hadith dan Tokoh-tokoh Utama Dalam Bidang Hadith*, Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.

M. Syuhudi Isma'il (1989), *Kaedah Kesahihan Sanad Hadith: Telaah Kritis dan Tinjauan Dengan Pendekatan Ilmu Sejarah*, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.

Makhdzir Mardan (2000) , Mendaki Zaman Perubahan Yang Berterusan dalam Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh (ed.), *Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat Dan Komunikasi*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Mannā' Khalīl al-Qaṭṭān (2006), *Mabāhith fī 'Ulūm al-Hadīth*, Abu Ezzat al-Mubarak (terj.), Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd, c. 1.

Mohd. Noor Habibi Hj. Long et al. (2001), Dakwah Dan Internet Dalam Era Ledakan Maklumat dalam Sharifah Azizah Sahil Jamalullail (ed.), *Teknologi Maklumat Dan Komunikasi: Harapan, Cabaran Dan Barakah*, Alor Setar: Insaniah.

Muhammad Muṣṭafā ‘Azamī (1988), Pengkajian Hadith: Kaedah dan Persuratan, Zainal Azam Abd. Rahman (terj.), Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Prof. Dr. KH. Ali Mustafa Yaqub M.A. (2008), *Hadith-Hadith Bermasalah*, Jakarta: Pustaka Firdaus, h. 7.

Qurrotul Aien Bt Fatah Yasin (2006), *Ilmu Mustolah Hadith*, Kuala Lumpur: ISP Shabab Trading.

Shaikh Mohd Saifuddeen (1994), "Merombak Dan Membentuk Imej Islam Dengan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT)" dalam Shaharir Mohamad Zain (ed.), *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Sains dan Teknologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, c. 4.

Şubḥī al-Ṣāliḥ (2007), *'Ulūm al-Hadīth wa Muṣṭalāḥuhu*, Tim Pustakan Firdaus (terj.), Jakarta: Pustakan Firdaus.

Syed Ardi Bin Syed Yahya Kamal et al. (t.t.), *Pembelajaran Masa Depan - Mobile Learning (M-Learning) Di Malaysia*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

## **Buku Berbahasa Inggeris**

- Chris Snyder (2010), *Pro PHP Security: From Application Security Principles to the Implementation*, New York: Apress.
- Eric Maiwald (2003), *Network security: a beginner's guide*, California: McGraw-Hill, c. 3.
- Greenlaw, Raymond dan Hepp, Ellen (2002), *In-line/On-line: Fundamentals of The Internet and The World Wide Web*, United States: McGraw Hill.
- Hagen Graf (2011), *Joomla! 1.6 Beginner Guides*, t.tp: t.pt.
- Janet Valade (2008), PHP and MySQL Web Development, Indianapolis: Wiley Publishing, c. 3.
- Jason Lengstorf (2009), *PHP For Absolute Beginners*, New York: Apress.
- Jennifer Marriott et.al (2011), *The Official Joomla Book*, Boston: Pearsan Education.
- John K. VanDyk (2008), *Pro Drupal Development*, Amerika: Apress, c. 2.
- Mark Ciampa (2009), *Security+Guide to Network Security Fundamentals*, Canada: Cengage Learning, c. 3.
- Muhammad Muṣṭafā ‘Azamī (1997), *Studies In Hadith Methodology and Literature*, Meth Kieraha (terj.), Jakarta: Penerbit Lentera.
- Richard Pike (2009), *Joomla Website Security Checklist*, t.tp: t.pt.
- Stendy b. Sakur (2004), *Aplikasi Web Database dengan Dreamweaver MX*, Yogyakarta: Andi Offset.
- Steve White (2006), *The Official Joomla! User Manual*, t.tp: t.pt., v. 1.0.1.
- Tim Converse (2004), *PHP5 and MySQL bible*, United States: Wiley Publishing.
- Vikram Vaswani (2004), *MySQL: The Complete Reference*, United Stated: The McGraw-Hill.

## **Laporan**

- Roszelinda Binti Khalid (2010), “Pengenalan Kepada Ancaman Keselamatan ICT Terhadap Laman Web dan Langkah-langkah Pencegahan” [Laporan Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan, Pengurusan Malaysia (MAMPU), 20 Oktober 2010].

## **Prosiding Seminar**

Adnan Mohamed Yusoff & Zulhilmin Mohamed Nor (2007), *Takhrij al-Hadith di Era ICT: Tinjauan Terhadap Web al-Durar al-Saniyyah*, Prosiding Seminar Warisan Nabawi: Sunnah Aplikasi dan Cabaran Semasa, Robiatul Adawiyah, et al. (eds.), Kuala Lumpur: Julai 11-12.

## **Kertas Kerja Seminar**

Ishak bin Sulaiman & Faisal Ahmad Shah (2007), “Pencarian Hadith Melalui Laman Web Hadith: <http://www.dorar.net>” (Kertas Kerja Seminar Klinik Takhrij Hadith, Akademi Pengajian Islam di Universiti Malaya, 30 Mac).

Mohammed Rafee b. Yusoff, et al. (1997), “Maklumat dan Perkembangan Islam Melalui Internet II” (Kertas Kerja Seminar Cabaran Teknologi Maklumat Dan Internet: Agenda Umat Islam di Kuala Lumpur, 25-26 Mac 1997).

Mohd Khafidz Soroni (2008), “Material Hadith Berbahasa Melayu di Internet: Perkembangan dan Visi Masa Depan” (Kertas kerja Seminar Warisan al-Quran dan al-Hadith Nusantara di Kuala Lumpur, 27-28 Ogos 2008).

Muhammad Uthman el-Muhammady (1997), “Maklumat dan Perkembangan Islam Melalui Internet I” (Kertas Kerja Seminar Cabaran Teknologi Maklumat Dan Internet: Agenda Umat Islam di Kuala Lumpur, 25-26 Mac 1997).

Salmān b. ‘Alī (2003), “Amn al-Ma‘lūmāt fī Ḥaw’ al-Tatawwur al-Taqnī wa al-Ma‘lūmātī al-Ḥadīth” (Kertas kerja dibentangkan di dalam al-Mu’tamar al-‘Alamī al-Awwal Ḥawl al-Jawānib al-Qanūniyyah wa al-Amāniyyah li al-‘Amaliyyāt al-Iliktrūnik di Dubai, 26-28 April 2003).

Saravanan Kulanthaivelu (2010), “Anda Dan Keselamatan ICT” (Kertas Kerja Seminar Ancaman Siber Masa Kini di Cyberjaya, 26 Januari 2010).

Syed Najihuddin Bin Syed Hassan, et al. (2009), “Persepsi Pensyarah Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah Usim Terhadap Penggunaan Laman Web Al-Durar Al-Saniyyah Dalam Mentakhrijkan Hadith” (Kertas Kerja Seminar Takhrij Hadith Nusantara: Realiti dan Keperluan Dalam Masyarakat di Universiti Malaya, 30-31 September 2009).

Tengku Zarina Tengku Puji (2001), “Tinjauan Beberapa Penyelewengan Dalam Tafsiran al-Quran Oleh Golongan Anti Hadith di Internet” (Kertas Kerja Seminar Warisan al-Quran Peringkat Kebangsaan di Pulau Pinang, 24-25 Oktober 2011).

Untung Margono Muhadi (2009), “Keistimewaan Maktabah Syamilah Dalam Mentakhrij Hadis” (Kertas Kerja Seminar Takhrij Hadith Nusantara: Realiti Dan Keperluan Dalam Masyarakat di UM Kuala Lumpur, 30-31 Disember 2009).

Akhbar Harian

Al-Sharq al-Riyādī, Februari 1, 2010:7 “*Menteri Wakaf Ambil Alih Mawsū‘ah fi al-Hadīth al-Nabawī*”.

Berita Harian , Mac 27, 2011:35 “*Salafussoleh Hafal, Sebar Luaskan Hadith*”.

Harian Metro, Informasi Elektif, Julai 31, 2011:4-5 “Rugi RM64 Juta Kerana Jenayah Siber”.

Harian Metro, Variasi, Jun 22, 2011:2-3, "Sebilangan Penggodam Dikenal Pasti".

Berita

Berita Utama TV 3, Bahaya Penggodam, 25 Mei 2011.

Laman Web

<sup>1</sup> ‘Abd al-Laṭīf li al-Ma‘lūmah,  
<http://www.afi-soft.com/Islamic.htm>, [15 Julai 2011].

Ahl al-*Hadīth* wa al-*Athār*,  
<http://www.alathar.net/home/ebook/> index.php?op=shca&catid=3, [14 Julai 2011].

al-Aḥādīth al-Nabawiyyah al-Syarīf,  
<http://www.islam2all.com/hadeeth/mo.htm>, [25 Januari 2011].

Al-Ahkam.Net,  
<http://al-ahkam.net/home>, [26 Januari 2011].

Al-Alukah al-Majlis al-'Ilmi,  
http://majles.alukah.net/showthread.php?6976- [3 Mac  
ماهی-أفضل طبعة لصحیح البخاری- 2012].

Al-Ariss,  
<http://www.elariss.com/about.php?about=abouten>, [29 Januari 2011].

Al-Diyari,  
<http://www.ad-diyari.com/>, [26 Januari 2011].

Al-Durar al-Saniyyah,  
<http://www.dorar.net>.

Al-Fikrah: al-Firqah al-Nājiyah,  
<http://al-fikrah.net>, [26 Januari 2011].

Al-Hadith: Web Terjemahan Hadith-hadith Sahih dan Terjemahan Berbahasa Melayu, <http://www.freewebs.com/alhadith/index.htm>, [26 Januari 2011].

Al-Jāmi‘ al-Ḥadīth al-Nabawī,  
<http://www.sonnaonline.com/SearchSarfi.aspx>, [25 Julai 2011].

al-Kifāyah,  
<http://www.alkefayah.com/catplay.php?catsmktba=420>, [14 Julai 2011].

al-Majlis al-A‘lā li al-Ittiṣālāt wa Tiknūlūjiyyāt al-Ma‘lūmāt,  
<http://www.Ict.Qatar.qa/ar>, [6 Ogos 2011].

al-Maktabah al-Syamilah,  
<http://shamela.ws/>, [14 Julai 2011].

al-Maktabah al-Waqfeyah,  
<http://www.waqfeya.com/>, [14 Julai 2011].

Al-Mawsū‘ah al-Syāmilah,  
<http://www.islamport.com>, [25 Januari 2011].

al-Meshkat,  
<http://www.almeshkat.net/books/>, [14 Julai 2011].

al-Muḥaddith,  
[http://www.muhaddith.org/a\\_hadith.html](http://www.muhaddith.org/a_hadith.html), [14 Julai 2011].

Al-Muḥaddith: al-Maktabah al-Islāmiyyah wa Barāmijuha,  
[http://www.muhaddith.org/a\\_index.html](http://www.muhaddith.org/a_index.html), [25 Januari 2011].

AmadSoft,  
[http://www.amadsoft.com/about\\_us.jsp](http://www.amadsoft.com/about_us.jsp), [2 Januari 2011].

Ana Muslimah,  
<http://www.muslmh.com/vb/t74617.html>, [14 Julai 2011].

Antivirus Wordpress,  
<http://wpantivirus.com/>, [27 April 2011].

Apple Store,  
<http://store.apple.com/us>, [27 Disember 2010].

Arabia For Information Technology,  
<http://www.eng.arabia-it.com/SF/CompanyProfile/Static/ArabiaWord.aspx?Menu=1>,  
[29 Januari 2011].

Bulūgh al-Maram min Adillah al-Āḥkām,  
<http://thepeace08-bulughulmaram.blogspot.com/>, [21 Disember 2010].

Butterscotch,  
<http://www.butterscotch.com/preview/866799/IHadith-Pro-In-Arabic>, [2 Januari 2011]

Darul Kauthar,  
<http://www.darulkautsar.net>, [26 Januari 2011].

Drupal,  
<http://drupal.org/> security, [23 Jun 2011].

Fā’idah li Ḥulūl al-Jawwāl,  
[http://forums.benefit-ms.com/downloads.php?view=detail&df\\_id=1769](http://forums.benefit-ms.com/downloads.php?view=detail&df_id=1769), [21 Disember 2010].

Faculty Of Industrial Information Technology,  
<http://fiit.unisel.edu.my/fiit/index.php?option=comcontent&task=view&id=83&Itemid=109>, [23 Disember 2010].

Getjar,  
<http://www.getjar.com/>, [24 Disember 2010].

Hadīth Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,  
<http://hadits-albukhari.blogspot.com/>, [21 Disember 2010].

Harf Shop,  
<http://shop.harf.com/PL/Visitor/Info/AboutUs.aspx>, [29 Januari 2011].

iDuaa,  
<http://www.ihadith.com/home>, [22 Disember 2010].

Institut Tanah Dan Ukur Negara, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar,  
[http://www.instun.gov.my/index.php?Option=com\\_docman&task=doc\\_download&gid=219&Itemid=&lang=bn](http://www.instun.gov.my/index.php?Option=com_docman&task=doc_download&gid=219&Itemid=&lang=bn), [27 Januari 2011].

iPhone For Islam,  
<http://iphon e4islam.com/about>, [31 Mac 2011].

iPhone Islam,  
<http://www.iphoneislam.com/contactus>, [22 Julai 2011].

Islam to all,  
<http://www.islam2 all.com/hadeeth/alboukhari/index.php>, [14 Julai 2011].

Islam.inhadlearning.com,  
<http://islam.inhadlearning.com/2008/11/terjemah-bukhari-muslim-bab-haji>, [24 Disember 2010].

Islamweb,  
<http://www.islamweb.net>.

iTunes Preview,  
<http://itunes.apple.com/us/>, [15 Februari 2011].

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, E-Hadith: Senarai Hadith,  
<http://www.islam.gov.my/e-hadith>, [26 Januari 2011].

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Mastika Hadith,  
<http://www.islam.gov.my/mastika-hadith-0>, [26 Januari 2011].

Joomla! Discussion Forums,  
<http://forum.joomla.org/index.php/topic>, [7 April 2011].

Joomla,  
<http://www.joomla.org/about-joomla.html>, [27 April 2011].

Keselamatan Website Joomla,  
<http://www.joomla-my.org/forum/index.php/topic,695.0.html>, [27 April 2011].

Kutub Takhrij al-Hadith al-Nabawi al-Syarif li al-Saykh Nasir al-Din al-Albani,  
[http://islamicweb.com/ara\\_bic/books/albani.asp](http://islamicweb.com/ara_bic/books/albani.asp), [25 Januari 2011].

Lidwa Pusaka,  
<http://lidwa.com/app/>, [25 Disember 2010].

Love Islam,  
<http://zlich.wordpress.com/2011/02/09/maktabah-syamilah-for-smartphone>,  
[22 Julai 2011].

Macworld,  
<http://www.macworld.com/>, [22 Disember 2010].

Majalah al-Sunnah,  
<http://www.almanhaj.or.id/>, [26 Januari 2011].

Masyrū‘ al-Muhaddith: Muharrik al-Bahth,  
[http://www.muhaddith.org/cgibin/a\\_Optns.exe](http://www.muhaddith.org/cgibin/a_Optns.exe), [26 Januari 2011].

Mawqi‘ Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah,  
[http://www.sunna.info/Lessons/cat\\_35.html](http://www.sunna.info/Lessons/cat_35.html), [25 Januari 2011].

Māwqi‘ al-Islām,  
<http://hadith.al-islam.com/Loader.aspx?pageid=261>, [25 Januari 2011].

Mawqi‘ al-Šūtiyyāt,  
<http://aleman-lidfa-aledman.net/voiceS/ppo7.htm>, [[14 Julai 2011].  
MicroSysNet, <http://www.microsysnet.com/index.html>, [6 Ogos 2011].

Mind Power,  
[http://arabic.mindxpower.com/index.php?option=com\\_content&view=article&id=2&Itemid=6](http://arabic.mindxpower.com/index.php?option=com_content&view=article&id=2&Itemid=6), [22 Julai 2011].

Ministry of Communications and Information Technology,  
[http://ar/MediaPressSer\\_Details.aspx?ID=1818&TypeID=3](http://ar/MediaPressSer_Details.aspx?ID=1818&TypeID=3), [6 Ogos 2011].

Mobile 9,  
<http://gallery.mobile9.com>, [21 Disember 2010].

Multaqā Ahl al-Hadīth,  
<http://ahlalhdeeth.com>, [25 Januari 2011].

Muntadā al-Ma‘ālī,  
<http://forum.ma3ali.net/t86224.html>, [25 Januari 2011].

Muntadiyāt Qasimi net,  
<http://www.qassimy.com/vb/showthread.php?t=63971>, [25 Januari 2011].

Muntadiyāt Ṭariq al-Haqīqah,  
<http://www.factway.net/vb/t3539.html>, [25 Januari 2011].

My Maktabati,  
<http://www.mymaktabaty.com/>, [26 Januari 2011].

My Masjid,  
<http://www.mymasjid.net.my/sahih-muslim/>, [21 Disember 2010].

*Naṣm al-Ma‘lumātiyyah al-Hadīthah*,  
<http://www.mis-soft.com/>, [15 Februari 2011].

Nidā’ al-Imān,  
<http://www.al-eman.com/hadeeth>, [25 Januari 2011].

Pertubuhan Kebajikan al-Nidaa’ Malaysia,  
<http://www.al-nidaa.com.my>, [26 Januari 2011].

PhpMyAdmin,  
[http://www.phpmyadmin.net/home\\_page/](http://www.phpmyadmin.net/home_page/), [20 Julai 2011].

Qatar Data Center,  
<http://www.qatardatacenter.com/>, [6 Ogos 2011].

Qatar Telecom,  
<http://www.qtel.qa/QODPPortal/> portal/consumerhome, [6 Ogos 2011].

Ṣaḥīḥ al-Bukhārī,  
<http://islam.aljayyash.net/alboukhary/>, [14 Julai 2011].

Ṣayd al-Fawā’id,  
<http://www.saaid.net/mktarat/alalm/63.htm>, [3 Mac 2012]

Shamela Library,  
<http://pesona-islam.com>, [22 Disember 2010].

Syabkah al-Faṣīḥ,  
<http://www.alfaseeh.com/vb/showthread.php?38888>, [25 Januari 2011].

Syabkah al-Sunnah al-Nabawiyyah wa ‘Ulūmihā,  
<http://www.alssunnah.com/main/Default.aspx>, [25 Januari 2011].

Taqneyat Group,  
<http://www.asgatechshop.com/tqneat/>, [2 Januari 2011].

TkXel Technology Accelerated,  
<http://www.tkxel.com>, [2 Januari 2010].

Turath Center of Program,  
<http://www.turath.com/en/>, [29 Januari 2011].

Wikipedia,  
[http://en.wikipedia.org/wiki/Portable\\_Document\\_Format](http://en.wikipedia.org/wiki/Portable_Document_Format), ‘Portable Document Format’ [13 Disember 2010].

Wikipedia,  
<http://id.wikipedia.org/wiki/Software> ‘Perangkat Lunak’, [13 Disember 2010].

Wikipedia,  
<http://ms.wikipedia.org/wiki/E-buku>, ‘E-Buku’ [13 Disember 2010].

Wordpress.org,  
<http://wordpress.org/extend/plugins/secure-wordpress/>, ‘Plugin Directory’ [27 April 2011].

Yufid Project,  
<http://yufid.org/project/an-nawawis-forty-hadiths-for-iphone-and-ipod-touch/>, [31 Mac 2011].